

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

Bil. 37

Selasa

12 November 2013

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014 (Halaman 32)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)

Usul Anggaran Pembangunan 2014 (Halaman 32)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 12 November 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengurangkan bebanan para guru dalam kerja-kerja perkeranian, sebagai contohnya sistem APDM (Aplikasi Pangkalan Data Murid) yang memerlukan para guru mengisi maklumat-maklumat murid.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari beban kerja bukan pengajaran termasuklah perkeranian boleh menjadikan kualiti pengajaran dan pembelajaran para guru. Sehubungan dengan itu pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk membantu mengurangkan beban tugas yang dihadapi oleh guru. Antara langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) pada bulan Mac 2010 dan sehingga kini telah dan sedang melaksanakan kesemua 28 perakuan bagi menangani isu beban tugas guru;
- (ii) menjalankan kajian Pemantapan Profesional Guru (PPG) yang melibatkan penempatan dan pelaksanaan rintis seramai 313 orang Pembantu Tadbir Perkeranian Operasi Gred N17 di setiap sekolah di Melaka mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013;
- (iii) menggerakkan seramai 100 Juruteknik Komputer Gred FT17 ke seluruh sekolah di Melaka untuk membantu Guru Penyelaras Bestari bagi tujuan melaksanakan tugas yang tidak membabitkan pembelajaran dan pengajaran atau pun P&P;
- (iv) melaksanakan penempatan tambahan seorang Pembantu Tadbir Perkeranian Operasi Gred N17 di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

2013-2025 bagi mengurangkan beban tugas guru di negeri Kedah dan Sabah secara kontrak Pekerja Sambilan Harian (PSH) mulai 17 Jun 2013 hingga 31 Jun 2013 dengan lantikan seramai 634 orang PT N17 di negeri Kedah dan 814 - PT N17 di negeri Sabah; dan

- (v) melaksanakan pengintegrasian data untuk mengelakkan pertindihan pengisian data di peringkat sekolah dengan menggunakan satu sistem sahaja yang dinamakan Sistem Pengurusan Sekolah.

Pada masa yang sama, pendekatan serampang dua mata juga diaplikasikan oleh kerajaan iaitu melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di mana Kementerian Pendidikan Malaysia dengan diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperluaskan skop kajian bagi tujuan mengurangkan beban tugas guru yang melibatkan empat lapangan kajian iaitu:

- (i) beban tugas guru;
- (ii) ketidaksepadanan opsyen guru;
- (iii) saiz kelas yang ideal; dan
- (iv) pertindihan pangkalan data.

Dapatkan awal kajian berserta cadangan daripada empat lapangan ini akan dibentangkan dalam NBOS Summit yang akan diadakan pada 20 November 2013 bagi mendapatkan pandangan dan arahan selanjutnya dalam usaha mengurangkan beban tugas guru secara holistik dan efektif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan panjang lebar berhubung dengan perkara ini.

Saya ingin menanya mengenai kesan kepada setiap pelaksanaan sesuatu sistem atau tambahan kerja kepada guru kerana kita dapati bahawa banyak menimbulkan kesan negatif setelah ianya diperkenalkan kepada guru. Sepatutnya Kementerian Pendidikan membuat satu kajian yang terperinci supaya setiap kelemahan ini dapat ditangani sebelum sesuatu sistem itu dilaksanakan. Kita tengok sekarang ini guru-guru dibebankan dengan *work load* yang begitu banyak. Seperti mana kita tahu, mereka menghadapi masalah kerana *server* terlalu kecil sehingga menyebabkan guru terpaksa bangun pagi dan sebagainya. Seperti mana yang kita tahu, ini merupakan satu masalah yang besar yang menyebabkan guru-guru menjadi *tension* dan mereka tidak dapat menjalankan kerja sebagai guru. Sebaliknya, menumpukan kepada kerja-kerja yang saya katakan tadi sehingga menjelaskan prestasi guru, prestasi murid-murid dan sebagainya.

Sepatutnya kementerian mengambil iktibar daripada apa yang berlaku kepada pelaksanaan PPSMI dahulu. Apabila dilaksanakan, duit banyak dibelanjakan tetapi kesannya tidaklah sebanyak mana dan akhirnya kita terpaksa mansuhkan sistem itu. Jadi, saya haraplah pada hari ini supaya kementerian mengambil berat mengenai pelaksanaan supaya sebelum sesuatu perkara hendak dilaksanakan, mestilah diambil kira semua kesannya. Janganlah selepas berlaku berbangkit masalah-masalah, barulah kita membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah seperti mana sekarang ini.

**■1010**

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap guru-guru. Seperti mana dalam kementerian juga, kita sentiasa akan memastikan bahawa tanggungjawab guru ini, kita sedar bahawa tanggungjawab guru ini bukan sahaja semata-mata untuk mengajar, tetapi untuk membimbing anak murid. Di kementerian kita akan melakukan apa sahaja, dalam bidang kuasa kami untuk memastikan bahawa guru-guru ini kita akan jaga kerana mereka merupakan harta yang begitu bernilai bagi kementerian. Kita tidak akan sama sekali akan membebankan tanggungjawab guru tetapi kita akan cuba mengurangkan beban. Dalam kajian, yang terperinci kita telah melihat terdapat 28 perakuan yang mana kita dapati ini adalah isu-isu contoh tugas rencam. Contoh persekitaran kerja dan kebijakan guru, penyelenggaraan ICT, semua ini kita telah mendapat tahu apabila kita membuat kajian ini dan secara terperinci kita melihat penyelesaian satu demi satu.

Untuk memudahkan ini, untuk memudahkan semua ini maka kita telah mewujudkan satu Sistem Pengurusan Sekolah dan kita sedar bahawa dalam proses kita untuk melaksanakan sistem ini, hanya seorang sahaja dapat membantu kita iaitu guru dan untuk memastikan guru ini tidak terbeban dengan tanggungjawab ini maka seperti mana yang telah saya katakan sebentar tadi, kita telah mewujudkan dua perjawatan. Seorang untuk tanggungjawab juruteknik komputer yang akan menjaga hal ehwal komputer, *software* dan *hardware*. Seorang lagi untuk pembantu tadbir, secara rintis telah kita laksanakan dan nampak kejayaan.

Semua ini akan kita bentangkan dalam Persidangan NBOS yang akan diadakan 20 November ini, dan setelah pembentangan ini dilakukan kita akan membuat satu lagi cadangan bagaimana untuk lebih mengurangkan beban-beban ini. Saya pasti, saya pasti semua di kementerian Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pendidikan 2, Timbalan Menteri Pendidikan 1, semua termasuk KSU-KSU, semua pengarah-pengarah, kita komited untuk meringankan beban guru-guru ini.

Jangan khuatir tapi apa yang kita perlu ialah kerjasama daripada semua guru-guru. Masalah ini akan wujud, dari masa ke masa kita sedar masalah akan wujud tetapi percayalah bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus mencari mana-mana ruang yang ada untuk meringankan beban ini dan saya pasti semua sistem buat masa ini, kita ada 28 sistem Tuan Yang di-Pertua, aplikasi untuk guru-guru, untuk input murid-murid dan sebagainya, 28 aplikasi. Dan kita hendak buat 28 aplikasi ini kepada satu sistem iaitu Sistem Pengurusan Sekolah.

Kita jangka dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia gelombang pertama 2013 sehingga 2015, kita hendak selesaikan semua masalah ini. Untuk penyelesaian ini kita akan memastikan guru-guru akan kita dahulukan supaya beban mereka akan kita cuba kurangkan seberapa banyak yang boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan yang komited untuk meringankan beban guru. Persoalan saya ialah, bolehkah kementerian memberi penjelasan,

berapakah statistik guru yang telah meletakkan jawatan setakat ini kerana tidak tahan dengan bebanan kerja atau *stress* dan sejauh mana kajian dan pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian berkaitan dengan beban guru terhadap pelaksanaan Dasar PBS yang banyak mendapat rungutan daripada guru. Di antara beban guru ialah apabila kedudukan yang jauh antara suami dan isteri, apakah polisi mesra keluarga yang akan dilaksanakan dalam pelaksanaan untuk meringankan beban guru? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Statistik letak jawatan terhadap ini, saya mohon maaf tidak ada jawapan sekarang kerana soalannya soalan lain. Permintaannya permintaan lain tetapi saya akan berkongsi maklumat ini kepada Yang Berhormat kemudian. Tentang PBS saya ada jawapan tetapi saya tidak hendak kecewakan sahabat saya Yang Berhormat daripada Temerloh kerana jawapannya pun, soalannya pun berasaskan kepada ini. Saya akan jawab kemudian, sekiranya ada ruang. So, di atas jawapan keperluan statistik, saya akan maklum kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menganggap bahawa guru ini harta kerajaan, harta kita, harta rakyat kerana saya sudah beberapa kali kata generasi di Malaysia ini kalau tidak ada ilmu dia miskin, dia ada ilmu baru dia boleh kaya, boleh cukup makan. Kita memang *appreciate* apa dialu-alukan, yang diuar-uarkan oleh kementerian tetapi masalahnya waktu PPSMI dahulu, guru-guru mengajar bahasa Inggeris yang tidak faham bahasa Inggeris melalui komputer. Saya khawatir Jawatankuasa Khas ini nanti ada juruteknik yang dikatakan komputer. Saya mahu tahu juruteknik komputer ini betul-betul mahir menggunakan IT atau nanti macam PPSMI juga, kita gagal. Jadi persoalannya, Jawatankuasa Teknik Komputer ini betul-betul mahir atau hanya dia mengisi kekosongan sahaja? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Saya juga sedar Yang Berhormat sentiasa memberi kerjasama kepada kementerian dengan memberi input-input yang berkesan kepada kita untuk melaksanakan tanggungjawab kita, terima kasih Yang Berhormat.

Di atas soalan sama ada juruteknik komputer ini mencukupi syarat dan memahami kerja mereka, itu wajib. Syarat pertama selain daripada keperluan-keperluan biasa, kita juga memastikan mereka mempunyai keperluan kelayakan yang mencukupi daripada institusi-institusi yang diiktirafkan. Maka, apabila mereka duduk di jawatan tersebut, mereka mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk membantu. Tanggungjawab mereka fokus, mereka tidak mengajar, mereka tidak masuk data, kerja mereka untuk memastikan sistem komputer yang berada dalam sekolah itu dalam keadaan baik yang boleh dipakai guna. Itu hasrat kita dan kita akan teruskan.

Dan saya setuju, tiada ilmu kita miskin. Saya teringat, seorang sasterawan India, yang bernama Thiruvalluvar, beliau mengatakan dalam ayat 400 buku Thirukkural, yang mana pendidikanlah menjadi harta yang begitu besar, wang benda perkara yang kedua. Yang paling penting pendidikan dan kita komited untuk memastikan rakyat Malaysia berilmu supaya kita dapat

bukan sahaja menjadi negara maju dalam 2020 tetapi sebuah negara yang berjaya dalam bidang pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat , terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah kementerian melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LTKN) sudah mempunyai suatu pelan induk (*master plan*) yang komprehensif untuk merancang supaya tanaman kenaf benar-benar menjadi gantian kepada tanaman tembakau, termasuk mengambil kira pendapatan petani-petani agar tidak terjejas.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]:**

Kota Bharunya lawa. Kalau di Sarawak lawa itu lain ya? Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara adalah dalam proses merangka Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf Negara. Matlamat PIP ini adalah untuk menggariskan hala tuju industri kenaf sehingga tahun 2025.

Dengan PIPK, pembangunan industri kenaf dapat dilaksanakan secara tersusun dan terancang agar industri ini menjadi lebih kompetitif, berdaya maju dan mampan serta menyumbang kepada nilai tambah yang lebih tinggi. Dengan itu, industri kenaf mampu meningkatkan pendapatan petani-petani. Harapan kerajaan adalah supaya tanaman kenaf ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai tanaman komoditi baru dan sebagai sumber pertumbuhan baru di samping lain-lain komoditi seperti getah, sawit, koko dan sebagainya. Terima kasih.

**■1020**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Pertamanya, saya agak kurang berpuas kerana seperti yang dinyatakan tadi, *master plan* untuk penanaman kenaf ini masih dalam proses, belum siap lagi.

Soalan tambahan saya, langkah kerajaan menjadikan tanaman kenaf ini sebagai tanaman alternatif kepada tembakau, bagi saya adalah amat baik terutamanya dalam usaha kita mengurangkan tabiat dan juga ketajihan merokok di negara kita ini. Akan tetapi hakikat yang kita terpaksa hadapi ialah, bagaimana terjejasnya pendapatan petani-petani kenaf yang dahulunya adalah petani-petani menanam tembakau di negara kita ini yang mana pada masa itu tembakau merupakan pendapatan utama mereka tetapi apabila mereka beralih kepada kenaf, pendapatan mereka terjejas. Jadi saya ingin tahu, sejauh manakah terjejasnya pendapatan golongan petani ini dan apakah langkah kerajaan untuk meremedikan kehilangan pendapatan mereka ini?

Keduanya, saya difahamkan bahawa pengilang-pengilang- ini di peringkat pengilang-pengilang untuk kenaf ini mereka mengatakan bahawa teknologi pengeluaran dan pemprosesan kenaf adalah berbeza-beza mengikut apakah produk akhir, *final product* yang hendak dikeluarkan oleh kilang itu. Umpamanya, teknologi penanaman, penuaian dan pemprosesan untuk mengeluarkan produk biokomposit adalah berbeza dengan teknologi yang digunakan untuk menghasilkan produk berdasarkan *fiber*. Jadi soalan saya, saya ingin tahu, adakah Lembaga Kenaf

dan Tembakau Negara ini telah berjaya menghasilkan satu pakej teknologi dan sistem yang sesuai untuk pelbagai produk yang diperlukan oleh para pengilang?

Terakhir saya hendak tahu, berapakah jumlah kawasan penanaman kenaf di negeri-negeri Pantai Timur pada tahun 2013? Ini kerana mengikut Ketua Pengarah LKTN, sasaran untuk tahun 2013, 2,500 hektar dan tahun 2015 adalah 5,000 hektar. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat mengatakan beliau tidak berpuas hati dengan jawapan tetapi itulah jawapan yang saya dapat berikan kerana memang betul, iaitu kajian untuk menyediakan Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf ini sedang dijalankan. Itulah jawapan yang tepat dan saya tidak boleh beri jawapan yang lebih dari itu. Akan tetapi kita berharap agar pelan ini akan dapat siap penghujung tahun ini. Dengan itu, kita dapat melaksanakannya pada tahun hadapan dan terus kepada tahun 2025.

Mengenai soalan yang kedua, memang kerajaan sedar apabila kita terpaksa menukar tanaman kenaf dengan tembakau ataupun memberhentikan tanaman tembakau di negara ini. Kita sedar bahawa pendapatan petani-petani ini juga akan terjejas. Maka, dengan kesedaran itu kerajaan memang mengadakan program-program. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 15,000 penanam-penanam di seluruh negara, sebahagian besar hampir 90% lebih mereka ini telah pun mengambil bahagian dalam penanaman-penanaman lain seperti sawit, getah dan sebagainya. Inilah cara mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka untuk menggantikan kehilangan pendapatan daripada tembakau.

Sekarang cuma tinggal 1,200 petani yang masih dalam bimbingan oleh Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara yang mana mereka perlu dibantu untuk mendapat punca pendapatan yang baru supaya apa-apa kehilangan pendapatan itu dapat digantikan. Kita nampak kejayaan dan oleh yang demikian, maka mungkin hujung tahun ini mereka juga akan terkeluar dari golongan yang perlu dibimbing. Ini bermakna usaha untuk menentukan pendapatan mereka ini memang sebagai satu keutamaan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Mengenai teknologi yang berbeza-beza, inilah antara sebabnya mengapa kerajaan memikirkan perlu untuk mengadakan PIPK ini. Ini kerana industri kenaf berhadapan dengan pelbagai masalah misalnya untuk memilih kawasan-kawasan tanaman yang sesuai dan boleh juga memberikan pulangan yang lebih baik daripada tanaman-tanaman lain seperti getah, sawit dan sebagainya. Ini kerana kita tidak boleh memaksa seorang petani untuk menanam kenaf kalau pendapatannya, pulangannya tidak sama dengan tanaman-tanaman yang lain.

Begitu juga kita sedang merangka mengenai pasaran-pasaran yang dapat kena daripada segi potensinya memang potensi produk-produk keluaran kenaf ini mempunyai potensi yang besar. Mula-mula dahulu kita memang merancang bahawa ianya adalah untuk makanan-makanan ternakan tetapi selepas itu, selepas diketahui bahawa banyak produk daripada komposit kenaf ini dapat digunakan oleh pelbagai produk *downstream*. Maka, kita menghadapi pelbagai isu. Oleh itu, PIPK dirangka. Dengan siapnya PIPK itu nanti kita berharap bahawa segala masalah yang dihadapi sekarang dapat kita atur dengan tersusun, cabaran-cabarannya itu dapat kita hadapi supaya kita dapat menentukan bahawa kenaf akan menjadi satu komoditi di antara komoditi yang dapat

memberikan pulangan yang baik kepada pekebun-pekebun kita di seluruh negara. Untuk jumlah tanaman, saya tidak ada angka di sini. Saya akan beri dengan Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang sungguh hebat, bukan macam Yang Berhormat Kota Bharu dia memang tidak berpuas hati Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Selalu tidak berpuas hati. Jadi saya rasa jawapan itu amat baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ini Lembaga *[Disampuk] [Ketawa]* Tembakau, Kenaf, alternatifnya mereka tanam kenaf. Di Sabah, *in particularlah*, dengan izin, di Ranau ini memang tanaman tembakau ini, memang dari dahulu kita belum lahir sudah ada rakyat-rakyat sudah menanam tembakau. Menanam tembakau, sigup lah. Jadi mereka ini selalu buat sigup, curut. Jadi saya mahu tahu daripada pihak kementerian, berapa jumlah wang yang kita pakai untuk mengimport curut-curut daripada *Habana Club*. *[Disampuk]*, Cuba dan negeri-negeri? Jadi, kenapa kita masih import curut-curut yang begitu mahal sedangkan curut di Ranau ini lebih baik. *[Dewan riuh]* Lebih baik.

Jadi kenapa pihak kementerian tidak memperkasakan, mempromotekan curut tempatan ini? Saya nampak gabenor semua yang orang nama-nama ini pun hisap curut. Jadi, minta penjelasan daripada pihak kementerian, kenapa kita tidak perkasakan kita punya pasaran curut ini kepada negara lain? *[Ketawa]*

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat dari Putatan. Beliau adalah seorang penghisap curut ini tadi, ya?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Melambai tangan memberi isyarat tidak]*

**Dato Sri Douglas Uggah Embas:** *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kerajaan membuat keputusan untuk tidak mengelakkan tanaman tembakau, ini adalah disebabkan satu keputusan di ASEAN yang mana kita sekarang tidak boleh melindungi satu tanaman tembakau. Oleh tentang demikian, maka persaingan kita dengan negara-negara lain, kos kita lebih tinggi. Oleh sebab itu kita terpaksa untuk mencari tanaman-tanaman lain untuk membantu petani-petani kita supaya ia mendapat pendapatan yang lebih baik kerana kalau dia tidak dapat menjual tembakau ini, itu yang menjadi masalah.

Akan tetapi bagi curut di Ranau tadi, ini satu perkara yang baru yang dikemukakan kepada saya. Saya akan meneliti perkara ini tetapi curut ini juga akan menghadapi masalah persaingan daripada industri-industri di rantau ini. Bagi angka yang dimohon tadi, jumlah import saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormatlah. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak kementerian bercadang menambah bilangan Rumah Mampu Milik yang akan dibina menerusi Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) memandangkan pihak kementerian telah menerima 250,000 permohonan pada fasa pertama, sedangkan jumlah yang dicadangkan adalah 500,000 unit rumah sehingga ke tahun 2018.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, secara rasminya saya ingin memaklumkan bahawa PR1MA beroperasi mulai awal tahun ini. Walaupun pelbagai pandangan diberi, sesetengahnya mengatakan pelbagai pendapat seolah-olah pemberian rumah, pembinaan, tetapi kita kena ingat ia baru bermula pada awal tahun ini dan ia menjadi undang-undang pada tahun lepas.

■1030

Kerajaan telah berjanji untuk membina sejumlah 500,000 unit rumah PR1MA di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, Bajet 2013 telah mensasarkan PR1MA untuk membina sebanyak 80,000 unit. Setakat September 2013 mesyuarat anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 44,227 unit dan dijangka bilangan kelulusan akan mencapai sasaran menjelang akhir tahun ini. Penambahan kepada unit-unit PR1MA akan bergantung kepada permintaan dan kemampuan industri untuk menampung jumlah pembinaan.

Walau bagaimanapun, Perbadanan PR1MA sedang melaksanakan kerja-kerja ke arah memastikan jumlah tersebut direalisasikan. Pihak PR1MA kini sedang memuktamadkan pelan, reka bentuk dan juga harga rumah, dokumentasi dan kontrak yang berkaitan. PR1MA akan melancarkan kempen-kempen kesedaran tidak lama lagi untuk menggalakkan mereka yang layak memohon rumah PR1MA untuk mendaftar dengan program PR1MA di laman webnya. Apabila kempen ini dilancarkan bilangan pemohon dijangka akan bertambah.

Sebagai makluman perumahan PR1MA diperuntukkan melalui proses pengundian terbuka. Oleh yang demikian, proses cabutan undi ini akan dijalankan secara berperingkat mengikut projek tidak lama lagi. Sebarang perkembangan terkini akan diumumkan kelak. Kita juga akan mengadakan *road show* ke negeri-negeri macam minggu ini kita pergi ke Sabah dan semasa kita berada di sana sudah pasti kita menggalakkan pemimpin tempatan untuk bersama-sama terutamanya dalam menggalakkan orang berdaftar dengan PR1MA dan kita tahu bahawa syarat-syarat yang telah ditentukan oleh PR1MA bagi mereka mendapatkan rumah termasuk apa yang saya telah umumkan bahawa orang yang sudah ada rumah juga diberi pertimbangan. Akan tetapi pertimbangannya rendah dibandingkan dengan pertimbangan yang akan diberikan kepada mereka yang tidak berumah.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kita sedia maklum bahawa permintaan kepada perumahan ini amat tinggi dengan kadar pendapatan yang boleh dikatakan agak mendatar sekarang ini dan dengan keadaan harga barang yang semakin hari semakin naik dan tentulah pastinya harga rumah ini tidak pernah hendak turun. Makin lama makin tinggi. Jadi mohonlah dapat diberitahu kepada kami semua tentang pembinaan rumah-

rumah PR1MA di kawasan-kawasan yang telah dipilih dan bilakah agaknya bagi kawasan Johor terutama di Pasir Gudang rumah PR1MA ini akan dibina kerana permintaan sangat tinggi. Maklumlah Pasir Gudang ini kawasan industri. Pendapatannya rata-rata RM3,000 ke bawah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk makluman Yang Berhormat, bila sampai masanya kita akan maklumkan. Ia menjadi masalah sekarang ini bila kita umumkan demikian rupa ia akan timbul masalah lain. Akan tetapi bila sampai masanya kita akan umumkan tapi sebelum itu saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat kita boleh bagi sumbangan balik dalam bentuk kerjasama dengan PR1MA. Kalau kita ada maklumat tentang ada orang yang hendak bekerjasama dengan PR1MA atau Yang Berhormat sendiri ada tanah di pinggir bandar ataupun di bandar yang ingin bekerjasama dengan PR1MA, PR1MA mengalu-alukan. Jadi wakil rakyat bukan sahaja menyatakan hendak rumah tapi mereka boleh bekerjasama untuk membina rumah tetapi yang tidak boleh kita biarkan ialah bila dia bagi tanah dia kata ini untuk orang-orang dia sahaja, geng dia. Ini tidak boleh sebab PR1MA akan membuat pendaftaran secara terbuka.

Oleh kerana buat sementara waktu ini Yang Berhormat, di Johor ia melibatkan beberapa tempat dan kita akan meneruskan rundingan kita untuk mendirikan rumah PR1MA sebagaimana yang telah dijanjikan termasuk sekarang ini yang kita sudah pun mendapat kelulusan di Bandar Layang Kasar, Tebrau, Mukim Plentong, Masai, Mukim Pulai. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tadi bahawa bagi tahun 2013 sasaran kerajaan adalah untuk membina 80,000 unit rumah mampu milik. Namun sehingga Julai 2013 mengikut jawapan yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Kluang di Dewan Rakyat hanya 560 unit yang sedang dibina di Putrajaya dan 201 unit sedang dibina di Nusajaya. Maka persoalan saya berapakah jangka masa yang akan diambil oleh kerajaan untuk mencapai sasaran bagi membina 80,000 unit rumah mampu milik? Apakah dalam tempoh suku tahun keempat ini kerajaan boleh menyiapkan dan memenuhi sasaran tersebut?

Keduanya sehingga Mei 2013, sebanyak 485 pinjaman untuk pembelian rumah PR1MA telah diluluskan oleh bank dan kalau kita lihat pinjaman yang telah diluluskan oleh bank ini untuk tempoh 30 tahun dengan kadar faedah 4.4% peminjam perlu membayar balik kepada bank setiap bulan sebanyak RM2,0003. Apakah mereka mampu untuk memiliki rumah mampu milik kalau pendapatan rakyat hari ini masih lagi di bawah RM3,000 sebulan?

Jadi saya pohon penjelasan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu rakyat yang berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah mampu milik yang ditawarkan oleh PR1MA? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya maklumkan di sini. Kita hendak buat yang lain kita boleh buat serta-merta tetapi kalau perumahan ia melibatkan proses dan bila kelulusan dapat, maka projek itu boleh *take off* dan bila projek ini *take off* jadi orang yang dapat rumah ini akan dimaklumkan dan seterusnya mereka mengikut proses biasa membeli rumah ada *financing* dan sebagainya. Sekarang ini sebagai contoh ianya telah diluluskan sebanyak

44,227 unit iaitu Selangor 8,872, Kuala Lumpur 4,636, Negeri Sembilan 6,174, Johor 7,359, Pulau Pinang 2,510, Kedah 1,349, Perak 208, Pahang 1,152, Sabah 9,910, Sarawak 1,877.

Selebihnya di akhir tahun ini kita akan cukupkan 80,000. Sekarang kita sedang berunding dengan hebatnya dengan semua pihak supaya kita mencapai tahap 80,000 dan tahun depan 80,000 dan seterusnya. Itu ialah dari segi rumah yang akan dibina di mana kelulusan ini penting sebab bila ada kelulusan dan kita boleh memulakan kerja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian yang keduanya pinjaman. Jadi pinjaman. Sabar, saya akan jawab itu. Sabar. Tiada kesabaranlah yang ada pada diri Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebelum jawab pinjaman tadi. Saya bukan bincang soal kelulusan. Yang saya minta kerajaan sasar bina 80,000 unit rumah setahun. Yang baru siap ataupun yang sedang dibina lebih kurang 1,000 unit. Jadi persoalan saya, apakah dalam tempoh tiga bulan yang terakhir ini kerajaan yakin boleh siapkan 79,000 unit. Yang Berhormat Menteri jawab, kita luluskan. Saya bukan minta kelulusan. Saya minta apakah statistik dan jaminan kerajaan untuk memastikan pembinaan rumah ini siap sehingga Disember 2013 seperti yang disasarkan. Itu persoalan saya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kita hendak bina rumah ini. Ia melalui satu proses yang cukup panjang. Kerajaan tempatan, rumah ini pula hendak didasarkan berapa bilik. Kita ada rumah satu bilik, ada rumah satu *plus* satu, ada rumah dua *plus* satu, ada rumah tiga *plus* satu bilik. Jadi...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau begitu sasarkan 200 unit setahun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti, nanti.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jangan sasarkan 80,000.

#### ■1040

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti. Ini masalah besar. Bila kita sudah luluskan, dia boleh *take off*. Ini akan siap tahun berikutnya. Sesetengahnya akan siap tahun berikutnya. Akan tetapi untuk tahun 2014 ini, kita tidak ada masalah sebab perancangannya kita telah buat daripada awal. Yang tahun 2013 baru kita mula tahun ini. Tahun ini bermula dan melalui proses undang-undang, pelantikan pegawai dan sebagainya. Jadi kita *take off* agak lambat sedikit. Dalam bulan Mei ataupun Jun. Akan tetapi ini pun kita tengah buat. Cukup laju ini. Terlalu. Ini kerana kita buat satu pendekatan yang berbentuk perundingan di mana saya tidak perlu bagi penerangan lanjut tentang perkara ini kerana ceritanya berangkaian. Kita tidak boleh cerita ini tapak, ini kelulusan. Jadi ceritanya agak panjang.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Memendekkan cerita bahawa *target* kita ialah 80,000 lulus. Lulus ini bermaksud perundingan kita dengan pemaju ataupun kita buat sendiri ataupun kita telah mendapat segala kelulusan daripada kerajaan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Akan tetapi.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sebab itu saya kata Yang Berhormat Menteri, peruntukan setahun itu tidak boleh habis untuk buat rumah. Rumah itu tidak boleh siap. Betul atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak faham cara buat rumah. Kalau Yang Berhormat faham cara buat rumah, kalau kita buat yang lain, kita hendak buat jalan yang cepat. Akan tetapi buat rumah melalui proses. Yang Berhormat tidak boleh mengambil ini sebagai satu mainan ketawa-ketawa. Ini kita sedang berusaha. Berusaha gigih supaya perumahan ini mencapai matlamat. Kita kena ingat bila kita letak 80,000, kita akan capai 80,000.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita ketawa sebab jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh. Kalau sekiranya sampai saatnya, kita tidak boleh capai 80,000, boleh tanya soalan. Sekarang ini kita letakkan *target* bahawa kita akan capai 80,000 setahun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maknanya dalam tiga bulan ini boleh capai 80,000?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ini macam mana cerita ini? Bercakap, bercakap. Saya belum habis bercakap.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya belum marah dengan Yang Berhormat Gombak. Saya belum habis cakap, kamu bercakap. Jadi baik kita bercakap. Ini biar saya jawab dahulu. Ini saya hendak marah. Ini peraturan tidak ikut. Saya pening kepala. Okey, kita boleh bergurau tetapi ini benda serius. Rakyat memerlukan rumah. Kita meletakkan *target* 80,000. Kerajaan meletakkan *target* 80,000.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Walaupun kita mulakan lewat pada tahun ini, dalam bulan Mei tetapi kita meletakkan *target* sebanyak 80,000 dan tahun hadapan, proses untuk kita tahun depan itu, kita sudah mula pada tahun ini. Jadi maknanya tahun depan kita meletakkan 80,000 dan sebahagian daripada yang kita mula tahun ini dia akan siap tahun depanlah. Yang Berhormat kena ingat bahawa...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maknanya...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Rumah tidak boleh siap dalam masa sehari. *Target* kita ialah antara setahun lebih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi maknanya Yang Berhormat Menteri kata tidak boleh siaplah dalam masa tiga bulan ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Take off. Take off.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Take off?* Jadi bila siap?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Permulaan. Ini kerana bila rumah ini kita hendak mula, kita kena sudah mula berunding dengan pembeli-pembeli.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi dalam tiga bulan ini boleh siap?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah saya perlu jawab macam ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat Gombak. Ahli Yang Berhormat, bukan bermakna apabila Yang Berhormat Menteri menjawab dengan cara begitu, kita tidak ambil serius peraturan mesyuarat. Dalam soal begini, sesi soal jawab tidak ada mencelah. Tidak boleh berdiri dan terus bercakap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil nasihat Tuan Yang di-Pertua. Cuma ini perkara serius. Soalannya jelas. Apakah jaminan kerajaan boleh siap dalam tempoh tiga tahun? Itu soalan saya. Akan tetapi...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti, nanti. Nanti, nantilah. Saya dapat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, nanti, nanti, nanti, nanti.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya dapat laluan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, saya tidak benarkan awak bangun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Eh, Speaker bagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Speaker tidak – kebenaran datang daripada saya

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Speaker...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak bagi, dia boleh bangun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, duduk Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Speaker yang bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Hanya di bawah peraturan mesyuarat dan saya akan benarkan dia mencelah. Duduk. *Thank you. Thank you very much.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Siapa yang Speaker ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bukan. Speaker tengok saya. Saya sedang menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat Gombak.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita telah meletakkan matlamat dan kita akan usaha untuk capai matlamat. Bila habis tahun ini, bulan tiga, *session* bulan tiga, Yang Berhormat boleh tanya saya apa yang sudah jadi tentang pembinaan rumah sebanyak 80,000 unit. Okey?

Jadi sekarang ini kita minta supaya Yang Berhormat semua bekerjasama supaya pemohon-pemohon. Sekarang ini ada lebih 200,000 pemohon-pemohon yang memohon secara

*online.* Bila kita pergi *road show* nanti, permohonannya akan meningkat. Kita tahu. Yang Berhormat boleh bekerjasama dengan kita dengan mengatur orang untuk memohon. Apabila kita membuat *road show*, kita akan buat melalui Pejabat Pembangunan Negeri ataupun melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kita akan pergi ke negeri-negeri. Sebab dalam masa yang sama ada negeri yang saya tidak sebut di sini, yang belum bagi apa-apa tanah lagi tetapi kita telah pun memberi kelulusan kepada negeri yang berkenaan. Ada sebuah negeri kita bagi kelulusan masa PR1MA ditubuhkan dulu. Akan tetapi sampai hari ini kita tidak dapat tanah.

Tanah ini penting. Sebab itu tanah ini kita kena berunding dengan kerajaan negeri, individu ataupun pemaju-pemaju yang ingin bekerjasama dengan kita kerana kita tahu bahawa PR1MA menasarkan rumah 20% daripada harga pasaran. Jadi saya harap pembangkang ambil syor positif cadangan kerajaan dan jangan pergi buat *assumption* bahawa bolehkah siap? Bolehkah siap? Kita kena ingat bahawa bila kerajaan kata boleh, kerajaan akan berusaha untuk boleh. Kalau sekiranya tidak boleh, kita akan beritahu. Akan tetapi ini belum tahu boleh atau tidak boleh, kita sudah buat *assumption*. Itulah satu benda yang pembangkang yang saya rasa tidak patut terjadi. Pembangkang minta hendak kerjasama, minta projek ICU untuk perpaduan tetapi di bawah tidak berpadu pun. Di sini pun tidak berpadu. Macam mana kita hendak bagi pertimbangan kepada permohonan?

**4. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab motosikal berkuasa tinggi tidak perlu membayar tol walaupun mempunyai CC yang besar dan ada kalanya setaraf dengan sebuah kereta.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan tol di lebuh raya negara ini ditentukan mengikut kapasiti enjin ataupun CC kenderaan tetapi sebaliknya ia dibuat berdasarkan kelas ataupun jenis kenderaan itu. Sehubungan itu motosikal berkuasa tinggi tidak dikenakan kutipan tol kerana ia termasuk di bawah kategori kenderaan dua gandar ataupun dua roda iaitu motosikal yang dikecualikan daripada kutipan tol. Ini termaktub dalam hampir semua perjanjian konsesi lebuh raya kecuali di Lebuhraya Link Kedua Malaysia–Singapura iaitu di Plaza Tol Tanjung Kupang dan di Jambatan Pulau Pinang di mana motosikal turut dikenakan tol.

Penetapan tol untuk kelas atau jenis kenderaan ini adalah berdasarkan kepada Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, aduan ini banyak datang daripada pengguna-pengguna jalan raya yang merasakan ketidakadilan di dalam hal ini. Ini kerana kalau kita tengok kereta kancil, mereka bayar tol dan orang yang pakai kereta kancil ialah orang yang tidak ada kemampuan untuk beli kereta mewah berbanding dengan orang yang beli motosikal besar. Motosikal besar ini ada yang lebih mahal daripada kereta kancil. Jadi persoalan saya,

sepautnya memang kita tidak bayar tol semuanya. Kalau ikut Pakatan Rakyat semua tidak payah bayar tol. Akan tetapi adakah usaha daripada pihak kementerian untuk mengkaji semula dan untuk melihat dan meneliti supaya berlaku keadilan dalam isu ini dan tidak berlaku zalim kepada pengguna-pengguna jalan raya seperti yang bawa kereta kancil ini berbanding dengan motosikal besar? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Seperti mana yang saya katakan tadi, kita bila kita bekerja, kita berpandukan kepada perundangan dan perundangan yang ditetapkan ialah di bawah akta yang disebutkan tadi. Untuk definisi kenderaan pula, kalau kita mengikut Akta Pengangkutan Jalan. Tuan Yang di-Pertua, pengelasan kenderaan-kenderaan motor di bawah undang-undang pengangkutan jalan, klasifikasi kenderaan untuk tujuan motosikal ditafsirkan sebagai kenderaan-kenderaan motor yang mempunyai kurang daripada empat roda dan yang berat tanpa muatannya tidak melebihi 450 kilogram.

Bayangkan kalau di Lebuhraya Utara Selatan, kalau kita kenakan tol kepada motosikal, maknanya kita kena sediakan lorong untuk membuat timbangan berat motosikal sebab definisi motosikal itu tadi berdasarkan iaitu motor yang kurang daripada empat roda dan berat tanpa muatannya tidak melebihi 450 kilogram. Kena disukat. Itu akta dan undang-undang. Jadi akan timbul masalah pentadbiran sebab CCnya tidak disukat pada CC. Dia diukur kepada motosikal, dua tayar. Motosikal besar 1,200CC dua tayar. Kapcai 75CC pun dua tayar.

#### ■1050

Jadi, kita kena sukat beratnya. Jadi, ini akan menyebabkan berlaku masalah pentadbiran di lebuh raya sebab itu akhirnya ia tidak dikenakan. Kedua, kalau kita hendak mengadakan kutipan tol motosikal, kita kena wujudkan lorong khas motosikal dan kalau lorong khas motosikal, ia juga melibatkan pentadbiran. Satu, lorong *highway* atau lebuh raya dahulu dibuat dalam tahun yang awal, tidak mengambil kira jumlah motosikal yang akan berada di lebuh raya sebab lebuh raya dahulu tidak dikenakan motosikal sebenarnya. Kalau kita nak buat maka untuk membina lorong motosikal khas, ianya akan menelan belanja yang agak besar iaitu satu kilometer untuk kalau kita sediakan *dedicated* lorong motosikal, ia akan memakan belanja sehingga RM2 juta satu kilometer dan kalau bukan *dedicated*, ia akan menelan belanja lebih kurang RM1 juta ke RM1.5 juta satu kilometer.

Jadi, ianya melibatkan masalah pentadbiran dan banyak perkara yang perlu dilakukan sebab itu masa ini berasaskan perundangan yang sedia ada, motosikal di lebuh raya kecuali jambatan yang ditetapkan tadi tiada dikenakan tol. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas penjelasan dan saya pun melihat bahawa memang sesualah walaupun ia bermotor, motor besar dipanggil tetapi ia masih dua roda dan ia masih kena hujan Yang Berhormat Menteri. Kalau kancil Yang Berhormat, tak kena hujan pun.

Jadi, adillah bagi mereka yang kena hujan ini tak bayar tol cuma mungkin Yang Berhormat, perlu ada penyelarasaran iaitu di mana tol-tol yang masih ada laluan bermotor di sebelah kiri maka tidak bolehlah, janganlah motor besar ini pula masuk di laluan yang bertol sebab masih ada laluan

motor yang di sebelah kiri. Mungkin boleh diberi penyelarasan keseluruhannya sebab dia boleh mengganggu pula kenderaan-kenderaan lain itu tetapi kalau soal mengubah peraturan untuk mereka membayar tol, rasa saya tidak dan kurang manislah sebab mereka yang menunggang motor ini sengsara rasa sebetulnya. Kena hujan, kena panas. *[Disampuk]* Jadi, kena timbang-timbang jugalah Yang Berhormat Kuantan. Jangan seksa mereka yang naik motor besar ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kami di peringkat kementerian sudah pun menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji pertamanya, lorong motosikal. Setakat ini kita ada lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan dan timbul permasalahan daripada segi dasar, kita cuba nak melindungi pengguna motosikal sebab bila berada di lebuh raya dengan kenderaan yang amat laju, ianya mendedahkan bahaya kepada pengguna motosikal. Jadi, adakah kita akan menyediakan lorong khas motosikal demi keselamatan motosikal tetapi mengikut standard yang sudah sedia ada sebab perancangan lama dahulu hanya ada lorong motosikal di beberapa tempat sahaja, bukan semua tempat yang ada lorong khas motosikal.

Jadi sebab itu, kita menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji dan kalau nak membenarkan motosikal berada di lebuh raya, apakah kategori dan kelas yang dibenarkan supaya keselamatan mereka dapat dipelihara sebab motosikal-motosikal kecil ini kalau kenderaan laju lalu, maka angin boleh menolak menyebabkan mereka tidak berada dalam keadaan yang seimbang dan membahayakan mereka. Kajian ini kita akan perincikan dan *insya-Allah* kalau ianya sudah dapat hasilan nanti, kita akan mengadakan perbincangan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita melihat bagaimana kita dapat menangani permasalahan ini, sama ada motosikal dibenarkan di lebuh raya, sama ada dikenakan tol, kategori mana yang dikenakan tol ataupun tiada tol untuk mereka. Ini akan diperincikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta satu lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak ada kaitan dengan gambar-gambar itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, tak. Ini pasal tol, pasal tol Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh? Terima kasih Tan Sri yang baik dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri. Saya setuju dan saya terima penjelasan Yang Berhormat berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Kuantan tadi cuma yang saya nak minta penjelasan. Apakah kerajaan tidak bersedia untuk nak mengkaji supaya kadar tol yang dikenakan sekarang ini supaya tak sama antara CC rendah dengan CC yang besar? Sekarang kalau naik kereta kancil pun CC dia sama dengan kita naik kereta *Mercedes* ataupun BMW padahal daripada segi orang yang naik kereta kancil ini, dia telah menggunakan minyak pada kadar yang rendah. Maknanya kerajaan tak banyak mensubsidi harga minyak...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sama-sama dapat subsidi juga.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Ke atas dia, sedangkan orang yang naik kereta besar ini, CC besar ini, dia menggunakan kadar minyak yang tinggi jadi subsidi itu banyak ke atas mereka. Jadi, sepatutnya kita menggalakkan untuk orang menggunakan kereta pada CC yang lebih kecil supaya kerajaan tak jadi alasan, "*Oh! Kita dah banyak tumpung subsidi harga minyak ini kerana kita perlu tarik balik untuk buat pembangunan dan sebagainya.*" Sepatutnya ada galakan sebab bagi saya tak adillah orang yang naik kereta kecil tiba-tiba bayar tol sama seperti mana orang naik kereta besar. Jadi saya minta penjelasan.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Oleh sebab itu kalau kita melihat kadar tol yang dikenakan berasaskan kepada kelas kenderaan itu, misal kata motosikal mungkin dikenakan pada kadar yang agak rendah, di *link* kedua sahaja. Akan tetapi kalau di lebuh raya utama, motosikal tidak dikenakan termasuk motosikal tiga roda tidak dikenakan tol sebab ianya masih dikategorikan sebagai motosikal khususnya untuk OKU dan sebagainya tetapi untuk kereta, untuk kenderaan berat berbeza kadar tol yang dikenakan mengikut kelas kenderaan tersebut.

Sama ada kerajaan akan mengkaji, memang sebab itu yang saya katakan tadi jawatankuasa khas telah diwujudkan tetapi untuk mewujudkan kadar yang berbeza kalau kita mengirakan mengikut CC, ia menimbulkan masalah pentadbiran sebab satu, kita kena adakan *toll booth* yang berbeza supaya kenderaan tertentu melalui kadar tertentu ataupun kita kena mengadakan kad tertentu dan sebagainya. Sudah tentu ianya melibatkan lebuh raya kawasan tol terpaksa banyak lagi *toll booth* sebab pentadbiran, untuk mengklasifikasikan kelas mana yang melalui laluan tertentu.

Jadi ini menimbulkan masalah pentadbiran dan sudah pasti pentadbiran ini akan melibatkan kos dan kos akhirnya akan dibayar oleh siapa? Akhirnya akan ditanggung oleh rakyat, sebab itu kita kena melihat apa dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Barang ini bukannya, perlu diperincikan dan saya mendengar pandangan daripada semua. Terima kasih.

**5. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa dapati kira-kira 636,000 warga emas di Malaysia tidak diberi nafkah oleh anak mereka pada masa kini, apa puncanya dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa adalah insan yang mulia. Mereka bertungkus-lumus menjaga dan mendidik kita daripada kecil sehingga kita dewasa. Pengorbanan dan kasih sayang yang mereka berikan tidak boleh dilupakan oleh semua manusia yang bergelar anak. Tazkirah sedikit Tuan Yang di-Pertua ya? Jadi angka 636,461 yang disebutkan di dalam soalan adalah merupakan 28% iaitu warga emas adalah berdasarkan hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat oleh LPPKN serta dipadankan dengan hasil Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.

Untuk makluman, kajian ini merupakan kajian berskala besar yang dilaksanakan oleh LPPKN secara bersiri setiap 10 tahun semenjak tahun 1974 manakala siri kelima bagi kajian ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan, *insya-Allah*. Dalam hal ini, satu kajian bertajuk Dilema Penjagaan Ibu Bapa Tua telah dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2012 melibatkan seramai 640 orang anak dewasa sebagai responden. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan sokongan sosial antara anak dewasa dan ibu bapa tua mereka dan siapakah yang paling banyak memberi bantuan kepada ibu bapa mereka dalam proses penjagaan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian ini mendapati faktor utama anak-anak tidak memberi bantuan kepada ibu bapa adalah disebabkan beban perbelanjaan tanggungan keluarga sendiri yang tinggi menyebabkan anak-anak tidak mampu memberi bantuan kewangan kepada ibu bapa. Selain daripada itu, konflik dalam keluarga dan hubungan tidak mesra antara anak dan ibu bapa turut menyebabkan anak-anak tidak memberi bantuan kewangan kepada ibu bapa mereka.

#### **■1100**

Namun demikian, dengan keadaan sosioekonomi negara pada masa kini, kebanyakan warga emas merupakan golongan yang berkemampuan untuk menyara kehidupan mereka, di mana kebanyakan mereka mempunyai pendapatan melebihi RM720. Trend ini meningkat saban tahun kerana negara menuju ke arah masyarakat yang lebih berkemampuan.

Di samping itu, terdapat juga warga emas yang mempunyai pendapatan sampingan bagi menyara kehidupan hari tua mereka. Ini mendorong mereka untuk lebih berdikari dan tidak terlalu mengharap kepada bantuan anak-anak. Jadi bagi memastikan nilai-nilai ini tidak terhakis akibat persekitaran masa kini yang mencabar, kementerian kita melalui LPPKN, kami melaksanakan pelbagai program Tuan Yang di-Pertua dan bulan ini juga adalah ‘Bulan Keluarga’. Ini adalah kami berharap dapat menyemaikan dari segi perasaan kasih sayang kepada ibu bapa.

Selain daripada itu, kita juga ada satu prinsip Dasar Keluarga Negara yang diluluskan kerajaan pada 17 Disember 2010 untuk kita memupuk lagi ikatan antara anak-anak dan ibu bapa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri di atas jawapan tadi. Saya memang setuju dengan langkah-langkah dan program-program yang dilancarkan oleh kementerian. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua, iaitu masih ramai permohonan untuk BOT masih tidak dapat diluluskan, soalan saya adakah kementerian bercadang memberi kelonggaran melalui meminda iaitu peraturan-peraturan dan syarat-syarat kelayakan memberi bantuan kepada kategori BOT iaitu bantuan orang tua yang tidak berupaya bekerja lagi, tetapi mempunyai anak-anak yang sudah berkahwin dan mempunyai keluarga masing-masing yang tidak berkemampuan untuk memberikan sumbangan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Alor Gajah. Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bahawa *insya-Allah* Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita mempunyai pelbagai aspek yang kita lihat dan teliti, di mana tadi Yang Berhormat menunjukkan satu kerisauan dari segi kelayakan. Kelayakannya begini Tuan

Yang di-Pertua. Kelayakan untuk mendapat Bantuan Orang Tua iaitu kalau lulus akan dapat RM300 sebulan. Kelayakannya adalah:

- (i) warga emas mesti berusia 60 tahun ke atas;
- (ii) tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup;
- (iii) tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangan termasuk yang sebatang kara; dan
- (iv) sekiranya tinggal bersama anak, namun pendapatan anak mesti mengikut garis kemiskinan iaitu Semenanjung RM720 sebulan, untuk Sabah RM960 sebulan, Sarawak RM830 sebulan.

Ini kami juga lihat dari segi pelbagai aspek termasuk yang disebutkan Yang Berhormat daripada Alor Gajah, di mana Yang Berhormat, kita sentiasa memberi penekanan kepada kemampuan anak. Walaupun kita sebut ada garis panduan kemiskinan dan sebagainya, tetapi kita lihat ada kes yang datang kepada saya, dia ibu tunggal, dia ada dua orang ibu bapa tua, dia ada lima anak. Jadi walaupun gajinya RM1,300 Yang Berhormat, kalau ikut sudah melepassi, tetapi kita mempertimbangkan segala aspek. Kita telah meluluskan untuk memberi kepada seorang, tidak boleh kedua-dua. Ini satu juga daripada kriteria, tidak boleh kedua-dua ibu bapa mendapat. Jika seorang sudah dapat, jadi seorang itu tidak dapat lagi.

Jadi ini Tuan Yang di-Pertua, memang kita adalah kerajaan prihatin. Kita melihat segala ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya teringat dengan pepatah orang Melayu berkata, “Seorang ibu mampu menjaga sepuluh orang anak, tetapi sepuluh orang anak belum tentu mampu memelihara seorang ibu”. Ini adalah satu perkara yang sangat malang berlaku dalam masyarakat kita. Persoalannya di sini ialah isu bukan soal kewangan semata-mata. Ibu bapa memerlukan kasih sayang daripada anak-anak. Apakah satu polisi yang telah digariskan oleh pihak kementerian untuk memberi galakan kepada anak-anak, sama ada dari segi insentif potongan cukai atau pun tambahan elaun dan sebagainya atau pun cuti khas untuk menggalakkan anak-anak berbakti kepada ibu bapa.

Ini kerana kita lihat di pusat-pusat pemeliharaan orang tua, saya pernah pergi memantau, ada yang mengadu sepuluh tahun anak tidak pernah jenguk. Dia letak ibu di pusat pemeliharaan orang tua ini, hari raya pun tidak balik jenguk, menangis ibu. Soal ibadat tidak diutamakan, kadang-kadang hanya dibela seperti makan dan tidur. Soal ibadat tidak diutamakan, sedangkan inilah waktu persiapan mereka untuk menghadapi alam yang seterusnya. Jadi minta penjelasan dari pihak kementerian.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Yang Berhormat, itulah sebenarnya yang menjadi kerisauan kami. Sebenarnya ada beberapa cadangan kepada kementerian sehingga dicadangkan supaya dapat potongan gaji dan sebagainya, supaya itu adalah bermakna tetaplah kepada ibu bapa. Yang Berhormat, segala-gala yang dicadangkan ini, ia tidak dapat dari segi kasih sayang yang timbul daripada naluri anak-anak

yang ingin menjaga ibu bapa. Betul Yang Berhormat, sepuluh orang anak tidak boleh menjaga ibu bapa. Kadang-kadang kalau kita bercerita isu ini, kadang-kadang rasa emosi itu juga.

Sekarang ini memang menjadi satu kerisauan. Kalau saya melawat ke rumah orang-orang tua, saya merasa satu perasaan yang sangat tersentuh. Betul Yang Berhormat katakan tadi, bila ditanya dia kata, “*Tidak pernah anak-anak menjenguk*”. Dia teringin cucu dia. Jadi kalau orang luar pula datang, di mana kami menggalakkan anak-anak sekolah, persatuan-persatuan silalah luangkan masa pergi ke institusi Rumah Seri Kenangan kita. Jadi mereka terasa begitu hiba melihat kita. Bukan mereka berkehendakkan kita membawa ole-ole, tidak. Hanya satu perasaan kasih sayang.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Ini nanti keluar cerita emosi. Difikirkan bahawa kalau punitif, kalau melalui undang-undang, tidak semestinya akan dapat menyelesaikan masalah ini. Ini kerana kita telah mengkaji Tuan Yang di-Pertua, di Singapura dan juga di India, diadakan peraturan pemotongan elau untuk ibu bapa tetapi keluar pula satu unsur keterpaksaan. Anak-anak merasakan bahawa mereka dibebankan, terpaksa pula memotong gaji dan sebagainya. Jadi bagi kami, bukan itu adalah jalan penyelesaian, tetapi sebenarnya adalah sikap kita dahulu. Kita memang merasakan kalau nanti kita dewasa, kita besar, siapa kita hendak jaga. Terus secara automatik kita memikir hendak jaga ibu dan ayah.

Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat, kebetulan bulan ini adalah ‘Bulan Keluarga’ yang dianjurkan oleh LPPKN. Kita mengadakan pelbagai program untuk kita memupuk *bonding*. Kita mengadakan pergi makan bersama, bawa ibu bapa pergi makan, berkelah atau keluar beramai-ramai, *shopping*, tidak kira apa yang sesuai. Akan tetapi bukan bermakna hanya bulan November, tetapi seharusnya hari-hari sepatutnya kita menunjukkan kasih dan sayang. Kalau dapat hasrat kitalah Yang Berhormat, tidak sepatutnya ada lagi Rumah Seri Kenangan.

## ■1110

Ini kerana kita tidak mahu lagi ada anak-anak menghantar ibu bapa ke Rumah Seri Kenangan tetapi ini juga adalah satu kehendak masyarakat yang mungkin tidak ada anak. Ada juga orang tua yang tidak ada anak atau anak sudah tidak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin maklumkan bahawa kerajaan juga telah memberi inisiatif pelepasan cukai berjumlah RM5,000 kepada anak-anak yang membiayai perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan juga untuk penjagaan ibu bapa sebagai galakan kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh tambah lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi jawapan panjang lebar tadi. Yang Berhormat Menteri, memang saya setuju Menteri sudah bagi jawapan Yang Berhormat Rantau Panjang tadi. Tadi dia ada beritahu ada keluarga, 10 anak tidak boleh jaga ibu bapa. Masalah kini ialah kebudayaan memang sudah jadi satu trend bagi anak-anak kita lepaskan tanggungjawab. Semua tanggungjawab dia minta kerajaan tanggung. Bila kita tanya, jawapannya memang mereka tidak mampu, tidak ada

wang. Bila kita punya ibu bapa, dalam masa susah seperti kata Yang Berhormat Rantau Panjang, kalau kita ada anak, sebagai ibu bapa, macam mana susah pun dia mahu bela anaknya. Itu barang harian bagi semua. Kita nampak selepas mereka ada keluarga, terus lepas sahaja. Akan tetapi kita macam mana hendak selesaikan isu ini?

Saya nampak kementerian ini memang selalu kita diberitahu ada program-program, ada pelbagai rancangan, saya nampak tidak berapa percaya kita buat program ini. Macam tidak lancar di bawah. Macam hari ini kita kata ada Hari Keluarga ataupun cinta warga emas tetapi saya nampak Bintulu tidak ada apa-apa program daripada kementerian ataupun jabatan. Kalau saya Bintulu kaya, orang Rompin lagi kaya. Inilah saya rasa sudah tiba masa kita mesti ada satu rancangan ataupun program panjang dan pendek bagaimana hendak selesaikan isu ini. Kalau saya tidak salah, isu ini kita sudah bincang dengan panjang lebar bagaimana kita hendak selesaikan ini. Kedua, isu ini bila kita bagi panduan, masih lagi di bawah. Banyak senarai kita bagi, minta betul-betul mahu bantu.

Macam tadi Yang Berhormat Menteri kata ada ibu bapa, warga emas itu tiada anak, tiada keluarga, kita hantar permohonan tetapi tidak diluluskan. Kadang-kadang yang lulus katalah bantuan RM300 tetapi di Sarawak kita macam Bintulu dapat RM80 atau RM150. Itulah saya kata ini satu masalah juga. *[Disampuk]* Inilah soalan. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pun tidak faham. Kita hendak penjelasan daripada Menteri macam mana kita hendak selesaikan isu ini? *[Disampuk]* Ini Yang Berhormat Tumpat pun samalah.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Bukannya apa Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bintulu pun rasa emosi inikan Yang Berhormat? Sebab... *[Disampuk]* Ya, ya. Bukan ibu bapa kita sahaja, lebih-lebih lagi kita dalam Dewan ini sebagai wakil rakyat, kita ini memang macam ibu bapa kepada semua rakyat kita. Saya faham Yang Berhormat. Saya faham dan di sitolah kita sentiasa mencari jalan yang terbaik. Akan tetapi Yang Berhormat tahu tadi, di dalam kajian mengatakan 636,000 ibu bapa yang tidak mendapat apa-apa daripada anak-anak. Akan tetapi saya telah memaklumkan ada dua kategori ibu bapa. Satu yang memang tidak mampu, anak-anak tidak dapat menyara. Keduanya, di mana ibu bapa itu adalah yang jenis berkemampuan, mungkin tidak memerlukan apa-apa daripada anak-anak.

Akan tetapi sebenarnya walaupun ibu bapa kita mampu sekali sekala. Oleh sebab itu kami isytiharkan bulan November ini sebagai bulan bersama keluarga untuk menunjukkan kasih sayang. Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada buat beberapa *launching*, dengan izin, program-program tetapi saya mohon maaf Yang Berhormat. Mungkin perkara ini, promosi dan sebagainya tidak berapa menyerlah. *Insya-Allah* kita akan lipat gandakan dan mungkin saya akan minta pegawai-pegawai saya minta dijalankan program ini bersama dengan Ahli-ahli Parlimen di peringkat masing-masing. Jadi, supaya merasakan segala program-program yang kita isytiharkan.

Kedua Yang Berhormat, panduan itu tadi *insya-Allah* kita akan perbaiki dan kalau ada keskes spesifik Yang Berhormat, beri kepada saya. Kami akan memberi penelitian sebab kes ini banyak ya tetapi beri kepada saya secara spesifik.

Yang Berhormat, untuk Sarawak yang RM80 itu ia dinamakan bantuan am. Jadi, bantuan am ini sebab negeri. Setiap negeri ada. Ketua Menteri Pulau Pinang pun ada sini, bantuan am dia besar ya, Yang Berhormat. Akan tetapi itu adalah terpulang kepada kerajaan negeri. Akan tetapi di Sarawak mungkin RM80. Sekarang ini Yang Berhormat, saya difahamkan sudah naik RM250. Saya difahamkan. Itu terbaru diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri yang baru-baru ini tetapi bantuan orang tua adalah RM300. Jadi, tidak apa Yang Berhormat, berikan kepada saya senarai, nanti kita sama-sama teliti. Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan langkah-langkah kerajaan jangka pendek dan panjang untuk menyelesaikan kekurangan dan gangguan elektrik di seluruh Sabah. Adakah kerajaan berhasrat untuk meminta Petronas untuk memberikan subsidi yang cukup untuk kurangkan beban SESB membeli gas asli yang terhasil di Sabah bukannya membawa balik cadangan kilang penjanaan kuasa arang batu.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan soalan yang berkaitan dengan kekurangan dan gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah. Kerajaan amat peka akan masalah gangguan bekalan elektrik dan ketidakcukupan bekalan elektrik yang dihadapi oleh pengguna-pengguna di negeri Sabah.

Oleh yang demikian, kerajaan mengambil segala daya usaha bagi mengurangkan gangguan bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah. Ini termasuklah Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Sabah Electrical Sdn Bhd yang disokong juga oleh agensi-agensi kerajaan di negeri Sabah. Antara langkah-langkah mitigasi jangka pendek yang telah diambil oleh kerajaan sebelum ini bagi mengatasi masalah kekangan kapasiti penjanaan adalah seperti berikut:

- (i) penempatan set jana kuasa mudah alih dengan kapasiti 80 megawatt di seluruh negeri Sabah;
- (ii) selenggaraan stesen-stesen jana kuasa diesel lama milik Sabah Electrical Sdn Bhd (SESB); dan
- (iii) projek-projek penjanaan berkapasiti besar iaitu di Kimanis, Sabah:
  - (a) jana kuasa SPR Energy -0100 megawatt, dan
  - (b) Kimanis Energy – 285 megawatt.

Kedua-dua ini di peringkat akhir pelaksanaan dan dijangka memulakan tugas secara berperingkat-peringkat mulai Februari 2014.

#### ■1120

Dalam hal ini, pengguna-pengguna di negeri Sabah dijangka dapat menikmati bekalan elektrik yang lebih berdaya harap dan gangguan bekalan elektrik berpunca dari komponen penjanaan dijangka dapat dikurangkan. Selain daripada itu, terdapat projek Stesen Jana Kuasa

*Cash Horse* yang berdasarkan *biomass* di Sandakan, dijangka akan memulakan operasinya pada penghujung tahun 2013 sebanyak 10 megawatt.

Di samping itu, kapasiti tambahan sebanyak 84 megawatt yang disumbangkan dari set jana kuasa baru dibaik pulih di Sandakan 20 megawatt dan Stesen Jana Kuasa Kubota di Tawau 64 megawatt yang telah dimula tugas mulai Julai 2013. Itu yang kita kira sebagai jangka pendek. Kerajaan juga telah memikirkan untuk penjanaan kuasa untuk jangka panjang. Pertamanya ialah Projek Stesen Hidro Ulu Padas – 180 megawatt di Tenom, Stesen Jana Kuasa 300 megawatt di Pantai Timur Sabah dan yang ketiganya ialah Projek Stesen Jana Kuasa Tawau *Green Energy* 30 megawatt berasaskan geotermal di Apas Kiri, Tawau.

Bagi sistem penghantaran pula ataupun *transmission*, kerajaan sedang mempertimbangkan untuk melaksanakan projek pembinaan talian penghantaran 275 kV *southern link* yang menghubungkan Sipitang di Pantai Barat dan Kalumpang di Pantai Timur untuk memperkuatkan lagi sistem grid di negeri Sabah. Talian penghantaran ini apabila siap kelak akan menjadi tulang belakang kedua selepas grid timur barat yang menghubungkan Kota Kinabalu dan Sandakan yang akan membolehkan pemindahan kuasa elektrik di antara Pantai Barat Sabah dan Pantai Timur dapat dibuat pada skala yang lebih besar.

Keduanya ialah dalam sistem pembahagian pula ataupun *distribution* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh, projek merentang talian kedua 33kV di beberapa buah kawasan sebelum ini hanya bergantung kepada talian pembahagian tunggal 33kV telah ditambah iaitu di Pitas, di Tambunan, di Keningau dan juga Beluran. Bagi soalan yang berkaitan dengan subsidi gas, sukalah saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua bahawa pihak Petronas pada masa ini masih membekalkan gas bagi sektor penjanaan elektrik di negeri Sabah pada kadar RM6.40 per MMBtu berbanding dengan RM13.70 MMBtu di Semenanjung.

Cadangan pembinaan stesen kuasa besar di Pantai Timur Sabah akan mengambil kira faktor keselamatan, *energy security*, kepelbagaiannya api penjanaan, *fuel diversity*, dan kos penjanaan yang ekonomik bagi memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap dan mampu dibayar oleh seluruh penduduk di Sabah dan Wilayah Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih atas jawapan. Walaupun tidak berapa puas hati juga, tetapi bagaimanapun ada sedikit jawapan. Tuan Yang di-Pertua, hanya tinggal tujuh tahun lagi Malaysia akan mencapai Wawasan 2020, berstatus negara maju. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan dapat memberi jaminan kepada penduduk di Sabah bahawa bekalan elektrik di Sabah akan mencukupi dan mempunyai *buffer*, dengan izin yang stabil sebelum tahun Wawasan 2020?

Ini adalah kerana setakat ini keperluan elektrik di Sabah secara keseluruhannya adalah 850 megawatt manakala pembekalan elektrik adalah 915 megawatt sahaja. Ini bermaksud *buffer* kita di Sabah adalah kurang dari 10% sahaja manakala di Semenanjung mempunyai lebih 30% *buffer*. Sehubungan itu, oleh kerana *buffer* yang tidak mencukupi, sekiranya ada satu generator set

tidak berfungsi, maka beberapa kawasan di Sabah akan mengalami gangguan elektrik terutama di Pantai Timur Sabah iaitu Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan lain-lain kawasan.

Gangguan elektrik atau *blackout* berlaku *almost everyday*, dengan izin telah berlanjutan di Sabah sepanjang 50 tahun. Gangguan elektrik menyebabkan kerugian yang besar terutama kepada mereka yang berniaga. *[Dewan riuh]* Untuk makluman semua, bandar seperti di Kota Kinabalu juga mengalami *load shading*, dengan izin hampir setiap hari dan seharusnya diselesaikan secepat mungkin. Oleh itu... *[Dewan riuh]* Minta diam sedikit. Masalah Sabah ini besar. Jangan bikin susah rakyat Sabah. Ini mesti mahu hormat orang Sabahlah. Kenapa tidak hormat Sabah? Apa guna mahu kacau-kacau? Tuan Yang di-Pertua, suruh mereka faham sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Kinabalu, soalan tambahan bukan berhujah. Sila.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Dengar senyap ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jarang-jarang saya dengar Yang Berhormat Kota Kinabalu. Tidak apa, saya bagi laluan. Akan tetapi jangan panjang sangat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey, soalan kedua Tuan Yang di-Pertua. Ya, tadi soalan satu kan? Sekarang soalan kedua. Kedua, saya minta supaya Perdana Menteri tunaikan janji beliau di mana LNG *Power Plant* di Lahad Datu akan disiapkan sebelum Wawasan 2020. Adakah kerajaan komited untuk melaksanakan dan menyiapkan projek ini sebelum Wawasan 2020? Sila, beri penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Soalan pun saya tidak berapa faham. Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga dari Sabah, jadi saya jawablah sedikit. Pertama sekali, Yang Berhormat Kota Kinabalu sebut mengenai dengan jaminan daripada kerajaan. Saya sudah sebut tadi bahawa kerajaan memberi segala komitmen untuk menentukan bahawa bekalan elektrik di Sabah ini cukup, siap dan tidak ada gangguan. Jadi, sebuah jawatankuasa *task force* telah ditubuhkan melibatkan ramai juga rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen yang menjadi jawatankuasa *task force* bekalan elektrik di negeri Sabah.

Jadi, saya yakin bahawa dengan terlibatnya EPU, Kementerian Kewangan, agensi daripada negeri Sabah, Kementerian Tenaga dalam jawatankuasa itu dan melihat satu persatu. Oleh sebab dalam bekalan elektrik ini ia ada *generation*, dia ada *transmission* dan dia ada *distribution* di mana kelemahan yang kita boleh atasi. Itu satu.

Keduanya, kita mengatasi ikut bandar. Ikut bandar Yang Berhormat sebut. Itu daripada kerajaan. Keduanya, sebut mengenai dengan LNG di Lahad Datu. Rundingan antara kerajaan dan Petronas termasuk SSB masih diteruskan untuk menentukan bekalan LNG. Terima kasih.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Raimi Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua satu soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Yang Berhormat Menteri usul di bawah 12(1).

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Soalan tujuh pun tidak sempat.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.30 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 13 November 2013”.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua saya berdiri di atas satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) iaitu mengenai pencerobohan dan perobohan kuil yang bersejarah di Jalan P. Ramlee pada hari Ahad yang lalu. Usul ini adalah untuk mendesak kerajaan untuk mengembalikan tanah yang dirampas pada hari Ahad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, biar saya habis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bagi saya peluang dahulu habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Nanti dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bagi saya peluang. Saya hendak terangkan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Biar saya terangkan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Biar saya *explain*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dahulu.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bagi saya peluang sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ini untuk makluman semua supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat ambil iktibar mengenai dengan perkara yang dibincangkan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengutus satu e-mel kepada saya untuk Peraturan Mesyuarat di bawah 18(1). Oleh kerana saya tidak hendak untuk mengganggu perbahasan saya panggil Yang Berhormat di pejabat saya. Belum pernah saya buat untuk berunding kerana format yang dihantar kepada saya adalah satu format yang di luar skop 18(1). Saya jawab Ahli Yang Berhormat dengan baik kerana semalam saya terima lagi satu e-mel tengah malam e-mel itu ditujukan kepada pegawai saya dan diforward kepada saya, perkara yang sama. Maka terpaksa saya jawab. Ini jawapan saya sebelum Yang Berhormat bercakap.

Saya alamatkan surat ini kepada Yang Berhormat. Saya kata, "*Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) merupakan satu usul bagi merunding perkara tertentu.*" Merunding, ambil iktibar keyword merunding. "*Oleh yang demikian usul yang berkenaan hendaklah bertujuan untuk merunding dan bukan dengan tujuan lain. Saya tidak membenarkan usul Yang Berhormat selaras dengan kehendak Peraturan Mesyuarat 18(7)(a) dan 18(7)(c).*" Bagi peguam-peguam yang ada dalam Dewan ini ambil perhatian. Perkara 4 saya kata, "*Sehubungan dengan hal ini sukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 18(8).*" Ambil. Penghabisan saya kata, "*Sekiranya Yang Berhormat tidak setuju dengan keputusan ini peruntukan Peraturan Mesyuarat 43 ada kaitan.*" Jadi satu persatu saya bawa Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada peraturan mesyuarat-mesyuarat yang saya sebutkan tadi.

Rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18, "*Siapa-siapa ahli, selain daripada Menteri pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14, bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merunding perkara.*" Okey. Peraturan Mesyuarat 18(2) mengatakan, "*Seseorang ahli yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan hendaklah mengeluarkan pemberitahu bersurat.*" Mesti bersurat kerana implikasi ialah kadang-kadang ada satu hari beberapa Ahli Yang Berhormat menghantar notis di bawah 18(1). Bermakna dia diperlukan bersurat kerana surat pertama yang datang di meja saya sebagai Tuan Yang di-Pertua itu yang dijawab ataupun sama ada saya benarkan pada hari esok atau tidak. Akan tetapi Yang Berhormat memilih untuk e-mel kepada saya.

Walaupun demikian saya layan Yang Berhormat dengan baik, saya bawa berunding kelmarin supaya format diubah. Ini usul Yang Berhormat, saya baca ini untuk semua kita ambil

iktibar. "Saya N. Surendran a/l K. Nagarajan, Padang Serai memohon mencadangkan bahawa Dewan ini mengutuk tindakan menceroboh dan meroboh sebahagian besar kuil bersejarah iaitu Kuil Sri Muniswaran di Jalan P.Ramlee yang berusia 100 tahun dan seterusnya mendesak kerajaan untuk mengembalikan tanah yang dirampas dan mengekalkan kuil tersebut sebagai satu tempat bersejarah dan warisan negara di pusat bandar raya Kuala Lumpur." Mendesak Dewan. Bermakna wording ini bagi peguam-peguam bantu saya melibatkan Dewan untuk membuat satu ketetapan mengutuk 18(1) merunding sesuatu perkara yang berlaku secara mendadak, berkepentingan orang ramai, perlu disegerakan. Saya tolak.

Jadi saya bangkit perkara-perkara yang saya sebut tadi Peraturan Mesyuarat 18(8), "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan semula perkara yang sama dalam mesyuarat yang sama jika perkara itu telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua di bawah perenggan 2. Tuan Yang di-Pertua boleh menolak dalam kamar mana-mana usul yang dikemukakan kepadanya jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa pencadangnya hanya berniat hendak mengambil peluang berucap di dalam Majlis Mesyuarat atau... itu (a), (c) apa-apa usul melanggar mana-mana syarat dalam peraturan-peraturan Mesyuarat."

Saya membangkitkan perkara ini Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya jangan saya dinampak oleh orang di luar sana bahawa semua tindakan yang saya buat saya semata-mata ikut perasaan dan saya ikut telunjuk kerajaan. Okey, saya katakan kepada Yang Berhormat melalui surat saya kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan tindakan saya ini saya bawa perhatian Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 43 iaitu untuk mengkaji keputusan yang saya buat mesti melalui usul bersendiri dengan notis dua hari.

Jadi kalau Yang Berhormat pun tidak ikut itu, selepas itu mahu menghabiskan masa, saya tidak ada pilihan lain. Saya terpaksa gunakan Peraturan Mesyuarat 43 untuk mengeluarkan Yang Berhormat. Akan tetapi okey, tidak apa saya baca untuk kepentingan semua. Menurut fakta Yang Berhormat beri kepada saya bahawa ada pencerobohan kuil, tanah itu adalah tanah kuil yang dirampas oleh kerajaan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan perlu dikembalikan.

Akan tetapi apabila saya minta fakta-fakta daripada Yang Berhormat Menteri sendiri saya panggil Yang Berhormat Menteri berhadapan dengan saya kerana perkara ini adalah perkara sensitif. Saya dimaklumkan bahawa perkara yang berbeza iaitu kuil tidak dirobohkan, gambar-gambar tertentu sudah saya terima. Apa yang cuma dirobohkan ialah *structure* yang mengelilingi kuil yang tidak kena mengena dengan kuil.

Jadi kuil yang ada masih berdiri. Jadi apabila saya nasihatkan kepada Yang Berhormat untuk menyelesaikan perkara ini berhadapan dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat tulis lagi e-mel kepada saya. Mengambil kira keputusan saya tetapi mahu juga bawa usul ini. Jadi bermakna Yang Berhormat tidak berlaku adil kepada saya kerana Yang Berhormat mempunyai agenda supaya selepas ini ada lagi *possibility* dengan perkara begini.

Yang Berhormat, saya bukan buat perkara-perkara umpamanya ini [*Sambil menunjukkan sebuah buku*] *Practice in Procedure of Parliament* di India. Iktibar kepada peguam-peguam, bantu

saya kalau di mahkamah format *pleading very important*. Format salah, *pleading* salah dibuang sahaja. Kaunselor...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu lama. Itu peraturan lama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu *pleading* itu zaman lama itu.

■1140

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tidak panggil Yang Berhormat. Kalau misal kata perkara *relate to action taken by the authority include judicial of law*, ia tidak termasuk dalam skop 18(1). Ini kerana apa yang saya diberitahu oleh kerajaan ialah mereka buat itu atas *court order* yang telah pun dibuat setahun yang lalu. Tanah yang berkenaan pula adalah antaranya dipunyai oleh swasta Hup Seng. Perkara yang lainnya dimiliki oleh DBKL. Akan tetapi oleh sebab keprihatinan menurut DBKL mereka tidak juga roboh. Akan tetapi apabila mereka buat tindakan pada 10 hari bulan semua fakta diambil kira. Jadi bersikap adil kepada saya Ahli Yang Berhormat.

Ini kerana apabila nanti saya tidak menjawab kepada semua ini, saya dilihat seolah-olah buat perkara-perkara yang tidak betul. Banyak perkara-perkara yang saya tanda di sini di mana untuk mengelakkan *an adjournment motion does not lie when the facts are in dispute*. *Oh yes the facts are in dispute*. Ahli Yang Berhormat sewaktu berjumpa dengan saya kata tidak tapi kerajaan cakap ini, ini apa yang berlaku di India. *[Merujuk pada buku] When government – an adjournment motion does not lie when the facts are in dispute, when government dispute the facts stated in the notice of adjournment motion, the Speaker accepts the government version of the fact.*

Okey, kalau misal kata dalam kerja-kerja DBKL itu melanggar undang-undang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa tanah ini adalah tanah yang dirampas. Perobohan dibuat oleh pihak kerajaan semata-mata untuk merampas tanah kuil. *Now being a lawyer if that tanah ada geran, given to the kuil barangkali boleh kita sebut di sini istilah ‘merampas’*. *But the fact of the matter is that the land is still belongs to DBKL. Meaning belongs to the government*. Tidak ada soal perampasan. *So be fair*. Kalau mahu buat pun tuduhan-tuduhan mesti buat perkara yang betul. Jadi jangan *drag* saya dalam perkara-perkara yang ada *political agenda* dan saya dilihat sebagai Speaker yang tidak bertanggungjawab. *[Tepuk] Don’t do that to me*.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua saya boleh panggil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang saya tidak ada panggil Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Saya bantu..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat, duduk dulu. Saya belum selesai lagi. Saya juga difahamkan oleh DBKL bahawa mereka telah pun bersedia untuk

mengambil tindakan sudah lama. Akan tetapi apabila dia dapat tahu ada penyokong-penyokong kuil yang masih di situ. Jadi saya tidak benarkan lagi perkara-perkara ini dibahaskan kerana kuasa saya ini *in discretionary*. Seharusnya Yang Berhormat, saya tidak perlu untuk memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat kenapa saya tolak *you got to respect my decision. If you* tidak puas hati bawa usul bersendirian. Kalau Yang Berhormat juga ganggu selepas saya bercakap ini ada Yang Berhormat berdiri, saya tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kuasa saya di bawah 18(4).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan. Minta penjelasan boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab dengan ringkas apa yang disebut

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat ini bukan lagi soal jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** No...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua saya telah dengar, biar saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** No, no Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua ada menyebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai, kalau Yang Berhormat tidak duduk, saya akan...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Beri peluang kepada saya untuk jawab...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Fakta-fakta yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat tidak duduk saya akan halau Yang Berhormat untuk keluar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya dengar dengan sabar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya dengar dengan sabar sahaja apa yang disebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Ahli Yang Berhormat tidak duduk, saya arah Yang Berhormat untuk keluar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** No Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua perlu memberi saya untuk jawab. [*Dewan riuh*].

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri menipu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat Padang Serai enggan untuk mematuhi arahan saya...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Hanya dua poin. Hanya dua poin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selaras dengan peraturan mesyuarat, sekarang ini saya akan mengarahkan Yang Berhormat Padang Serai untuk meninggalkan Dewan. *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri menipu. Yang Berhormat Menteri menipu. *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua tidak bagi saya ruang untuk bercakap, untuk menjawab situasi di mana Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila tinggalkan Dewan Mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu bukti dia dirobohkan. Itu bukti dia dirobohkan. *[Sambil menunjukkan sekeping gambar]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, petugas Parlimen. Sila pastikan bahawa Yang Berhormat Padang Serai keluar.

**Seorang Ahli:** Keluar, keluar, keluar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua mana keadilan? Tuan Yang di-Pertua kita ada Yang Berhormat Menteri memperdayakan Tuan Yang di-Pertua dengan fakta yang salah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat, minta penjelasan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai sila keluar. *[Dewan riuh].* Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk dulu Yang Berhormat!

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua kalau, kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai sila tinggalkan Dewan mesyuarat. *[Dewan riuh].*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain isu belum selesai, belum lagi Yang Berhormat Padang Serai meninggalkan Dewan mesyuarat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu, sekejap dulu Yang Berhormat Batu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau sebut keluar itu kena ada tempoh, kena ikut peraturan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong duduk Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau ikut peraturan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua saya tidak boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak ada kena mengena tolong duduk dulu Ahli Yang Berhormat!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada kena mengena Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak kena mengena dengan isu ini tolong duduk! Yang Berhormat Subang duduk Yang Berhormat Subang. Saya belum panggil lagi. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Sepang sila. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua telah menjelaskan tentang perkara 18. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua tidak seharusnya memberikan satu *literal interpretation* of perkataan *discussion*. Ini kerana *discussion* itu saya rasa kalau kita memberikan satu tafsiran yang begitu *literal*, maknanya kita telah memberikan satu - dengan istilah sahaja kita boleh tolak satu usul.

Saya ada pengalaman membentangkan dan membangkitkan usul 18. Ada masanya, Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya yang saya cerita. Saya hendak dapat satu konsistensi daripada pihak Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh apabila usul saya berkenaan dengan penutupan PLKN. Masa itu apabila saya terima surat dia kata tolak dalam mahkamah. Akan tetapi tidak ada langsung *reason* yang diberikan di bawah 18(7). Apabila saya bertanya kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu, beliau mengatakan keputusan sudah tamat.

Jadi sekarang hari ini Tuan Yang di-Pertua telah memberikan satu syarahan yang panjang tentang ini. Jadi saya rasa sebelum kita mahu menyalahkan pihak ahli pembangkang atau Ahli-ahli Parlimen di sini pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pihak jawatan Tuan Yang di-Pertua itu sendiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mestilah ada satu konsistensi dalam memberikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang ada konsistensi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Setakat ini semua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat .

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Semua ditolak, semua ditolak. *Where is the fairness, where is the justice...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain. Setiap Ahli Yang Berhormat dibekalkan dengan peraturan mesyuarat. Setiap Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan peraturan mesyuarat mesti faham apa itu peraturan mesyuarat. Saya telah menyatakan bahawa bukan semua interpretasi saya adalah disukai oleh semua atau pun betul.

Akan tetapi dalam peraturan mesyuarat, keputusan saya adalah muktamad. Kalau tidak juga dipertengkarkan, tidak diterima kita tidak boleh habis Mesyuarat. Jadi bagi sesiapa yang tidak bersetuju - nanti dulu Yang Berhormat Sepang. Bagi sesiapa yang tidak bersetuju, Peraturan Mesyuarat 43 mengatakan bahawa boleh buat usul persendirian, notis 2 hari supaya kita tidak menghabiskan masa.

Mengenai dengan surat konsistensi yang saya tulis kepada Yang Berhormat secara terperinci kerana saya panggil dia kelmarin, berdepan, berbincang. Dia juga adalah Ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Apa yang saya akan panggil sudah pun saya rangka bila supaya perkara-perkara dalam ini, kalau tidak bersetuju Yang Berhormat dapat kita perbaiki. Akan tetapi yang saya tidak mahu ialah jangan bawa isu-isu yang saya rasa yang tidak patut dibawa di Peraturan Mesyuarat 18. Ini kerana apabila ia dibawa, kalau saya tolak macam beginilah, bahawa ada yang bertanggapan saya menyebelah kerajaan.

Akan tetapi apabila saya memberi penjelasan walaupun apa yang saya jelaskan itu adalah benar belaka. Kenapa tidak diterima? Itu sebab saya panggil Yang Berhormat yang berkenaan. Saya tidak tolak pun langsung dia dalam jawatankuasa saya dengan harapan bahawa dia juga boleh beri saya pandangan. Akan tetapi apa yang saya nampak, terima daripada beliau semalam, dia kata *is fine of whatever we have discussed, I think I will proceed to do my usul.* Ini dia sengaja buat begini supaya bertengkar begini. Supaya nanti keluar sana ada lagi *press statement.* So, *I never win, I always lose* tetapi bantu saya Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**■1150****RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diintukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[11 November 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Padang Rengas.

**11.30 pg.**

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Telok Kemang, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Jerlun yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan semasa perbahasan peringkat dasar Bajet 2014. Pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulung mengikut tajuk. Jadi kemungkinan ada tajuk yang tidak disentuh, ia akan berulang-ulang. Akan disebut balik apabila mana-mana Ahli Parlimen menyentuh tajuk-tajuk yang saya jawab ini.

Pertama, tentang tajuk projek pelancongan dan kebudayaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong telah mencadangkan penambahbaikan prasarana penginapan pelancong dan *homestay* di kawasan tumpuan pelancong seperti kolam air panas, Lata Kekabu dan Lata Ulu Lawin. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30.1 juta kepada negeri Perak dalam RMKe-10 bagi pelaksanaan projek pelancongan dan kebudayaan. Daripada jumlah itu sebanyak RM5,870,200 diperuntukkan untuk menaik taraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, dan RM87,200 untuk projek penyelenggaraan papan tanda dan naik taraf landskap kampung *Homestay Beng*, serta kampung-kampung tradisional.

Cadangan membina bangunan Galeri Arkeologi Lembah Lenggong akan dimulakan pada awal tahun 2014 untuk dijadikan pusat pelawat dan pejabat warisan dunia Lembah Lenggong yang merupakan keperluan seperti mana yang lain, tapak warisan dunia. Projek ini dijangka siap dalam tempoh masa dua tahun. Di bawah RMKe-9, negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM75.2 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.1 juta diperuntukkan kepada daerah Lenggong bagi melaksanakan beberapa projek penyenggaraan dan pembangunan kemudahan pelancongan seperti menaik taraf jeti, pencahayaan, wakaf dan penerapan jalan masuk. Pembinaan jeti di kawasan Hutan Lipur Lata Kekabu, hentian R&R di Tasik Raban dan Tasik Chenderoh.

Yang Berhormat Taiping pula mencadangkan peruntukan RM50 juta bagi membolehkan projek kereta kabel di Bukit Larut dapat dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat Taiping Cable Car Sdn. Bhd telah memohon projek Taiping Cable Car melalui kemudahan pinjaman tabung infrastruktur pelancongan di bawah Bank Pembangunan Malaysia dan permohonan tersebut masih dalam tindakan kementerian.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa mencadangkan kawasan pantai-pantai baru yang belum dibangunkan seperti Pantai Mek Mas, Pantai Kundur, Pantai Cahaya Bulan, Pantai Sabak dibangunkan sebagai pantai tarikan pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk RMKe-9, kementerian ini telah membelanjakan sebanyak RM3.6 juta bagi melaksanakan projek-projek menaik taraf kemudahan dan infrastruktur pelancongan di bawah pantai utama negeri Kelantan. Seperti Pantai Cahaya Bulan, Pantai Tok Bali, Pantai Irama, Pantai Sri Tujuh, Pantai Bisikan Bayu, Pantai Geting, Pantai Melawi dan Pantai Kemayang.

Di antara komponen projek yang telah dilaksanakan ialah projek pemasangan papan tanda, menaik taraf tandas awam, surau, tempat letak kereta dan landskap, membina restoran terapung, wakaf, gerai makan dan rumah bot serta menyediakan laluan pejalan kaki bagi kemudahan dan keselesaan kepada pelancong. Kementerian ini juga memohon kerjasama pihak berkuasa tempatan untuk memastikan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang telah siap dibina, diselenggarakan secara berjadual untuk memastikan kemudahan tersebut dapat digunakan

sepenuhnya oleh para pengunjung. Kementerian ini bersedia untuk mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat bagi Pantai Sabak, Pantai Mek Mas dan Pantai Kundur setelah kajian potensi pelancongan oleh pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri diadakan kelak.

Cadangan Yang Berhormat Paya Besar mengenai peningkatan infrastruktur pelancongan kajian soal selidik sebagai maklum balas tahap kepuasan pelancong amat dialu-alukan pihak kementerian. Kajian kepuasan pelancong ini sememangnya merupakan salah satu elemen penting yang diambil kira dalam kriteria lawatan *inspectorate project* dan penilaian *outcome* dan juga penilaian *outcome* projek yang dilaksanakan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, ICU Jabatan Perdana Menteri.

Tambahan lagi pihak kementerian juga mengambil kira aduan-aduan yang diterima daripada para pelancong terhadap tahap keselesaan, keselamatan, dan penyelenggaraan kemudahan infrastruktur pelancong yang disediakan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memberi perhatian ke atas peningkatan infrastruktur destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara. Di bawah RMKe-10, kementerian ini telah mendapat peruntukan berjumlah RM343.6 juta bagi penyediaan dan peningkatan kemudahan pelancongan ini seluruh negara.

Yang Berhormat Silam, mengusulkan agar peruntukan untuk pembangunan infrastruktur di kawasan tarikan pelancongan di Lahad Datu dipertingkatkan, contohnya Lembah Danum dan Tabin. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM7.1 juta di bawah RMKe-10 untuk membangunkan projek pelancongan di Lahad Datu, Sabah iaitu sebanyak RM4.5 juta untuk melaksanakan projek pembangunan Kawag Riverside Lodge di Hutan Simpan Ulu Segama, Sandakan di kawasan Lembah Danum. Antara komponen yang dilaksanakan dalam projek ini ialah kaunter penyambut tetamu, chalet, menara observasi, pelantar berkayak, gazebo dan laluan *jungle tracking*. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada awal tahun 2014, manakala sebanyak RM2.6 juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek peningkatan kemudahan pelancongan di Rizab Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu. Projek ini akan dimulakan pada 2014 dan melibatkan komponen seperti pembinaan bangunan pusat pelawat, ruang rehat pelawat, jambatan gantung, pondok rehat dan sebagainya.

Yang Berhormat Kangar juga mengusulkan supaya pihak kementerian menaik taraf prasarana di bandar Kangar untuk merancakkan kegiatan pelancongan di bandar tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-9, kementerian ini telah memperuntukkan RM3.8 juta bagi melaksanakan projek *Kangar River Front* berjumlah RM3.2 juta dan projek menaik taraf infrastruktur sedia ada *Kangar Waterfront* berjumlah RM400,000. Kedua-dua projek ini telah disiapkan pada Oktober 2009 dan Mac 2010. Manakala di bawah RMKe-10 pula, KPK telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta untuk melaksanakan projek pengindahan sungai Perlis dan Kuala Sungai Baru di bandar Kangar yang meliputi komponen seperti pengindahan landskap, pembinaan papan tanda, pencahayaan, penanaman pokok berembang dan pembinaan trek basikal. Projek ini telah pun siap pada April 2012.

Tajuk kedua- promosi....

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri.

■1200

Tadi berkaitan dengan usaha untuk mencantikkan sungai-sungai seperti yang disebutkan. Saya mengalau-alukan usaha kementerian untuk mengindahkan sungai dan menjadikan sungai satu kawasan tempat rehat, pelancongan dan sebagainya. Akan tetapi persoalannya, sejauh mana kerjasama yang diberikan oleh pihak kerajaan tempatan, PBT khususnya dalam hendak menjaga? Mula buat, belanja elok tetapi akhirnya penjagaan itu tidak ada. Akhirnya kembali sungai itu jadi tempat buangan barang busuk dan sebagainya. Pendidikan rakyat pun tidak ada untuk memastikan sungai itu menjadi satu tempat yang sangat cantik seperti mana di luar-luar negara, kita lalu di sungai itu malah ada pengangkutan sungai yang dibuat untuk mengekalkan suasana keindahan tersebut.

Jadi, ini problem kita. Saya sudah tengok banyak. Buat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memberi peruntukan dan sebagainya tetapi penjagaan tidak ada. Penjagaan itu sudah tentulah pihak PBT sendiri. Jadi, saya hendak minta penjelasan, sejauh mana kementerian hendak pastikan supaya pihak PBT itu dapat memastikan?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tidak jangan beri peruntukan. Buat rugi duit sahaja, buat apa.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya amat bersetuju apa yang telah dibangkitkan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka, duduk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Oleh Yang Berhormat Pokok Sena sebentar tadi. Oleh sebab itu dalam jawapan saya kepada soalan daripada Pengkalan Chepa, kita meminta kepada PBT supaya setelah kita membelanjakan wang untuk menaikkan taraf semua prasarana ini, kita mengharapkan supaya PBT akan dapat memberikan kerjasama dengan menjaga segala harta, hak PBT itu supaya ia boleh diguna oleh pengunjung-pengunjung ataupun pelancong-pelancong. Dalam usaha ini Yang Berhormat, saya telah berusaha selaku Menteri untuk mengadakan satu jawatankuasa di peringkat oleh kerana kita tahu iaitu bahawa kalau Exco Kerajaan Negeri, dia tidak boleh, dia hanya jaga pelancongan sebagai contoh. Akan tetapi dia tidak ada kuasa kepada PBT kerana itu luar portfolio dia.

Jadi oleh kerana itu saya telah mencadangkan supaya kita tubuh satu Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan peringkat negeri, di mana ia bukan dipengerusikan oleh Exco tetapi dipengerusikan oleh seseorang yang dilantik, dipersetujui oleh Menteri Besar dengan saya. Lantik orang itu dan di bawah, yang menjadi ahli dalam jawatankuasa itu ialah mereka yang datang daripada PBT, pertanian dan berbagai-bagai lagi portfolio dalam negeri itu supaya di situ kita dapat mengkoordinasi soal pelancongan di negeri itu kerana Yang Berhormat cakap itu betul.

Pelancongan ini bukan pelancongan saja. Pelancongan ini melibatkan kalau tempat, kalau sungai sudah tentu pertanian ataupun kalau di tempat-tempat katakan sekarang ini bendang-bendang sawah padi boleh menjadi tempat pelancongan dan itu sudah tentu di bawah pertanian. Kemudian kalau ada tempat juga seperti Kellie's Castle, ia di bawah PBT.

Jadi kita mesti ada satu badan koordinasi untuk mengkoordinasi pelancongan di negeri berkenaan. Perkara ini masih menunggu persetujuan daripada Kementerian Kewangan dan kalau *insya-Allah* ia diluluskan, saya akan membentuk dan berjumpa dengan setiap Menteri Besar supaya melantik pengerusinya dan dibentuk jawatankuasa. Ini supaya kita dapat mengkoordinasi di antara berbagai-bagai jabatan yang ada dalam negeri itu supaya dapat kita pastikan apa yang kita lakukan untuk pelancongan itu dapat dilaksanakan dengan baik dan apa yang telah kita dirikan dapat dijaga dengan baik oleh pihak berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga yang bangun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang cukup *clear*, cukup baik. Maknanya usaha untuk hendak mencantikkan sungai ini dan saya hendak mengucapkan terima kasih dan saya harap badan itu kena dipercepatkan, kalau tidak sudah belanja duit tiba-tiba akhirnya akan berlaku kerosakan sebab saya juga pernah lihat Sungai Kedah. Sungai daripada Anak Bukit sampai ke Alor Setar itu, zaman Tan Sri Sanusi Junid menjadi Menteri Besar dulu itu, memang dicantikkan di tepi-tepi sungai, dibuat tempat laluan jalan kaki tetapi akhirnya jadi...

Jadi, sebab itu saya harap kementerian dapat melihat kembali Sungai Anak Bukit supaya menjadi satu sungai yang baik untuk pelancongan sebab di Anak Bukit itu ada istana. Istana Ke Bawah Duli Tuanku Sultan dan juga merupakan Yang di-Pertuan Agong. Itu satu sejarah yang cukup hebat. Jadi, saya harap dapat dibangunkan dan di *develop* sungai tersebut supaya mencantikkan kembali dan menjadikan ia satu tempat laluan untuk orang naik bot pergi tengok istana, ambil gambar. Jadi, ini ke arah untuk hendak menghidupkan sungai Anak Bukit khususnya di kawasan Istana Diraja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pemikiran Yang Berhormat itu macam saya juga sebab memang saya tahu sebab sungai di Alor Setar itu, Sungai Kedah kan. Ya, Sungai Kedah ini sebenarnya di tepi-tepi tebing, di tepi sungai itu ada bangunan-bangunan yang sebenarnya boleh kita jadikan sebagai tarikan pelancong. Apabila dia naik bot, kita boleh tunjuk ini Istana Anak Bukit dan sebagainya. Yang Berhormat Pokok Sena pun boleh buat aktiviti di tebing-tebing sungai itu. Kita...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, semua ada, betul. Kita pernah lakukan ini di Melaka. Sungai Melaka dulu adalah sebuah sungai yang cukup kotor dan macam-macamlah. Sampah ada tetapi hari ini kita tengok bagaimana sungai itu dijaga dengan begitu baik dan sekarang ini sudah ada di sungai Melaka. Saya ingat kaedah yang sama boleh kita laksanakan di negeri lain dan terutama di ibu negeri. Saya kira kalau ibu negeri yang ada sungai sememangnya

patut kita gunakan sungai itu. Bila kita guna sungai itu, kita jaga dengan baik untuk kepentingan pelancongan dan juga untuk menjaga *environment*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Kota Melaka hendak cakap fasal apa.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, Sungai Melaka [*Ketawa*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sungai, pembangunan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa Sungai Melaka sekarang sudah menjadi salah satu tarikan pelancongan. Akan tetapi saya ingin minta perhatian dari Yang Berhormat Menteri juga, semasa kita menjalankan projek fasa kedua untuk mengindahkan Sungai Melaka ini, kita tidak boleh mengabaikan kehidupan iaitu perkampungan ataupun penduduk-penduduk di tebing sungai. Ini kerana semasa projek ini dijalankan saya pun tidak pasti apakah sebabnya kelewatan yang mengakibatkan banjir kilat begitu kerap, sering kali berlaku. Satu minggu mungkin kadang-kadang 2, 3 kali di perumahan dekat pengkalan lama, pantai dan lain-lain. Minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian.

Satu lagi isu yang saya ingin bangkit Yang Berhormat Menteri, tadi katakan tentang projek pembangunan. Saya ingin tahu selepas Bangunan Parlimen ini dinaiktarafkan, *face-lift* yang kita kena belanjakan wang begitu besar untuk menjalankan projek, adakah kementerian juga akan ada rancangan untuk menjadikan Parlimen Malaysia ini salah satu tapak atau tarikan pelancongan sebab saya percaya Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di banyak negara bangunan Parlimennya ialah salah satu tarikan pelancongan.

Baru-baru ini saya berpeluang bersama dengan Ahli Yang Berhormat yang lain, kita melawat Parlimen Korea [*Menunjukkan risalah berkaitan*] Nampak brochure nya, “*Have a day fun in assembly building*” la betul-betul menjadikan Parlimennya satu tapak pelancongan kerana kita ada Bangunan Parlimen yang begitu canggih atau unik dengan persekitaran yang begitu - saya dengar landskap kita pun boleh katakan setaraf dengan mereka. Adakah perancangan kementerian untuk menyediakan lebih kemudahan supaya Parlimen boleh jadi satu tapak pelancongan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya pun bersetuju apabila Yang Berhormat mencadangkan supaya Parlimen ini juga menjadikan satu tarikan pelancong terutama sekali waktu kita bersidang. Saya ingat siapa datang pun, cukup syok, cuma dia tidak faham Bahasa Malaysia. Kalau dia faham Bahasa Malaysia, kita boleh *charge* RM5 setiap orang yang hendak masuk kerana banyak orang kata pelakon-pelakon dalam Dewan ini [*Ketawa*] Jadi, saya setuju. Saya memang setuju. Di mana-mana sekalipun kita pergi, memang

Parlimen merupakan tempat tarikan pelancong dan sebenarnya kalau kita pergi ke *Westminster* di London, tiap-tiap hari penuh dengan orang berduyun-duyun beratur hendak masuk.

**■1210**

Saya pun mula ingat apa dia. Rupanya dia orang beratur hendak pergi tengok *Westminster*. Saya setuju, saya ingat saya boleh bincang dengan Tuan Yang di-Pertua. Apakah lagi mungkin kita boleh apatah lagi dalam pembangunan baru dalam Parlimen ini kita bina juga apa yang dikatakan hotel-hotel di sini. Selain daripada waktu bersidang kita duduk di hotel itu. Waktu tidak bersidang mereka juga boleh duduk di hotel dan kita gunakan Parlimen ini sebagai tarikan pelancong-pelancong. Saya amat bersetuju dan saya akan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua, atau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Oh, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Menteri, *just* mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi semasa Yang Berhormat Pokok Sena bercakap tentang menubuhkan satu badan untuk hendak menjaga kawasan atau pun penyerahan menerima projek yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pelancongan. Ini memang menjadi satu masalah yang sudah lama, sebab selalunya bila kementerian meluluskan projek pengindahan kawasan daya tarikan pelancong ini, diserahkan kepada Majlis Daerah dan sebagainya. Akan tetapi bila *maintenance* dia ada masalah.

Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri juga berkata tentang hendak jumpa Menteri Besar, hendak tubuhkan macam satu badan di peringkat negeri. Apakah yang telah berlaku kepada Majlis Tindakan Pelancongan Negeri yang sebelum ini diwujudkan di setiap negeri?

Kemudian, selalunya majlis ini dipengerusikan oleh Exco Pelancongan. Akan tetapi telah pun dibubarkan pada tahun 2009 tidak silap saya. Ini kerana badan ini adalah satu badan yang *coordinate*, gerak kerja pelancongan sama ada dari segi menyusun atur dengan industri *players* sama ada dengan kumpulan orang yang *ground handless*, *hoteliers* dan sebagainya, tetapi MTPM ini telah pun dibubarkan. Jadi, adakah kerajaan atau pun kementerian bercadang hendak *revise* semula Majlis Tindakan Pelancongan Negeri di semua negeri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Inilah yang saya maksudkan iaitu Majlis Tindakan Pelancongan Negeri ini telah pun dibubarkan pada tahun 2009 dan saya hendak hidupkan semula. Akan tetapi ianya bukan dipengerusikan oleh Exco Pelancongan kerana Exco Pelancongan ini dia sama taraf dengan *exco-exco* yang menjaga portfolio lain. Ia mestil merupakan pelantikan daripada Menteri Besar dan dia tidak semestinya Ahli Yang Berhormat. Jadi, apabila Menteri Besar melantik dia, jadi barulah maknanya dia mempunyai kuasa untuk sebenarnya mengkoordinasi dengan arahan Menteri Besar, tubuhkan ini, lantik pengerusi, ahli jawatankuasa semua. Jadi, dengan cara ini kita dapat mengkoordinasi.

Terutama sekali untuk memastikan iaitu peruntukan daripada kementerian. Ini kerana apabila kementerian membelanjakan, memberikan wang kepada negeri, kita hendak *monitor* iaitu supaya wang yang kita serahkan kepada negeri untuk tujuan khusus ia dibelanjakan khusus untuk projek itu. Jadi sebab itu di antara lain, kerja jawatankuasa pelancongan ini ialah untuk memastikan supaya segala peruntukan yang diberikan oleh kementerian akan dibelanjakan dengan betul seperti yang diarahkan.

Jadi, memang Yang Berhormat itulah sebenarnya yang ditutup pada tahun 2009 itu, hendak *revise* balik. Akan tetapi dengan sedikit perbezaan pengerusinya tidak dipengerusi oleh Exco Pelancongan, tetapi seorang yang dilantik oleh Menteri Besar dan juga untuk hendak menjaga perjalanan perbelanjaan peruntukan daripada kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju bahawa hendak dihidupkan balik Majlis Tindakan Pelancong itu dan pelantikan itu dibuat daripada cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi saya hendak minta supaya termasuk juga di negeri-negeri yang diperintahkan oleh Pakatan Rakyat. Mesti mengambil kira bahawa cadangan pegawai yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk mencadangkan nama bagi pihak Menteri Besar dan bagi pihak kerajaan negeri. Jangan pula hanya di *apply* di kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Kerajaan negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat lalu kementerian mengambil orang lain yang dikirakan bahawa sealiran dengan Kerajaan Pusat sedangkan duit itu diperuntukkan kepada kerajaan-kerajaan negeri. Kita hendak minta, hendak dapatkan kerjasama daripada kerajaan negeri di segi PBT dan agensi yang lain untuk memastikan perbelanjaan itu dibelanjakan dengan baik dan penjagaan dapat dibuat dengan baik. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, saya tidak sebut pun dalam ayat belakang itu Menteri Besar Kerajaan Barisan Nasional. Saya sebut Menteri Besar Negeri. Bermakna kalau negeri itu diterajui oleh parti pembangkang, Menteri Besar yang itu yang saya maksudkan. Jadi, Yang Berhormat ini mempertikaikan tentang keikhlasan saya untuk memajukan pelancongan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak pertikai, saya hendak dapatkan penjelasan yang *clear* dalam Dewan ini. Maknanya saya tabik lah, tidak seperti mana kementerian-kementerian lain. Majlis Pembangunan Pertanian Daerah, kementerian lantik orang itu orang ini, langsung tidak ambil. Menteri Pelancongan ini saya tabik. Ini kita hendak politik baru Malaysia. Politik baru Malaysia [*Tepuk*] Ini saya katakan Yang Berhormat Menteri Pelancongan ini peneraju kepada politik baru Malaysia dalam...

**Seorang Ahli:** Bukan macam Menteri lama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak macam. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Akan tetapi bila tanya pada saya, tidak percaya juga lah kan, hendak pengesahan kan? Tidak, saya akan berunding dengan setiap ketua kerajaan

negeri. Ini kerana pelancongan ini mesti dilakukan di seluruh negara Malaysia termasuk negeri-negeri di mana kerajaan itu ialah daripada pihak pembangkang. Jadi, termasuklah Pulau Pinang, saya akan runding dengan Yang Berhormat Bagan. Nanti, kita pergi minum sat lagi di pejabat saya, kita bincang.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh pergi pada promosi. Mengenai cadangan Yang Berhormat Lenggong agar Pesta Makanan Tradisional Lenggong dijadikan sebagai produk pelancongan. Pihak kementerian melalui Jabatan Warisan Negara telah mengadakan demonstrasi masakan warisan semasa majlis meraikan Lembah Lenggong pada tahun 2012 dan Majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia di Dataran Lenggong pada bulan September 2013.

Makanan tradisional Lenggong seperti ikan pindang, gulai gemahang dan ‘kebebeh’ sangat berpotensi untuk dipromosikan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Kebebeh-kebebeh bukan binatang, ni makanan. Saya orang Lenggong. Kebebeh- ejaannya “K-E-B-E-B-E-H.” Kebebeh ini kita tidak kiralah sama ada jambu kah, apa juga lah, kita tumbuk bagi hancur. Selepas itu bubuh lah belacan dalam itu, cili bubuh dalam itu, makan lah. Itu kebebeh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sambal kah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Macam itu lah sambal, tetapi dia gaul. Dia gaul. Tidak kira sama ada dia boleh jadi kebebeh jambu, kebebeh belimbing kah atau apa tidak kisah. Akan tetapi dia mesti tumbuk, tumbuk, gaul. Sedap Yang Berhormat. Nanti kita ada Pesta Makanan Lenggong, saya jemput Yang Berhormat pergi sekali lah. Akan tetapi Lenggong ini walaupun kampung saya, saya bukan Ahli Parlimen Lenggong. Saya Padang Rengas. Mana dia Yang Berhormat Lenggong? Dia ada hari ini?

**Seorang Ahli:** Tidak ada, cuti.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia cuti. Okey. Jadi, kebebeh. Jadi, makanan tradisional Lenggong tadi saya sudah sebut. Susulan daripada program tersebut, makanan sedang menerbitkan buku makanan tradisional Lenggong yang dijangka siap pada bulan Disember tahun 2013 ini. Bagi cadangan Yang Berhormat Sibuti untuk memperhebatkan promosi pelancongan, sebab kementerian sememangnya tiada halangan untuk memperhebatkan promosi pelancongan di kawasan Yang Berhormat terutamanya sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 ini kerana Sibuti ini terkenal dengan:

- (i) kawasan pantai yang menarik dan bersih di mana pihak kementerian telah meningkatkan pembangunan infrastruktur di kawasan pantai Kampung Bungai. “Bungai” ini bunga, tahu?;
- (ii) destinasi aktiviti laut seperti memancing yang boleh dipromosikan memandangkan ia juga merupakan lokasi perkelahan penduduk setempat; dan
- (iii) kawasan terumbu karang pesisir Pantai Sibuti berpotensi untuk aktiviti menyelam dan *snorkeling*.

Selain itu terdapat tiga buah *homestay* suku kaum Kedayan di kawasan tersebut iaitu *homestay* Kampung Peliau. Ini kena sebut betul-betul ini- "P-E-L-I-A-U", Peliau. Kampung Peliau. Gayat saya bercakap ini. Kampung Bungai dan Kampung Jambu yang boleh dipromosikan di bawah Program Homestay.

■1220

Tourism Malaysia Sarawak turut menganjurkan ekspedisi motosikal berkuasa tinggi di bawah program 1Malaysia Brotherhood Ride pada 7 Julai dan 15 Julai 2010. Program ini melibatkan 35 peserta di kalangan ahli media tempatan dan luar negara. Laluan ekspedisi Kuching ke Miri ini turut melalui perkampungan *homestay* Kedayan. Selain itu Persatuan Homestay Sarawak juga turut mempromosikan *homestay* tersebut di dalam program promosi mereka.

Ahli Yang Berhormat Taiping telah mencadangkan supaya kementerian memberi perhatian kepada industri pelancongan di Taiping memandangkan Taiping mempunyai 32 perkara yang pertama di Malaysia seperti mahkamah pertama, pejabat tanah pertama, jalan kereta api pertama, muzium pertama dan sebagainya yang berpotensi sebagai produk pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPK atau kementerian saya sememangnya memberi perhatian kepada kawasan Taiping yang mempunyai produk pelancongan warisan memandangkan terdapat 14 buah tapak yang telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan di negeri Perak. Antara warisan kebangsaan yang terletak di bandar Taiping adalah mahkamah pertama yang terletak di Kota Ngah Ibrahim, Taiping. Pejabat tanah pertama yang diwartakan atas nama Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama, Taiping serta muzium pertama iaitu Muzium Perak yang telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2009.

Kerja konservasi telah menjalarkan Taiping merangkumi bangunan dan tapak Muzium Perak, Bangunan Sanitary Board, Taiping, Gereja All Saints dan bangunan lama Jabatan Kerja Raya. Kesemua usaha ini secara tidak langsung dapat melestarikan dan mengimarahkan produk pelancongan berdasarkan warisan.

Ahli Yang Berhormat Gerik mencadangkan penubuhan Lembaga Pelancongan Daerah Hulu Perak untuk mempromosikan produk pelancongan seperti Royal Belum, Tasik Temenggor, Perak Man dan tapak peninggalan komunis. Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Tourism Malaysia, agensi di bawah kementerian bertanggungjawab untuk mempromosikan segala acara dan produk pelancongan di Perak termasuklah di Daerah Hulu Perak. Pihak kerajaan negeri juga telah menuahkan Tourism Perak yang juga bertindak mempromosikan industri pelancongan di Perak. Sehubungan dengan itu kementerian ini berpendapat bahawa kedua-dua badan tersebut adalah memadai untuk mempromosikan produk pelancongan negeri Perak secara berkesan.

Yang Berhormat Gerik juga mencadangkan agar aktiviti menjelajah *four wheel drive* dan *photo hunt* alam semula jadi di Royal Belum dapat dianjurkan. Namun program berbentuk eskpidisi kenderaan pacuan roda empat (*four wheel drive*) adalah kurang sesuai diadakan di hutan Royal Belum kerana dikhuatirkan akan mendatangkan kerosakan kepada ekosistem Hutan Belum di samping memberi peluang kepada pembalak haram menggunakan jalan laluan tersebut untuk aktiviti pembalakan haram mereka.

Walau bagaimanapun, pelbagai program lain telah diatur sebagai promosi pelancongan kawasan Royal Belum termasuklah lawatan familiarisation trip, penyertaan media dalam dan luar negara sempena *Royal Belum World Drums and Percussions Festival*. Lawatan *familiarisation trip* ke Royal Belum dan Gopeng dan *International Hornbill Expedition in Royal Belum*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapat di sini, pihak Tourism Malaysia juga telah bekerjasama dengan stesen televisyen National Geographic bagi menerbitkan dokumentasi khas mengenai Lembah Lenggong dan Hutan Royal Belum. Penggambaran telah selesai dilaksanakan dan ia dijangka ditayangkan di seluruh dunia pada penggal pertama tahun 2014, tahun hadapan.

Yang Berhormat Hulu Rajang telah mencadangkan agar Pesta Baleh-Kapit Raft Safari, Pesta Asap dan Belaga Rainforest dapat dipromosi dan diberikan peruntukan yang lebih sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Kementerian sememangnya telah dan akan terus mempromosikan acara-acara pelancongan di kawasan tersebut dengan menyenaraikan dalam kalender aktiviti pelancongan negeri Sarawak untuk dipromosikan di dalam dan di luar negara.

Selain itu mengadakan aktiviti sampingan seperti pertandingan marathon narigata semasa Belaga Rainforest Challenge. Bagi memberikan publisiti yang lebih meluas dalam mempromosikan perkhidmatan inap desa, misalnya homestay Sungai Asap sebagai salah satu tarikan pelancongan di kawasan Belaga.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Ipoh Barat dengan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti saya habis dahulu. Apa sedih? Okey, sedih je? ICJ? Yang Berhormat Sri Aman mengusulkan supaya kementerian mempromosikan besar-besaran Pesta Benak Sri Aman sebagai acara tarikan pelancongan kerana pesta ini berjaya menarik penyertaan antarabangsa seperti Perancis dan Brazil. Untuk maklumat Yang Berhormat, sejak tahun 2006, kementerian ini telah mendirikan sebuah bangunan di tepi Sungai Batang Lupar di bandar Sri Aman sebagai kemudahan bagi pelawat-pelawat menyaksikan fenomena ini dengan lebih selesa dan menempatkan Galeri Pesta Benak untuk memberi maklumat lanjut kepada para pengunjung.

Seorang peluncur dari Perancis bersama-sama beberapa orang rakannya telah menyertai Pesta Benak pada tahun 2011. Pada masa yang sama Tourism Malaysia telah membawa seramai 7 peserta media tempatan dan Singapura untuk menyaksikan fenomena ini di samping membuat rakaman untuk tujuan promosi pada masa akan datang.

Bagi mempromosikan Pesta Benak 2013, seramai 25 agensi pelancongan berserta lima wakil media tempatan telah dibawa untuk bersama-sama menyaksikan pesta tersebut. Pesta tersebut pada tahun ini juga telah disertai oleh beberapa peluncur antarabangsa dari Jepun, Eropah dan Australia.

Untuk makluman Yang Berhormat Mas Gading, usaha mempromosi pelancongan domestik terutamanya di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sememangnya giat

dijalankan oleh Tourism Malaysia. Penglibatan ejen-ejen pelancongan dari Sabah dan Sarawak dalam pameran pelancongan MATTA Fair di Kuala Lumpur adalah menyeluruh dan sentiasa meningkat.

Sesi *business to business (B2B) meet* yang melibatkan seramai 40 wakil ejen-ejen pelancongan dari Sabah dengan Semenanjung Malaysia telah diadakan di Kuala Lumpur pada 28 Jun 2013. Perkhidmatan penerbangan tambang murah telah membantu merancakkan lagi aktiviti pelancongan domestik antara penduduk Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Tambahan kepada itu, pakej-pakej pelancongan ke Sabah dan Sarawak turut dimuatkan dalam risalah *1001 Package* 2013 dan 2014 yang diedarkan di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Bachok telah mengusulkan supaya kementerian bekerjasama dengan kerajaan negeri dengan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang berunsurkan Islam terutamanya di kawasan Bachok. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Tourism Malaysia telah membangunkan dan mempromosikan pakej-pakej pelancongan Islam Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa. Termasuk pakej-pakej eko pelancongan dan lawatan kota atau *city tour* bagi menarik pelancong-pelancong Islam untuk ke Malaysia termasuk ke negeri Kelantan. Tambahan pula Pusat Pelancongan Islam atau ITC iaitu satu unit di bawah kementerian telah memainkan peranan dalam menerbitkan kompilasi pakej-pakej pelancongan Islam di seluruh negara termasuk Kelantan dengan mengetengahkan produk-produk pelancongan Islam seperti Muzium Islam Kelantan, Istana Jahar, Pasar Besar Siti Khadijah, Rantau Panjang, Masjid Sultan Ismail Petra, Masjid Al-Muhammadi dan pantai-pantai di Kelantan.

Berkaitan dengan mewujudkan pantai khas untuk golongan wanita di Pantai Irama Bachok, pihak kementerian berpendapat ia adalah sukar untuk dilaksanakan kerana ia di bawah kuasa Kerajaan Negeri Kelantan dan pihak berkuasa tempatan di Bachok. Namun begitu, Yang Berhormat Bachok boleh juga membawa usul ini kepada kerajaan negeri untuk dipertimbangkan. Yang Berhormat Ipoh Barat hendak daftar diri masuk Dewan, sila.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, skop kementerian Yang Berhormat termasuk *cultural diplomacy*. Dalam proses ini di mana program-program *cultural diplomacy* sangat mustahak dan apakah peranan yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat supaya kita lebih cebur dalam arena tersebut. Termasuk dalam mempromosikan proses *International Criminal Court (ICC)* di mana dikatakan ada berkaitan, kementerian Yang Berhormat sekarang sudah luas skopnya. Adakah, dan macam manakah peranan yang boleh ditolong oleh kementerian Yang Berhormat supaya kita lebih aktif, cenderung dan lebih membawa erti kepada konvensi-konvensi yang berkenaan?

■1230

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Setuju dengan apa Yang Berhormat sebut iaitu sekarang ini orang bercakap tentang *cultural diplomacy*.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ianya lebih mudah untuk kita mempunyai hubungan yang baik dengan negara-negara yang lain dengan kita mempromosikan budaya kita.

Bukan sahaja *dance troop*, tetapi *art* dan berbagai-bagai lagi yang boleh diletakkan di bawah kebudayaan ini. Sebagaimana Yang Berhormat sebut kalau antara kita dengan negara lain apabila diadakan *cultural exchange* dia lebih menarik perhatian orang-orang di negara itu terhadap negara yang di mana yang mereka melihat budaya itu sedang dipamerkan. Sebagai contoh yang paling mudah sekali, untuk kita memenangi hati negara-negara lain yang kita mahu berbaik-baik, kalau kita bercakap tentang bagaimana kita mengkonservasikan kita punya binatang-binatang liar, bagaimana kehidupan kita. Ini akan menarik perhatian negara-negara Barat. Ini juga merupakan soalan-soalan yang selalu dibangkitkan sewaktu saya pergi mempromosikan negara Malaysia di luar negara. Ini soalan yang mereka tanya.

Kemudian apabila kita ada pameran, *cultural dance* yang dilakukan oleh kanak-kanak. Itu juga saya kira tarikan yang paling menarik kepada orang luar terhadap Malaysia iaitu diversiti kita. Saya pergi ke London pada bulan September dan bawa bersama sekolah rendah di Sabah yang telah memenangi pertandingan tarian seluruh Malaysia. Kita bawa mereka ke sana. Yang lain-lain itu mendapat sambutan tetapi apabila kanak-kanak ini mempamerkan tarian, sungguh menarik dan mendapat tepukan yang paling gemuruh sekali. Terus mereka mengatakan mereka mahu datang ke Malaysia kerana mereka tertarik dengan apa yang berlaku.

Jadi, *you are right*. Akan tetapi saya tidak tahu macam mana hendak kaitkan ICC dengan *cultural* ini tetapi Yang Berhormat boleh berjumpa dengan saya dan kita boleh bincang. Saya rasa boleh ada peranan sebenarnya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Mungkin kalau Yang Berhormat pergi The Hague, hari itu tidak dapat pergi dengan saya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Itu Yang Berhormat yang lain.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kalau pergi The Hague dengan saya nyanyi lagi Tamil menunjukkan *Malaysia Truly Asia*, itu juga boleh menarik perhatian mereka.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Forum dan sebagainya. Itu yang saya..

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** 'Soru'?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Forum.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Oh forum. Saya ingat 'soru' tadi. *[Ketawa]* Forum ya? Okey.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Macam yang dicadangkan Yang Berhormat baru-baru ini di mana kita perlu adakan *Parliamentary Global Action Forum* di sini tahun hadapan dan sebagainya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, betul.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat, Hulu Rajang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu satu perkara betul yang..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, ada dua orang yang bangun. Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Hulu Rajang mencelah sedikit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya ada jawapan yang sampai untuk menjawab celahan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat daripada Pokok Sena sebentar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Berkennaan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dalam menyelenggarakan projek pelancongan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Jawapannya kementerian dalam usaha untuk memuktamadkan dan memeterai perjanjian kerjasama di antara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan kerajaan negeri untuk memastikan kesemua projek pelancongan yang telah diserahkan kepada pihak kerajaan negeri diselenggarakan dengan baik untuk memastikan projek-projek tersebut dapat digunakan oleh para pengunjung dan pelancong termasuk negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang. Ini jawapannya. Maknanya eloklah penyelenggaraan itu.

Ini *the latest*. Panas lagi, baru sampai. Siapa yang berdiri tadi?

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Mana dulu?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Gerik.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Gerik dahulukah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Gerik. Awak ini 'seh' saya ni. 'Jenuh'?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Berkennaan dengan "4x4", cadangan saya bukan masuk dalam Royal Belum. Royal Belum ini tidak boleh kita buat "4x4". Betul jawapan daripada kementerian. Maksud saya ialah di sebelah Royal Belum iaitu di Hutan Temenggor yang mana setakat ini pun sudah ada trek dia di mana kita minta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tengok. Sebenarnya trek yang ada ini cukup mencabar. Untuk melepas trekk yang ada itu masuk ikut Ganda tembus ikut RPS Kemar keluar di jalan menghala ke Tasik Temenggor.

Jadi maknanya trek yang ada ini cukup mencabar. Bukan sekadar "4x4". Kalau kita bawa *scrambler* pun ada setengah-setakat ini yang menganjur ini kebanyakannya polis dan kita bantu sedikit-sedikit. Cumanya yang saya cadangkan supaya kementerian tolong bantu sebagai satu "4x4" antarabangsa kerana saya tengok trek yang ada itu cukup mencabar. Itu cadangan yang saya kemukakan semasa perbahasan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti dahulu. Beri saya jawab dahulu. Saya jawab Yang Berhormat Gerik dahulu.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hendak jawab dahulu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jawab Yang Berhormat Gerik dahulu. Okey kalau begitu yang di Tasik Temenggor itu saya boleh minta pegawai saya untuk pergi melawat trek yang ada ini bagaimana kita boleh membantu dan kalau boleh menjadikan ia sebagai *world four-wheel drive track*. Okey Yang Berhormat Gerik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi saya sudah mendengar jawapan mengenai untuk mempromosikan *Baleh Kapit Raft Safari*. Kawasan Hulu Rajang ini Yang Berhormat, kita menggunakan sungai sebagai satu tarikan pelancong. Jadi *Baleh Kapit Raft Safari* adalah satu daripada aktiviti tahunan bagi bahagian Kapit.

Setakat tahun ini kita telah membuat aktiviti itu selama 18 tahun. Jadi Yang Berhormat masalah tersebut saya ingin sampaikan kepada kementerian bahawa peruntukan - promosi itu sudah ada Yang Berhormat. Jadi peruntukan untuk membaik pulih aktiviti tersebut supaya ianya sebagai satu aktiviti pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong luar ke pedalaman. Bukan setakat itu sahaja Yang Berhormat. Ia akan memberi hasil kepada penduduk rumah panjang dan supaya pelancong-pelancong dari luar negara melihat keadaan rumah panjang suku kaum Iban yang jauh di pedalaman.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat di kawasan saya Tasik Bakun. Sebagai seorang wakil rakyat saya ingin mempromosikan tasik itu sebagai satu tempat pesta air. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri selaku Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia supaya kalau boleh, luangkanlah masa untuk melihat keadaan tersebut sebagai satu acara menarik di kawasan Assap. Sekian, terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Menteri Pelancongan dan Kebudayaan sememangnya tidak segan dan malu untuk hendak menyatakan bahawa walau pun saya orang Semenanjung tetapi saya rasa *the jewel in our ecotourism* ini ialah Sabah dan Sarawak. Sememangnya waktu lawatan saya ke negeri Sabah dan Sarawak, saya telah menyatakan bahawa saya akan mempromosikan kedua-dua negeri ini sebagai negeri pelancongan *ecotourism* yang patut diberikan promosi yang kuat di luar negara.

Memang itu yang saya lakukan dan secara kebetulan iaitu pada tahun hadapan *Visit Malaysia Year 2014* setiap kali kita ada promosi ini kita ada maskot. Saya telah bersetuju untuk mencadangkan dan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri iaitu kita ambil maskot *proboscis monkey* yang mana hanya boleh didapati di Sabah dan Sarawak sahaja iaitu di Bakor dan juga di Kinabatangan. Jadi itu kita punya maskot. Oleh kerana saya telah melakukan lawatan ke negeri

Sarawak pada bulan Jun tahun ini dan saya telah berjanji untuk pergi- oleh kerana Sarawak ini besar, sekali tidak mencukupi.

Saya kata saya akan melawat lagi untuk pergi ke kawasan pedalaman. Jadi dalam lawatan yang akan saya lakukan pada awal tahun hadapan, saya akan pergi ke tempat Yang Berhormat dan saya hendak pegawai saya supaya melihat apa Yang Berhormat sebut tadi iaitu *event* yang diadakan di kawasan Yang Berhormat itu yang telah dilakukan selama 18 tahun, saya akan minta pegawai saya untuk turun dan pastikan supaya diberikan peruntukan untuk dijadikan *event* itu sebagai *event* tahunan pelancongan. Itu saya akan lakukan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

■1240

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya hendak pergi kepada tabung ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Bukit Gantang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Satu sen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Satu sen juga ini susahlah *[Ketawa]*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak bertanya berkenaan dengan apa tindakan yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan berkenaan dengan isu kelip-kelip di Kuala Sungai Sepetang yang sekarang ini agak terancam apabila adanya pembinaan beberapa buah kolam ikan di situ? Kesan daripada pembinaan kolam ikan itu menyebabkan cahaya lampu yang dipasang dan memberi kesan kepada kelip-kelip yang terdapat di situ dan saya rasa ini akan menjelaskan daripada segi ekopelancongan di situ. Kita harapkan supaya pihak kementerian dapat bertindak untuk mengawal supaya kawasan ini kawasan yang antara yang tercantik soal kelip-kelip ini. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat orang mana, orang Pahang?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Pahang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang tadi yang dua orang bercakap itu, cakap pekat itu bahasa kamilah itu *[Ketawa]* Kalau hendak balik pun 'kelik' juga. Ini kelip-kelip *[Ketawa]* Jadi ya Yang Berhormat. Ini kali pertama Yang Berhormat. Saya juga prihatin kerana *ecotourism* ini, seperti kelip-kelip ini kalau sekali ia hilang, ia tidak ada sudah. Jadi, ini kali pertama saya dengar. *Insya-Allah* saya akan bangkitkan benda ini dan minta kepada Menteri Besar iaitu apabila ada lampu - cahaya, ia larilah.

Jadi betul Yang Berhormat sebut, saya akan bangkitkan perkara ini dengan Menteri Besar supaya dalam pemberian kolam-kolam untuk dijadikan sebagai usaha pertanian, boleh diberikan tempat lain daripada kelip-kelip itu, kerana seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi, apabila

sekali ia lari, ia tidak mari balik sudah. Ia tidak kelik sudah. Ia terus hilang *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta pegawai saya mencatat. Ini perkara saya akan bangkitkan dengan Menteri Besar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bachok bangun.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Okey, okey.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Yang respons terhadap cadangan pantai khas untuk wanita tadi. Juga Yang Berhormat Menteri sebut di antara promosi yang dibuat ialah untuk menarik pelancong dari negara-negara Timur Tengah untuk hadir ke Malaysia.

Saya hendak mencadangkan kepada Menteri supaya mengadakan lawatan *benchmark* untuk melihat bagaimana pelaksanaan pantai yang khas untuk wanita ini di Mesir, sebagai contoh. Ini sangat bertepatan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, pelancong-pelancong dari Asia Barat ini kebanyakannya mereka adalah yang bertudung, menutup aurat, jadi kalau di Pantai Marina di Mesir itu, mereka masih sahaja ke kawasan untuk pantai khas wanita, mereka boleh membuka tudung dan mereka boleh berjemur di tepi pantai. Kalau di Malaysia saya tidak tahu di mana yang ada.

Setujukah Yang Berhormat di bawah Kementerian Yang Berhormat ini untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri, dan Bachok adalah merupakan kawasan yang paling panjang pantainya di Kelantan iaitu 28.8 kilometer. Kalau kementerian boleh bersetuju, pihak kerajaan negeri, saya boleh mencadangkan supaya kementerian menggunakan peruntukan untuk melaksanakan program seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi iaitu kita tidak ada masalah tetapi ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan di Bachok. Kalau di sana mereka bersetuju, kita setujulah. Tidak ada masalah. Dapat persetujuan dahulu daripada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Jadi, kalau *local* sudah bersetuju, Yang Berhormat mari jumpa saya lepas itu, tidak ada masalah. Pantai Marina *[Disampuk]* Di Mesir...

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Pantai Marina itu di Mesir, kita buat lawatan *benchmark* lah, Yang Berhormat bawa saya sekali.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Boleh, tidak ada masalah *[Ketawa]* Saya akan pergi ke Timur Tengah pada tahun hadapan. Yang Berhormat kalau sudi saya boleh jemput sekali kita pergi tengok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tuan Yang di-Pertua pun berminat juga *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Susah betullah. Lain kali berjumpa berdualah di luar. Jangan beritahu orang ramai. Nanti ramai minta hendak ikut sekali. Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak ada masalah. Saya pergi kepada tajuk ketiga iaitu Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan. Lebih dikenali sebagai TIP, tidak ada 'U' di belakang. Kalau TIP ada 'U' di belakang- "TIPU", susah! Yang Berhormat Pokok Sena akan mulamula bangkitkan. TIP sahaja ya Yang Berhormat.

Seperti Yang Berhormat Pengerang sedia maklum, melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2014 baru-baru ini, Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan telah diberikan peruntukan sebanyak RM2 bilion. Sehubungan itu, pengusaha-pengusaha pelancongan kini boleh memohon pinjaman Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIP) bagi membangunkan serta menaik taraf produk-produk pelancongan yang berpotensi dan berdaya saing seperti hotel, taman tema atau *theme park*, galeri, pembangunan marina, *waterfront*, safari, pembangunan pusat pelancongan bersepadu, dewan persidangan dan produk-produk lain yang berkaitan, yang melibatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM5 juta ke atas. Dengan kelulusan peruntukan ini, ia akan merancakkan lagi perkembangan industri pelancongan tempatan.

Selain itu, matlamat pertambahan dana ini juga adalah untuk memastikan kemudahan pembiayaan TIP yang sedang ditawarkan dapat diteruskan dan dinikmati oleh para pengusaha industri pelancongan yang layak. Peruntukan dana sebanyak RM2 bilion ini akan diuruskan oleh Kementerian ini dengan kerjasama Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan menggunakan mekanisme serta garis panduan sedia ada termasuk memastikan setiap projek yang dipohon mempunyai potensi pelancongan dan berdaya saing. Bagi membangunkan industri pelancongan tempatan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa mengalu-alukan permohonan daripada pihak penggiat industri pelancongan bagi mendapat kemudahan pembiayaan pinjaman dana pelancongan melalui Tabung Infrastruktur Pelancongan sama ada untuk pembangunan projek baru ataupun menaik taraf projek sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Sik, matlamat pertambahan dana ini ialah untuk memastikan kemudahan pembiayaan TIP yang sedang ditawarkan dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh para pengusaha industri pelancongan yang layak dengan keutamaan diberikan kepada rakyat tempatan yang mana pemohon hendaklah terdiri daripada syarikat pengusaha pelancongan tempatan milik warganegara Malaysia dengan memegang saham sekurang-kurangnya 51%. Bagi pengusaha pelancongan kecil dan sederhana, mereka boleh memohon pinjaman Tabung Khas Pelancongan yang di bawah kelolaan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana iaitu SME Bank yang menawarkan pembiayaan daripada RM50,000 hingga RM25 juta. Ini saya harap Yang Berhormat semua ambil maklum. Untuk SME ini kita boleh beri pinjaman daripada RM50,000 sehingga RM25 juta.

Kementerian ini yakin dengan adanya kedua-dua kemudahan tabung pelancongan akan merancakkan lagi pembangunan projek-projek pelancongan yang dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baru yang pastinya memberikan pelbagai manfaat kepada rakyat tempatan di samping meningkatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan di peringkat antarabangsa dengan penawaran produk-produk yang lebih menarik dan berkualiti. Tidak ada apa, ya? Tabung Pelancongan, okey?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:/[Bangun]**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh tanya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Kuala Krai, hendak buat apa ini, tempat makan ikan Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Ketawa]* Marilah. Itulah tempat pelancongan yang terbaik antaranya di Kelantan Tuan Yang di-Pertua, Kuala Krai yang jauh dari Kuala Krai. Tabung 'TIPU', TIP ini sudah adakah permohonan daripada kawan-kawan kita di Besut untuk melaksanakan Gerbang Pelancongan Antarabangsa Besut yang diuar-uarkan dengan begitu hebat dalam Pilihanraya Kecil Kuala Besut tempoh hari yang meminta belanja berjuta-juta, *multimillion*. Adakah termasuk projek sedemikian ataupun tidak? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bagus soalan. Dia sebut 'TIPU' dia yang menipu agaknya.

Yang Berhormat, setahu saya, projek ini seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi, ia adalah projek untuk hotel, pembinaan hotel, semua sudah sebut tadi. Jadi, kalau sekiranya macam contoh katakanlah pintu gerbang, pintu gerbang apa yang dimaksudkan? *Gateway*.

## ■1250

Kalau maknanya ada projek yang ada kaitan dengan pelancongan sudah tentu kerana Kuala Besut ia merupakan gerbang ataupun *gateway* kepada Pulau Perhentian. Pulau Perhentian ini tanpa prasarana yang standard memuaskan tanpa itu dia nombor 13 dalam seluruh dunia yang disebut oleh kalau tidak silap saya CNN di antara 100 pulau di dunia, Pulau Perhentian nombor 13. Jadi oleh kerana ia merupakan *gateway* kepada Pulau Perhentian yang dikenali seluruh dunia sudah tentu kita akan menyediakan sebagai contoh jeti kalau ada permohonan untuk membuat jeti. Itu bukan daripada permohonan untuk pinjaman. Itu merupakan perbelanjaan infrastruktur kita untuk memastikan jeti dibinakan supaya sesuai dengan pulau itu yang diminati oleh pelancong-pelancong.

Yang kita boleh bagi untuk mereka yang saya sebut tadi kita boleh bagi pinjaman RM50,000 dia hendak buat botkah, dia hendak beli tiga, empat botkah, apakah itu kita boleh bantu menerusi tabung yang telah saya sebut tadi. Jadi seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan saya juga Menteri Kerajaan Barisan Nasional peringkat pusat sudah pasti saya akan memastikan Kuala Besut akan dimajukan sebagai *gateway* kepada Pulau Perhentian, *insya-Allah*. Habis ya?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang mana? Minta maaf saya tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang belakang Yang Berhormat Sibu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Sibu. Okey Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Menteri, saya mahu tanya di Sibu bawah asal sana ada *homestay* program di rumah panjang. Saya mahu tanya apakah perkembangan projek tersebut? Satu lagi persoalan saya ialah adakah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada bagi peruntukan untuk kerajaan tempatan kerana di kawasan saya Sibu ada banyak taman yang betul-betul akan menarik pelancong tapi taman-taman itu seperti Taman Bukit Auk. Keadaan taman itu sangat buruk sekarang. Tetapi bila saya menanya kerajaan tempatan mereka kata tidak ada wang untuk menaik taraf atau membaik pulih taman tersebut. Itu telah memberikan satu imej yang buruk kepada pelancong asing tentang perkembangan pelancongan kita di Malaysia. Jadi saya mahu penjelasan dari kementerian.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa mahu menerima *feedback* yang diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen. Pertamanya *homestay*. *Homestay* ini memang kita menggalakkan *homestay* sebab cara *homestay* inilah yang akan memberikan manfaat secara langsung kepada penduduk di kampung itu tanpa perlu dia keluar daripada kampungnya. Maknanya apa aset yang dia ada di kampung itu dengan kita punya *homestay* itu mereka duduk di situ dan mereka mengamalkan apa yang dikatakan *daily activities*nya akan diambil bahagian bersama oleh pelancong-pelancong. Jadi ini sememangnya merupakan satu aspek projek pelancongan yang kita galakkan.

Saya dimaklumkan iaitu kalau di negeri Sarawak dia punya *homestay* semua okey tidak ada masalah. Maknanya memang diminati oleh pelancong-pelancong untuk duduk di *homestay* kerana dia hendak merasai bagaimana kehidupan di kawasan pedalaman di luar bandar di sesebuah negara dan *homestay* merupakan satu projek kita yang kita beri galakkan. Saya tidak tahu tentang perkembangan *homestay* di Sibu. Nanti saya boleh bagi soalan bertulis. Pegawai saya akan tulis tentang *homestay* Yang Berhormat sebut iaitu di Sibu.

Keduanya dari segi infra kita bantu PBT. Maknanya kalau tempat itu merupakan tempat penarikan pelancong ataupun ada potensi kita boleh bantu dengan membina infra. Bukan pinjaman. Kita belanja terus. Jadi kalau ada mana-mana tempat di Sibu yang difikirkan ia boleh menarik pelancong itu sudah tentu kita akan dari segi pembangunan dalam kementerian saya kita akan bantu. Kita akan hantar pasukan kita turun tengok keadaan di bawah dan kalau kita lihat ia memang ada potensi untuk menarik pelancong kita akan bantu. Itu daripada segi PBT kita akan membantu membangun infra di tempat itu.

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ini Yang Berhormat Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Lama tidak berjumpa. *[Ketawa]* Melancong? Okey, kerana Yang Berhormat Menteri nampaknya letih sedikit mungkin *suffering from jetlag*. Saya hendak tanya tahun depan adalah Tahun Melawat Malaysia dan bulan apa ia bermula. Mungkin ada *launching* di tempat mana, di Besutkah atau di Bachok.

Jadi berapakah peratus persiapan untuk Tahun Melawat Malaysia telah pun dilakukan oleh kementerian?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dia tanya lama tidak berjumpa dia rindulah itu. *[Ketawa]* Kejap lagi kita *lunch* sekali. Tuan Yang di-Pertua, kita punya promosi untuk Tahun Melawat Malaysia 2014 sudah pun dilancarkan pada 19 Januari tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita. Telah pun dilancar. Sebab kalau hendak promosi 2014 tidak payah tunggu 2014. Kena awal-awal lagi. Yang Berhormat tengah sibuk kempen dekat pilihan raya masa itukan mungkin tidak sedarlah. Jadi memang kita telah promosi tapi *launching* nya pula secara besar-besaran akan kita lakukan *insya-Allah* pada 4 Januari di depan pejabat saya di Bangunan Sultan Abdul Samad.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Eh betul pejabat saya. Bangunan Sultan Abdul Samad itu pejabat saya. Depan itu Selangor Club. Kita ada *launch*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dataran Merdeka.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dataran Merdekalah tapi saya tidak sebut Dataran Merdeka. Saya sebut pejabat sayalah.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya Menterikan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita akan melakukan pelancaran *Visit Malaysia 2014* pada 4 Januari di Dataran Merdeka. Saya akan menghantar jemputan kepada semua untuk hadir. Pegawai saya tolong catat ya kita akan hantar *invitation* untuk Yang Berhormat untuk hadir pada pelancaran. Tapi jangan demonstrasi situ pula. *[Ketawa]* Tolonglah sebab kita hendak promosi *Visit Malaysia Year* ini. Janji. Dalam *invitation* kita akan tulis dengan syarat jangan demonstrasi. *[Ketawa]*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Sebentar Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri berminat untuk sambung selepas waktu rehat?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya ingat saya jawab bertulis boleh tidak? Yang mana saya belum jawab terpulanglah kepada Ahli-ahli Parlimen sama ada jawapan bertulis. Jawapan bertulis ya? Jadi Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Boleh sedikit?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bagi jawapan bertulis pun sebab dia mai. Itu saya hormat. Yang Menteri lain yang tidak mai itu kita tidak seronoklah. Yang ini Menteri yang cukup *gentleman*lah.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri boleh sedikit Kuala Kangsar mencelah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang itu seorang lagi pun mai bagus. Dia pun bersedia. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Dato' Abd. Rahman Dahlan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena pun boleh ikut rombongan Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak apa Yang Berhormat. 28 hari bulan ini saya pergi anak Yang Berhormat kahwin. Okey Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa telah pun...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Boleh mencelah sedikit Yang Berhormat Menteri seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Masa tidak cukup.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak cukup masa sudah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Oleh kerana masa tidak mengizinkan maka saya minta supaya jawapan selainnya itu saya akan buat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya. Saya jemput Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**12.59 tgh.**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 peringkat dasar terutama sekali kepada mereka yang mengambil berat terhadap isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Isu-isu yang diketengahkan ini merupakan satu wahana yang dibicarakan oleh rakyat dan memberi impak dalam menaik taraf hidup mereka. Saya amat menghargai pandangan dan saranan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2014 telah menekankan komitmen dan iltizam Kerajaan Persekutuan untuk terus memakmur dan mensejahterakan rakyat melalui pelbagai dasar, inisiatif dan program yang dirangka dari semasa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, kita sambung 2.30 petang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sekian Yang Berhormat. Kita sambung mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

### 2.32 ptg.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya pagi tadi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2014 telah menekankan komitmen dan iltizam Kerajaan Persekutuan untuk terus memakmurkan dan menyejahterakan rakyat melalui pelbagai dasar, inisiatif dan program yang dirangka dari masa ke semasa. Salah satu petunjuk bagi menentukan tahap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat sesebuah negara adalah melalui kemampuan kerajaan mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan bagi semua lapisan masyarakatnya. Menyedari hakikat ini, kementerian saya telah dan akan terus berusaha untuk memastikan taraf hidup rakyat sentiasa dapat ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas untuk semua golongan rakyat. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, secara keseluruhan, sebanyak 4.7 juta isi rumah memiliki rumah di Malaysia daripada jumlah keseluruhan isi rumah di Malaysia iaitu 6.4 juta manakala 1.7 juta isi rumah masih menyewa, tinggal bersama ibu bapa ataupun di kuarters yang disediakan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, kerajaan menganggarkan sejumlah 223,000 buah rumah akan dibina pada tahun 2014. Ini bukanlah satu janji berteraskan dengan izin, *developer driven* seperti mana yang diragui oleh Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Titiwangsa dan juga Yang Berhormat Setiawangsa tetapi berasaskan keperluan rakyat daripada sebuah kerajaan yang prihatin dengan keperluan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan kepada 223,000 unit rumah yang dijanjikan ini adalah seperti berikut:

- (i) Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Jabatan Perumahan Negara sebanyak 33,378 unit;
- (i) PR1MA dijangka akan membina 80,000 unit;
- (ii) SPNB sebanyak 26,122 unit; dan
- (iii) sektor swasta lebih kurang 83,500 unit.

Ini menjadikan jumlah unit semuanya 223,000 unit. Dalam menyediakan perumahan yang mencukupi, kerajaan bukan sekadar menekankan jumlah unit rumah yang perlu disediakan tetapi juga menekankan kepada kualiti perumahan yang disediakan. Saranan Ahli Yang Berhormat Titiwangsa mengenai kualiti pembinaan rumah sebagai salah satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh pemaju dan kerajaan dalam pemajuan perumahan bagi memastikan rakyat dapat memiliki rumah yang mempunyai kualiti pembinaan yang baik amat berpatutan.

Kawalan dan pemantauan kualiti pembinaan rumah oleh pemaju perumahan di Malaysia dilaksanakan melalui penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan di peringkat PBT ataupun pihak berkuasa tempatan melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan juga Akta Pemajuan Perumahan 1966 [Akta 118]. Akta 118 ini bertindak sebagai punca kuasa kementerian untuk mengambil tindakan kepada pemaju perumahan yang gagal melaksanakan rumah mengikut garis panduan peraturan-peraturan dan aspek-aspek perundangan yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, kementerian juga ada mengeluarkan garis panduan pemajuan seperti garis panduan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CIPTED) dengan izin, Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau dalam usaha meningkatkan kemapanan hidup di kawasan perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, bagi meningkatkan kemampuan rakyat untuk membeli rumah di samping memastikan harga rumah stabil serta mengekang aktiviti spekulasi, kerajaan akan melaksanakan langkah berikut pada tahun 2014, iaitu:

- (i) menaikkan cukai keuntungan harta tanah (RPGT) kepada 30%;
- (ii) meningkatkan harga minimum harta tanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta;
- (iii) melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Baring Scheme* (DIBS) dengan izin, bagi mengelakkan pemaju memasukkan tanggungan kadar faedah pinjaman pembeli semasa tempoh pembinaan ke dalam harga rumah;
- (iv) membina lebih banyak rumah mampu milik dan kos rendah; dan
- (v) memberi insentif kepada pemaju perumahan untuk membina rumah mampu milik lebih banyak lagi.

Oleh yang demikian, kementerian berpendapat pendekatan *multi-prong*, dengan izin yang diambil oleh kerajaan akan dapat menstabilkan harga rumah yang meningkat secara mendadak sejak akhir-akhir ini. Kerajaan mengambil pendekatan *multi-prong* ini adalah untuk menstabilkan

harga rumah di pasaran secara keseluruhan tanpa melihat kepada kategori-kategori jenis rumah. Ini adalah untuk memberi peluang kepada rakyat untuk memilih rumah yang bercitarasakan mengikut kemampuan individu masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan bahawa larangan pelaksanaan kaedah DIBS akan merugikan pembeli rumah pertama. Saya menasihatkan pembeli rumah pertama supaya membuat *prudent financial analysis*, dengan izin dan membuat persiapan awal sebelum merancang membeli rumah yang diingini. Mereka tidak seharusnya bergantung pada keuntungan jangka pendek iaitu mengelakkan pembayaran faedah pinjaman dengan mengambil pinjaman yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya.

Untuk makluman, tindakan yang diambil oleh kerajaan bukanlah bertujuan untuk membebangkan mana-mana pihak tetapi mengambil kira senario secara menyeluruh bagi mengawal tindakan spekulasi yang berleluasa. Bagaimanapun, kerajaan tidak meminggirkan mana-mana golongan rakyat untuk memiliki rumah. Kerajaan sedar akan kekangan kewangan yang dihadapi oleh pembeli. Maka kerajaan mengambil langkah untuk membanjiri pasaran dengan rumah yang mampu dimiliki melalui kaedah serampang dua mata iaitu:

- (i) mewujudkan program *MyHome*. Ini adalah usaha dua hala antara kerajaan dan swasta dan untuk memastikan di setiap kawasan perbandaran baru yang diwujudkan turut disediakan rumah kos rendah dan sederhana yang mencukupi dengan kemudahan infra yang boleh dirasai oleh semua golongan rakyat. Sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan adalah di setiap kawasan pemajuan, sekurang-kurangnya 20% rumah yang disediakan adalah kos rendah dan 20% lagi adalah kos sederhana.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Kuala Kangsar bangun, ya.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Kita lihat bahawa terdapat banyak kes pembeli kali pertama ataupun *genuine buyers* yang mana apabila mereka hendak membeli rumah, sudah habis dijual ketika hari pelancaran ataupun ketika *launching* dan kita difahamkan terdapatnya sindiket-sindiket yang mengawal pasaran perumahan ini.

Jadi apakah tindakan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini kerana terdapat banyak sangat kes yang begitu nyata yang kita lihat di mana pembeli-pembeli langsung tidak mendapat peluang untuk mendapat rumah dengan harga dan lokasi yang baik. Terima kasih.

■1440

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Oleh sebab itu kita wujudkan beberapa tindakan dan pendekatan yang sebutkan tadi. Antara lainnya adalah

RPGT dan juga DIBS. DIBS ini adalah satu metodologi ataupun strategi yang dibuat oleh pemaju perumahan untuk memberikan gambaran bahawa pembeli itu mendapat banyak kelebihan apabila membeli perumahan mereka. Akan tetapi sebenarnya *interest* yang dibayar itu dimasukkan di dalam harga rumah dan ini menyebabkan dalam hitung panjang, pembeli rumah itu akan membeli rumah yang lebih mahal, 10% ke 20% malah ada yang sampai 30%.

Oleh sebab itu kita kekang beberapa perkara ini dan DIBS ini juga mempunyai satu permasalahan iaitu oleh kerana pembeli hanya membayar setelah rumah itu diserahkan kepada mereka maka aktiviti spekulasi itu berleluasa di situ. Siapa-siapa pun boleh membeli rumah dan kemudian tidak perlu membayar bulanan sehingga rumah itu siap dan kalau spekulator itu membeli dalam masa setahun ke dua tahun sebelum rumah itu siap, ia telah menjualnya kepada pihak yang kedua dan ketiga. Ini antara lain yang menyebabkan spekulasi itu berleluasa dan juga RPGT adalah suatu kaedah yang kita buat untuk mengenakan cukai yang lebih kepada mereka yang menjual rumah mereka dalam keadaan yang lebih awal daripada sepatutnya.

Jadi, itu antara beberapa perkara yang dibuat oleh kerajaan cuma kali ini Yang Berhormat, kita membuat pendekatan berbeza sedikit. Sementara kita mengenakan dasar-dasar fiskal ini dan juga kekangan ini, kita juga mengambil inisiatif untuk ‘membanjirkan’- kalau boleh saya gunakan ungkapan itu, untuk memberi pembeli lebih banyak peluang untuk memiliki rumah-rumah murah di kawasan bandar, pinggiran bandar dan sebagainya. Jadi, dia dua *prong*, kekangan ada tetapi pada masa yang sama kita naikkan lagi bekalan rumah di dalam pasaran.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk ‘membanjirkan’ banyak lagi rumah-rumah mampu milik iaitu yang berstatuskan kos rendah dan kos sederhana. Dalam pembentangan bajet baru-baru ini, kerajaan telah memberi insentif kepada pembinaan *MyHome* sebanyak 10,000 unit iaitu RM30,000 setiap unit.

Saya ingin bertanya sama ada, adakah kerajaan boleh memikirkan untuk memberi insentif RM30,000 ini kepada bukan sahaja pemaju-pemaju syarikat yang berdaftar tetapi tuan-tuan punya tanah yang memiliki tanah-tanah lot, contohnya saya bagi di Kampung Bharu- kita mempunyai 230 ekar tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu dan rata-rata mereka ini mempunyai tanah yang luasnya 8,000 kaki persegi ataupun 10,000 kaki persegi tetapi tanah-tanah ini adalah tanah-tanah yang strategik di tengah Bandaraya Kuala Lumpur, yang boleh dibangunkan unit di atas tanah tersebut mungkin lapan atau sepuluh unit.

Jadi setiap lapan ke sepuluh unit itu kalau insentif ini juga boleh diberi kepada pemaju-pemaju individu ini secara kecilan, bermakna kalau lapan unit rumah yang telah dibina maka satu unit 30,000 maka dia mendapat RM240,000 insentif untuk dibina rumah-rumah yang sebegini. Ini kerana rumah-rumah yang sebegini ini, ia secara tidak langsung boleh memperbanyak penawaran rumah termasuk rumah-rumah sewa yang mudah disewa oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur kerana untuk mendapat tanah

yang luas begini agak sukar. Bukan semua *developer* boleh ada tanah begini dan kemudian kalau kita nak cantumkan tanah-tanah ini dalam satu saiz yang besar agak sukar kerana ia melibatkan *multiple ownership* dalam setiap tanah itu. Jadi, adakah kerajaan boleh memikirkan insentif ini boleh diberi kepada individu-individu seperti ini?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang amat baik dan untuk makluman Yang Berhormat, untuk mendapatkan insentif ini ia ada kriterianya yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk kos rendah itu tidak boleh ditawarkan lebih daripada 70,000 kalau saya tak silap ya. Jadi, kalau dia 70,000 lebih, jualannya tidak boleh daripada RM45,000 kosnya lebih kurang RM75,000 lah, RM30,000 disubsidikan. Kalau di kawasan itu mereka mampu untuk menawarkan harga rumah di kawasan Kampung Bharu pada harga RM45,000, skim ini memang sesuai untuk mereka tetapi yang penting, dia mesti layak dalam kategori ini. Idea itu bagus dan akan kita bawa dalam satu jawatankuasa bertindak yang akan kita tubuhkan tidak lama lagi untuk menangani beberapa isu yang dibawa dalam Bajet 2014 ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, pasal rumah juga.

Dalam perancangan kerajaan yang dibentangkan dalam Bajet 2014, kita memerhatikan PR1MA ini keutamaan di pekan-pekan besar. Bagaimana kita di kawasan luar bandar, yang mana saya berpandangan di bandar-bandar besar, keperluan yang paling utama ialah rumah sewa. Sebahagian besar daripada orang bandar, dia memikirkan nak membeli balik ke kampung masing-masing dan kos pembangunan di luar bandar lebih rendah. Apakah kementerian mempunyai perkiraan untuk memikirkan hal tersebut? Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Memanglah kalau daripada segi permintaan terhadap rumah mampu milik ini memang di kawasan bandar yang agak tinggi, Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan macam-macam kawasan yang sememangnya memang kawasan perbandaran. Yang di luar bandar ini saya kira ia juga akan difikirkan oleh PR1MA. Dalam contoh yang saya boleh bagi, Jabatan Perumahan Negara contohnya dalam PPR, dahulu kita buat untuk kawasan bandar kerana kita mahu menangani isu setinggan tetapi sejak akhir-akhir ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan isyarat untuk kita membangunkan juga perumahan PPR ini di kawasan luar bandar.

Kita sudah buat satu di Selangor, di Hulu Selangor dan satu lagi kalau saya tidak silap ada dalam ucapan saya nanti tetapi kita memang fikirkan juga tentang masalah luar bandar tetapi yang mendesak sekarang ini Yang Berhormat ialah di kawasan bandar. Jadi, PR1MA akan mengambil pendekatan saya kira pertamanya untuk memberi keutamaan kepada isu perumahan di kawasan bandar dahulu kerana itu yang mendesak sangat dan kemudian saya kira mereka tidak menutup peluang untuk membina perumahan PR1MA ini di kawasan luar bandar ataupun pinggiran bandar. Terima kasih Yang Berhormat.

Satu lagi yang saya ingin nak sentuh tentang Program *MyHome* ini, insentif ini hanya ditujukan kepada pembeli isi rumah yang pertama. Keduanya, tadi ialah projek perumahan awam kerajaan melalui program-program perumahan melalui PR1MA, SPNB dan juga kementerian saya di bawah Jabatan Perumahan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, program perumahan rakyat yang dilaksanakan oleh kementerian saya adalah berkonsepkan holistik dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan di dalam satu kawasan perumahan. Pandangan Ahli Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Limbang bahawa pembinaan perumahan PPR perlu diperluaskan di kawasan luar bandar adalah cadangan yang baik. Ini Yang Berhormat Gerik katakan tadi, ini kerana penyediaan kemudahan perumahan yang dilaksanakan kerajaan tidak harus diasingkan melalui persempadanan bandar dan luar bandar.

Jadi pada masa ini, kementerian saya telah melaksanakan projek PPR di beberapa kawasan pinggir bandar seperti di Kampung Hassan, Hulu Selangor dan juga di Gua Musang, Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek PPR di seluruh negara adalah berdasarkan kepada keperluan dan juga kedudukan kewangan kerajaan. Sementara itu, kerajaan negeri juga perlu memainkan peranan dalam menyediakan tanah dan tapak yang sesuai dan memberi kelulusan berkaitan dengan urusan tanah dan pembangunan.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk memberikan penghargaan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang sebelum ini telah memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan program PPR ini. Saya bagi contoh, Kerajaan Negeri Sabah telah memberikan tanah yang cukup bernilai tinggi di Kepayan bagi pembinaan PPR. Begitu juga Kerajaan Negeri Johor yang memberikan 100 ekar tanah di Sungai Melana untuk tujuan murni ini. Tidak ketinggalan juga kepada agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang memberikan tanah milik kementerian bagi membina PPR di Padang Hiliran. Diharapkan kerajaan-kerajaan negeri dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain akan terus memberi sokongan dalam menyemarakkan agenda kerajaan untuk menyediakan perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sebut sahaja Lenggong, berdiri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Punch card, punch card.* Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan menyambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gerik. Kami berdua jiran, dekat. Saya fikir tak banyak masalah sangat kalau contohnya di kawasan saya atau di Gerik nak menyediakan tanah bagi perumahan. Itu agak mudah sedikit berbanding dengan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur apatah lagi. Kebimbangan saya ialah yang disebut hari ini ialah apabila *target* yang kerajaan letak untuk dibina rumah memang tinggi. Tercapai atau tidak, harapan saya dan rakyat tentu, biar ia tercapai kerana memenuhi keperluan rakyat.

**■1450**

Saya fikir dari segi keperluan rumah ini, yang perlu juga dan mesti diberi perhatian ialah di kawasan luar bandar. Bayangkan Yang Berhormat Menteri, walaupun dia tinggal dengan keluarga tetapi bila sudah berkahwin, dia juga mempunyai masalah yang sama sebagaimana yang berada di bandar. Malah sebenarnya keperluan di bandar ini saya lihat, mungkin telahan saya salah tetapi juga sebagaimana Yang Berhormat Gerik sebut tadi ialah sewaan rumah dan sebagainya. Akan tetapi saya minta, sebab saya dengar Menteri jawab tadi *in sya Allah* akan kaji, saya minta tolonglah jangan kaji tetapi laksanakanlah. Laksanakanlah, kaji, kaji, janganlah Yang Berhormat. Laksanakan. Saya bukan di Lenggong sahaja, di Putatan pun hendak. Betul Yang Berhormat Putatan? Betul. Itu di atas singgahsana pun hendakkan juga. Jadi perlu rumah ini di kawasan luar bandar.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya tidak kata dikaji, kita akan katakan kita beri keutamaan. Sebenarnya dalam PPR pun untuk makluman Yang Berhormat, 70% penduduk Malaysia ini duduk dalam bandar atau pun pekan yang juga dipanggil bandar. Seluruh kawasan itu akan menjadi tempat yang layak untuk mendapatkan pembangunan perumahan. Kalau betul-betul di kawasan pedalaman, kampung itu, KKLW boleh membantu sebab saya ini Menteri bandar. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu akan diambil tindakan dan kajian yang sepatutnya *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Menteri sebut juga kaji belakang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Menteri, ada sedikit sini, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi ini menyambung apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Lenggong. Hari itu, mengenai perumahan inilah. Kita tahu yang sebagaimana diumumkan semalam, kalau di Sarawak itu Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu. Jadi kita bukan apa, kita fahamlah di mana kepadatan penduduk itu yang memerlukan. Hanya sekarang ini dengan teknologi maklumat, rakyat kita di luar bandar, di pekan-pekan kecil ini pun mereka tahu juga *what is going on in that country*. Kadang-kadang mereka bertanya juga Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA.

Jadi saya pernah mencadangkan dalam bahas hari itu ialah kalaularah sekiranya mengikut *proportion* seperti Limbang *just* 50,000 penduduk, mungkin *certain numbers, let say* berapa puluh, puluh, bukan ratus pun, puluh. Ini kerana ada juga rakyat kita yang mampu untuk rumah sebegitu. *No doubt* kita ucapkan terima kasih PPRT, SPNB banyak di tempat saya yang dibangunkan. Jadi inilah kita mencadangkan sekiranya kalau mengikut, kalaularah sekiranya dapat diagihkan ke kawasan-kawasan pekan kecil, bukan luar bandar, pekan-pekan kecil ini juga. Itu yang penting. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Menteri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, saya ucapkan tahniah kerana Menteri memegang portfolio amat penting, Kesejahteraan Bandar. Akan tetapi urbanisasi iaitu 70% rakyat Malaysia adalah di luar bandar. Maknanya kalau rumah ini agenda utama, hampir 70% rakyat Malaysia akan dapat. Akan tetapi kalau ditambah 100% pun tidak mengapa di kawasan-kawasan luar bandar juga.

Saya hendak sentuh tadi tentang perumahan ini. Perumahan adalah satu, saya boleh katakan kesejahteraan rakyat. Rumah ini adalah item yang paling besar dalam rakyat. Kalau rumah itu sejahtera, maka sejahteralah rakyat. Jadi saya hendak minta dua perkara di sini. Pertama, di samping kita mewujudkan rumah satu juta ini dalam lima tahun, saya harap kita perlu memikirkan nombor satunya pembiayaan. Ini kerana pembiayaan ini amat penting. Tidak tahuhlah sama ada kementerian Menteri atau Kementerian Kewangan, akhirnya rakyat kadang-kadang tanya bukan harga rumah, berapa dia hendak bayar setiap bulan? Oleh sebab itu, saya hendak reiterate balik pesanan saya supaya sistem sewa beli ini mesti diperkasakan. Membuka ruang yang seluas-luasnya kepada semua rakyat Malaysia untuk membeli satu rumah yang boleh menjamin kesejahteraan masa hadapan.

Keduanya saya hendak minta kementerian perlu lihat balik *design*. Saya tahu sekarang konsep kita bukanlah rumah semata-mata tetapi kediaman. Satu ekosistem persekitaran yang baik untuk pembesaran anak-anak kita, generasi kita. Dahulu kita ada masalah sebab rumah kita dua bilik. Anak-anak kita tidak ada ruang duduk dalam rumah, mereka duduk di luar. Duduk di kolong-kolong, di *shopping complex* dan menimbulkan pelbagai masalah sosial. Hari ini kita ada peluang, kita pastikan supaya *design*, reka bentuk mengambil kira keperluan ini semua agar anak kita ini dapat menjadikan rumah, '*baiti jannati*', 'rumahku syurgaku'. Ini akan membantu kerajaan membina satu masyarakat yang progresif, sejahtera. Ini bertepatan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingat kementerian kesejahteraan satu negaralah, bukan bandar sahaja.

Kedua-dua perkara tadi, satu ialah pembiayaan dan kedua ialah pelaburan sosial yang saya katakan tadi kita perlu buat. Ketiga, dengan adanya pembiayaan yang baik ini, kita juga akan memberi rakyat kita peluang untuk memiliki *investment value added* selepas mereka habis bayar esok dan inilah jaminan terbaik untuk mereka. Saya minta kementerian beri perhatian. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sehubungan dengan perkara yang sama...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Boleh saya jawab dahulu? Nanti dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Limbang atas saranan itu. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, PR1MA sebagai satu agensi, sebenarnya bukan berada di bawah kementerian saya, ia di bawah Kementerian Kewangan. Akan tetapi sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sudah tentu saya juga berminat dan juga mahu mengetahui apa yang berlaku dengan PR1MA. Cadangan Yang Berhormat itu akan saya panjangkan kepada PR1MA.

Keduanya Yang Berhormat Kota Tinggi. Pembiayaan saya faham, Yang Berhormat sudah beberapa kali menceritakan tentang skim jual beli ini, *hire purchase* ini. Saya alu-alukan kedatangan Yang Berhormat ke pejabat saya untuk berbincang dengan lebih lanjut lagi berkenaan dengan skim pinjaman itu. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, di dalam kementerian saya sendiri ada skim pinjaman perumahan yang kita boleh membantu mereka yang kurang keupayaan kewangan untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk membina rumah.

Berkenaan dengan *design*. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau dilihat sekarang PPR, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, PPR kita sekarang ini mempunyai *design* yang sangat cantik. Walaupun kekangannya ialah dari segi saiz, tetapi kalau kita lihat PPR yang ada sekarang ini dibandingkan dengan bentuk dan *design* wajah yang dahulu, banyak perbezaan. Sekarang ini kita letakkan *parking* yang mencukupi, 1:1 *rationya*. Kemudian ada taman permainan, ada surau, ada dewan dan pelbagai kemudahan yang telah kita masukkan dalam pakej pembinaan PPR ini.

Akan tetapi saya ingin ingatkan Yang Berhormat dan juga rakan-rakan yang lain bahawa semuanya ini adalah relatif. Kalau kita hendak besar, bermakna kita tidak akan mempunyai kewangan yang mencukupi dan kita terpaksa membina rumah PPR yang jumlahnya jauh lebih kecil dari segi unit. Jadi banyak yang harus kita timbang. Kalau kita hendakkan rumah yang bersaiz besar, maka komprominya ialah unit-unit yang kita buat itu agak berkurangan.

Cuma satu yang ingin saya sentuh di sini, saya tengah memikirkan bagaimana kalau boleh kita hanya membina mungkin dinding luaran untuk menjawab persoalan Yang Berhormat tadi. Dinding dalam itu mungkin kita boleh buat secara *mobile*. Maknanya kalau tuan punya, penghuni yang masuk itu dia hendakkan satu bilik atau dua bilik, bilik yang ketiga itu mungkin diluaskan supaya ruang tamunya itu lebih besar. Itu kita boleh fikirkan. Ini teknologi yang kita boleh fikirkan. Sekurang-kurangnya kalau mereka hendakkan tiga bilik, okey tiga bilik. Kalau hendak dua bilik, mereka boleh buat dinding dalam rumah itu mungkin dalam bentuk dua bilik. Itu satu cabaran bagi kementerian saya untuk wujudkan satu pendekatan sebegini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Menteri, saya sambung sedikit boleh? Berkaitan. Saya tertarik tadi mengenai sistem fleksibel dalam rumah. Sebenarnya ini *economic scale*, kita sama ada *flexi building* atau kita lihat sudut lain *alternative construction matter*. Kita ada teknologi tertentu yang kita boleh membuatkan rumah kos lebih rendah dan kita ada peluang sebab kita mempunyai satu jumlah *economic scale* yang besar. Saya juga hendak menambah di sini, satu sudut lagi mengenai sosial, ada kaitan dengan rumah. Saya harap setiap rumah ada ruangan media. Kita lihat anak-anak kita kalau dia buka komputer, dia masuk bilik, dia kunci pintu, *then the problem start*. Bila bapa dia datang, dia ketuk pintu, dibuka, dia masuk bilik, dia kunci pintu, bapa dia pun *problem* juga. Ini kerana komputer ini macam-macam. Jadi kita perlu ada satu ruang media untuk keluarga supaya kita dapat menunjukkan persekitaran yang baik. Itu tambahan. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Satu idea yang baik. Teknologi yang telah kita fikirkan juga mengikuti senario terkini, ada *prefabrication*, IBS dan sebagainya itu kita pertimbangkan. Saya sentiasa berlapang dada untuk menerima dan mendengar hujah-hujah daripada syarikat-syarikat

yang mempunyai teknologi baru. Kita sentiasa- *it's a very dynamic* Yang Berhormat dalam isu perumahan ini. Kita sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan kos pembinaan rumah ini melalui alternatif teknologi yang ada. Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Menteri. Tadi Menteri ada menyebut mengenai rumah PPR. Apa yang saya perhatikan untuk mereka yang tidak mempunyai rumah di kawasan bandar dan semi bandar, Selangorlah contohnya. Masalah mereka ini adalah kerana mereka tidak ada tanah. Apabila tidak ada tanah, maka mereka tidak layak dapat rumah PPR kerana tidak ada tapak untuk dibina rumah PPR ini.

#### ■1500

Saya rasa ini bukan sahaja di negeri Selangor tetapi juga di negeri-negeri lain. Mungkin kerajaan-kerajaan negeri boleh memilih mereka ini untuk diberi sedikit tapak tanah supaya membolehkan rumah PPR ini dibina.

Kedua ialah saya hendak- saya tidak tahu sama ada Menteri sedar bahawa ada rumah-rumah yang pada satu ketika dulu dibeli oleh rakyat pada kadar yang di subsidi oleh kerajaan negeri dan kemudian mereka tidak mampu untuk membayar. Akhirnya, rumah-rumah ini dilelong. Jadi, apakah langkah sebenarnya kerajaan untuk memastikan bahawa rumah-rumah yang dilelong ini diambil balik dan dijual balik kepada golongan yang patut beli rumah ini? Saya diberitahu dalam perbincangan bahawa rumah-rumah ini pada mulanya apabila mereka tidak boleh bayar, daripada setinggan mereka bergerak, kemudian terpaksa bayar RM300 hingga RM400 sebulan. Akhirnya, mereka gagal bayar, rumah di dilelong.

Pada peringkat awal, bank mengenakan bahawa syarat yang hendak beli rumah ini hanya berpendapatan tertentu tetapi akhirnya, bila tidak ada pembeli, akhirnya pelabur-pelabur. Ada orang saya biasanya jumpa berbelas biji rumah, berbelas buah rumah yang dia beli daripada bank-bank ini akibat lelong ini. Mereka menjadi hartawan di situ. Jadi, bagi saya rumah yang telah di subsidi oleh kerajaan yang kemudian dilelong kepada kumpulan yang menjadi pelabur adalah sama sekali tidak adil. Sejauh mana maklumat ini ada kepada kementerian. Apakah langkah-langkah kita untuk memastikan rumah-rumah yang dilelong ini- tidak bolehkah kita mengadakan satu polisi, esoknya rumah PR1MA dan sebagainya, bahawa ia perlu dijual balik kepada kerajaan. Kerajaan kemudian menggunakan satu bank untuk diagihkan atau dijual kepada golongan yang memerlukan. Itu cadangan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya cuma ingin mendapatkan penjelasan Menteri. Sejauh manakah perkembangan tentang isu perumahan di Taman Permata, Dengkil? Saya difahamkan oleh pihak kerajaan negeri bahawa satu tanah yang baru telah diperuntukkan. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada Menteri, sejauh manakah perkembangan terbaru tentang kes itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya jawab dulu. Nanti kalau panjang sangat- *I'll come back to you*. Sekejap ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Raja, saya rasa cadangan itu cukup

baik. Saya minat dengan cadangan itu dan saya janji akan bawa cadangan Yang Berhormat itu ke dalam Majlis Perumahan Negara yang baru ditubuhkan oleh kerajaan. Bila mana mungkin kerajaan boleh membeli melalui Majlis Perumahan Negara ini, rumah-rumah murah dan mampu milik yang dilelong oleh bank. Ini satu cadangan yang baik. Yang Berhormat, saya boleh pastikan bahawa cadangan ini akan saya bincangkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Majlis Perumahan Negara nanti.

Keduanya, tentang PR1MA. PR1MA ada moratorium. Dia mesti jual. Kalau dia jual pun mesti kepada kerajaan ataupun PR1MA. Akan tetapi PR1MA ini seperti mana saya katakan tadi, bukan di bawah saya. Ia di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Untuk Yang Berhormat Sepang, ya betul. *Finally* kerajaan negeri ada memberikan tanah baru yang dimiliki oleh Sime Darby. Tanah itu setelah diperiksa oleh Jabatan Perumahan Negara dan kita dapat tanah itu sesuai. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang akhirnya memberikan tanah yang sesuai. Cuma mungkin saya hendak beritahu sedikit. Ada sedikit lagi *technical issue* yang saya rasa kita boleh selesaikan di antara kerajaan negeri, pemilik perumahan di Taman Permata, Dengkil dan juga Jabatan Perumahan Negara iaitu kalau mereka dipindahkan ke kawasan yang baru itu, apakah mereka terpaksa membeli rumah? Okey, kalau kita bagi *free* kepada mereka di kawasan yang baru itu, kita berlapang dada tetapi kita minta kalau boleh kerajaan negeri memberikan kita peluang untuk membaik pulih Taman Permata yang ada sekarang ini untuk dijadikan satu perumahan yang lebih selamat dan sebagainya.

Kita *offer* kembali kepada rakyat negeri Selangor untuk mendapatkan PPR di Taman Permata ini. Jangan pula nanti bagi kami tanah itu, lepas itu rumah yang sekarang ini diambil oleh kerajaan negeri, dirobohkan atau dibangunkan kompleks perniagaan. Kalau boleh, bantu saya Yang Berhormat. Kita bincang dengan kerajaan negeri supaya tapak yang sekarang ini sentiasa dijadikan tapak perumahan orang tidak berkeupayaan ataupun mampu milik. Saya rasa kita sudah dapat melihat cahaya di hujung terowong, *light at the end of the tunnel*. Siapa tadi duduk di sini? Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu rumah ini memang menjadi satu isu yang sangat besar dan mustahak. Saya penuh yakin dan percaya Menteri Perumahan yang baru akan mampu untuk melaksanakan tugas yang cemerlang dalam masa lima tahun ini. Saya melihat bahawa masalah rumah ini disebabkan oleh harga rumah yang terlalu tinggi. Banyak perkara yang menyebabkan harga rumah terlalu tinggi seperti contohnya, buruh, barang, spekulasi melibatkan kewangan, lokasi dan sebagainya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah boleh kerajaan mengambil inisiatif untuk mengurangkan harga barang dengan mewujudkan kedai *hardware* 1Malaysia di tiap-tiap Parlimen di seluruh negara? Dengan demikian itu kita dapat menurunkan harga barang mungkin dalam 20% hingga 30%. Barang ini hanyalah untuk barang-barang utama sahaja dalam 10, seperti simen, bata, besi dan kayu. Akhirnya, sudah tentulah harga rumah itu dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang Berhormat Menteri, ini berkaitan dengan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita bagi pendek-pendek kalau boleh...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Memang pendek.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sebab banyak lagi isu, *one, and two.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tempoh hari tidak dapat bahas benda ini tentang perumahan, minta maaf. Ini cadangan saya untuk mengawal harga rumah yang sedang mendadak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Kalau tidak bahas kecuali...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak sempat tetapi berkaitan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kecuali berkaitan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya ada bahas. Bagi peluang kepada saya. Saya bahas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Segambut baru *punch card*. Dia baru masuk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh ya? Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan bahan binaan sebagai bahan kawalan. Ini bermaksud harga simen, pasir, batu, besi, paku dan sebagainya ditakrifkan sebagai bahan kawalan. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri? Boleh terima cadangan saya atau sekurang-kurangnya membuat kajian atas cadangan saya? Ada beberapa bahan yang telah dijadikan bahan kawalan, adakah pemantauan sedang dilakukan? Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua perkara yang ingin dirujuk dalam isu perumahan ini. Pertama, berkait dengan saiz rumah yang telah dibincangkan sebentar tadi. Bukan sahaja menyentuh soal ruang media tetapi kalau kita lihat pada kajian pihak aktivis-aktivis sosial, antara perkara yang menyumbang kepada sosial yang negatif ini ialah kerana berlakunya sumbang mahram. Ekoran daripada sebahagian rumah dalam negara kita ini banyak dua bilik, satu bilik. Jadi, ia tidak sesuai. Sekurang-kurangnya paling minima relevannya ialah perlu ada tiga bilik untuk ibu dan ayahnya iaitu suami isteri, kemudian anak lelaki dan anak perempuan perlu diasingkan kedudukannya. Itu yang pertama. Sejauh mana pihak kementerian memantau perkara ini untuk memastikan tidak lagi relevan rumah yang hanya memiliki dua bilik ataupun dua ruang tidur.

Kemudian yang kedua, berkait dengan sejauh mana pula pemantauan pihak kementerian terhadap rumah-rumah yang telah sekian lama dibina, kemudian telah mengalami kerosakan yang begitu teruk. Terutamanya flat-flat perumahan kediaman yang diduduki oleh puluhan ataupun ratusan keluarga. Sebagai contoh, yang berlaku di Taman Kemuning di Temerloh. Walaupun ia berkait juga dengan pihak kerajaan negeri tetapi bagaimana Dasar Perumahan Negara. Apakah memantau perkara ini? Rumah flat yang sudah 10 tahun, 15 tahun hendak runtuh. Kemudian mengalami masalah status tanah dengan pihak pemaju, pembayaran dan seumpamanya. Akhir

sekali, yang tersepit ialah penduduk ataupun rakyat yang menghuni di rumah tersebut. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya. Segambut. Perumahan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Perumahan tadi?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya. Saya ada bahas.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Akan tetapi ini *last*. Ini yang terakhir dan pendek ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Banyak lagi ini, nanti...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sekejap, dua minit. Ini pasal 50,000 unit *affordable housing* yang dijanjikan oleh Barisan Nasional sempena Pilihanraya Umum Ke-13 di Kuala Lumpur, belum bina. Ini di bawah skim PPA 1Malaysia iaitu Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Saya hendak tanya sama ada ini di bawah bidang kementerian Yang Berhormat Kota Belud atau di bawah siapa?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya jawab Yang Berhormat dululah. Itu bukan di bawah bidang saya. PPA 1M di bawah UKAS dan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia.

#### ■1510

Untuk Yang Berhormat Langkawi, '*Hardware 1Malaysia*'. Bagus juga tu ya. Kita akan- satu kaedah yang baru untuk bahan-bahan binaan. Kita akan bawa cadangan Yang Berhormat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dalam perjumpaan kita nanti. Keduanya, dari segi Yang Berhormat Kapar. Bahan kawalan- besi, simen dan sebagainya. Saya tidak ada masalah kalau saya kira kita boleh mendapatkan harga yang lebih murah.

Cuma saya takut satu sahaja Yang Berhormat, kalau kita kawal harga-harga bahan ini, saya tidak tahu sama ada harga kawalan itu sudah berlaku. Akan tetapi kalau kita kawal harga, kadang-kadang kualitinya itu tidak begitu baik. Apa pun dalam jawapan yang diberikan oleh pegawai saya, ini juga sedang dirujukkan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri supaya bahan-bahan binaan itu dibawa dalam kawalan harga.

Untuk Yang Berhormat Temerloh memang sudah menjadi dasar kita sekarang Yang Berhormat untuk membina rumah-rumah mampu milik dan juga rumah kos rendah untuk sekurang-kurangnya tiga bilik sebagai menangani isu yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pelbagai pihak dalam sektor perumahan bagi memantau dan menambah baik sektor ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jerantut, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan memantau pasaran harta tanah dan pemilikan rumah akan dilaksanakan melalui Majlis Perumahan Negara yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2014 tempoh hari.

Fungsi Majlis ini adalah untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan dan mekanisme harta tanah serta memastikan penyediaan rumah

dengan lebih cekap dan cepat. Keanggotaan Majlis ini terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, Jabatan Perumahan Negara, PR1MA, SPNB dan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Jawatankuasa Perwakilan Penduduk. Pada masa ini, dianggarkan lebih 70% daripada penduduk di negara ini tinggal di bandar. Kepesatan proses perbandaran menyebabkan isu-isu perbandaran menjadi semakin kompleks dengan desakan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkualiti semakin meningkat.

Ingin saya tegaskan di sini mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat Bayan Baru dan juga Yang Berhormat Kota Bharu bahawa penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk ataupun (JPP) akan mengambil alih tugas PBT mahupun Ahli Majlis adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan Persekutuan menubuhkan JPP bagi membolehkan PBT bergerak bersama-sama dengan penduduk sebagai satu pasukan bagi menangani isu kesejahteraan bandar seperti isu perancangan, perumahan, pengurusan sisa pepejal, pengurusan landskap, pencemaran alam sekitar, peningkatan kadar jenayah, penempatan setinggan, gejala sosial, vandalisme, pertubuhan kilang-kilang haram dan lain-lain isu yang dihadapi oleh masyarakat bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembangunan perbandaran bukanlah hak mutlak kerajaan negeri atau PBT sahaja, tetapi ianya adalah tanggungjawab holistik antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga PBT. Menyedari hakikat ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan Bajet 2014, telah memperkenalkan satu modus operandi baru dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui penubuhan JPP. Cadangan penubuhan JPP membolehkan kerajaan berinteraksi secara terus kepada penduduk melalui PBT dan dapat membawa isu kepada jabatan-jabatan lain yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti kesihatan, pengangkutan, keselamatan, perumahan dan pengurusan sampah.

Sementara itu, peranan Ahli Majlis sebagaimana dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau Akta 171 tidak langsung diambil alih, malahan Ahli Majlis dilibatkan bersama-sama pemimpin masyarakat yang lain supaya semua masalah rakyat dapat disalurkan secara efektif dan lebih teratur. Kerjasama Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT dalam mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan efisien demi kesejahteraan rakyat bukanlah satu perkara baru. Sebagai contoh, inisiatif penubuhan pusat setempat ataupun OSC atau *one-stop centre*, berhubung dengan kelulusan pelan pembangunan harta tanah dan pesuruhjaya bangunan (COB) berhubung dengan pengurusan bangunan berstrata melibatkan agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 2007 lagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa JPP ini ia tidak berhasrat untuk menggantikan Ahli Majlis. Walau bagaimanapun, saya nampak tugas-tugas JPP termasuk perancangan, landskap, pelupusan sampah dan sebagainya ini adalah tugas-tugas Ahli Majlis. Ahli Majlis tugasnya adalah menyalurkan semua maklumat dan menjadi orang tengah antara kerajaan dan juga masyarakat

melalui pelbagai program seperti *Local Agenda 21* atau LA21 dan sebagainya. Ini adalah program-program Ahli Majlis.

Akan tetapi sekarang, apabila Kerajaan Pusat tubuhkan JPP dan fungsinya saya nampak lebih kurang sama sebab inilah semua tugas yang dekat dengan rakyat iaitu PBT. Jadi, apabila ia berlaku seperti ini, *confused*. Rakyat akan kata bukankah Ahli Majlis ada? Kenapa tiba-tiba ada JPP pula?

Jadi, JPP apakah fungsinya sebenarnya dan apakah modus operandi yang tadi Yang Berhormat Menteri katakan modus operandi yang baru? Saya hendak tahu modus operandi tersebut. Sama ada mereka melalui satu mesyuarat kah atau melalui satu, dia kena pergi buat lawatan kah dan sebagainya. Jadi, bagaimana pelantikan?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan. Ringkaskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Jadi, soalan saya bagaimana mereka-mereka ini dilantik? Setiap PBT berapa ramai ahli? Ini kerana saya melalui kenyataan 24 zon daripada Perdana Menteri, 24 zon. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri kata 148 JPP akan dilantik. Jadi, satu PBT berapa ahli JPP? Adakah mereka diberi elauan dan bagaimana mereka menjadi orang tengah antara Kerajaan Pusat dengan penduduk setempat? Melalui macam mana? Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Pertamanya ialah JPP ini tidak mengambil kuasa PBT. PBT ada kuasa-kuasa tertentu di dalam perlembagaan dan juga Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kita tidak mengambil kuasa PBT langsung. PBT boleh bertanggungjawab menjalankan semua tanggungjawab yang telah diperuntukkan di dalam perlembagaan di dalam PBT termasuk penguatkuasaan.

JPP ini adalah satu jawatankuasa yang kita lihat yang boleh membantu dan menjadi pelengkap kepada PBT. Ianya tidak ada kaitan dengan mengambil alih kuasa PBT. JPP ini adalah Jawatankuasa Perwakilan Penduduk yang akan diwujudkan di setiap *zoning* di dalam PBT. Contohnya kalau Majlis Daerah itu memang mempunyai *zoning* 24, *zoning* maksimum 24 sekarang ini, maka ada 24 Pengurus JPP di situ. Okey? Mereka ini 24 Pengurus JPP ini akan bermesyuarat dalam bentuk Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) yang mana di dalam MPP ini nanti 24 Pengurus itu akan hadir sebagai suara kepada penduduk tempatan dan juga ahli-ahlinya termasuk ketua-ketua jabatan persekutuan dan juga pemimpin-pemimpin tempatan.

Mereka akan berbincang secara menyeluruh. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, di peringkat bandar kita mempunyai permasalahan sedikit terutamanya di kawasan bandar kerana hubungan itu tidak begitu wujud dari segi penduduk dan juga PBT. Tidak ada hubungan yang rasmi yang mana mereka boleh terutamanya kalau macam di taman-taman perumahan dan juga bangunan kondominium, flat dan sebagainya.

Apa yang berlaku sekarang ialah wujudnya persatuan penduduk ataupun *residence association* di bawah ROS ataupun mereka hanya ada *Joint Management Body* (JMB) dan mereka ini adalah satu entiti yang tidak ada landasan secara rasmi untuk berhubung secara langsung dengan kerajaan terutamanya Kerajaan Persekutuan. Perlu diingat Yang Berhormat bahawa semua perkhidmatan hampir keseluruhan, majoriti perkhidmatan di peringkat PBT adalah di bidang

kuasa Kerajaan Persekutuan. Pendidikan, polis, keselamatan, telekomunikasi, *postal* semuanya itu adalah di bawah Kerajaan Persekutuan.

Jadi, kita memberi ruang kepada penduduk di situ untuk berhubung kait secara langsung dengan Kerajaan Persekutuan. Saya kira Yang Berhormat harus berlapang dada untuk menerima inisiatif ini sebagai cara untuk kita memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk bandar. Ini tidak berlaku hanya di kawasan-kawasan tertentu. Kita akan menubuhkannya di semua kawasan, di semua negeri kecuali di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Putrajaya dan Labuan, kerana berada di bawah pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga beberapa *modified PBT* lah macam Kulim Hi-Tech dan sebagainya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jadi ini harus kita berlapang dada dan kita akan memberi mereka elaun. Ada dua kategori elaunnya RM800. Kalau boleh saya akan sentuh juga kemudian nanti. Untuk pengurus RM800 sebulan, setiausaha RM400 sebulan di kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran.

#### ■1520

Di Majlis Daerah, pengurus hanya akan dibayar RM500 sebulan dan setiausahaanya dibayar RM250 sebulan. Mereka juga akan mendapat elaun mesyuarat maksimumnya bermesyuarat dua kali sebulan atau enam kali setahun. Setiap kali mereka bermesyuarat untuk Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran, JPP ini akan bermesyuarat enam kali setahun, mereka akan dibayar RM75 setiap kali mereka bermesyuarat. Jadi ambillah ini sebagai satu cara untuk kita memperbaiki *delivery system*, dengan izin, kerajaan kepada penduduk tempatan...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya tertarik dengan apa Yang Berhormat kata tadi bahawa bilik yang akan bina itu sekurang-kurangnya rumah yang akan dibina itu sekurang-kurangnya mempunyai tiga buah bilik. Jadi adakah ini juga termasuk rumah yang akan dibina di Sarawak kerana saya dapati bahawa Sarawak masih lagi dua bilik. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat itu sudah bahas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tadi sudah berbincang ya, memang tiga bilik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita memang buat tiga bilik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita memang buat tiga bilik termasuk di Sarawak.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Termasuk ya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya, termasuk di Sarawak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih ‘Tuan Pengerusi’.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Belum “Tuan Pengerusi” Yang Berhormat. Cokmar masih di atas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Allah. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sebenarnya amat menyokong apabila kerajaan mengambil langkah untuk memudahkan urusan pentadbiran kita dengan mewujudkan majlis sebagaimana yang disebutkan tadi. Ini satu pendekatan yang baik dan mempermudah dan mempercepatkan penyelesaian isu dan masalah. Apa yang penting bagi kita rakyat dapat perkhidmatan terbaik, isu dan masalah rakyat boleh diselesaikan dengan secepat mungkin. Cuma yang saya hendak sebut, hendak tanya di sini ringkas sahaja. Bila hendak pelaksanaan hendak dilaksanakan? Saya harap ia dipercepatkan kerana kita banyak isu, banyak perkara yang perlu kita selesaikan segera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sama dengan- jangan kaji-kaji Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih atas....

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan kaji-kaji lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan kaji-kaji.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, soalan yang berkaitan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya lah sekejap, Yang Berhormat Lenggong dahulu.

Terima kasih atas sokongan daripada Yang Berhormat Lenggong. Ini sebenarnya adalah satu perkara yang kalau kita berlapang dada dan tidak memikirkan perkara yang bukan-bukan, sebenarnya pendekatan ini baik untuk rakyat supaya kita dapat membantu mereka menangani isu-isu perbandaran. Saya cuba hendak bagi contoh, dahulu sebelum adanya OSC ataupun pusat setempat ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ada kita mempunyai masalah banyak dari segi pembangunan harta tanah dan juga kelulusannya. Setelah kita tubuhkan OSC iaitu juga seperti yang ini iaitu OSC ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan diletakkan dalam PBT, maka apa yang berlaku ialah kita telah mendapat kedudukan jauh lebih baik dalam pencapaian Malaysia dalam *World Bank Ease of Doing Business Ranking*.

Baru-baru ini dikatakan kita sudah nombor enam daripada nombor 12 dari segi *dealing with construction* permit yang mempunyai hubungan langsung dengan peranan pihak berkuasa tempatan. Dengan adanya OSC tadi *one-stop centre* itu yang di bawah Kerajaan Persekutuan, kedudukan Malaysia telah melonjak daripada ke-99 pada tahun 2013, kepada kedudukan 43 pada tahun berikutnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah untuk memperbaiki *delivery system* kita di peringkat perbandaran. Perlu diingat bahawa dalam *full council meeting*, wakil-wakil ataupun pegawai-pegawai daripada Ketua-ketua Jabatan Persekutuan adalah bukan menjadi Ahli Majlis di peringkat Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Akan tetapi dalam JPP ini mereka akan dilantik menjadi Ahli Majlis. Ini memberangkan interaksi dengan baik...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ada lagi?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Menteri. Ini bermaksud bahawa JPP, pengerusi-pengerusi setiap zon JPP itu dia akan ada satu mesyuarat di mana akan dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada kementerian. Soalan saya nombor satu adalah adakah pegawai-pegawai daripada pihak berkuasa tempatan juga akan diberi peluang untuk *sit in* atau dikenakan untuk hadir.

Kalau PBT diwajibkan untuk hadir dan ada juga kementerian dan pegawai-pegawai daripada kementerian, maka JPP ini mempunyai kuasa yang cukup besar pada pendapat saya. Dahulu cara kementerian adalah melalui geran *work with the local council*. Ini cara yang bagus sebab ini adalah *separation of power between Federal, and state, and local council*.

Maksudnya kalau dahulu saya rasa Menteri-Menteri yang dahulu dia melalui geran, adakan mesyuarat bersama dengan Ahli Majlis dan juga pelbagai *stakeholders*. Saya rasa itu modus operandi yang bagus tetapi sekarang Menteri kalau ada seratus orang JPP dia macam sekarang terlalu besar dia lebih kuasanya lebih besar daripada Ahli Majlis kerana dia berupaya untuk kena dengan Menteri sendiri bukan melalui pegawai-pegawai Menteri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Macam *Federal Counselor*. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Bayan Baru kalau Yang Berhormat mempunyai pandangan yang negatif inilah masalahnya. Dia bukan begitu Yang Berhormat. Saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa peruntukan untuk PBT tidak akan dikurangkan. Maknanya semua peruntukan yang telah kita bagi selama ini di bawah PBT, majlis-majlis perbandaran, pihak berkuasa tempatan, gotong-royong, geran dan sebagainya itu tidak akan disentuh oleh JPP. Itu jaminan saya. Itu *continue*. PBT mempunyai kuasa, JPP ini tidak mampunya kuasa Yang Berhormat. Mereka hanya berbincang bagaimana untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran dengan lebih baik lagi.

Sekarang ini contohnya macam saya, saya tidak mempunyai hubungan dengan penduduk di bawah, di peringkat bandar sebab PBT yang menjadi asas yang pertama. Itu tidak masalah. Mereka boleh *continue*. Ingat penguatkuasaan masih lagi di peringkat PBT. JPP tidak akan mempunyai kuasa-kuasa penguatkuasaan. Okey. Semua berkenaan dengan *power*, kuasa Yang Berhormat katakan tadi itu masih lagi terletak di dalam PBT.

Kita cuma ingin mendekatkan diri kita dengan perbandaran kerana kompleks Yang Berhormat, *very complex*. PBT tidak akan mampu untuk menangani isu perbandaran ini bersendirian. Dia mesti melalui juga *holistic approach*, mesti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga PBT. *So don't worry* saya rasa itu adalah satu pemikiran yang agak negatif dan tidak...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri boleh saya bagi cadangan?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekejap.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jangan terlalu fikirkan bahawa ini adalah satu, seperti mana saya katakan tadi OSC, *conventional of building* adalah pegawai daripada kementerian saya diletakkan dalam PBT untuk membantu pihak berkuasa tempatan memberikan perkhidmatan yang terbaik *one-stop centre (OSC)* seperti yang saya katakan tadi. Jadi tidak ada usaha untuk *undermining the PBT*. Kita cuma hendak memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Sebanyak 70% rakyat Malaysia sekarang ini berada dalam kawasan perbandaran. *If we don't do anything about it* Yang Berhormat dengan izin, *then we failed as kementerian. So that's why I'm saying* walaupun PBT mungkin satu jalan untuk memperbaiki keadaan, *continue*. Kita cuma hendak bagi satu jalan lagi kepada untuk berinteraksi dengan Kerajaan Persekutuan dengan lebih cepat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Remember dalam *Residence Association, Joint Management Bodies* dia tidak mempunyai *locus standi* untuk memanggil dalam mesyuarat ketua-ketua jabatan persekutuan di kawasan pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi melalui JPP ini semua pengurus-pengurus itu nanti akan mampu untuk berinteraksi secara langsung dengan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan melalui mesyuarat yang kita wujudkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Soalan Yang Berhormat berkenaan dengan sama ada Ahli-ahli Majlis boleh berpeluang untuk berada di dalam Majlis Perwakilan Penduduk, saya berlapang dada kalau mereka layak dari segi kelulusan dan juga peraturan yang kita buat kita berlapang dada, tidak ada masalah. Tidak ada *restriction* untuk mana-mana pihak tidak boleh menganggotai Ahli Majlis Perwakilan Penduduk ini...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi Menteri, saya bagi...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat, Kuala Kangsar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian kerana ada hubungan langsung dengan PBT kerana kita lihat sebelum ini pihak PBT terkadang kala menyulitkan masalah khususnya dalam pembinaan perumahan. Ini kerana kita lihat apabila kita menyentuh tentang pembinaan perumahan kita lihat kepada lot tanah itu sahaja sedangkan tanah itu mungkin jauh daripada jalan besar.

Kes-kes seperti jalan masuk, ini kes-kes CF, kes-kes keperluan daripada PBT sendiri, hendakkan parit *monsoon drain* ataupun jalan dan ini menyulitkan dan menyekat penamatkan pembinaan itu. Jadi tahniah kepada pihak kementerian yang ada hubungan langsung. Saya mohon peranan pihak berkuasa tempatan dapat bekerjasama dengan kementerian supaya perkara-perkara yang *hidden cost* dan juga masa ini akan terjejas oleh kerana perkara-perkara teknikal yang saya sebutkan tadi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tambahan, tambahan seminit sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri sedikit saya hendak bagi sedikit cadangan, Menteri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat, sambung tadi sahaja. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

■1530

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua saya tertarik tadi sebab ini lah *the real missing link* yang kita perlukan. Saya biasa jadi *president assosiation* perumahan. Kadang-kadang PBT ini dia dengan Local Agenda 21 dia hendak datang, dia tidak ada mekanisme hendak terus *to the touch point at the grass root*. Akan tetapi dengan adanya PBT ini kita ada mekanisme *towards both side*. Sebenarnya kalau dia cari rumah pun, kalau dia tidak jumpa banyak kekangan. Jadi saya ucap tahniah, benda ini adalah *the missing link* yang kita harap-harapkan dan ucap tahniah kepada kementerian untuk mengadakan JPP. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai secukup masa cuma ingin saya katakan saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kuasa-kuasa PBT tetap akan dikenalkan seperti biasa. Ia tidak akan kurang, kita akan geran dan sebagainya di bawah perlumbagaan itu semuanya akan kita hormati dan tidak menjadi persoalan. JPP ini akan diwujudkan bukan sahaja di kawasan-kawasan pembangkang dan negeri-negeri pembangkang tetapi semua negeri di seluruh Malaysia...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ringkas saja, sikit-skit sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sepuluh saat, sepuluh saat saja. Kepada Yang Berhormat Lenggong dulu. Tidak payah mukadimah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Macam ini Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab Tuan Yang di-Pertua sebut tadi pegawai-pegawai kementerian yang akan turun ke semua mesyuarat. Betulkah begitu atau pun barangkali sebab mungkin mesyuarat ini banyak, jawatankuasa pun ramai, apakah ada kemampuan di pihak kementerian? Sebab itu saya hendak tanya mungkin barangkali.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey, okey terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cuma nanti janganlah hantar.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita ada perjawatan baru Yang Berhormat, kita ada perjawatan baru di Unit Kesejahteraan Bandar akan kita wujudkan dalam PBT khusus untuk menangani isu-isu yang dibawa oleh MPP tadi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, sebab maksud saya kalau yang perlu hadir ialah pengarah. Apakah dia akan pergi ke semua tempat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *No, no*, bukan pengarah, maksud saya ini Ketua Jabatan Persekutuan di daerah masing-masing.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, maknanya hendak penjelasan itu sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Maknanya PPD, Jadi jurutera daerah kah, jurutera air dan sebagainya itu, wakil-wakil daripada jabatan persekutuan yang ada di kawasan perbandaran atau pun daerah tersebut. Okey, *so* dia bukan untuk ketua pengarah yang datang... *[Ketawa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha! Itu hendak *clear*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ha... *clear*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya . *Last ya, last* Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Pada pendapat saya kalau kita mahu menyelesaikan masalah PBT yang cukup rumit adalah *empowerment* kepada PBT. Maksudnya bagilah kuasa lebih kepada PBT. Bukan kita memusatkan kuasa di *Federal*, kerana kalau memusatkan kuasa di *Federal*, ini lah masalah *missing link* itu, dia tidak dapat kerana orang yang duduk di Putrajaya mereka tidak tahu masalah di Kota Belud...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Jadi ini adalah masalah yang kita hadapi. Jadi kita haruslah kalau boleh bagilah lebih kuasa, pulangkan isu tentang pelupusan sampah, balik kepada PBT. Pulangkan apa isu-isu seperti *local transport* kepada PBT bagi mereka *run*, mereka *can do it*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya punya masalah Yang Berhormat...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak *interject* sedikit boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya jawab dulu sekejap.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *It's not about associate of power actually. This is about interfacing supaya the delivery system can go right to the touch point base- rakyat biasa.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *That's why the density...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *It's not about exception.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *It's about balancing the need of the PBT and also rakyat itu biasa di rumah-rumah yang di bawah ini. I think this system will enhance the delivery system. Thank you.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih. Saya menjawab Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya mencelah sikit ya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, PBT kita semua faham PBT mempunyai kewangan yang *limited*. Kewangan yang *limited* dan juga kemampuan untuk menjalankan semua tugas ini bersendirian. Itu sebabnya saya tahu kekuatan kewangan PBT adalah seperti PBT Subang Jaya, Petaling Jaya itu mungkin kayalah.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Sekejap Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri boleh bagi kepada geran-geran kepada PBT.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Let me explain* Yang Berhormat. *You know you have made very strong accusation in papers*, dengan izin. So, saya hendak *explain* kepada Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan. Pertamanya PBT tidak akan mampu untuk menjalankan semua tugas. Soal tentang pelupusan sampah ini adalah akta yang telah dipersetujui *tripartite agreement*. Yang Berhormat hendak membawa satu isu yang sudah pun dimeteraikan. Jadi jangan anggap ini sebagai satu cara untuk mengambil kuasa PBT. *You continue* dengan PBT, PBT tidak akan dikurangkan. Saya bagi jaminan *capital sheer grant*, bantuan kadar semua peruntukan-peruntukan yang telah kita sediakan hampir RM300 juta setiap tahun untuk PBT akan diteruskan.

Akan tetapi bagi peluang kepada Kerajaan Persekutuan untuk memahami isu perbandaran yang berada di bawah di situ. Bermakna yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi tadi, kita tidak banyak mempunyai *missing link*. So it is to be fair kebanyakan perkhidmatan dalam PBT adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. We have a say on what apa ini kita mencari jalan untuk mendekati rakyat di perbandaran. Ini yang menjadi masalah Yang Berhormat.

Akan tetapi berlapang dadalah, *don't worry* ini semua bukan sahaja di negeri-negeri pembangkang tetapi juga di negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional. Saya kena menganjak sedikit Yang Berhormat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh beri laluan Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kalau tidak kita tidak akan selesai masalah ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan Yang Berhormat. Duduklah dulu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Selain daripada itu, itu yang elau. Kebersihan tandas saya rasa Ahli Yang Berhormat Sekijang membangkitkan isu yang berkaitan dengan kebersihan tandas yang kurang memuaskan terutama di kawasan tumpuan pelancong dan telah menunjukkan atau memberi contoh tandas awam di Putrajaya khususnya di Jambatan Wawasan. Untuk makluman

Yang Berhormat, kementerian telah mengarahkan pihak Alam Flora untuk mengambil tindakan pembetulan dan penjagaan segera supaya perkara ini tidak berulang kembali.

Seterusnya Yang Berhormat Lawas ada membangkitkan kebimbangan beliau mengenai kewujudan kedai *cafe cyber* yang tidak sah. Ini adalah di bidang kuasa PBT Yang Berhormat, kita telah mengeluarkan garis panduan pusat *cyber* dan *cyber cafe* yang telah disediakan oleh KPKT dan kita minta supaya pihak PBT di Sarawak mengambil kira tentang garis panduan ini. Akan tetapi sebenarnya di bawah bidang kuasa PBT. Saya cuma ingin - ada banyak isu-isu. Oleh sebab kekangan masa saya hanya mengambil isu yang lain besar. Apa yang lain itu kalau boleh saya ingin menjawab secara bertulis.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri. bomba air Yang Berhormat Menteri jangan lupa, Yang Berhormat Limbang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *[Ketawa]* Yang Berhormat itu saya sudah bincang tadi Yang Berhormat siapa tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita kena- sementara kita melihat kepada bomba air tadi itu, pasukan bomba, bot air itu saya berminat dengan cadangan Yang Berhormat. Saya akan berbincang dengan pengarah, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk meletakkan bot-bot yang boleh dilengkapi dengan alat pemadam api itu di kawasan-kawasan yang sering terbakar terutamanya di kawasan Yang Berhormat dan juga di Lawas kalau saya tidak silap juga meminta bomba air tersebut.

Cuma saya ingin satu isu yang agak panas sedikit yang telah disebut di dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat Segambut. Ini yang membangkitkan mengenai isu kerosakan pili bomba di sekitar Kuala Lumpur. Kementerian ini memandang serius isu pili bomba tidak berfungsi yang hangat diperkatakan. Saya juga ada terbaca di akhbar dan juga laman sosial mengenai perkara ini dan suka saya perjelaskan di sini bahawa kementerian menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai prosedur khusus mengenai pili bomba yang menetapkan pemeriksaan dan ujian secara berjadual sekurang-kurangnya sekali setahun.

Saya telah menyemak perkara ini sendiri dengan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur dan saya difahamkan jumlah sebenar pili bomba di kawasan Kuala Lumpur yang tidak boleh digunakan adalah 253 pili bomba dan bukannya 9,000 seperti Yang Berhormat katakan dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi di seluruh negara terdapat 375,149 unit pili bomba yang meliputi pili bomba awam sebanyak 88% dan swasta sebanyak 12%. Sebanyak 44,811 unit pili bomba didapati rosak di seluruh negara. Kementerian ini menerusi JPPM telah melaksanakan pemeriksaan dan ujian ke atas 315,253 unit pili bomba seluruh negara sehingga Oktober 2013. Jadi saya ingin mengatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, pertamanya untuk akhbar *Star Metro* yang menggunakan maklumat yang salah dalam *headline* mereka. Itu saya rasa saya agak kesal kerana dengan mewujudkan

senario yang tidak betul ini seolah-olah semua hampir setengah pili bomba di Kuala Lumpur ini tidak berfungsi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saudara ada kapten balai ini yang digunakan oleh *Star Metro*, kapten balai ini Tuan Yang di-Pertua adalah- saya pun tidak tahu macam mana dia dapat kapten ini. Persatuan Malaysia *Volunteer Fire & Rescue Association* ini adalah tidak berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mereka adalah satu persatuan yang ditubuhkan di bawah ROS tetapi tidak mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan mereka ini telah membuat banyak perkara yang tidak begitu serasi dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Malah JPPM Jabatan Bomba telah pun menulis surat beberapa kali kepada ROS berkenaan dengan persatuan ini yang kadang-kadang tidak terkawal aktiviti mereka dan mereka tidak mempunyai hubungan secara rasmi dengan Jabatan Bomba. Kalau kita lihat menerusi gambar ini pun Tuan Yang di-Pertua, kita lihat uniform mereka ini bukan uniform sukarelawan. Mereka membeli uniform ini sendiri dan mereka membuka pili bomba ini pun salah.

#### ■1540

Mereka bukan orang yang telah ditauliahkan oleh Jabatan Bomba untuk membuka pili bomba. Pili bomba ini Tuan Yang di-Pertua mesti diingati dan harus kita faham bahawa ada pili bomba ini yang betul tidak ada air kerana kawasan itu saliran paip yang baru telah dibuat oleh SYABAS. Jadi kita tidak boleh terima semua berita-berita ini sebagai satu berita yang sahih dan semua perkara dan pili bomba seperti mana yang saya katakan tadi hanya 253 pili bomba daripada 17,000 pili bomba di Kuala Lumpur ini didapati tidak berfungsi. Jadi saya berharap ini menjadi pengajaran kepada semua pihak...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Supaya mereka lebih tahu mana yang betul dan mana yang tidak.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Soalan pokok saya adalah, pihak siapa yang kena memperbaiki pili bomba yang rosak, Jabatan Bomba ataupun SYABAS?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk menyelenggarakan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kita telah mengadakan satu mesyuarat di antara SYABAS, SPAD dan juga SPAN dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kita telah memutuskan untuk mengelakkan keraguan penyelenggaraan di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tetapi bekalan air yang mencukupi dengan tekanan air yang mencukupi adalah bidang kuasa SYABAS.

Saya minta supaya pihak awam terutamanya haruslah mengambil iktibar dan juga menjaga pili-pili bomba ini. Ini bukan kerja senang. Ada 300,000 pili bomba seluruh Malaysia Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu pihak bomba tidak akan mampu untuk memantau keadaannya 100% setiap hari. Sebab itulah penduduk tempatan mestilah mengambil inisiatif sendiri untuk memelihara dan juga memastikan pili-pili bomba ini tidak dirosakkan dan divandalise.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi yang saya ingin sentuh dalam kekangan masa yang agak ialah tentang rakan saya Yang Berhormat Pokok Sena, semasa berbahas telah meminta kementerian saya untuk memberikan penjelasan mengenai penawaran kepada kontraktor yang melaksanakan projek tempat pelupusan sisa pepejal sanitari di Kampung Teratak Batu, Marang Terengganu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sememangnya telus dalam melaksanakan apa jua projek yang telah diamanahkan dengan pendekatan *best value for money*. Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan projek ini melalui proses tender terbuka adalah mematuhi arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa semasa penilaian dan pemilihan petender yang berjaya.

Antara perkara yang dinilai adalah mematuhi syarat yang ditetapkan dalam tender, keperluan modal minimum, keupayaan biayaan serta keupayaan teknikal dan petender-petender juga telah dinilai dengan adil dari aspek pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan loji peralatan. Petender yang melepassi semua peringkat saja layak dipertimbangkan. Oleh yang demikian, suka saya nyatakan di sini bahawa penilaian tender untuk projek berkenaan telah dilaksanakan dengan telus dan berdasarkan tatacara perolehan yang berkuat kuasa dan ditawarkan kepada kontraktor petender yang paling layak serta memenuhi semua kriteria spesifikasi tender.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sahabat Yang Berhormat bangun. *Tie* warna sama.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, tahniah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya. Saya cukup menghormati beliau, Yang Berhormat Menteri yang muda, yang berjiwa besar untuk datang ke sini. Ini contoh terbaik selepas Yang Berhormat Padang Rengas itu. Ini satu yang harus dipuji. Kita hendak beginilah selalu Menteri datang. Ini Menteri sesetengah kadang-kadang tak *mai* kan, jadi kita pun- kalau dia *mai* pun dia jawab gulung, kita tunggu, kita rasa puas hati. Tunggulah *sat*. Ini kadang-kadang bangun pun pakai pantun, air telaga duduk sebelah Johor Bahru. Apa Yang Berhormat Pasir Gudang, air telaga? *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik. Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan walaupun disebut tadi bahawa tender terbuka tadi dibuat secara telus dan sebagainya tetapi apakah proses yang dibuat? Sebab kalau mengikut, saya tidak pasti adakah ia mengikut amalan seperti mana yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya iaitu ia ada *cut off* kepada harga dalam senarai itu dengan melihat juga kepada soal-soal kepakaran dan kebolehan setiap syarikat tersebut? Ini yang harus dilihat dan sejauh mana jawatankuasa teknikal bahagian teknikal memberikan *recommendation* kepada Lembaga Tender ini untuk memilih beberapa syarikat. Maknanya berapa syarikat yang telah direkomen oleh jawatankuasa teknikal ini yang memenuhi syarat-syarat dengan mengambil kira *cut off* yang pernah selalunya diamalkan oleh pihak JKR.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Pokok Sena. Sebenarnya memang ada *cut off* dan *cut off* ini telah pun diputuskan dalam

mesyuarat perolehan, Lembaga Perolehan. *Cut off* ini telah diupgrade oleh JKR melalui surat daripada Ketua Pengarah Kerja Raya, KPKR Bil. 5/2012 di mana satu pakej yang baru cara pengiraan *cut off* itu diguna pakai melalui pekeliling yang dikeluarkan oleh JKR. Dalam *cut off* yang baru itu, penentuan pakej yang baru tidak ada kena mengena dengan kementerian saya Yang Berhormat. Ini adalah arahan daripada JKR dan dipatuhi oleh kami. Di situ hanya yang layak melalui pakej *cut off* yang baru itu akan dipilih oleh Lembaga Perolehan. Jadi tidak ada sebab syarikat-syarikat yang layak tetapi tidak diberi pertimbangan itu timbul.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cuma saya hendak minta penjelasan daripada- terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri rakan saya. Saya hendak minta rakan saya boleh tidak beri penjelasan kepada saya bahawa senarai *cut off* syarikat-syarikat ini dengan harga-harga yang telah pun diberikan dan apa pandangan daripada jawatankuasa teknikal ini, sebab saya lihat kepada senarai yang telah pun dipaparkan oleh kementerian Yang Berhormat sendiri menunjukkan bahawa ada *cut off* harga yang lebih rendah daripada itu yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Jadi sebab itu saya hendak minta beberapa syarikat yang jelas telah memenuhi prosedur *cut off* yang telah pun dibuat oleh JKR itu dan berapa harga mereka?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua *cut off* untuk projek tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Kampung Teratak Batu, Daerah Marang Terengganu ialah RM33,344,000. Itu *cut off* dia dan syarikat yang telah berjaya ditawarkan pakej ini menawarkan harga RM35 juta. So ia dalam lingkungan 15% yang *above plus-minus* daripada *cut off* itu. Syarikat-syarikat lain jauh lebih besar defisitnya. Sama ada ia lebih daripada 15%, maka mereka tidak layak untuk dipertimbangkan dalam projek ini. Jadi *cut off*nya ialah RM33,344,000 dan syarikat yang ditawarkan kontrak ini ialah syarikat yang telah menawarkan harga dengan RM35 juta. Di mana *percentagenya* adalah lebih kurang 10.03 *deviation* daripada *cut off point* ini, yang lainnya itu agak besar. Satu yang dikatakan ada satu petender sampai 26.02%, bezanya daripada *cut off point*. Saya rasa itu Yang Berhormat ingin tanya tentang petender nombor 25. Kalau saya tidak silap. Saya ingin menyelesaikan ini Tuan Yang di-Pertua kerana ia dibawa oleh sahabat saya...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, sebab apa Yang Berhormat Menteri sebut tentang petender yang nombor 25 itu? Kenapa tidak ambil petender yang nombor 25?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Yang Berhormat, itu yang saya katakan tadi. Yang Berhormat seperti tidak memahami. Kalau harga itu terlalu rendah daripada *cut off point* bermakna kita takut bahawa kalau kita bagi kepada syarikat yang menawarkan harga terlalu murah, 26% lebih daripada *cut off point average costing* yang kita buat dari segi penilaian dan juga konsultan kita, maka tawaran itu akan- yang membimbangkan kita ialah syarikat tersebut tidak akan mampu untuk meneruskan projek tersebut. Jadi itu sebabnya ada *cut off point*. *Cut off* kemudian 15% ke atas 15% ke bawah itu adalah syarikat-syarikat yang boleh difikirkan layak untuk dipertimbangkan. Mana-mana syarikat yang telah melebihi 15% *deviation plus and minus* daripada

*cut off point* tidak akan dipertimbangkan secara automatik kerana harga mereka sama ada terlalu tinggi ataupun terlalu rendah.

■1550

Samalah juga dengan lembu, Yang Berhormat. Kadang-kadang kita beli lembu RM3 ribu, kalau kita beli yang harga RM800 nanti ia ada penyakit kuku dan mulut. Jadi, Yang Berhormat jangan beli lembu yang ada penyakit kaki dan mulut ya. Jadi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lembu *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah cerita lembu Yang Berhormat. Itu contoh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia hendak berdebat cerita lembu ya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu contoh Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cakap panjang sebab masa saya. Kecuali kalau ada perkara, isu yang besar saya rasa yang lain-lain ini hanya isu-isu yang ada kaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh dijawab secara bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** ...Pertanyaan, saya boleh dibuat dengan cara bertulis kalau saya dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau tidak ada bantahan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih. Yang lain itu saya akan jawab secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian saya. Pihak kementerian sememangnya mengalu-alukan pandangan dan juga cadangan yang boleh menambah baik penyampaian perkhidmatan yang diberikan demi kepentingan rakyat.

Segala cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian, dijadikan input bagi menambah baik berterusan pelaksanaan dasar dan program Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

### 3.51 ptg.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan belanjawan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ada beberapa isu yang dibangkitkan. Ada yang lama, ada yang baru. Banyak yang lamalah. Setengah-setengah sudah dijawab secara bertulis, lisan di dalam Dewan. Jadi, saya ambil

kesempatan untuk mengulangi semula apa yang telah dinyatakan dalam Dewan dan benda yang baru itu kita akan beri perhatian lebih.

Pertama, Yang Berhormat daripada Marang membangkitkan isu Perjanjian *Trans-Pacific* (TPPA). Yang Berhormat Marang menyatakan bahawa TPPA ini macam kucing mengadakan pakatan dengan singa. Jadi, ini pada pandangan Yang Berhormat lah. Kalau ikut di sini, Yang Berhormat kata singa akan makan kucing, telan habis-habis. Jadi, saya hendak maklumkan di sini bahawa yang terlibat dalam perjanjian ini adalah 12 buah negara. Amerika Syarikat salah sebuah negara dan Jepun juga sebuah negara besar. Jepun dulu merupakan ekonomi kedua terbesar dalam dunia, sekarang ketiga terbesar. China telah mengambil alih negara dari Jepun, jadi sekarang ini Jepun merupakan negara ketiga terbesar dalam dunia juga menyertai TPPA.

Selain itu Kanada juga sebuah ekonomi yang besar. Mexico, ini antara negara-negara yang besar yang menyertai TPPA. Jadi singa ada, kucing pun ada. Akan tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa walaupun Malaysia ini kucing, kucing yang akan mempertahankan kedaulatan negara. Kucing yang akan pastikan bahawa kepentingan negara tidak terjejas. Jadi, ini adalah jaminan yang diberikan oleh kerajaan dalam Dewan ini juga kepada *Caucus* Parlimen.

Saya maklumkan dalam hubungan ini, kita ada beberapa *safeguard* ataupun beberapa perkara yang membolehkan kita memastikan bahawa kepentingan negara itu dapat kita pertahankan. Kita sebut banyak kali bahawa 'yes' kepada TPPA tetapi terma-terma Malaysia. Ini pendirian kita dan saya ingin mengulangi sekali lagi pendirian kita dalam hal ini. Kita telah dapat banyak pandangan bernas daripada pelbagai pihak daripada beberapa *engagement* yang telah kita lakukan. Daripada media massa, daripada *Caucus* Parlimen yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Jasin dan kita berjanji dari semasa ke semasa apabila ada perkembangan terbaru, kita akan kemas kini maklumat yang akan diberikan kepada *Caucus*. Cumanya sebulan ini memang sejak kita jumpa sebulan lalu belum ada pertemuan dengan *Caucus* Parlimen kerana tidak ada kemajuan ataupun perkembangan terbaru yang hendak dilaporkan. Jadi, kalau jumpa pun ulang tayang benda yang sama.

Walau bagaimana pun saya tadi berjumpa dengan Penggerusi *Caucus* setelah berunding dengan rakan-rakan dan pembangkang, kita akan cari masa dua-tiga minggu lagi untuk saya berjumpa sekali lagi dengan *Caucus* Parlimen untuk saya *update*, kemas kini maklumat terkini berkaitan dengan TPP ini. Jadi, itu *safeguard* yang pertama. Ada *Caucus* yang memberi banyak pandangan yang berguna kepada kerajaan, yang sebenarnya juga mempengaruhi kerajaan dan menentukan pendirian kita dalam hal TPP.

Kedua, *safeguard* dengan izin, yang kita telah wujudkan ialah jaminan bahawa kita akan buat dua analisis kos faedah. Satu mengenai kepentingan negara yang akan dikendalikan oleh ISIS. Sudah pun mula tugasnya dan yang kedua ialah oleh TERAJU. Ini akan melihat kepada bumiputera dan juga isu-isu berkaitan dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan saya juga telah buat keputusan bahawa kita akan buat kajian ataupun analisis kos faedah ini pada dua peringkat. Peringkat pertama, peringkat *preliminary* ataupun awalan berdasarkan maklumat tidak lengkap yang ada pada kita semua.

Kedua ialah dekat-dekat hendak habis. Apabila perjanjian ini ataupun perundingan hampir tamat. Maka kita akan dedahkan hasil perundingan ini kepada pasukan pengkaji untuk membolehkan mereka membuat kajian. Jadi, ini *safeguard* yang kedua dan kita telah membuat penambahbaikan. Ini juga hasil daripada *engagement* dengan *Caucus* Parlimen. Dua peringkat, peringkat pertama peringkat *preliminary* berdasarkan maklumat tidak tepat. Kedua, peringkat yang *semifinal* ataupun *final*. Apabila perundingan sudah tamat tetapi belum di tandatangan lagi, kita akan berikan maklumat ini kepada pasukan pengkaji untuk membolehkan mereka *update*, kemas kini kajian awal yang telah dibuat. Itu yang kedua.

Ketiganya, Perdana Menteri pada 7 Oktober yang lalu di Bali telah membuat pengumuman bahawa perkara ini akan dibahaskan di Parlimen. Kalau bahas maknanya Ahli Parlimen akan memberi pandangan dan sudah pasti kerajaan akan mengambil kira pandangan-pandangan daripada Ahli Parlimen. Jadi, Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya hendak berikan jaminan sekali lagi bahawa betul, mungkin ada orang anggap kita ini kucing tetapi kucing ini akan mempertahankan kepentingan negara. Kucing ini akan mempertahankan kedaulatan negara. Betul, ada singa dalam pasukan ini tetapi ada beberapa singa, bukan satu singa dan adalah tidak benar bahawa singa akan menelan semua kucing-kucing dan saya ingin beri jaminan sekali bahawa kita akan mempertahankan kepentingan negara. Apa pun, jaminan 7 Oktober Perdana Menteri bahawa perkara ini akan dibawa ke Parlimen adalah satu perkara yang harus kita terima dengan hati terbuka dan *insya-Allah* kita akan tentukan tarikhnya...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Kita tidak tahu lagi bila tarikhnya tetapi oleh kerana ini janji kerajaan, sudah pasti kita akan akur kepada dan kita akan tunaikan janji yang dibuat oleh kerajaan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri. Menteri, saya hendak tanya sedikit penjelasan tentang isu *preliminary study* ini untuk TPPA. Apakah tarikh *preliminary study* ini akan dikeluarkan? Lebih kurang, bulan apa dan minggu apa? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Kita ada dua pasukan pengkaji. ISIS telah diberi tiga bulan dan mereka dijangka untuk menyiapkan ataupun kemukakan laporannya pada akhir tahun ini. Kajian oleh TERAJU ada sedikit masalah, pasukan petugas pertama telah tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Tidak memenuhi *terms of reference* yang telah ditetapkan maka pihak TERAJU sedang kenal pasti satu pasukan lain untuk mulakan kajian. Jadi peringkat pertama, peringkat *preliminary* dan lepas itu apabila hampir muktamad kita akan serahkan dokumen kepada pasukan pengkaji untuk membuat satu analisis yang cepat, membolehkan kerajaan mendapat panduan daripada pasukan tersebut. Terima kasih.

Jadi, itu mengenai aktiviti. Saya tidak mahu hendak ulang kerana sudah banyak kali dalam Dewan ini. Yang penting kita ada tiga *safeguard* tadi. Ulangan, yang pertama adanya *Caucus* Parlimen yang telah banyak memberi pandangan kepada kerajaan. Kedua, adanya dua kajian.

Ketiga ialah jaminan kerajaan bahawa perkara ini akan dibawa ke Parlimen pada masa yang akan ditentukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat daripada Jasin, banyak soalan dibangkitkan. Pertama, mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan eksport yang boleh menyumbang kepada pendapatan negara. Jadi, benarlah akhir-akhir ini eksport prestasinya kurang menggalakkan. Ini ada kaitan dengan dua perkara. Yang pertamanya, kejatuhan eksport *electrical* dan *electronic* sebanyak 1.1%, walaupun jumlah penurunannya kecil tetapi oleh kerana ia merupakan kira-kira 35% daripada jumlah eksport negara, maka ia memberi kesan kepada jumlah eksport negara. Yang kedua- yang pertama tadi, eksport *electrical* dan *electronic* yang merosot 1.1%.

■1600

Kedua ialah kelapa sawit yang kita sedia maklum, eksport kelapa sawit turun 19.8% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dan ini antara penyumbang utama kenapa prestasi eksport adalah lembap. Apa pun kita dapat angka-angka yang baru, kita keluarkan hari Jumaat lalu, menunjukkan bahawa pada bulan September berlaku peningkatan yang agak menggalakkan. Kerajaan mengunjurkan, membuat unjuran bahawa pada tahun ini, keseluruhan tahun ini kita menjangkakan bahawa eksport akan meningkat sedikit. Adakan tanda peningkatan atau pun *recovery*, dengan izin, dalam barang *electrical*, *electronic* dan ini akan membolehkan kita mencatatkan satu peningkatan yang kecil dalam eksport negara.

Jadi, kerajaan memang amat prihatin kerana eksport ini penting untuk menjana pendapatan negara. Sama ada syarikat-syarikat di Johor, Selangor atau pun Pulau Pinang atau pun ladang-ladang FELDA dan lain-lain. Ini telah banyak memberi sumbangan kepada pendapatan negara. Maka itu kerajaan akan terus mempergiatkan usaha-usaha promosi pemasaran, khususnya di pasaran berpotensi tinggi seperti Asian kerana kita banyak berdagang dengan Asian. China yang merupakan rakan dagangan utama kita India, Afrika, dan beberapa pasaran baru contohnya, umpamanya sebulan lalu pihak MATRADE telah mengadakan satu promosi di Kazan. Kazan ini di Tatarstan sebuah Republik Rusia yang sedang pesat berkembang. Di sana hasil pameran itu telah menjana *order* ataupun tempatan sebanyak RM216 juta. Itu promosi yang kita lakukan di Kazan.

Sebulan lalu juga diadakan promosi di Myanmar. Ini telah menjana potensi pendapatan sebanyak RM1.2 bilion dalam bidang *oil and gas*, dalam bidang pembinaan. Itu contoh-contoh di mana kerajaan gigih berusaha untuk meningkatkan eksport Malaysia. Bukan sahaja di pasaran-pasaran tradisi, tetapi juga di pasaran baru dan kita harap dengan usaha-usaha ini negara akan dapat mencatatkan sedikit peningkatan dalam eksport.

Jadi, keadaan ini berlaku oleh kerana pasaran Eropah masih lagi tidak menentu dan Amerika Syarikat pun masih lagi menghadapi masalah. Oleh yang demikian, ini telah menjelaskan prestasi eksport negara. Selain itu, kita juga telah menganjurkan banyak pameran dalam negara. Tadi luar negara. Dalam negara umpamanya MIHAS. Ini *Malaysian International Halal Showcase* (MIHAS) yang kesepuluh pada tahun ini dan INTRADE hujung bulan ini yang kita akan adakan

pameran untuk membawa pembeli-pembeli, pengimport daripada luar negara. Ini juga acara tahunan yang kita adakan dan kita jangka kira-kira 610 buah syarikat luar negara. Ini merupakan acara tahunan. Mereka akan datang ke Malaysia untuk membeli barang dari negara kita.

MIHAS diadakan pada bulan April yang lalu telah menjana jualan sebanyak RM387 juta dan melalui misi belian menjana tempahan sebanyak RM411 juta. Ini sebagai satu contoh di mana bukan sahaja kita keluar negara untuk mempromosikan Malaysia tetapi diadakan beberapa pameran besar dalam negara. Pada hujung bulan ini akan diadakan INTRADE satu acara tahunan yang penting untuk menggalakkan negara luar membeli barang Malaysia.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua kita ada dua program baru. Satu bernama program *Mid-Tier Companies*, syarikat-syarikat pertengahan. Jualannya antara RM20 juta hingga RM500 juta. Ini dalam usaha kita bukan sahaja untuk membantu syarikat-syarikat besar, bukan sahaja untuk membantu syarikat kecil tetapi syarikat sederhana. Biasanya di bawah kita bantu, di atas kita bantu. Tengah-tengah ini ada lompong sedikit. Kadang-kadang kita terlupa. Maka, untuk mengambil kira peranan besar yang boleh dimainkan oleh syarikat-syarikat *mid-tier*, pertengahan ini maka kita bermula tahun depan akan ada satu inisiatif baru.

Selain itu, bersama-sama dengan SME Corp, MATRADE akan mengadakan program bernama Program “*GoEx*”. Ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat kecil menembusi pasaran luar negara. Dalam konteks ini juga, kita tidak lupa kepada bumiputera ada Program Pembangunan Pengekspor Bumiputera. Kita sudah minta pengurus baru MATRADE untuk memberi tumpuan yang lebih kepada usaha-usaha untuk meningkatkan bursa bumiputera di luar negara. Kita jangka pada masa ini 130 usahawan kecil, sederhana bumiputera telah dibantu untuk menembusi pasaran luar negara.

Seterusnya Yang Berhormat Jasin hendak tahu tentang penglibatan orang Islam dalam produk halal dan bagaimana kita hendak tingkatkan eksport produk halal negara. Adalah benar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jasin bahawa penglibatan Bumiputera dalam industri halal ini tidak seberapa. Sebanyak 13% hingga 15% seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jasin. Ini antara lainnya oleh kerana penglibatan syarikat-syarikat multinasional, *Nestle* umpamanya sebuah syarikat gergasi yang banyak mengeluarkan produk halal. Malaysia merupakan pusat global bagi *Nestle* untuk pengeluaran produk halal. Jadi, oleh kerana *Nestle* bukan syarikat bumiputera sudah pasti penglibatan bumiputera dalam perkara ini tidak seberapa. Jadi, menyedari perkara tersebut maka kita akan meningkatkan lagi usaha untuk menggalakkan eksport keluaran halal negara termasuklah sumbangan oleh bumiputera.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun lalu jumlah produk halal telah mencecah kira-kira RM33 bilion. Produk-produknya termasuklah makanan dan minuman, bahan ramuan halal, produk berasaskan minyak sawit dan produk berasaskan bahan kimia. Destinasi utama pasaran eksport halal ialah China, Singapura, Amerika Syarikat, Indonesia, Belanda dan Jepun.

*[Tuan Yang di-Pertua memperkenalkan Mesyuarat]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kita cukup sedar perlunya ditingkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor halal. Oleh itu, kita ada program untuk transformasi halal ini di mana syarikat-syarikat bumiputera akan diberi bimbingan. Selain itu, kementerian ada hubungan dengan *Giant*, *Tesco* dan beberapa *hypermarket* yang lain termasuk *Aeon* dan beberapa syarikat bumiputera telah dibantu contohnya '*Anjat Manufacturing*, *Park Chu*, *Nice Spice*, *Rivera Chocolate*- ini antara syarikat-syarikat bumiputera yang telah dibantu untuk menjual barang mereka di pasar raya atau pun *hypermarket*...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut Yang Berhormat berkenaan dengan industri halal. Termasuk juga masalah pengurangan hasil eksport negara kita keluar. Ini memberi ruang sepatutnya kita mengambil kesempatan kerana kita tidak boleh mengharapkan kepada eksport bahan komoditi semata-semata yang mana dalam keadaan pasaran yang tidak stabil hari ini. Apabila yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bagaimana nilai eksport sawit kita pun semakin merosot.

Jadi, dalam keadaan ini seharusnya Malaysia muncul sebagai industri halal yang terbesar di dunia sepatutnya. Saya terkejut apabila Yang Berhormat Menteri sendiri yang menyebutkan bahawa yang mendominasi industri halal ini adalah bukan bumiputera, non Muslim. Jadi, macam mana perkara ini dari segi jangka panjang pihak kementerian untuk memastikan industri halal ini menjadi satu hasil utama eksport negara kita yakni untuk jangka panjang. Macam mana untuk kita menambahkan lagi penglibatan supaya golongan orang Islam ini lebih ramai lagi menguasai industri ini di samping meningkatkan ekonomi bumiputera. Minta penjelasan.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Penglibatan yang kurang bumiputera dalam sektor ini Tuan Yang di-Pertua ada kaitan dengan penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan yang kita tahu bahawa bumiputera masih lagi tertinggal di belakang. Yang kedua ada kaitan dengan penglibatan beberapa buah syarikat multinasional *Nestle* saya sebutkan tadi, syarikat gergasi dunia, salah sebuah syarikat terbesar dalam bidang makanan yang terlibat dalam produk halal. Malaysia dijadikan pusat halal.

Walaupun *Nestle* bukan sebuah syarikat bumiputera tetapi ia juga memberi faedah kepada negara dalam bentuk jumlah eksport, peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan ada juga rantai pembelian barang-barang di Malaysia. Jadi, walaupun yang mengeksport barang itu mungkin bukan syarikat bumiputera, tetapi ada juga kesan kepada syarikat-syarikat bumiputera...

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi, kerajaan *insya-Allah* akan meningkatkan lagi promosi untuk memastikan bahawa...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan!

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** ...Penglibatan bumiputera akan meningkat. Adalah menjadi hasrat kita untuk melihat lebih ramai lagi bumiputera mengeksport barang halal ke luar negara.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk tentang penyertaan di kalangan orang Islam terutamanya pengusaha-pengusaha orang Islam untuk mendapatkan *certification* halal ini.

■1610

Selain daripada kita kata mungkin jumlah mereka kita kata kurang tetapi di peringkat *ground* di sana kita dapat masalah mereka hendak mendapatkan sijil halal ini oleh kerana syarat-syarat dan *terms* yang ditetapkan itu mungkin agak sukar bagi mereka memenuhi. Ini kerana ia melibatkan pemeriksaan-pemeriksaan dari segi premis dan juga beberapa keperluan-keperluan lain yang tidak dapat dibuat oleh pengusaha-pengusaha kecil.

Jadi, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan-cadangan untuk melonggarkan sedikit syarat ataupun memberikan bantuan. Supaya mereka ini boleh dan mudah mendapat pengesahan sijil halal ini. Terima kasih.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menteri, satu lagi Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Sijil Halal Malaysia ini diiktiraf sebagai antara yang terbaik di dunia, malah ada yang mengatakan bahawa terbaik di dunia. Terbaik kerana ada proses, prosedur yang begitu mantap.

Jadi, ada syarat-syarat yang tidak boleh kita kompromi, ada yang boleh kita kompromi seperti kebersihan, sudah pasti dari segi hukum-hukumnya tidak boleh kita kompromi. Jadi, kalau hendak melonggarkan sehingga boleh menjaskan taraf sijil halal, maka ini sudah pasti akan akhirnya memberi kesan yang buruk kepada sijil halal. Maka, walaupun kita boleh lihat cara-cara tertentu bagaimana boleh dibantu tetapi untuk hendak longgarkan syarat-syarat, maka saya rasa ini sukar untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Menteri. Ada dua isu yang saya hendak bangkitkan. Pertama sekali, isu status halal ini. Menjadi satu kesukaran kepada yang disebutkan tadi ialah usahawan kecil-kecilan untuk mendapatkan sijil halal dengan pelbagai peraturan yang ada. Cuma kalau kita balik kepada satu kaedah Islam, makanan [*Berucap dalam bahasa Arab*] Hukum asal makanan itu halal. Bererti sijil yang kita hendak adalah untuk mengesahkan ia halal.

Tidak bolehkah kerajaan menyediakan satu lagi peraturan iaitu pada bahan-bahan makanan yang ada padanya bahan yang terlarang ataupun haram diletakkan perkataan, "*Mengandungi bahan terlarang atau bahan yang tidak halal.*" Dengan cara macam itu lebih meluaskan lagi perasaan rasa yakin orang Islam terhadap produk makanan yang berada di pasaran. Ini kerana hari ini kita lihat bukan sahaja halal, ada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bukan Muslim di bidang makanan tetapi menggunakan jenama yang ala-ala Islam. Makanan cap masjid, cap pelbagai yang menggambarkan mereka hendak tunjukkan mereka adalah *Islamic* dan halal serta mengelakkan mereka menggunakan logo halal tadi. Jadi, sejauh mana kerajaan mengambil tindakan dalam perkara ini.

Kedua, isu banyak dibuat hari ini pelbagai pameran besar melibatkan makanan halal ini seperti MIHAS yang masyhur dan dua tiga lagi agensi. Sejauh manakah penglibatan syarikat-syarikat Melayu *Muslim* dalam pameran-pameran seumpama ini? Adakah ia boleh membawa mereka sampai ke peringkat antarabangsa? Ini soalan saya, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Mengenai cadangan-cadangan tadi yang melibatkan sijil halal, kita akan rujuk kepada JAKIM yang merupakan badan yang berwibawa, yang mengeluarkan sijil halal dan haram jugalah. Kedua, berkaitan dengan penglibatan bumiputera. Kita ada dua pameran terpenting. Pertama, MIHAS yang berlangsung sekitar bulan April dan Mei. Kedua, *Halfest* ini merupakan satu inisiatif baru, tahun ketiga tahun ini. MIHAS sudah 10 tahun, *Halfest* tahun ketiga, sekitar bulan September.

Jadi, untuk MIHAS pelbagai syarikat iaitu luar negara pun ada, Malaysia multi nasional, bumiputera dan bukan bumiputera pun ada. Jadi, ia menggabungkan penyertaan pelbagai syarikat daripada luar negara dan dalam negara. Secara umumnya, banyak yang menyertai MIHAS merupakan syarikat-syarikat yang besar. *Halfest*, tiga tahun dahulu diperkenalkan dan semakin hari semakin menonjol. Ini menghimpunkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Kebanyakan mereka merupakan usahawan bumiputera. Jadi, itu dua pameran penting yang diadakan dalam negara untuk mempromosikan industri halal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan tentang kawasan industri di beberapa kawasan yang dikatakan terbiar dan berada dalam keadaan daif serta menjelaskan kedatangan pelaburan baru. Jadi, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Jasin yang membangkitkan perkara ini. Mengikut satu kajian yang dibuat oleh EPU pada tahun lalu yang berakhir setahun lalu, terdapat kira-kira 600 estet perindustrian dalam negara kita. Ada yang dalam keadaan baik, ada yang kurang baik.

Di antara estet-estet industri yang berada dalam keadaan boleh tahan, baik ialah di Pasir Gudang umpamanya, di *Kulim Hi-Tech Park* di Senawang, di Gebeng, di Kinta FTZ, di Samalaju, di Sarawak, di Shah Alam, di Bayan Lepas, Batu Berendam, di Enstek, di Sendayan dan Nilai. Ini antara beberapa kawasan industri yang tergolong dalam kawasan-kawasan yang berada dalam keadaan baik. Dalam pada itu kita bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin, ada juga kawasan-kawasan di mana memerlukan pembelaan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Sekejap. Kerajaan menyediakan sedikit peruntukan untuk kerja-kerja penyenggaraan. Kita akan cuba untuk meningkatkan taraf estet industri ini. Dalam pada itu saya hendak tekan di sini bahawa sebahagian besar daripada estet industri dimiliki oleh kerajaan negeri atau pun PKNS, ada juga yang dimiliki oleh swasta. Jadi, ada tiga dari segi ownershipnya. Tiga jenis. Pertama, dibangunkan dan dimiliki oleh Kerajaan Pusat. Kedua, kerajaan negeri, khususnya PKNS. Kebanyakan estet industri tergolong dalam golongan kedua tadi. Ketiga ialah estet-estet industri yang dibangunkan oleh swasta. Swasta ini kerajaan sudah pasti sukar untuk campur tangan. Kerajaan negeri, kita harap kerajaan negeri akan menjalankan

tanggungjawab. Bagi Kerajaan Pusat, sudah pasti kita akan cuba memastikan estet-estet milik Kerajaan Pusat itu dapat kita tingkatkan lagi prestasinya.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Macam Yang Berhormat Menteri tahu sahaja saya hendak tanya. Saya tengok *Gambang Halal Hub* tidak disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi saya tidak sedari bahwasanya kerajaan negeri pun ada juga rancangan itu. Sama ada Gambang masuk dalam kerajaan negeri punya program ataupun Kerajaan Pusat? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Gambang ada satu hab halal. Kebanyakan hab halal ini kita ada 25 hab halal di Malaysia. Termasuklah di Gambang, di Melaka ada, di Kelantan ada dan kebanyakannya diusahakan oleh kerajaan negeri. Ada sedikit bantuan. Kalau di Melaka di Serkam umpamanya, antara yang paling berjaya. Jadi, Gambang ini negeri tetapi ada sedikit bantuan daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih Yang Berhormat Kuantan, minta maaf, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, terima kasih sahabat saya.

Okey, seterusnya saya hendak merujuk kepada Yang Berhormat Sabak Bernam, hendak tahu mengenai IKS di luar bandar. Sama ada kerajaan akan membuka lebih banyak kawasan industri di luar bandar. Ada juga, MARA ada, saya tidak- Ini sudah pasti kena jawab oleh menteri yang berkenaan. Maklumat yang ada pada saya ini, pada tahun lepas dan tahun ini, kita belanja kira-kira RM90 juta untuk membangunkan infrastruktur PKS di luar bandar. Untuk tahun 2012, peruntukan RM90.6 juta telah dimanfaatkan oleh kira-kira 3,932 PKS. Jadi, pada tahun ini jumlah yang hampir sama, RM92.2 juta, 14 projek infrastruktur di seluruh negara.

Jadi, ada yang melibatkan LKIM, ada yang melibatkan SEDCO di Sabah sebagai contoh. Jadi, ada tetapi sudah pasti perlu diperbanyak lagi kerana luar bandar adalah penting. Ini kerana banyak PKS berada di luar bandar. Jadi, itu jawapan ringkas kepada soalan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Hulu Langat ingin tahu mengenai status rancangan pengeluaran kereta elektrik oleh Proton. Sama ada kecuali cukai jualan kereta hibrid dapat membantu melaksanakan hasrat teknologi hijau. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan dengan kerjasama Proton telah menyediakan peruntukan untuk membolehkan Proton membuat penyelidikan bagi membangunkan kereta elektrik. Proton memerlukan tempoh lima tahun. Dua tahun sudah pun berjalan. Sebelum dapat dikomersialkan perkara ini, sudah pasti perlu diadakan percubaan pandu uji atau pun *pilot testing* melalui *fleet test vehicle* (FTV) dilakukan di Putrajaya dan Cyberjaya.

#### ■1620

Setakat ini Proton telah membangunkan sejumlah 19 buah kereta *Saga* elektrik dan 31 buah kereta *Exora Range Standard Electric Vehicle* (REV) serta menyediakan 10 unit stesen pengecas. Jadi, Proton belum lagi berjaya untuk membangunkan kereta elektrik dan perkara ini sedang dipantau dengan rapi oleh pihak MITI dan kita mendapat laporan dari semasa ke semasa pihak Proton dan kita akan pastikan bahawa projek ini dipantau untuk memastikan ia membawa faedah kepada negara. Jadi penglibatan negara dalam bidang ini adalah penting. Elektrik merupakan satu kaedah baru untuk kenderaan ini. Ada beberapa model yang tersohor di dunia

termasuklah *Tesla* umpamanya, *Nissan Lift*. Ini antara model-model yang telah berjaya dan kalau Malaysia dapat berjaya dalam bidang ini sudah pasti ia akan memberi peluang baru untuk rakyat Malaysia mencebur i bidang kenderaan elektrik.

Berkaitan dengan pengecualian cukai untuk hibrid, ini telah membantu untuk menambah bilangan kenderaan yang mesra alam. Kereta hibrid di negara kita ini pada tahun lepas umpamanya, telah dijual kira-kira 15,355 unit. Ini adalah kerana pengecualian cukai yang telah diberikan oleh kerajaan dan ini sudah pasti akan dapat mengurangkan *carbon emission*. Jadi, kalau cukai tidak dikecualikan sudah pasti tidak ramai yang membeli kereta hibrid.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan dengan janji kerajaan dalam bajet untuk menurunkan dalam manifesto Barisan Nasional untuk menurunkan harga sebanyak 30%. Saya hendak ulang sekali lagi bahawa ramai Ahli Yang Berhormat yang tersalah anggap bahawa janji ini adalah untuk dilaksanakan serta-merta yang dijanjikan oleh kerajaan sebanyak 30% dalam tempoh empat atau lima tahun. Itu yang dijanjikan oleh kerajaan.

Sukacita dimaklumkan bahawa beberapa syarikat kenderaan telah pun mengurangkan harga dan kita akan terus berbincang dengan syarikat-syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan manifesto yang telah kita buat dalam pilihan raya yang lalu iaitu 30% untuk tempoh lima tahun dan bukannya serta-merta. Syarikat-syarikat seperti Proton sudah pun mengurangkan harga. Begitu juga dengan Perodua. Umpamanya *Proton Saga SV* turun harga RM4,900 dan kereta *Perodua* RM2,000, *Honda Jazz* RM15,000. Turun harga ini ada dua jenis. Satu turun harga yang *permanent* atau pun kekal. Satu promosi, yang saya sebutkan tadi bukan promosi. Ini merupakan penurunan harga secara kekal yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat berkenaan. Jadi yang promosi kita tidak ambil kira atau pun tidak aci, ya. Kita ambil cuma harga-harga yang telah diturunkan secara kekal.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kangar hendak tahu mengenai halal hab di Padang Besar. Jadi halal hab ini dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKNKP) sebagaimana juga tadi di Pahang dan di negeri-negeri lain. Jadi kita harap ia dapat dibangunkan. Betul ia sudah siap tetapi belum beroperasi lagi. Halal hab di Padang Besar ini Yang Berhormat Kangar, sudah siap tetapi belum beroperasi. *Insya-Allah* kita akan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk membantu mempromosikan halal hab tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyertai perbahasan mengenai belanjawan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

## 6.24 ptg.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Lenggong, Titiwangsa, Simpang Renggam, Tenom, Hulu Langat dan Masjid Tanah yang telah membuat pertanyaan serta soalan-soalan tertentu secara lisan mengenai bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air semasa sesi perbahasan Bajet 2014 yang telah berlangsung mulai dari 28 Oktober 2013 sehingga pada 9 November 2013. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini memberi penjelasan dan ulasan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan perkara-perkara dan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan yang berlangsung seterusnya Yang Berhormat dari Lenggong telah menyentuh mengenai kadar bagi bil-bil elektrik dan air yang tinggi dan mahal di premis ibadah seperti masjid dan surau kerana ia dikategorikan sebagai bangunan komersial. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya kadar tarif air yang dikenakan ke atas rumah ibadah bagi semua negeri adalah bersamaan dengan kategori domestik atau pun lebih rendah. Terdapat juga beberapa negeri yang tidak mengenakan caj atau pun memberikan rebat khas kepada rumah ibadah.

Program ini dilaksanakan bagi memenuhi tanggungjawab sosial operator dan juga untuk mengambil kira bahawa kebanyakan rumah ibadah bergantung kepada sumbangan kewangan daripada orang awam untuk menampung kos operasinya. Walau bagaimanapun, bagi tarif elektrik berdasarkan definisi dalam buku tarif TNB yang diluluskan oleh pihak kerajaan, pengguna bagi rumah-rumah ibadah seperti masjid, kuil dan sebagainya, dikategorikan sebagai pengguna perdagangan komersial. Rumah-rumah ibadah tidak dikategorikan sebagai pengguna kediaman kerana definisi pengguna kediaman adalah terhad untuk rumah kediaman persendirian.

Namun demikian pada masa ini rumah-rumah ibadah seperti masjid dan surau yang berdaftar dengan kerajaan telah diberi kemudahan diskaun sebanyak 10% daripada bil elektrik bulanan untuk meringankan beban bil elektrik yang ditanggung...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: /Bangun]**

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Semua agama tidak menggalakkan penganutnya melakukan pembaziran. Justeru itu, dalam usaha kita untuk meningkatkan kesedaran pengguna yang cekap dan penggunaan air yang berhemah, pihak kementerian ingin menyarankan pengguna bagi rumah-rumah ibadah ini turut menjadi contoh teladan kepada rakyat. Ini akan menyokong usaha kita ke arah sebuah negara yang mampan...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Seterusnya...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Daripada mana?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tanjong.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kerajaan dalam perkara ini terlalu bergantung kepada buku

tarif TNB di mana saya rasa mengapa perlunya rumah ibadah bukan Islam atau Islam dan juga kawasan umum seperti rumah pangsa ini dikenakan tarif elektrik komersial.

Saya rasa ini tidak harus berlaku di mana kerajaan sepatutnya yang mengeluarkan lesen kepada TNB. Kita buat polisi, kita buatlah sesuatu dasar yang memanfaatkan rakyat dan TNB perlu ikut. Buat apa sekarang sebaliknya kita mengikut buku tarif TNB? Mohon penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya katakan tadi apabila sesuatu *establishment* itu walaupun ia rumah ibadah dan dikategorikan di bawah Buku Tarif TNB sebagai komersial, kita membekal 10%. Beberapa kerajaan negeri *also for the subsidized* kepada mereka.

Satu saya katakan tadi supaya walau pun peratusan yang diberi itu nampak 10% sahaja tetapi saya rasa itu juga satu cara saya katakan untuk mendedahkan badan-badan ibadah untuk berjimat cermat dari segi penggunaan tenaga elektrik dan air. Akan tetapi kalau pihak awam memikirkan bahawa peningkatan 10% itu adalah terlampau sedikit, kita bersedia untuk meneliti semula kadar sepuluh peratus itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa ini bukan masalah berjimat cermat. Masalahnya ia akan menjadi lebih runcing apabila GST dikenakan nanti. Jadi saya rasa jika lebih baik, keadaan ini perlu diperbetulkan. Mana yang tidak bermotifkan keuntungan, mereka haruslah dikenakan tarif elektrik untuk kediaman. Ini kerana saya rasa perdagangan hanyalah untuk premis-premis yang bermotifkan komersial. Akan tetapi yang tidak bermotifkan komersial, kenapa tidak dikenakan tarif elektrik kediaman untuk tidak membebankan rakyat? Terima kasih.

■1630

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey kita ambil perhatian kepada apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat daripada Tanjong. Memang ada rayuan dari masa ke semasa dan itulah saya rasa dari segi air, misalnya beberapa negeri memberi subsidi ataupun bantuan tambahan memandangkan hal agama ini adalah hal negeri. Akan tetapi kita sedia untuk meneliti perkara ini untuk mengambil kira pandangan-pandangan yang telah pun dikemukakan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Cuba untuk merendahkan lagi peratusan yang telah diberi oleh pihak TNB.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangkitkan perkara ini, melihat kepada permintaan di premis-premis rumah ibadah ini, di masjid, surau dan sebagainya. Juga berkait rapat dengan kemampuan dan keupayaan. Kalau kita fikirkan di Masjid Kampung Baru misalnya mungkin ada keupayaan lah tetapi di kawasan-kawasan luar bandar, macam di Parit Sulong, kemampuan untuk- di Lenggong telah

tentu lah sebab itu Lenggong bangkitkan perkara ini. Labis pun sama, di banyak tempat kemampuan, soal kemampuan itu menjadi persoalan. Soal diturunkan 10 peratus kerana hendak mendidik berjimat, saya ingat barangkali kita boleh cari kaedah lain lah untuk mendidik mereka berjimat.

Boleh atau tidak kita tukar status dari menjadi daripada komersial kepada biasa. Apakah alasan sebenarnya yang tidak boleh buat sedemikian rupa? Saya hendak mendapat penjelasan lebih sikit daripada Menteri kerana boleh kita beri penjelasan perkara ini ke peringkat pengetahuan rakyat, akar umbi terutama sekali. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Seperti saya katakan tadi, pada saat ini ia berdasarkan kepada klasifikasi bahawa badan-badan ini adalah di dalam kawasan perbandaran, ia adalah disebut sebagai kawasan komersial. Okey, kawasan komersial, dan dengan itu diskaun diberi setakat mana yang saya katakan tadi iaitu 10 peratus. Akan tetapi saya...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sikit, soalan sama Yang Berhormat Menteri, *same*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya jawab dahulu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tidak. *Just..*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Berdasarkan kepada itu lah bahawa itu kategori pada saat ini dan dari masa ke semasa kerajaan negeri memberi seperti saya katakan tadi, diskaun yang perlu. Akan tetapi kita sedia meneliti, barangkali berasas kepada kemampuan, dan berasas kepada penjimatan. Kalau kita hanya sekadar bebaskan dia daripada bayaran dan seterusnya, dan ini akan, *will lead to* pemborosan dan seterusnya. *We can review* balik ini berasas kepada misalnya, penjimatan yang telah diberi dan seterusnya *we reward those* penjimatan dengan diskaun yang lebih tinggi. Saya sedia berbincang dengan pihak TNB untuk tujuan ini...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sikit sahaja.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri. Saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong, kalau boleh Yang Berhormat Menteri katakan tadi, *this is a question of classification*. Bawa balik kepada kementerian, *we classify* kerana saya rasa ini penting- kerajaan memberi pertimbangan semula dalam hal ini. Saya setuju dengan pandangan Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita bercakap kalau yang berada di kawasan majlis perbandaran, ini yang banyak ini ialah di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan kampung. Kategorinya amat berbeza sekali. Kemampuannya memang begitu terhad sekali. Wakil Rakyat kena keluarkan duit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dia cari Wakil Rakyat untuk bantu. Tidak banyak juga itu sebenarnya dari segi penggunaan mereka. Mereka gunakan sebahagian beberapa jam sahaja satu hari. Kawasan bandar yang digunakan sepenuh masa kerana latihan dan ibadah. Akan tetapi kalau di luar bandar itu jam penggunaannya lebih kurang. Memang kita

akan tengok berasaskan kepada– saya sedia untuk berbincang dengan pihak TNB, berasas kepada aduan dan juga rayuan yang telah dikemukakan.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Titiwangsa telah membangkitkan isu berkenaan subsidi bahan api yang diberi kepada pihak penjana bebas ataupun IPP yang mempunyai kapasiti penjanaan elektrik lebih kurang 47 peratus keseluruhan bagi Semenanjung. Sehubungan itu, Yang Berhormat Titiwangsa telah mencadangkan agar kos bahan api seperti gas dibil terus kepada TNB seperti sistem yang diamalkan bagi arang batu. Kadar diturunkan bagi mana-mana IPP yang telah tamat tempoh dan memberi keutamaan kepada TNB dalam pembinaan stesen jana kuasa yang baru. Jika TNB tidak dapat melaksanakannya, baru diberi pertimbangan kepada IPP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kapasiti penjanaan keseluruhan Semenanjung adalah sebanyak 21,817 megawatt. Kapasiti penjanaan elektrik dimiliki oleh IPP ialah 14,777 megawatt iaitu lebih kurang 67.7 percent. So, it's about 68 percent, dengan izin. Manakala baki iaitu 7,040 megawatt atau kira-kira 33.3 peratus adalah daripada jumlah penjanaan adalah dimiliki terus oleh TNB.

Dari segi kos bahan api, kos bahan api gas ketika ini sememangnya dibil terus kepada TNB oleh Petronas berdasarkan harga gas yang ditetapkan kepada sektor penjanaan elektrik pada masa ini iaitu sebanyak RM13.7 MMBtu. Perkara ini adalah amalan seperti yang dilaksanakan bagi penjanaan melalui bahan api, arang batu. Kerajaan sentiasa berpegang kepada prinsip dengan izin, *least cost to the system*, dalam perkara penjanaan elektrik. Sehubungan itu, memastikan prinsip ini dapat dilaksanakan dengan baik, pembidaan kompetitif dan telah dilaksanakan untuk memastikan hanya pihak penjana yang kadar tarif terendah sahaja dipilih membekalkan bil elektrik kepada Grid Nasional.

Untuk itu kerajaan tidak akan mengutamakan mana-mana pihak dalam pelaksanaan penjanaan projek penjanaan. Bagi meningkatkan ketulusan, serta memastikan kadar tarif elektrik yang kompetitif untuk pengguna, kerajaan telah mula melaksanakan bidaan kompetitif or *competitive bidding* pada tahun 2012. Bidaan kompetitif ini melibatkan pembinaan stesen jana kuasa berkapasiti sekitar 1,000 megawatt dan bidaan kompetitif bagi penyambungan sistem jana kuasa yang akan tamat tempoh pada 2019 untuk membolehkan kapasiti sebanyak 2,000 mega watt diperoleh.

Bagi IPP yang akan tamat tempoh, hanya IPP yang menawarkan kadar potongan terendah sahaja telah dipertimbangkan. Hasilnya dua stesen jana kuasa milik IPP iaitu Genting Sanyen Power dan Segari Energy Ventures telah disambung tempoh perjanjian jual beli tenaga ataupun PPA untuk tempoh 10 tahun bagi memandangkan IPP lain tidak mampu untuk menyaingi kadar yang di-tapi sayangi pun boleh juga, yang ditawarkan kedua-dua IPP ini.

Selain itu, kerajaan telah membuka tender, pembukaan bagi stesen jana kuasa baru 2012 di Prai, Pulau Pinang dengan kapasiti 1,000 mega watt dan pembinaan ini telah dimenangi oleh TNB yang telah menawarkan harga terendah dalam pembidaan tersebut...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]**

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Namun begitu, stesen jana kuasa tersebut perlu beroperasi sebagai IPP yang dimiliki sepenuhnya oleh TNB. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat di dalam perbahasananya telah mencadangkan...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan terhadap soalan yang saya kemukakan dalam perbahasan baru-baru ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, kalau kita lihat sistem IPP kita, kalau mana-mana IPP yang menjana tenaganya menggunakan arang batu atau *coal*, pembelian arang batu ini di kendalikan sendiri oleh TNB. Jadi TNB beli arang batu tersebut, kemudian hantar kepada IPP yang menjana elektrik menggunakan arang batu.

Akan tetapi dari segi gas walaupun Petronas hantar gas kepada IPP yang menjana tenaga yang menggunakan gas tetapi Petronas juga bil kepada IPP-IPP ini *cash* sebanyak RM13.40 kepada IPP. Kemudian IPP bil semula kepada TNB RM13.40 tanpa ada margin. Persoalan saya untuk mengelakkan kekeliruan publik di mana setiap kali apabila berlaku peningkatan harga minyak apabila kerajaan menaikkan harga minyak maka banyak publik merasakan IPP ini *benefit* dari segi subsidi.

#### ■1640

Sebenarnya IPP tidak *benefit* daripada subsidi. Jadi persoalan saya, apakah boleh Petronas menghantar gas kepada IPP tetapi bayaran di antara gas yang dikenakan RM13.40 ialah di antara TNB dan Petronas, bukan melalui IPP. Akan tetapi sistem yang ada hari ini, gas dibil oleh Petronas kepada IPP dan kemudian IPP bil kepada TNB. So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak kita lakukan benda ini supaya bila ada isu soal subsidi, maka IPP yang *generate power* ini melalui gas, tidak dituduh *benefit* dari segi subsidi gas oleh Petronas tersebut.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya perkara ini pun sebelum ini pun dalam mekanisme seperti mana yang telah pun disentuh tadi. Sebenarnya, selepas dua mekanisme itu cukup jelas bahawa apabila harga naik itu, sememangnya ia *pass through* itu kepada pengguna berasaskan kepada kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam perbincangan dengan pihak Petronas. Akan tetapi selalu ada anggapan bahawa seolah-olah subsidi itu adalah diberi kepada IPP oleh kerana mekanisme tersebut yang mana adalah tidak betul kerana harga *fix price* itu telah pun diatur dalam perjanjian awal bersama dengan pihak TNB dan Petronas daripada segi kos gas, harga gas.

Jadi sebenarnya kenaikan harga itu ialah seperti mana yang ditanggung oleh kerajaan melalui subsidi di peringkat katakan Petronas. Mekanisme yang sedia ada sekarang ini pun sebenarnya tidak ada juga masalahnya kerana hanya anggapan dan pengertian itu yang sukar untuk pihak awam mengerti. Jadi, pihak kita sedang meneliti juga ini dan mekanisme itu sebenarnya hampir sama dengan Pahang juga sebab mekanisme *pass through* itu pun sama

dengan yang ditetapkan di situ. Akan tetapi, inilah di pihak kerajaan sentiasa meneliti mekanisme ini dan apa lagi yang dibolehkan...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Untuk memastikan supaya mekanisme itu jelas, mekanisme itu *still confine*, dengan izin, daripada *least cost to the system* dan apa-apa kenaikan harga itu adalah diperhatikan oleh pihak kerajaan. Kita adalah muah memastikan pada saat ini melalui mekanisme *pass through* ini supaya apa-apa peningkatan dan impaknya seterusnya kepada pengguna sistem *stabilization* yang diperbincangkan untuk menanggung supaya mekanisme *pass through* apabila impaknya itu kepada pihak pengguna itu jumlah itu haruslah wajar dan boleh difikirkan di peringkat kerajaan adalah wajib. Jadi, perkara ini masih dalam perbincangan untuk diteliti dan dijangka pada tahun hadapan dan seterusnya, mulai diimplementasikan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja. Saya memahami saya rasa kerajaan menghadapi kesukaran hendak mengimbangi mekanisme-mekanisme yang ada. Akan tetapi saya hendak lontarkan kepada pihak kerajaan, saya difahamkan *hydro generated power*, dengan izin adalah di antara yang termurah daripada segi *operating cost* tetapi mungkin *capital cost*nya mahal. Ia tidak bergantung kepada faktor kenaikan turun naik harga minyak dan gas dan arang batu. Jadi, apakah falsafah kerajaan boleh mempertimbangkan atau tidak, *we go back to the* kepada *conservative system* penjanaan elektrik dengan melebihkan pada *hydro generated*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya itu akan menggembirakan rakyat. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Pandangan yang luas dan baik. Sememangnya itu dalam perhatian pihak kita. Maka dengan itu dalam soal dasar *sustainable energy* dan *green energy*, pihak kementerian sedang meneliti peranan hidro-hidro yang saiznya itu sederhana. Bukan hidro yang ribuan megawatt yang memerlukan tempat yang luas dan juga timbunan air yang begitu berpuluhan-puluhan kilometer. Jadi, dalam *energy mix* kita sebenarnya kita sedang mempromosikan *harvesting* ataupun tenaga daripada hidro-hidro yang sederhana dan hidro-hidro yang kecil ini dimasukkan dalam program *sustainable energy program* kita. Jadi, itulah di peringkat negeri Sabah, suatu *dam* yang dengan kadar 180 megawatt di Ulu Pedas dijangka kita akan utuskan itu, ia melibatkan sekadar takungan sungai yang kecil dan mesra *flow-over system* dan bukan yang *dam* empangan yang begitu besar yang ada aplikasi luas kepada alam sekitar dan seterusnya.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** So, kita akan...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya mengucapkan terima kasih kerana *I think it's a wise move*. Terima kasih banyak-banyak.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat dalam perbahasannya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Sedikit sahaja.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tiada bahas pada masa Dasar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Berkennaan sama-sama berkenaan bukan. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit tentang IPP dan L&G yang kita jual kepada IPP. Buat masa sekarang, kita jual pada RM10.70 untuk IPP tetapi harga pasaran telah melambung naik kepada RM49.12. Jadi, ini adalah *about 80% discount* kepada IPP. Kita telah jual RM10.70 sejak tahun 1997. Sudah lamalah. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah harga ini akan dikaji semula dan berapakah yang akan naik kalau kita jual kepada mereka?

Kedua adalah, adakah TNB akan menaikkan tarif pada tahun 2014 seperti yang dicadangkan oleh *President and CEO TNB*, Datuk Seri Ir. Azman Mohammad yang dia telah mengumumkan bahawa mungkin akan kaji balik kadar tarif elektrik. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ini *popular question [Ketawa]* Namun kita perlu meneliti semuanya itu. Daripada segi kos itu- saya katakan tadi kos itu kerana subsidi pihak kerajaan di peringkat Petronas, sememangnya pada masa PPA itu ditandatangani antara TNB dan IPP, *pricing* itu telah pun *fix*. Jadi, itulah saya katakan tadi bahawa dalam proses *pass through mechanism* itu apa-apa tambahan itu dipass kepada TNB dan TNB sekarang ini bersama dengan kerajaan yang perlu menetapkan *how much to pass through and therefore, problem stabilization*. So, kalau hendak *pass* semua *difference* dengan apa yang ditandatangani dalam PPA dengan IPP itu, memang harga akan terus melambung.

*Actually, dengan izin, the IPP do not get anything because the price is set and the buying price has been set. The gas has been set; the buying price has been set for them.* Jadi, bila ia naik, *then government* yang *absorb* dan untuk tujuan mengurangkan subsidi, melepaskan subsidi tersebut, *it will pass through, it will go to the consumer* dan di peringkat kerajaan perlu *handle how much there will pass through*. Jadi, begitu keadaan sebenarnya, bukan satu perkara yang mudah dibincangkan kerana ada impak kepada sektor-sektor tertentu daripada segi *mechanism pass through*. Di mana tarif- saya hanya boleh mengatakan bahawa masih ini dalam penelitian pihak kerajaan. Memang *utility will always want to propose the increase and it is up to the government*, dengan izin, untuk membincangkan ini apa yang wajib berdasarkan kepada kenaikan harga *fuel* dan seterusnya. Jadi, setakat ini belum ada keputusan di peringkat kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, oleh Yang Berhormat Hulu Langat dalam perbahasannya telah mencadangkan *solar cell* dipasang di bangunan-bangunan kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengenal pasti salah satu halangan utama kepada pembangunan kuasa solar di negara kita ialah kos pelaburan yang tinggi disebabkan oleh kos *solar panel* yang tinggi. Bagi menggalakkan penggunaan sistem solar PV di negara ini, kementerian telah memperkenalkan dasar dan pelan tindakan tenaga boleh dibaharui negara pada tahun 2010 yang merangkumi mekanisme *Feed-in Tariff (FiT)* yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) di negara ini termasuk sistem solar PV.

**■1650**

Menerusi pelaksanaan FiT ini pulangan modal, *return of investment*, dengan izin terhadap pelaburan bagi memasang sistem solar PV dapat disingkatkan di antara enam sehingga tujuh tahun sahaja dengan kos pemasangan solar panel dianggarkan kira-kira 10,000 kilowatt *per hour*. Mengenai cadangan pemasangan solar panel di bangunan-bangunan kerajaan pula, kementerian mengalu-alukan dan menggalakkan usaha ini kerana ia selari dengan dasar Kerajaan Persekutuan. Kementerian ini melalui agensi SEDA Malaysia boleh bertindak sebagai agensi bagi memantau atau melaksanakan usaha-usaha yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Masjid Tanah ada menyentuh mengenai pelaksanaan audit tenaga dan pemasangan *retrofit* di bangunan-bangunan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat walaupun kos pelaburan untuk melaksanakan kerja-kerja *retrofit* agak tinggi namun pulangan diperoleh dari segi penjimatan tenaga adalah amat menguntungkan. Kementerian kita telah melaksanakan *retrofit* di bangunan Kementerian Kewangan (MOF) pada tahun 2010 dengan kos RM7.5 juta. Jumlah penjimatan tenaga yang dicapai adalah sebanyak 17% sebulan dengan jumlah penjimatan RM1.36 juta setahun.

Tempoh pembayaran balik ataupun *payback period*, dengan izin adalah kira-kira enam tahun dan selepas tahun keenam, kerajaan terus menikmati penjimatan bil elektrik tersebut secara berterusan. Dalam perkara ini seperti mana yang telah disentuh dalam belanjawan juga, pihak kerajaan sedang meneliti *financial procedure* di peringkat Kementerian Kewangan supaya lebih mampu menggalakkan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan untuk mengurangkan penggunaan tenaga. Dengan itu mencapai *energy efficiency*. Pada masa yang sama untuk *reward debt*. Ada yang mengatakan kalau dikurangkan penggunaannya dengan semua teknologi dan juga sifat-sifat *energy efficiency* yang kita tanamkan di kalangan pekerja-pekerja pejabat dan boleh *reduce*, katakanlah 10% daripada bil biasa tidak ada hadiah untuk itu kerana tahun depan Kementerian Kewangan akan mengurangkan bajetnya.

Jadi mereka katakan kalau ada satu mekanisme di mana *some pass through* supaya mereka akan terus juga meneruskan galakan untuk meneruskan *energy efficiency* di peringkat tersebut. Kementerian Kewangan terbuka mengenai perkara ini dan kita berharap pada awal tahun hadapan mekanisme-mekanisme tersebut *will be in place*, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Ahli Yang Berhormat Masjid Tanah dalam perbahasan telah menyentuh mengenai cadangan penubuhan Yayasan Hijau Malaysia atau *Green Technology Foundation* atau dicadangkan dengan nama akronim 'YAH-Hijau' dengan suntikan dana sejumlah RM15 juta yang dikatakan bertindih dengan fungsi sedia ada *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC).

Mengenai cadangan penubuhan agensi tersebut yang disifatkan bertindih yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, *excuse me*. Saya ingin menjelaskan bahawa fungsi sedia ada MGTC adalah dilihat daripada perspektif fungsi dan objektif yayasan dan juga MGTC. Objektif dan fungsi MGTC, Suruhanjaya Tenaga dan SEDA yang sedia ada lebih tertumpu kepada pembangunan industri teknologi hijau khususnya dari aspek keupayaan kesediaan pihak

industri tempatan untuk berubah kepada aplikasi teknologi hijau dalam proses dan operasi kilang serta beralih kepada pengeluaran produk dan perkhidmatan yang mesra alam serta penggunaan tenaga yang lebih efisien.

Di samping itu MGTC juga berperanan sebagai *focal point* untuk memudah cara syarikat-syarikat yang berminat khusus industri kecil dan sederhana (IKS) dari aspek teknikal, perkhidmatan nasihat, khidmat nasihat dan mendapatkan pinjaman kewangan dari institusi perbankan melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme*, dengan izin, yang disediakan oleh kerajaan.

Objektif dan fungsi Yayasan Hijau Malaysia pula lebih tertumpu kepada usaha untuk mempromosi dan meningkatkan pendedahan, kefahaman dan penghargaan serta minat di dalam bidang teknologi hijau sekali gus memperkasakan dan membudayakan gaya hidup hijau di peringkat universiti, sekolah dan akar umbi. Tujuan kita ialah *more on* gaya hidup hijau. Kita fokus kepada generasi muda di sekolah, PIBG supaya sifat itu untuk misalnya *energy efficiency* dan juga menghargai alam sekitar kita dengan mengurangkan pemborosan. Ini kita fikir amat penting sekali dipupuk di peringkat akar umbi lagi. MGTC ia bolehlah terfokus kepada industri. Jadi sekadar itu penjelasan yang perlu dari segi kewangannya nanti selain daripada *launching grant* ia akan dibiayai dengan sumbangan sama ada daripada kerajaan dan swasta.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** RM1 mereka telah dapat dari swasta kerajaan akan beri RM1, *board of directorsnya* tidak kurang setengah daripadanya adalah nanti daripada pihak-pihak awam dan swasta. Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kembangkan lagi soal pertindihan ini. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Selain daripada MGTC, misalnya kita teliti Laporan Ketua Audit Negara membangkitkan kegagalan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dan kita lihat JPP ini ada pertindihan dengan agensi-agensi seperti SPAN (Suruhanjaya Pengurusan Air Negara), IWK, Pengurusan Aset Air Berhad, begitu juga misalnya Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) ada juga pertindihan dengan Suruhanjaya Tenaga.

Jadi saya fikir kalau kita punya hasrat itu untuk mengoptimumkan agensi yang ada dalam hasrat untuk mengurangkan perbelanjaan, saya fikir Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan pendekatan yang lebih baik dengan mula memastikan agar tidak ada pertindihan dalam banyak agensi kerana bagi rakyat kita potong subsidi. Pada saya kalau kerajaan mengambil sikap berjimat-cermat harus ada keterbukaan dan kesediaan untuk mengurangkan belanja dengan memastikan mana-mana agensi yang bertindih itu diserapkan pada agensi-agensi yang sedia ada. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Apa yang disentuh itu barangkali sedikit sebanyak kadang-kadang ada juga bertindih tetapi pada dasarnya apabila sesuatu agensi itu dicipta, dibina satu penelitian yang cukup terperinci

dibuat supaya tidak ada apa-apa pertindihan supaya ada *specialization* dengan izin. Mengenai dengan SPAN dan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), SPAN adalah sekadar *regulator* dari segi perundangannya dan ia akan mengawal standard dan tarif seterusnya tidak terlibat sekali gus dengan hal-hal pembangunan seperti yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

Akan tapi dari segi sektor pembetungan ini, pihak kementerian sedang dalam proses penelitian untuk memperkasakannya dan untuk lebih memastikan supaya fungsi-fungsi itu dapat diselaraskan dengan baik kerana misalnya ini adalah satu jabatan tetapi misalnya di Labuan ini tidak ada jabatan di situ selain daripada peringkat negeri yang melakukannya dan terpaksa dibuat oleh pihak jabatan daripada peringkat pusat dan begitu juga perihal air di beberapa negeri.

Jadi saya ambil perhatian kepada teguran itu dan kita sedang meneliti, *overhaul* tujuan kita ialah *specialization* untuk sektor-sektor tertentu dan supaya mengelakkan pemborosan agar tugas kerja itu lebih terfokus dan KPI yang ditentukan itu dapat dicapai.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sedikit daripada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak dengar. *Maybe I missed the point* tetapi saya tidak mendengar perancangan kerajaan kita untuk membuat kajian *scientific meters* dari segi menjanakan elektrik melalui kuasa angin, *wind power*. Kuasa angin, *windmill*.

#### ■1700

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jauh sudah itu. Saya sudah limpas. Orang Sabah sebut "limpas". Saya telah jauh ke hadapan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya minta maaf. *I think I miss the point.*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akan tetapi dulu pada masa saya Menteri MOSTI bersama dengan Timbalan Menteri pada waktu itu, sekarang Menteri Kerja Raya. Kami telah meneliti ini dari segi teknologi sekadar untuk *explore* semua teknologi untuk tenaga. Di Malaysia, tidak banyak tempat yang mempunyai *wind spin* dengan *two meters per second*, yang mana standard teknologi untuk *windmill* ini dapat berfungsi, walaupun teknologi baru mengatakan *one meter per second* itu pun boleh. Mengikut kajian pihak metrologi, ada sekadar empat atau lima tempat sahaja yang ada di Malaysia. Di Sabah pun ada dua sahaja. Di Gunung Kinabalu dan sebelah Kudat atau *Northern Sabah*.

Kita rasa kalau ada teknologi-teknologi yang lebih efisien, dia boleh pusing dan *generate power* dengan kos yang efisien walaupun *wind spin* nya itu di bawah satu *meter per second*, khususnya barangkali tempat-tempat terpencil, di pulau-pulau, itu harus dan boleh difikirkan. Pihak SEDA kita masih terbuka di pihak kementerian untuk meneliti mana-mana cadangan yang pihak swasta hendak majukan. Ada dua iaitu di Pulau Layang-layang dan satu lagi di Perhentian. Akan tetapi nampaknya *wind spin* dengan teknologi yang sudah lapan hingga sepuluh tahun lewat, ia punya pusingan itu *not economical*, dengan izin, untuk *generate power*.

Seterusnya, tadi saya telah sentuh dan Yang Berhormat Indera Mahkota juga telah sentuh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Simpang Renggam telah membangkitkan

mengenai penggalakan kerajaan dalam pemberian insentif dan pelepasan cukai kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sektor teknologi hijau, sama ada dalam bidang pendidikan, pembangunan maupun pemasaran.

Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam juga dalam perbahasannya telah menyentuh mengenai usaha pengenalan penggunaan *light-emitting diode* (LED) bagi kereta hibrid serta penggalakan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti LGV dan NGV di petrol stesen di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, KeTTHA menyokong pandangan Yang Berhormat supaya galakan cukai dan insentif diperkenalkan bagi memperkuatkan pembangunan teknologi hijau di negara ini. Seperti mana kita sedia maklum, semasa dalam pembentangan Bajet 2014 itu, telah diumumkan bahawa kerajaan akan memberi galakan eluan cukai pelaburan ke atas pembelian peralatan teknologi hijau dan pengecualian cukai pendapatan ke atas penggunaan perkhidmatan serta sistem teknologi hijau.

Berkenaan dengan kenderaan elektrik pula, pada masa ini kementerian masih lagi dalam peringkat memperkenalkan kenderaan elektrik di Malaysia melalui penyediaan Pelan Induk Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle Master Plan*) bagi merangka infrastruktur dan pasaran kenderaan elektrik di Malaysia. Dalam bidang ini sebenarnya, saya boleh maklumkan bahawa ini adalah di bawah antara KPI kementerian tetapi pihak kita sekadar boleh membuat galakan yang terhad kerana dengan izin, *we do not want to be seen to be promoting the brand of cars. It is more to the technology and the efficiency* yang menjadi sasaran bagi pihak kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat ada menyentuh mengenai rancangan pengeluaran kereta elektrik oleh Proton Berhad yang akan dapat membantu melaksanakan teknologi hijau serta mengurangkan pengeluaran Co2. Ahli Yang Berhormat Hulu Langat juga dalam perbahasannya telah membantikkan sama ada pengecualian cukai jualan bagi kereta hibrid juga dapat membantu melaksanakan hasrat teknologi hijau. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan kenderaan elektrik pada masa ini masih tertumpu di kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja melalui ujian rintis yang sedang dijalankan oleh Proton Berhad yang melibatkan 42 kenderaan elektrik iaitu 11 buah *Proton Saga*, 31 buah *Proton Exora*. Pengecualian cukai jualan bagi kenderaan hibrid telah menjadi salah satu faktor pendorong utama yang menggalakkan pengguna membeli kenderaan hibrid di negara ini.

Oleh itu, KeTTHA sebenarnya telah menyarankan supaya tempoh pengecualian cukai jualan kereta hibrid ini dipanjangkan lagi bagi menjangkau tahun 2013. Cadangan bagi menambah baik galakan eluan cukai pelaburan dan pengecualian cukai pendapatan ke atas pembelian peralatan teknologi hijau dan penggunaan perkhidmatan serta sistem teknologi hijau dan status pelaksanaan terkini bagi Pelan Induk Teknologi Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Masjid Tanah telah menyentuh mengenai dengan cadangan bagi menambah baik galakan eluan cukai pelabuhan dan pengecualian cukai pendapatan ke atas pembelian peralatan teknologi hijau dan penggunaan perkhidmatan serta sistem teknologi hijau dan juga status pelaksanaan Pelan Induk Teknologi Hijau Nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kita bersetuju dengan pandangan dan cadangan Yang

Berhormat Masjid Tanah mengenai perlunya satu mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang lebih baik bagi memastikan keberkesanan insentif yang disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau. Untuk itu, kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan untuk menyediakan satu mekanisme yang lebih mudah dan mesra perniagaan bagi proses permohonan dan kelulusan insentif yang disediakan.

Pelan Induk Teknologi Hijau Nasional pula terdiri dari tiga fasal iaitu fasal satu, yang mana merupakan kajian *baseline* yang telah disiapkan. Seterusnya fasal dua iaitu Kajian *Green Technology Foresight 2030* yang sedang dijalankan dan dijangka siap pada akhir tahun 2013. Manakala fasal tiga iaitu pelan tindakan terperinci dijangka siap pada pertengahan tahun 2014.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Langat dalam perbahasannya juga telah menyentuh mengenai masalah bekalan air di kawasan Kampung Batu 23 Sungai Lui, Hulu Langat berikutan tekanan rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Batu 23 Sungai Lui, Hulu Langat menerima bekalan air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Pangsun. Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kawasan Batu 23 Sungai Lui ini sering mengalami gangguan bekalan air kerana beberapa faktor iaitu kekeruhan sumber air mentah yang terlalu tinggi akibat hujan lebat telah menyebabkan operasi di hilir Sungai Pangsun terpaksa dihentikan. Kedua, kejadian paip pecah yang sering berlaku kerana usia paip yang melebihi 30 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tekanan air rendah adalah petunjuk kepada kekurangan bekalan air terawat yang disebabkan oleh permintaan yang tinggi di kawasan tersebut. Bagi menampung peningkatan permintaan ini, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pelan untuk membina Loji Rawatan Air Langat 2 yang akan membekalkan air terawat tambahan sebanyak 1,130 juta liter sehari. Namun, projek ini sepatutnya siap pada Mac 2014 iaitu tahun depan tertangguh oleh sebab kerajaan negeri telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan untuk membekukan kebenaran merancang iaitu *Development Order*.

Sehubungan itu, pihak saya, pihak kementerian sekali gus terus menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk terus bekerjasama mencari jalan, untuk mencari penyelesaian yang muktamad mengenai dengan bekalan air di negeri Selangor. Ini sekali gus untuk membenarkan melalui pengeluaran *Development Order* iaitu kebenaran merancang kepada projek Loji Rawatan Loji Air Langat 2 ini. Saya boleh laporkan kepada pihak Dewan bahawa sebenarnya perkara ini dalam perundingan dan perbincangan dan jika *moderation* dan sikap kerjasama itu boleh berterusan, pihak Kerajaan Pusat cukup yakin bahawa satu penyelesaian yang muktamad dapat diperoleh dalam tempoh beberapa bulan ini.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah status perbincangan

di antara Kerajaan Negeri Selangor dan juga pihak kementerian dalam kes penstrukturran air di Selangor? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Klang- Klang ya?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Klang!

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kuala Klang atau Klang? Kluang?  
[Disampuk][Ketawa] Klang. Okey, sorry.

Seperi saya sentuh tadi, perbincangan ini cukup *advance*, sudah cukup maju ke hadapan. Pihak Kerajaan Pusat, saya telah sentuh bahawa Kabinet Persekutuan telah setuju dengan pandangan yang terbuka untuk membolehkan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih pengurusan air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah kita kenal pasti. Satu daripadanya ialah hendaklah mematuhi peraturan-peraturan perundangan di bawah Akta Pengurusan Air Negara.

#### ■1710

Kedua, dia haruslah menawarkan kepada *concessionaire* yang sedia ada berasas kepada yang beroperasi di Selangor iaitu empat syarikat berdasarkan kepada prinsip *willing buyer, willing seller*. Pihak Kerajaan Pusat tidak boleh dipaksa untuk membatakan mana-mana *concessionaire* yang sedia ada kerana ini adalah bercanggah dengan perundangan dan Akta Pengurusan Air Negara. Jadi keduanya ialah Langat 2 itu hendaklah dibenarkan untuk beroperasi, harusnya siap pada 2014.

*Tunnel* kita dari Pahang yang membekalkan 130 *million per day*, malangnya 80% siap tetapi *treatment plant* belum mula so kedudukan sekarang ini marginnya kurang daripada 1%. Sebanyak 720 projek untuk keseluruhan terpaksa ditangguhkan kerana tidak ada bekalan air. Jadi kita perlu ambil pendekatan yang baharu dalam perkara ini untuk mencari penyelesaian-penyelesaian yang tertentu. Akan tetapi saya boleh katakan sikap sukat ini adalah daripada pihak negeri adalah begitu terbuka dan kita berterima kasih. Saya berharap bahawa dalam tempoh yang terdekat, semuanya ini dapat kita muktamadkan supaya perbincangan di antara negeri Selangor dan *concessionaire* mulai bermula.

Saya difahamkan adalah sedang mesyuarat mulai minggu ini dan mesyuarat di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri kelmarin juga telah pun diadakan. Di peringkat Menteri dan MB, kami sudah pun berbincang dua *round*. So we are serious about finding the solution and we said yang penting kepentingan rakyat hendaklah dijaga dan kepentingan *concessionaire* hendaklah juga turut dipelihara. Kalau tidak, dalam Dewan yang mulia ini, saya telah katakan bahawa di bawah Akta Bekalan Air Negara ada kuasa untuk Kerajaan Pusat untuk mengambil tindakan-tindakan atas kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat so saya sedang yakin bahawa kita dapat menyelesaikannya dalam tempoh yang terdekat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya diberitahu ataupun saya dengar ura-ura juga telah dilaporkan dalam surat khabar, bahawa satu

konsesi daripada empat yang telah dikatakan oleh Menteri sekarang minta pampasan yang terlalu tinggi. Ini mungkin akan menggagalkan perundingan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Kalau ini berlaku dan berterusan sebab ini berterusan sampai enam tahun sekarang, adakah kerajaan akan menggunakan *WASIA bill* untuk mengambil alih dan memberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor iaitu *management* kepada Negeri Selangor. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, itu satu andaian dan laporan yang tidak disahkanlah. Akan tetapi saya cukup yakin daripada segi keterbukaan semua pihak pada saat ini untuk berunding, berasaskan kepada apa keadaan yang sebenar. Pihak Kerajaan Pusat juga telah bersetuju melantik satu *international consultant* daripada segi melakukan audit, membantu supaya ada *reference price* yang boleh digunakan dalam soal *negotiation* semuanya ini. Hanya pihak Kerajaan Pusat melalui kuasa akta yang ada, kita boleh *facilitate* untuk membolehkan mereka mencapai sesuatu persetujuan. Pihak kita tidak boleh memaksa, terpaksa *is under concept of willing buyer, willing seller*, tetapi saya melihat dan saya masih yakin bahawa ada penembusan yang boleh didapatkan.

Kita telah menentukan tarikh, harusnya selesai *negotiation* semua ini dan tandatangan persetujuan untuk *agreement* atau persetujuan untuk melakukan semuanya itu pada 1 Januari. Kalau ini tidak dapat dicapai pada waktu itu, keadaan air di Selangor akan teruk dan terpaksa barangkali Kerajaan Pusat menggunakan *prohibition* dalam akta demi *national security* dan kesejahteraan rakyat. Akan tetapi saya yakin boleh menembusi sebelum itu...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta penjelasan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan susulan sahaja.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Berkaitan, soalan berkaitan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ini Yang Berhormat Gopeng jauh di Perak, mana ada kena mengena dengan Selangor.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ada, ada. Soalan berkaitan sebab minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab daripada segi rundingan itu *willing buyer, willing seller*, tetapi apabila Yang Berhormat Menteri terangkan tadi, ada satu formula yang tidak berkaitan dengan *willing buyer, willing seller* iaitu soal projek Langat 2. Adakah ini prasyarat yang mesti sekiranya persetujuan pengambilalihan oleh Kerajaan Negeri Selangor mesti berlaku, mesti kaitkan dengan Projek Langat 2. Hal ini saya rasa perlu penjelasan yang penting.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Itu mesti, sebab sumber air di Selangor tidak mencukupi untuk membekal keperluan. Yang sekarang saat ini saya katakan tadi kira-kira 4,000 juta *per day* dan *demand is about* tiga. *The rest* itu pengeluaran itu kerana NRW yang cukup tinggi juga mungkin. Jadi tanpa air daripada Pahang yang akan membekal kira-kira 40% daripada keperluan untuk jangka panjang, tidak ada sumber lain. Margin sekarang adalah 0.6% pada bulan lapan yang lalu, *percent, 1 percent* pun tiada. *When it is* itu dalam standard *practice will be ten minimum of 10% to 15%* untuk *margin*. *You can harvest water; you can korek* dari Klang berapa dalam tetapi tidak mencukupi untuk membekalkan air.

Jadi telah pun dipersetujui kerajaan untuk mengambil air ataupun salurkan air daripada Pahang yang satu ribu juta lebih miligram satu hari. *Treatment plant* belum pun dimulakan yang seharusnya siap pada bulan tiga tahun depan. Kalau kita persetujui pun dalam tempoh terdekat ini, tiga tahun dia perlu untuk menyiapkan itu. Dengan izin, *what are we going to do, the next three years* untuk membakar? *It is not just Selangor you know; it is Kuala Lumpur, Wilayah juga. So we had to put down our head together and talk soberly and find* penyelesaian yang menguntungkan untuk semua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, satu sahaja.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, *I think* cukup itu sahaja.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Satu soalan sahaja. Bergantung kepada penjelasan yang diberikan oleh pihak Menteri. Bolehkah kita andaikan bahawa 75% daripada perbincangan telah habis dan isu-isu kritikal telah pun diselesaikan sebelum kita ataupun kerajaan negeri dengan pihak kementerian boleh tandatangani perjanjian, *75% resolve?*

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Susah nak kira pakai *percent-percent* ini bah, tetapi satu menggalakkan adalah ketumbukan daripada semua pihak untuk berbincang dan berunding. Daripada segi mekanisme yang telah kita persetujui nampaknya menuju ke arah sesuatu persetujuan. Jadi *the detail* saya tak boleh umumkan kerana ini melibatkan syarikat-syarikat yang mempunyai luas saham di Bursa Saham. Ada impak semuanya itu tetapi yang penting, keperluan air *security water* di Selangor dapat diselesaikan dan juga seterusnya bekalan untuk para pelabur. Lebih penting lagi juga supaya *the right concessionaire are protected according to the akta lah*.

Saya cukup yakin bahawa jika kita bersikap *sober* dan mencari penyelesaian bersama ada penembusan. Pihak Kabinet sedia dimaklumkan mengenai perkara ini. Minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang dari Selangor itulah kena sokong bersama usaha-usaha yang diadakan. Okey, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab satu isu. Walaupun bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, tetapi ia di bawah tanggungjawab saya dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi di mana satu jawatankuasa di peringkat Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan perihal bumi *minorities* di Sabah dan Sarawak yang mana saya dan Yang Berhormat Menteri *joint chairman*.

Ini adalah berkaitan dengan isu yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Tenom mengenai pengukuhan tanah adat di Sabah serta makluman mengenai keluasan tanah NCER di Sabah yang telah diukur dan beberapa tanah yang telah diwartakan. Ahli Yang Berhormat Tenom juga telah mencadangkan supaya proses penyiasatan dan proses perundangan tanah adat Sabah dilonggarkan.

## ■1720

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, keluasan tanah NCR yang telah diukur sehingga 31 Disember 2012 adalah seluas 10,333.78 hektar yang mengandungi 36 geran komunal atau *native tittles*. Bagi tahun 2013 pula, kerja-kerja pengukuhan sedang giat dilaksanakan dengan anggaran keluasan 18,412.3 hektar yang mengandungi 20 geran komunal atau *native tittles*. Tanah NCR yang telah

diukur dan dikeluarkan geran komunal individu, tidak perlu memerlukan pewartaan. Kerajaan negeri...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tunggu dahulu. Sarawak nanti Yang Berhormat Tuaran, akan menjawab. Kerajaan Negeri Sabah berpendapat cadangan agar dilonggarkan proses penyiasatan dan proses perundungan mengenai tanah adat di Sabah tidak perlu pada masa ini. Ini kerana mekanisme yang sedia ada memenuhi syarat-syarat dan juga maklumat-maklumat yang disarankan. Proses penyiasatan tanah dan perundungan yang sedia ada dapat menangani semua isu tuntutan hak tanah adat negeri Sabah pada setakat ini.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan Jawatankuasa Bumiputera Sabah dan Sarawak ini, Yang Berhormat bersama dengan Yang Berhormat daripada Betong. Saya ada dua persoalan di sini. Pertamanya, adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan peruntukan RM50 juta itu untuk Sabah dan Sarawak untuk tujuan ini. Bagaimanakah peruntukan RM50 juta ini diagihkan untuk Sabah dan Sarawak? Adakah ini dibahagi RM25 juta dan RM25 juta untuk Sabah dan Sarawak atau bagaimana?

Kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya kita lihat balik dari segi perangkaan pencapaian bumiputera seluruh negara di mana sekarang ini hanya satu perangkaan iaitu bumiputera dan tidak dipisahkan untuk bumiputera Sabah, bumiputera Sarawak dan bumiputera Semenanjung. Akibatnya ialah sebahagian besar daripada peruntukan-peruntukan yang diberikan untuk bumiputera, Sabah dan Sarawak itu terlepas pandang. Ini kerana kita tidak termasuk dalam perangkaan khusus untuk Sabah dan Sarawak. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dari segi peruntukan, sebelum ini sebenarnya kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak telah pun dibekalkan dan itu seterusnya telah pun digunakan. Bagi tahun hadapan, RM50 juta telah diperuntukkan. Sebanyak RM30 juta telah pun sebelum ini dipohon oleh pihak Sarawak, telah diluluskan dan diumumkan dan RM20 juta itu adalah untuk negeri Sabah. Akan tetapi kami yakin bahawa jawatankuasa ini yang disertai oleh semua Menteri-Menteri daripada Sabah dan Sarawak, bahawa Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri akan memberi terus memberi perhatian kepada perihal penyukatan tanah, pemilikan tanah bumiputera dan khususnya bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Saya rasa kalau betul itu tidak mencukupi, kita boleh melalui jawatankuasa ini terus berunding dengan pihak Kementerian Kewangan melalui pihak ICU untuk keperluan-keperluan seterusnya.

Saat ini, bajet itu berasas kepada jumlah yang akan disukat pada tahun hadapan bagi negeri Sabah. Hal-hal yang berkenaan dengan negeri Sarawak, Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi akan menjawabnya. Mengenai dengan perihal bumiputera *nomenclature*, saya rasa ini lebih baik dijawab oleh pihak EPU. Akan tetapi memang ada Unit Perancang Ekonomi dan barangkali Jabatan Perangkaan. Akan tetapi memang perlu diperhalusi

perkara ini untuk tujuan *planning* yang lebih tepat bagi membangunkan bumiputera minoriti, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan itu, maka saya sekali lagi mengatakan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perihal di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Apa-apa perkara yang lebih spesifik, bolehlah dibangkitkan di peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

### 5.25 ptg.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan Belanjawan 2014 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang telah pun mencadangkan supaya diperbanyakkan lagi program latihan dan promosi bagi menggalakkan rakyat menceburkan diri dalam penanaman komoditi sebagai sumber pendapatan. Kementerian memang setuju dengan saranan Yang Berhormat Sekijang supaya memperbanyakkan lagi program latihan dan promosi bagi menggalakkan rakyat menceburkan diri dalam penanaman komoditi sebagai sumber pendapatan petani.

Tambahan ini, kementerian melalui agensi-agensi telah pun melaksanakan program latihan berkaitan dengan sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf. Selain itu, kementerian juga telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia, *Institute of Malaysian Plantation and Commodities* atau IMPAC bagi melahirkan usahawan dan tenaga kerja mahir, separuh mahir dalam sektor perladangan dan komoditi. Pada tahun 2012, IMPAC telah melatih seramai 4,896 orang peserta yang melibatkan 127 kursus.

Bagi tujuan mempromosi peluang yang ada dalam sektor komoditi bagi menambah sumber pendapatan, kementerian telah melaksanakan program turun padang yang dikenali sebagai "*Hello Commodity*." Program ini bertujuan mendekati masyarakat untuk memaklumkan tentang inisiatif dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan dalam sektor komoditi serta bagi menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang ini. Melalui "*Hello Commodity*" juga para pekebun kecil dapat mengetahui teknologi-teknologi terkini yang boleh diguna pakai oleh mereka dalam usaha meningkatkan produktiviti tanaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak tujuh program "*Hello Commodity*" telah dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga Oktober tahun ini, sebanyak tujuh program "*Hello Commodity*" telah dijalankan.

Selain itu, untuk mempromosi sektor ini, kementerian juga menganjurkan pameran dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia atau *Malaysia International Commodity Conference*

and Showcase yang merupakan satu acara dwitahunan MPIC untuk mempamerkan kemajuan dan perkembangan terbaru dalam industri perladangan dan komoditi negara. Selain mempamerkan penemuan inovasi dan teknologi baru di bidang perladangan dan komoditi, MICCOS juga mewujudkan peluang-peluang pemasaran perniagaan di antara penggiat industri swasta di dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Jerlun telah membangkitkan supaya pasaran-pasaran sedia ada untuk produk asas komoditi dikaji semula dan juga nisbah guna tanah tanaman komoditi utama.

Sektor perladangan dan komoditi merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara. Pada tahun 2012, sektor ini telah menyumbang RM127.5 bilion iaitu 18.2% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara, selain memberi peluang pekerjaan kepada rakyat termasuk 700,000 pekebun kecil komoditi. Bagi memastikan industri berdaya saing dan terus menyumbang kepada pembangunan negara, kerajaan telah merangka Dasar Komoditi Negara 2012-2020. Di bawah dasar ini, sektor perladangan dan komoditi dijangka menyumbang RM242.6 bilion kepada pendapatan eksport negara menjelang tahun 2020.

Berhubung dengan cadangan penerokaan pasaran, kementerian akan meneruskan aktiviti-aktiviti promosi untuk memperkuatkannya dan memperluaskan pasaran produk-produk komoditi. Usaha ini akan dilaksanakan melalui pejabat-pejabat agensi kementerian di luar negara seperti di Washington D.C., Amerika Syarikat, Brazil di Belgium, Karachi di Pakistan, Cairo di Mesir dan Shanghai di China. Selain itu, kementerian juga akan mengadakan misi teknikal ke negara-negara yang berkepentingan untuk meluaskan lagi pasaran dan juga menawarkan khidmat nasihat kepada para pengguna di luar negara mengenai kelebihan penggunaan produk-produk komoditi negara.

Bagi memastikan kepentingan daya saing industri komoditi sentiasa terpelihara di peringkat antarabangsa, kerajaan juga telah menyertai secara aktif mesyuarat-mesyuarat serta forum-forum yang penting di peringkat antarabangsa termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia-Perancis Mengenai Minyak Sawit, Mesyuarat Malaysia-Indonesia Dalam Bidang Komoditi (MALINDO), mesyuarat *International Tripartite Rubber Council*, *International Tropical Timber Organization*, *International Cocoa Organization* dan *International Pepper Community*, dengan izin.

Kerajaan juga akan meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan produk-produk baru yang bernilai tambah tinggi. Ini penting bagi memastikan produk-produk komoditi negara sentiasa relevan dan menepati keperluan-keperluan negara pengguna.

#### ■1730

Mengenai pemilihan tanaman komoditi, ia merupakan keputusan pemilik tanah dan kerajaan tidak akan menetapkan nisbah tanaman komoditi. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa menasihati para pengusaha terutama pekebun kecil supaya mengusahakan tanaman komoditi berdasarkan kepada kesesuaian tanah. Selain itu, kementerian melalui agensi-agensi yang menyediakan khidmat nasihat bagi membolehkan pengusaha tanaman komoditi meningkatkan produktiviti dan juga menikmati pendapatan yang munasabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Yang Berhormat dari Lawas telah mencadangkan supaya disediakan sebuah pejabat baru bagi Lembaga Lada Malaysia memandangkan peningkatan peranan dan fungsi MPB di atas pembangunan tanaman lada.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang merancang untuk membina Pusat Pentadbiran Penyelidikan Pembangunan dan Perkembangan Lada di Panderson, Semengguk, Kuching, Sarawak. Perolehan tanah seluas 18 ekar telah selesai dilaksanakan dan geran hak milik sedang diuruskan oleh Pejabat Tanah Sarawak. Buat permulaan pada tahun 2014, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM2 juta di bawah projek penubuhan stesen penyelidikan lapangan bagi pembangunan tiga ekar dari kawasan tersebut sebagai plot penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pembinaan Pusat Pentadbiran Lembaga Lada Malaysia di Semengguk, Kuching juga sedang dirangka dan melibatkan pembinaan pembangunan R&D Blok Pentadbiran Pusat Perkembangan Lada. Permohonan peruntukan dijangka akan dikemukakan dalam Bajet 2015 setelah pelan induk yang terperinci siap disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gombak mengenai subsidi minyak masak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi bagi minyak masak akan diteruskan. Perbezaan jumlah subsidi yang dibangkitkan bukanlah pengurangan subsidi yang akan membebankan rakyat sebagaimana yang didakwakan. Harga jualan runcit minyak masak ditetapkan seperti berikut iaitu bagi bungkusan antara RM2.50 satu kilogram manakala dalam botol adalah RM3.30 sekilogram dan RM6.60 bagi dua kilogram atau RM9 bagi tiga kilogram. Jumlah anggaran kos ini adalah semenjak tahun 1997. Jumlah anggaran subsidi adalah berpandukan kepada harga *threshold* minyak sawit bertapis atau *refined bleached deodorize, palm oil*, pada RM1,700 se tan.

Sekiranya harga RBDPL adalah lebih tinggi berbanding dengan harga *threshold*, perbezaan ini akan ditanggung oleh kerajaan. Sebagai contoh sekiranya harga RBDPL pada paras RM3,000 se tan, kadar subsidi ditanggung oleh kerajaan sebanyak RM1,300 se tan. Namun begitu, apabila RBDPL jatuh kepada RM2,500 se tan, kadar subsidi disediakan adalah sebanyak RM800 se tan. Peruntukan subsidi di bawah kos bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM1 bilion. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada anggaran harga RBDPL pada kadar RM3,350 se tan. Manakala peruntukan subsidi yang diluluskan pada tahun 2014 adalah RM1.02 bilion berdasarkan kepada jangkaan RBDPL pada kadar RM2,800 se tan. Maka dengan sebab inilah, peruntukan subsidi minyak masak bagi tahun 2014 nampaknya ada berkurangan daripada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat dari Johor Bahru yang memahami perkara ini. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Johor Bahru bahawa kerajaan tidak ada hasrat untuk menyembunyikan apa-apa maklumat berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya hendak jawab di sini adalah berhubung dengan isu Tanah Adat Bumiputera di Sarawak menyambung jawapan dari Yang Berhormat Kota Marudu tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lubuk Antu, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Sri Aman dan Yang Berhormat Mas Gading. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuk masalah Tanah Adat di Malaysia. Menyedari akan hal ini, kerajaan memperkenalkan Program Pengukuran Tanah Adat (NCR) yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 2010. Program ini bertujuan menjamin hak milik tanah NCR.

Sehingga kini, kira-kira 349,086 hektar telah siap dibuat pengukuran perimeter dengan perbelanjaan sebanyak RM63 juta. Sehingga 30 September 2013, seluas 239,292 hektar Tanah Adat ini telah selesai dibuat pewartaan. Program pengukuran ini akan diteruskan pada tahun 2014 dengan peruntukan RM30 juta. Pelaksanaan pengukuran perimeter akan diteruskan selaras dengan kelulusan kerajaan. Pada masa yang sama juga, Jabatan Tanah dan Saliran Sarawak akan mula mengeluarkan geran mengikut seksyen 18, Kanun Tanah Negeri Sarawak di kawasan perimeter yang telah diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara beberapa perkara yang telah ditimbulkan mengenai kementerian saya. Apa-apa perkara yang saya tidak sempat jawab di sini, kita akan ambil perhatian kepada perkara-perkara tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.  
Sila Kementerian Kerja Raya.

### 5.36 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang melibatkan Kementerian Kerja Raya. Segala cadangan, pandangan dan teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut memberi tumpuan dan penekanan terhadap fokus serta komitmen kerajaan untuk memperkuuhkan pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai projek pembinaan. Ini melibatkan pelaksanaan projek program infrastruktur awam seperti jalan raya, lebuh raya dan lain-lain kemudahan awam yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Dalam Bajet 2014 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM46.5 bilion untuk tujuan perbelanjaan pembangunan negara secara keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kerja Raya bakal menerima peruntukan sebanyak RM3.58 bilion untuk perbelanjaan pembangunan di mana 98% daripada peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk tujuan pelaksanaan program jalan raya dan jambatan di seluruh negara. Manakala di bawah peruntukan

mengurus pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM217.65 bilion secara keseluruhan di mana daripada jumlah tersebut, Kementerian Kerja Raya akan menerima peruntukan mengurus sebanyak RM2.6 bilion. Peruntukan mengurus kementerian ini termasuklah RM1.34 bilion atau 50% yang akan dibelanjakan untuk tujuan program penyelenggaraan jalan, cerun, bangunan dan kuarters milik Jabatan Kerja Raya (JKR) di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor pembinaan di negara ini telah memberikan sumbangan yang besar dan amat signifikan dalam memacu ekonomi negara pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini kerana industri pembinaan punyai faktor kesan berganda dan rantaian yang luas di mana ia berperanan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi yang lain. Pada tahun 2014, industri pembinaan negara dijangka akan terus kukuh dengan penawaran unjuran sebanyak 9.6%.

Untuk rekod, sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 3.5% daripada nilai keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2012. Anggaran 3.7% pada tahun 2013 dan diunjurkan 3.9% pada tahun 2014. Prestasi baik ini didorong oleh kerancakan pelaksanaan pelbagai projek kerajaan khususnya projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti projek *My Rapid Transit* (MRT). Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Projek Pelabuhan Kuantan dan pelaksanaan projek-projek lebuhraya baru seperti Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang amat prihatin dengan membangkitkan isu-isu berkaitan Jalan Persekutuan sama ada secara umum atau spesifik di kawasan masing-masing.

#### ■1740

Saya akan cuba memberikan maklum balas secara ringkas tentang isu-isu yang dibangkitkan itu walaupun isu mengenai projek-projek yang spesifik sebenarnya boleh dibangkitkan oleh Yang Berhormat semasa perbahasan di peringkat jawatankuasa kelak.

Ahli Yang Berhormat Marang telah membangkitkan mengenai status projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 ataupun singkatannya LPT2 di Terengganu, dan bilakah ia boleh disiapkan dan digunakan sepenuhnya oleh pengguna? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek LPT2 ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan September 2014. Pada masa kini projek tersebut mencatatkan kemajuan pembinaan fizikal keseluruhan sebanyak 90%. Untuk keselesaan para pengguna, kerajaan telah dan akan melaksanakan pembukaan LPT2 secara berperingkat.

Ini merujuk kepada laluan LPT2 bagi jajaran di sebelah utara iaitu dari persimpangan Bukit Besi ke persimpangan Kuala Terengganu sepanjang 72 kilometer yang telah dibuka sejak bulan Ogos 2011. Di samping itu, kerajaan juga merancang untuk membuka laluan dari persimpangan Paka ke persimpangan Bukit Besi sepanjang 30 kilometer lagi kepada pengguna selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Manakala untuk jajaran lain di sebelah selatan ia akan dibuka apabila keseluruhan projek sepanjang 184 kilometer ini disiapkan pada bulan September 2014 nanti, *in sya Allah*.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga membangkitkan mengenai projek Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang yang didakwa gagal untuk disiapkan sehingga kini.

Untuk makluman Dewan ini, pembinaan projek tersebut telah dimulakan sejak tahun 1990 lagi dan ia dibuat secara berfasa. Ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi iaitu melebihi RM2 bilion bagi jarak keseluruhan jalan sepanjang hampir 300 kilometer. Projek ini melintasi empat negeri iaitu Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu di mana ia melalui kawasan bentuk muka bumi yang berbukit bukau. Oleh itu, pembinaan projek ini perlu mengambil kira aspek kejuruteraan jalan yang dibuat secara terperinci dan ini tentulah memakan kos dan mengambil tempoh masa yang panjang.

Setakat ini, kerajaan telah siap membina enam daripada 10 pakej yang terlibat dengan jarak 155 kilometer iaitu dari Simpang Pulai, Perak ke Kuala Betis di Gua Musang, Kelantan. Pada masa kini, satu pakej sedang dalam peringkat pembinaan iaitu pakej dari Aring ke sempadan negeri Terengganu yang dijangka akan siap pada tahun hadapan. Manakala tiga lagi pakej iaitu pakej dari Kuala Jeneris ke Tasik Kenyir, pakej dari Kampung Teris ke Kuala Telemung dan pakej menaik taraf jalan dari Kuala Betis ke Gua Musang masih dalam peringkat perancangan dan akan dipohon untuk kelulusan agensi pusat dalam *Rolling Plan Kesepuluh* yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan cadangan dan permohonan projek-projek jalan raya sama ada pembinaan jalan raya baru atau menaik taraf jalan raya sedia ada. Antaranya ahli Yang Berhormat dari Gerik mencadangkan naik taraf jalan raya di sekitar Pengkalan Hulu termasuk ke sempadan Malaysia-Thailand di Betung.

Ahli Yang Berhormat dari Merbok telah membangkitkan cadangan projek membina jambatan baru menghubungkan Tanjung Dawai ke Pantai Merdeka. Ahli Yang Berhormat dari Merbok juga membangkitkan mengenai cadangan projek menaik taraf jalan negeri dari Pekan Tanjung Dawai ke Merbok, dari Merbok ke Bedong, Kedah. Ahli Yang Berhormat dari Sik membangkitkan isu kesesakan jalan negeri dari Pekan Jeniang melalui Banjaran Bukit Enggang.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar membangkitkan keperluan menaik taraf jalan Kampar-Gopeng dan jalan Kampar-Tapah serta Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat mencadangkan projek menaik taraf jalan Kuala Langat-Dengkil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek-projek dibangkitkan itu sememangnya telah diambil perhatian oleh kementerian ini untuk tindakan selanjutnya. Permohonan cadangan projek-projek tersebut akan dipertimbangkan oleh kementerian ini dari aspek kewajaran projek sebelum ia dikemukakan pada agensi pusat untuk pertimbangan dan dalam tempoh *Rolling Plan Kesepuluh* yang akan datang.

Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya boleh membantu kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan projek berkenaan iaitu melalui sokongan daripada pihak kerajaan masing-masing. Sokongan kerajaan negeri ini diperlukan demi memastikan projek berkenaan berada pada senarai projek yang berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan di negeri tersebut. Ini kerana kadang kala projek dipohon oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah menjadi prioriti atau keutamaan di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat pula telah membangkitkan mengenai Jalan Persekutuan 5 iaitu Banting ke Klang yang kini telah mengalami kesesakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha bagi meningkatkan tahap keselesaan pengguna jalan raya di negara ini. Ini termasuklah di kawasan Yang Berhormat di Kuala Langat yang turut menerima tempias pembangunan pesat berikutan daripada kesan pembangunan di kawasan berhampiran seperti pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sehubungan itu, sebagaimana pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan semasa ucapan Bajet 2014 tempoh hari, kerajaan telah bersetuju untuk membina lebuh raya pantai barat dari Taiping ke Banting atau juga lebih dikenali sebagai *West Coast Expressway (WCE)*. Lebuh raya sepanjang 316 kilometer ini merupakan alternatif bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Persekutuan 5 atau FT05 dari Banting ke Klang. Projek lebuh raya ini akan dibina menerusi gabungan kaedah penswastaan dan juga konvensional. Pembinaan fizikal WCE dijangka dimulakan pada tahun hadapan dan siap sepenuhnya dalam tempoh 60 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi pula telah membangkitkan mengenai keperluan pembinaan jalan yang selesa dari Kota Tinggi ke Pengerang, Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sebenarnya telah meluluskan projek menaik taraf jalan persekutuan FT092 dari Bandar Penawar ke Sungai Rengit, Kota Tinggi Johor dalam *Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM289 juta itu telah dibahagikan kepada dua pakej iaitu Pakej 'A' dan Pakej 'B'.

Pakej 'A' ialah merujuk kepada skop projek menaik taraf jalan sedia ada dua lorong, dua hala kepada jalan berkembar empat lorong dua hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 14.6 kilometer termasuk menaik taraf persimpangan bermula penghujung Lebuhraya Senai-Desaru sehingga ke *chainage* 14/600.

Pakej 'B' pula ialah melibatkan skop menaik taraf jalan sedia ada dua lorong, dua hala kepada jalan berkembar empat lorong dua hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 12 kilometer, termasuk menaik taraf persimpangan dari *chainage* 14/600 hingga ke persimpangan Sungai Rengit. Projek ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun hadapan dan ia dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 36 bulan.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang telah membangkitkan mengenai kelewatan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 5, Port Dickson-Pasir Panjang-Lingga yang telah dimulakan sejak tahun 2005 lagi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada dua seksyen. Seksyen pertama sepanjang 22.5 kilometer telah dimulakan pada bulan Januari 2005 dan sepatutnya siap pada bulan Disember 2009. Kontrak ini telah dua kali ditamatkan iaitu pada bulan Jun 2010 dan Jun 2013 berikutan kegagalan pihak kontraktor untuk memenuhi obligasi kontrak.

Pada masa kini, JKR sedang dalam proses untuk melantik kontraktor penyiap yang baru bagi meneruskan baki kerja yang terbengkalai. Berdasarkan perancangan, kontraktor yang baru

dijangka akan mula memasuki tapak pada bulan Mac 2014 dengan tempoh jangka siap kerja 12 bulan. Manakala untuk seksyen dua pula projek sepanjang 10.5 kilometer ini telah dimulakan pada bulan Jun 2005. Projek ini sepatutnya siap pada bulan Disember 2009 tetapi ia telah ditamatkan pada bulan September 2010 akibat kelemahan pihak kontraktor.

Sehubungan dengan penamatan itu, JKR telah melantik kontraktor penyiap yang baru untuk seksyen dua ini pada bulan Februari 2011. Pada masa kini, kemajuan di tapak berjalan lancar dengan kemajuan fizikal sebanyak 90% iaitu sehingga 31 Oktober 2013. Projek ini dijangka siap mengikut jadual iaitu pada bulan April 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan persekutuan 5 Port Dickson-Pasir Panjang-Lingga sepanjang 32 kilometer ini telah mengalami kelewatan berikutan dari pelbagai masalah khususnya melibatkan aspek kelemahan pihak kontraktor. Namun demikian, kementerian ini akan memperketat lagi aspek pemantauan bagi memastikan projek tersebut tidak lagi tergendala dan dapat disiapkan keseluruhannya dalam tahun 2015.

#### ■1750

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kota Kinabalu telah membangkitkan mengenai status projek jalan Tuaran ke Kudat yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut sememangnya telah diluluskan dalam *Rolling Plan Ketiga*, Rancangan Malaysia Kesepuluh di bawah kementerian ini. Pada masa kini, projek berkenaan dalam peringkat kajian kemungkinan atau *feasibility study*, dengan izin, dan ia dijangka akan siap pada akhir tahun ini. Sehubungan itu kerajaan akan meneliti hasil kajian tersebut terlebih dahulu sebelum memutuskan penetapan jajaran dan kos projek bagi pelaksanaan projek ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu juga telah membangkitkan mengenai status membina dan menaik taraf jalan utama di sekitar Kota Kinabalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mengenal pasti cadangan projek membina jalan *Kota Kinabalu Outer Ring Road* sepanjang 50 kilometer.

Skop projek ini termasuklah menaik taraf Jalan Tun Fuad Stevens atau jalan pesisir pantai Kota Kinabalu sepanjang 10 kilometer. Membina empat persimpangan bertingkat di laluan tersebut iaitu menaik taraf jalan lintas Kota Kinabalu dan menaik taraf jalan Sulaman, Universiti Malaysia Sabah. Cadangan projek jalan *Kota Kinabalu Outer Ring Road* ini akan dilaksanakan secara berperingkat berikutan ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM1.1 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan pada bulan Julai 2013 yang lalu, telah meluluskan peruntukan sebanyak RM262 juta untuk sebahagian skop menaik taraf jalan lintas Kota Kinabalu. Projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2014 manakala untuk sebahagian lagi skop jalan *Kota Kinabalu Outer Ring Road* yang lain ia akan dipohon dalam *Rolling Plan* yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Sapi yang telah membangkitkan mengenai kualiti penyelenggaraan di Jalan Persekutuan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian telah sedia maklum, penyelenggaraan Jalan Persekutuan di negara ini telah diswastakan oleh kerajaan secara berperingkat. Iaitu mulai tahun 2001 untuk Semenanjung Malaysia dan 2003 untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kontrak penswastaan ini telah dibahagikan mengikut zon untuk tempoh konsesi selama 15 tahun. Keseluruhan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan dari syarikat-syarikat konsesi yang terbabit itu pula perlu mematuhi piawaian prestasi yang telah ditetapkan sebagaimana dalam perjanjian konsesi. Sehubungan itu, jika terdapat sebarang perlanggaran terhadap terma-terma kontrak, kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengeluarkan Laporan Ketidakpatuhan atau *None-Conformance Report* (NCR). Ini termasuklah membuat pemotongan kadar harga bayar bulanan pada syarikat konsesi yang berkenaan.

Mengenai penyelenggaraan di Jalan Batu Sapi dan Jalan Sibugar di Sandakan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu Sapi kedua-dua jalan tersebut ialah jalan negeri dan ia di selenggara oleh syarikat konsesi penyelenggaraan yang dilantik oleh kerajaan negeri. Manakala untuk Jalan Kota Kinabalu - Sandakan pula jalan tersebut sememangnya terletak di bawah bidang kuasa kementerian ini. Pada masa kini terdapat beberapa projek naik taraf jalan yang sedang dilaksanakan di laluan tersebut iaitu di lokasi kilometer 13.6 hingga kilometer 25.9, kilometer 36 hingga kilometer 47 dan kilometer 44.6 hingga kilometer 52.6. Sehubungan itu kementerian ini akan mempertingkatkan aspek pemantauan kualiti penyelenggaraan jalan di laluan berkenaan bagi memastikan keselesaan pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Sarikei pula telah membangkitkan mengenai status projek jalan penghubung Sarikei dan Tanjung Manis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan juga perincian sedang dilaksanakan. Namun apa-apa cadangan projek tersebut tertakluk juga kepada kelulusan kerajaan negeri dari segi jajaran dan skop kerja. Ahli Yang Berhormat dari Libaran pula telah membangkitkan status pelaksanaan projek membina jalan pintasan Libaran-Sandakan, Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek ini ialah untuk membina jalan baru empat lorong dua hala sepanjang 25 kilometer dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dibagikan kepada empat pakej. Kelulusan *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah sebanyak RM92.5 juta bagi maksud pelaksanaan pakej pertama. Status projek ini pada masa ini ialah di peringkat penyediaan dokumen tender. Berdasarkan perancangan tender ianya dijangka akan diiklankan pada 25 November 2013. Manakala pelaksanaan fizikal projek pula akan dimulakan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak telah menarik perhatian ramai kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan tempoh hari. Antaranya Ahli Yang Berhormat Sipitang, Yang

Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Sarikei, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Tenom dan juga Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah sedia maklum, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta Malaysia untuk Jalan Pan Borneo dalam pengumuman Bajet 2014 tempoh hari.

Ini membuktikan komitmen dan janji kerajaan bagi meningkatkan kualiti, sistem jalan raya utama di Sabah dan Sarawak. Perancangan untuk membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo sepanjang 2,239 kilometer ini akan dibuat berperingkat sehingga tahun 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan peruntukan RM500 juta tersebut akan dibelanjakan untuk tujuan pelaksanaan projek mengikut senarai keutamaan projek yang kini sedang dirundingkan dengan agensi pusat dan juga kerajaan negeri. Untuk permulaan peruntukan *cash flow* sebanyak RM500 juta yang diluluskan dalam Bajet 2014 ini adalah memadai bagi tujuan melaksanakan projek-projek Jalan Pan Berneo yang kritikal terutama di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah membangkitkan isu berkaitan kelemahan pemantauan projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini daripada semasa ke masa sentiasa berusaha...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Bandar Kuching bangun.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi kata itu RM500 juta telah diperuntukkan untuk beberapa tempat yang dianggap kritikal, jalan yang kritikal di *Pan Borneo Highway*. Bolehkan Yang Berhormat sebutkan apa-apa yang akan diadakan? Dari mana ke mana agaknya tempat yang terlibat di mana peruntukan RM500 juta digunakan?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sibu bangun juga.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sila.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Menteri saya mahu tanya sebelum ini kementerian pun ada cakap ada peruntukan RM380 juta digunakan untuk membina 95 overtaking lanes along the *Pan Borneo Highway*. Adakah ini juga sebahagian daripada RM500 juta ini? Ini kerana setakat ini saya tidak ada tengok 95 overtaking lanes at the moment tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri sudah faham sudah.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching dan juga Yang Berhormat Sibu. Seperti mana saya katakan tadi perancangan yang dilaksanakan mengikut perbincangan di antara *Central Agency* dan juga kerajaan negeri. Keutamaan yang diberikan ialah

pertama sekali untuk kita menyediakan lorong-lorong memotong. Peruntukan sebenarnya telah diberi dimulakan tahun lepas lagi. Kalau sekarang ini Yang Berhormat Bandar Sibu pergi daripada Bintulu ke Miri sudah ada berapa *overtaking lanes*, sudah pun sudah siap sebenarnya. Malangnya mungkin belum menggunakan jalan darat. Nanti mungkin bulan Januari tahun depan kita boleh sama-sama kita meninjau daripada Kuching sampai ke Limbang untuk melihat apakah perkembangan yang telah dibuat. Saya begitu yakin sudah berapa jalan-jalan sudah...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Saya tahu ada sebahagian ada buat tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sibu.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sekejap, sekejap saya belum habis menjawab.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Okey.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Bagi can saya menjawab dahulu. Sudah berapa peringkat sudah pun dilaksanakan. Peruntukan keseluruhan sebenarnya setakat ini kalau kita melihat kalau dimasukkan peruntukan yang akan kita dapat. Ini keseluruhan yang mungkin akan dapat kita keseluruhan untuk Pan Borneo ini sahaja RM857 juta sebenarnya. Bermula pada tahun lepas yang sebagiannya telah kita naik taraf termasuklah juga kalau kita melihat jambatan di Tabuan, persimpangan Tabuan, *all the flyovers*- itu adalah sebahagian daripada Jalan Pan Borneo untuk di Bandar Kuching, dan Stampin, dan Bandar Kuching yang dapat dahulu. Kalau kita lihat penambahbaikan sebahagian daripada proses yang kita jalankan.

Keutamaan kita sekarang ini ialah untuk menangani *area* yang kritikal terutama yang kerap berlaku kemalangan, dan juga jalan-jalan yang mempunyai kesesakan. Keperluan dari segi lalu lintas yang banyak. Kalau itu, itu akan diberi keutamaan dan perinciannya sudah pasti akan diumumkan tahun akan datang. Okey, Yang Berhormat Sibu?

#### ■1800

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Saya cakap, 95 *overtaking lane*. Saya belum tengok itu semua 95. Jadi adakah itu RM387 juta itu sebahagian dari RM500 juta yang dalam bajet yang baru-baru dikemukakan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya dah cakap tadi. Kita sudah mulakan projek ini tahun 2012 lagi untuk Pan Borneo dan yang RM500 juta adalah diumumkan untuk sebahagian daripada peruntukan *cash flow* kita untuk tahun 2014 nanti. Keseluruhan projek yang telah dikenal pasti sebenarnya di Sabah dan Sarawak ialah 109.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibu duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sebanyak 74 telah siap pada tahun 2012 dan juga 2013 termasuk sebahagian daripada *overtaking lane*, dan ia berterusan. Berterusan ini yang saya katakan tadi saya boleh pelawa Yang Berhormat Sibu untuk sama-sama mengikuti saya nanti

untuk kita jelajahi *Trans Borneo* itu daripada Kuching sehingga ke Sabah. Jadi kita dapat melihat keseluruhan pelaksanaannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, akhir, akhir. Soalan yang akhir. Saya mahu Yang Berhormat menjelaskan adakah RM500 juta ini cukup untuk menaiktaraf? Ini kerana daripada jabatan dari kementerian, untuk menaikkan taraf *Pan Borneo Highway* ini memerlukan RM12.6 bilion untuk Sarawak sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Jadi RM500 juta ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Juga telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** ...Mahu ambil berapa tahun untuk menghabiskan naik taraf *Pan Borneo Highway*?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira perbahasan ini sudah pun dibahaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya sudah respons.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jawab tadi.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sudah respons bahawa perancangan kita ialah untuk menyiapkan dalam berperingkat. Dalam peringkat itu kalau katakan RM500 juta, sebenarnya kalau kita *calculate* nanti keseluruhan projek ini, peruntukan yang kita terima lebih daripada apa yang kita ada kalau kita gabungkan. Sebab itu saya katakan tadi kalau kita gabungkan daripada tahun lepas sehingga tahun ini, kita sebenarnya ada peruntukan sebanyak RM857 juta untuk kita belanjakan.

Sudah pasti kalau kita mahu ikutkan perancangan, RM22 bilion untuk menyiapkan dari Kuching sehingga ke Sabah, memang kalau ikut berdasarkan kepada RM500 juta memang tidak cukup. Akan tetapi seperti mana saya katakan tadi, kita sudah mulakan awal lagi iaitu tahun 2012 sudah bermula projek-projek pelaksanaan untuk meningkatkan jalan-jalan *Trans Borneo*. Oleh sebab itu saya kira perancangan dari segi berapakah peruntukan, *in sya Allah* kerajaan kita akan komited dan kita akan ada strategi tertentu untuk melaksanakan hasrat kita meningkatkan jalan *Pan Borneo* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi. Sememangnya kita akan sentiasa dari semasa ke semasa berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan aspek pelaksanaan dan pemantauan projek yang dilaksanakan oleh JKR.

Sehubungan itu, seperti mana yang telah saya umumkan, kementerian ini telah mengambil tindakan dengan menujuhkan Jawatankuasa Khas Pakar yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan di negara ini. Tujuan jawatankuasa ini ialah untuk mengkaji semula semua aspek yang berkaitan amalan pembinaan semasa termasuk prosedur operasi

standard ataupun SOP di tapak pembinaan. Laporan jawatankuasa tersebut akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat ini untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

Di samping itu, tindakan penambahbaikan di peringkat JKR juga telah dan akan dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya kes-kes projek yang tidak mematuhi kualiti pembinaan, antaranya ialah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pendekatan proses Gerbang Nilai di mana pelaksanaan projek akan disemak semula di peringkat tertentu;
- (ii) memastikan pemilihan kontraktor dan perunding yang bersesuaian dan kompeten melalui semakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR.
- (iii) mempertingkatkan kelulusan tempoh lanjutan masa atau pun EOT dan arahan kerja tambahan atau singkatannya, VO;
- (iv) memastikan pegawai penguasa projek atau pun SO sentiasa memantau pelaksanaan projek melalui sesi turun padang dan mesyuarat berkala di tapak projek; dan
- (v) menggiatkan pemantauan projek menerusi sistem ICT seperti Skala ataupun i-Supervision dan Data Geospasial.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pula mencadangkan supaya tindakan diambil terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut jadual yang ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa bentuk tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap pihak kontraktor atau perunding yang didapati...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri Kerja Raya atas penubuhan jawatankuasa untuk memantau kerja-kerja pengawasan, tapi sebaik-baiknya biarlah perunding yang asal mengawasi projek-projek yang dijalankan.

Saya ingin memaklumkan di sini kepada Menteri Kerja Raya tentang kerja penambakan muka kuala Sungai Terengganu yang sepatutnya diletak di bawah JPS sekarang ini telah dipindahkan kepada JKR. Di situ letaknya di atas arahan Kerajaan Negeri Terengganu dan sedarkan bahawa kementerian yang patut bertanggungjawab sepatutnya adalah di bawah JPS? Siapakah yang akan bertanggungjawab jika apa-apa berlaku di dalam kes penambakan muka kuala Sungai Terengganu ini kerana tidak ada *detailed hydro study* dan EIA dijalankan seperti di minta oleh pihak berkuasa sendiri.

Saya mendapat pengesahan daripada JPS dan juga Kementerian Alam Sekitar bahawasanya kerja-kerja *hydro study* yang diwajibkan- kerana sebelum pada ini sudah 180 ekar di tambun di muka Sungai Kuala Terengganu dan kawasan ini merupakan dengan izin, kawasan yang amat sensitif dan mungkin akan timbul bahaya kepada penduduk dan pengundi-pengundi di Kuala Terengganu.

Jadi siapakah yang akan bertanggungjawab kalau bukan JPS yang mengawal kerja-kerja mendalam sungai? Inilah maksud saya biarlah orang yang sepatutnya jaga dan kenapa kerajaan negeri meminta JKR dan bukan JPS menjaga kawasan yang amat sensitif? Saya dapat pengesahan bertulis daripada JPS dan Kementerian Alam Sekitar. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Mulia. Ini adalah isu baru yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Agak spesifik. Maka saya tidak akan dapat memberi respons. Keduanya, ia dalam bidang kuasa kerajaan negeri dan kalau dibawa kepada peringkat ini pun kita tidak boleh untuk campur tangan dalam urusan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Oleh itu saya mencadangkan Yang Berhormat Mulia untuk membawa perkara ini ke peringkat negeri melalui wakil-wakil rakyat di peringkat negeri untuk- mungkin dikemukakan sama ada kepada Dewan Undangan Negeri mahu pun berjumpa dengan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk melihat dan memperincikan perkara tersebut.

Sebagaimana kita sedia maklum, JKR di peringkat negeri pun dalam bidang kuasa kerajaan negeri kecuali di dalam pemilihan pegawai teknikal sahaja yang mereka akan minta pandangan daripada Kerajaan Pusat untuk pelantikan. Itu sahaja. Sebab itu ia bukan dalam bidang kuasa kementerian kami tapi pandangan itu boleh kami sampaikan pada peringkat negeri untuk kita pantau.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah:** Ya, maksud saya ia melibatkan dua kementerian yang terletak di pihak pusat, dan saya rasa ini merupakan satu isu yang mungkin akan melibatkan keselamatan kerana kita tahu sekarang ini musim tengkujuh di Filipina, Vietnam dan sebagainya amatlah ekstrem dikatakan dan ini adalah satu kemungkinan yang mungkin akan berlaku. Itu sahaja yang saya ingin *highlight* di sini supaya harapnya kementerian berkenaan akan tegas di dalam bidang kuasa biarlah ahli yang sebenarnya menjaga kawasan yang spesifik. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Mulia. Saya akan ambil maklum dan insya-Allah kita akan melihat kepada apa yang telah dibangkitkan dan untuk memperincikan dari segi bidang kuasa dan siapa sebenarnya, ada peruntukan ini daripada Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan di peringkat kerajaan negeri. Kita akan teliti.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya kembali kepada Yang Berhormat Tanah Merah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa bentuk tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap pihak kontraktor atau perunding yang didapati melakukan kesalahan termasuk yang gagal menyiapkan kerja sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak. Antara tindakan tersebut adalah seperti penggantungan lesen, pembatalan lesen, penarikan taraf bumiputera dan tindakan senarai hitam syarikat berkenaan. Tindakan senarai hitam kontraktor dan perunding boleh dibuat oleh badan-badan kawal selia profesional yang terlibat seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM).

**■1810**

Manakala untuk kontraktor bumiputera pula, senarai nama kontraktor itu boleh disenaraihitamkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor ataupun PKK singkatannya. Tindakan senarai hitam ini dilaksanakan setelah agensi berkenaan menerima pengesahan daripada JKR. Senarai kontraktor dan perunding terbabit kemudian akan dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan untuk tujuan rekod melalui sistem pangkalan data berpusat dan kemudian akan dibuat hebahan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan. Ini bagi memastikan kontraktor atau perunding terlibat tidak lagi dibenarkan memasuki sebagai tender atau projek kerajaan pada masa hadapan.

Berdasarkan rekod kementerian ini bagi tempoh dari tahun 2009 hingga 2012, sebanyak 119 syarikat kontraktor telah dikenakan tindakan senarai hitam akibat daripada kegagalan untuk menyiapkan kerja sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak. Manakala pada tahun ini sahaja iaitu sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak 32 syarikat kontraktor telah dikenakan tindakan senarai hitam berikutan kegagalan menyiapkan kerja. Lesen pendaftaran kontraktor itu akan dikeluarkan daripada senarai hitam setelah kontraktor terbabit berjaya membuktikan pengesahan daripada agensi atau jabatan yang terlibat bahawa mereka akan antara lain telah menyelesaikan tuntutan ganti rugi jika ada, akibat daripada penamatkan kontrak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah membangkitkan mengenai status terkini dan maklumat berkenaan projek penswastaan Lebuhraya Kinrara-Damansara atau singkatannya KIDEX. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek penswastaan Lebuhraya KIDEX adalah merupakan salah satu daripada tujuh cadangan projek lebuh raya baru diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan dokumen RMKe-10 di Dewan Rakyat pada 10 Jun 2010 dan pembentangan Bajet 2011 pada 15 Oktober 2010.

Projek ini melalui jajaran yang telah dikenal pasti yang akan menghubungkan Kinrara ke Damansara. Lebuhraya KIDEX ini apabila disiapkan kelak akan dapat mengurangkan masalah kesesakan trafik di Lebuhraya Damansara Puchong ataupun LDP dan sebahagian jajaran Lebuhraya SPRINT terutama di persimpangan SPRINT-NKVE. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 11 Mei 2011 telah bersetuju secara prinsip supaya pelaksanaan projek Lebuh raya ini dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat pembida konsesi KIDEX Sdn. Bhd. Kelulusan ini tertakluk kepada rundingan lanjut mengenai terma dan syarat-syarat utama pelaksanaan projek berkenaan. Selaras dengan kelulusan prinsip itu, KIDEX Sdn. Bhd. telah mengemukakan cadangan balas teknikal untuk pertimbangan pihak kerajaan.

Berikutnya itu, cadangan teknikal khususnya skop, reka bentuk dan perincian komponen pembangunan termasuk anggaran kos yang terlibat telah diperhalusi oleh Jawatankuasa teknikal yang diketahui oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Manakala cadangan kewangan yang merangkumi tempoh konsesi, struktur kadar tol, cadangan pembiayaan serta kadar pulangan modal ke atas kadar pelaburan syarikat pula diperhalusi oleh Jawatankuasa Kewangan yang diketuai oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri iaitu UKAS dan wakil Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini perjanjian konsesi KIDEX belum ditandatangani. Oleh itu maklumat mengenai jajaran, kadar tol, tempoh konsesi dan sebagainya belum lagi diputuskan. Pada masa ini Jawatankuasa Penswastaan Teknikal dan Kewangan yang diselaraskan oleh UKAS, Jabatan Perdana Menteri sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan butir-butir terma dan syarat perjanjian konsesi. Berdasarkan perancangan, perjanjian konsesi dijangka akan ditandatangani selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin memaklumkan bahawa sebelum sesuatu perjanjian konsesi itu dianggap sah atau efektif, pihak konsesi sebenarnya perlu mematuhi dan memenuhi agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri iaitu seperti berikut:

- (i) memastikan reka bentuk jajaran memenuhi kehendak pihak berkuasa tempatan selaras dengan rancangan pembangunan tempatan yang telah diluluskan;
- (ii) melibatkan cadangan pindaan terhadap pelan struktur pihak berkuasa tempatan dan perlu diluluskan oleh pihak berkuasa negeri termasuk Majlis Tindakan Ekonomi Negeri;
- (iii) mengadakan proses pengurusan nilai atau *value management* dengan izin, bagi mendapatkan reka bentuk yang paling optimum selaras dengan keperluan sebenar projek dengan mengambil kira sensitiviti kawasan-kawasan jajaran yang terlibat; dan
- (iv) mengadakan *public opinion survey* dengan izin iaitu tinjauan pandangan orang ramai mengenai sokongan atau bantahan terhadap pembinaan sesebuah lebuh raya itu.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, projek penswastaan Lebuhraya KIDEX ini telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan cadangan projek ini telah dipersetujui oleh kerajaan negeri melalui surat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor atau MTES bertarikh 23 Februari, 2012.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pula telah membangkitkan mengenai kadar tol jambatan kedua Pulau Pinang iaitu sama ada kadar tol tersebut...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Menteri kata, konsesi ini akan ditandatangani pada akhir tahun ini. Sekarang bulan November. Sampai sekarang tiada penjelasan dan tiada langsung dialog atau *public hearing* untuk penduduk di Petaling Jaya terlibat. So, saya hendak dapat penjelasan. Setakat ini bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapakah penduduk, rumah atau kilang terlibat dalam projek ini, yang perlu diambil alih tanah itu? Ini kerana penduduk sekarang tanya “*Adakah rumah saya kena atau tidak*”. Tiada *public hearing* langsung. Akan tetapi sekarang Menteri kata hendak tandatangan pada bulan Disember. Boleh bagi penjelasan?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Saya katakan tadi perundingan sedang dibuat dan penelitian dari segi teknikal dan juga kewangan diperincikan melalui UKAS Kementerian Kewangan dan juga LLM. Apabila saya katakan perjanjian ditandatangani ialah maknanya ada majlis pertunangan sebelum kahwin. Tunang dahulu, *sign agreement* menyatakan dari segi prinsip sudah dipersetujui, teknikal, *financial* sudah *viable*. Akan tetapi ada *condition attach*. *Condition* yang saya sebutkan tadi empat perkara. Apabila sudah *sign* barulah mereka akan pergi kepada memenuhi keempat-empat syarat tadi. Iaitu pergi untuk memenuhi segala kehendak, mematuhi segala kehendak ataupun syarat yang ditetapkan oleh Majlis Kerajaan Tempatan dari segi jajaran. Apa yang dikehendaki oleh Majlis Kerajaan Tempatan itu perlu dipenuhi dari segi *alignment* ataupun jajarannya.

Kedua, mereka kena buat *public hearing*. Kemudian, dibentangkan lagi kerajaan maka baru kerajaan putuskan adakah mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jadi, sebab itu belum tandatangani perjanjian maka mereka tidak akan dapat pergi ke *public hearing*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kalau penduduk setempat tidak setuju tentang projek ini dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menolak dan juga *state* tidak bersetuju. Adakah *Federal* akan teruskan projek ini? Ini kerana *feedback* yang saya dapat, kebanyakan penduduk yang terlibat *reject* projek ini. Tidak payah buat projek ini, yang penting ialah naik taraf LDP, naik taraf LDP, beri dia 100% *innovated*, bukan bina satu tol, dua tol lagi jalan lebuh raya yang baru. So, kalaularah PBT bantah, negeri bantah, adakah kerajaan akan teruskan projek ini?

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau dikatakan PBT bantah, saya amat tidak setuju dengan Yang Berhormat. Oleh sebab peringkat awal sudah ada perbincangan dengan PBT, malahan seperti mana yang saya katakan tadi. Kalau Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor telah memberi persetujuan secara prinsip, melalui surat 23 Februari 2012, adakah itu bukan representasi bahawa kerajaan negeri sendiri menyokong program ini?

Jadi, kami bertindak berdasarkan apa yang telah dipersetujui. Perbincangan telah diadakan, dan maklum balas telah diterima dari segi prinsip dipersetujui. Maka, kita bergerak kepada peringkat kedua iaitu peringkat kedua *sign agreement*. Apabila *agreement* telah ditandatangani ada berapa peringkat lagi yang mereka kena penuhi. Syarikat konsesi memang kena *engage the public* untuk mengadakan *public hearing*. Kalau Yang Berhormat mengatakan ramai tidak bersetuju, kalau dibuktikan maka kita akan mendengar kepada apa yang diterima. Akan tetapi akhirnya *the public survey* itu, kita akan melihat kepada kalau seorang tidak bersetuju, 10 bersetuju. Adakah kita kata orang tidak bersetuju?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Boleh Yang Berhormat Menteri beritahu bila *public hearing* boleh di...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi ini perkara yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Tidak

boleh macam ini Yang Berhormat. Ikut peraturan. Ini macam dialog. Tengok peraturan ya? Kalau Yang Berhormat Menteri benarkan boleh mencelah, baru boleh bangun dan saya bersetuju, baru bangun.

■1820

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Saya ingat boleh beralih ke isu lain. Ya. Panjang lagi Yang Berhormat Menteri? Ya, sila.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih. Seperti mana saya katakan tadi, hujung tahun ini baru *sign agreement* kemudian mereka kena penuhilah syarat ditetapkan dalam perjanjian itu nanti. Kita akan pastikan bahawa keseluruhan syarat-syarat atau pra syarat yang ditetapkan dalam perjanjian mesti dipatuhi sebelum sebarang keputusan dipenuhi dan ianya akan diputuskan oleh Kabinet sama ada akan meneruskan projek ini ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru membangkitkan mengenai kadar tol jambatan kedua Pulau Pinang iaitu sama ada kadar tol tersebut akan diselaraskan dengan tol jambatan pertama dan bilakah tempoh konsesi tol untuk jambatan pertama akan tamat?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2013, projek membina jambatan kedua Pulau Pinang telah mencatatkan kemajuan 99% iaitu dijangka akan siap keseluruhannya pada akhir tahun ini. Berdasarkan perancangan, jambatan tersebut akan dibuka pada lalu lintas pada bulan Januari 2014. Mengenai kadar tol yang bakal dikenakan pada pengguna, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol yang akan dikenakan kepada pengguna akan diputuskan oleh kerajaan sebaik sahaja selesai menimbangkan kertas memorandum Jemaah Menteri mengenai perkara ini yang akan dibentangkan oleh Kementerian Kerja Raya dalam tempoh masa terdekat ini.

Sehubungan itu, penetapan kadar tol Jambatan Kedua Pulau Pinang sama ada mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh perjanjian konsesi atau diselaraskan dengan kadar tol di jambatan pertama akan hanya dapat ditentukan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri kelak. Mengenai tempoh tamat konsesi kutipan tol untuk Jambatan Pertama Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi tambahan PLUS yang ditandatangani pada November 2011 telah menetapkan antara lain, tiada kenaikan kadar tol bagi lebuh raya di bawah kendalian PLUS untuk tempoh selama lima tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2015. Tarikh tamat konsesi untuk kesemua lebuh raya diselaraskan ke 30 Disember 2038.

Menerusi penstrukturkan semula ini, kadar kenaikan tol selepas tahun 2015 untuk Lebuhraya PLUS telah diselaraskan pada 5% untuk tempoh setiap tiga tahun berbanding 10% untuk setiap tiga tahun berdasarkan perjanjian konsesi yang terdahulu. Walau bagaimanapun, Jambatan pertama Pulau Pinang terkecuali pada kenaikan kadar tol ini dan kadar tol semasa di jambatan tersebut akan terus kekal sehingga tamat tempoh konsesi. Ahli Yang Berhormat dari Bakri pula telah membangkitkan cadangan supaya projek pelebaran jalan melibatkan tambahan

lorong bagi Lebuhraya Utara Selatan atau PLUS dilaksanakan di Johor khususnya di sekitar Johor Bahru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana datang jawab soalan saya. Saya rasa terima kasih lah kepada Yang Berhormat Menteri kerana jawab sendiri. Untuk jambatan kedua Pulau Pinang, kita tahu bahawa ada pelbagai masalah seperti yang telah jambatan runtuh dan kes ini, saya hendak tahu apakah kontraktor tersebut diambil tindakan? Apakah tindakan yang diambil ke atas mereka? Dan akhir sekali adalah apakah punca sebenarnya jambatan tersebut runtuh? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Bayan Baru, bukan jambatan, sebenarnya rem, ya. Rem yang menghubungkan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, ya. Rem maksud saya.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Seperti mana saya menjawab dulu, siasatan bila berlaku kemalangan semasa kontrak sedang berjalan adalah dalam bidang kuasa *Department of Safety and Health* di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ianya bukan bidang kuasa kementerian kami. Cuma kementerian kami akan menghantar pegawai teknikal untuk membuat penilaian untuk tujuan supaya kita akan dapat mengetahui dan belajar daripada kesilapan yang berlaku sebab CIDB di bawah bidang kuasa kami. Ini supaya kita dapat mencari kaedah bagaimana kita dapat sentiasa memperbaiki kaedah pelaksanaan kontrak. Apakah hasil itu, tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia dan saya tidak tahu di mana kedudukannya sebab mereka terpaksa mengambil tindakan mahkamah untuk dibuktikan di mahkamah. Oleh sebab itu biasanya hasilan siasatan mereka tidak akan didedahkan kepada *public* sehingga mahkamah membuat keputusan. Apa-apa keputusan setelah mereka mengambil tindakan sama ada kepada profesional bodies ataupun kepada kontraktor yang terlibat.

Sebab itu saya tidak akan dapat menjawab soalan tersebut bukan di bawah bidang kuasa saya. Jadi untuk itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan naik taraf PLUS dibuat berdasarkan pada kadar pertumbuhan trafik dan tahap perkhidmatan trafik iaitu *level of service* dengan izin, di sesuatu kawasan lebuh raya itu. Sebagai contoh pada masa kini kerajaan bersetuju untuk menaik taraf laluan PLUS di sekitar Lembah Klang menerusi projek pelebaran lorong keempat akibat dari *level of service* laluan berkenaan telah mencapai kategori 'F' iaitu sesak.

Pada masa kini laluan PLUS di selatan terutama di Johor masih lagi berada pada kategori 'C' dan 'D' iaitu terkawal kecuali pada musim perayaan tertentu dan musim cuti persekolahan, di mana kesesakan berlaku pada tahap yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat Sik membangkitkan cadangan supaya kerajaan menambah baik dan memperkasakan pentadbiran JKR di setiap daerah. Ahli Yang Berhormat telah memberi contoh JKR Daerah Sik yang tidak mempunyai jurutera daerah

sendiri dan pentadbiran JKR Sik pula terpaksa berkongsi bangunan pentadbiran dengan JKR Kuala Muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran JKR di peringkat negeri dan daerah termasuk emolumen dan hal ehwal logistik ialah perkara dasar yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sehubungan itu sebarang cadangan penstrukturran semula organisasi JKR di peringkat daerah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab kerajaan negeri. Cadangan penstrukturran semula itu perlu dipersetujui oleh kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Peranan Kementerian Kerja Raya pula ialah untuk mengisi kekosongan perjawatan bagi bidang pengurusan dan profesional iaitu P&P dan sokongan teknikal mengikut waran perjawatan yang diluluskan oleh JPA. Walau bagaimanapun kementerian ini bersedia untuk berbincang dengan kerajaan negeri jika terdapat keperluan yang mendesak berkaitan cadangan penstrukturran semula perjawatan dan atau berkaitan dengan isu-isu logistik. Ini bagi memastikan struktur organisasi JKR di setiap daerah termasuk di daerah Sik sentiasa berada dalam keadaan selesa dan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diambil perhatian untuk tindakan susulan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Saya jemput Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila.

## 6.27 ptg.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan kementerian saya. Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan ialah Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Johor Bharu, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Parit Sulong.

Kesemuanya boleh saya simpulkan meliputi beberapa perkara yang kita rasa adalah merupakan kepentingan bersama. Ini termasuk berkaitan dengan soal mengurangkan jurang digital negara serta perkhidmatan selular serta capaian internet kita. Begitu juga sejauh manakah industri teknologi maklumat atau ICC dalam konteks pembangunan negara kita pada hari ini. Juga hal-hal yang berkaitan dengan soal perkhidmatan stesen televisyen kita dan sebagainya.

Pertamanya, saya ingin merakamkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Tebrau yang saya rangkumkan segalanya yang berkaitan dengan soal perkhidmatan internet ataupun jalur lebar dalam negara kita, sama ada bandar ataupun luar bandar. Pertamanya pihak kami sedar bahawa perkhidmatan internet, komunikasi dan terutama sekali jalur lebar pada hari ini sudah pun diterima ramai, sebagai apa yang disebutkan *enabler* ataupun sebagai perkara yang boleh memungkinkan kepada pelaksanaan. Banyak perkara-perkara yang lain dalam kehidupan kita termasuk dalam memudahkan urusan perniagaan dan menjadikan negara kita, negeri kita ataupun seseorang itu menjadi lebih kompetitif daripada yang lain.

■1830

Sebab itu hampir semuanya terjawab di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri ketika membentangkan belanjawan kita baru-baru ini iaitu peruntukan yang besar akan dicurahkan di dalam memastikan bahawa perkhidmatan ini bertambah baik di masa yang akan datang. Ini termasuk Projek SBB2 yang akan menelan belanja sebanyak RM1,800 juta, khususnya bagi meningkatkan *speed* dan juga kelajuan dan juga penembusan jalur lebar di kawasan yang disebutkan. Zon 1 iaitu 450,000 premis di kawasan bandar dan juga di kawasan luar bandar sebanyak 1,000 atau pun RM1.6 juta akan dibelanjakan. Manakala pembinaan menara tambahan, 1,000 menara tambahan, khususnya bagi membantu liputan dan juga penembusan di peringkat luar bandar.

Jadi, kesemua ini diharapkan dalam masa yang terdekat, dalam masa dua tahun yang akan datang kita akan dapat melihat dari segi mutu perkhidmatan dan juga dari segi bagaimana kita dapat berhubung dan menggunakan internet dengan lebih pantas lagi daripada apa yang ada sekarang. Kerajaan sedar bahawa di masa yang akan datang orang tidak bercakap lagi komunikasi hanya dari segi *voice call* atau pun komunikasi di suara...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya sedikit?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa dengan adanya kepentasan tambahan, dengan jalur lebar yang laju ini juga telah diambil kesempatan oleh negara-negara seperti Amerika, Kanada, Australia dan juga Britain untuk mengintip negara kita pula menggunakan kecanggihan yang ada oleh kita. Akan tetapi di sebaliknya mengintip perbualan telefon pemimpin-pemimpin negara kita dan mendedahkan individu-individu tertentu kepada perkara-perkara yang tidak baik.

Apakah juga mungkin ada mekanisme yang boleh diguna pakai oleh kementerian ini untuk mengekang atau pun menyekat bentuk-bentuk pengintipan dunia tanpa sempadan pada hari ini seperti yang dilakukan oleh Amerika kepada negara kita dan beberapa buah negara yang lain. Apa cara kita seperti Indonesia, langkah-langkah yang tertentu supaya tidak ada ruang bagi mana-

mana negara untuk menceroboh, melihat, mengintip apa juga yang berlaku dalam negara kita? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ini menggambarkan bahawa Yang Berhormat Kinabatangan merupakan seorang pemimpin yang begitu peka tentang keselamatan negara yang sekarang ini begitu terdedah sekali. Terutama sekali apabila negara kita semakin terhubung dengan seluruh dunia, keseluruhannya yang memungkinkan pihak yang tertentu mengambil kesempatan daripada rangkaian perhubungan yang kita ada sekarang.

Sebenarnya, dari segi kerja mengintip ini bukan semata-mata apabila kita ada sistem internet, rangkaian yang ada sekarang. Kerja mengintip yang sudah pun kita tahu bahawa ada kerjasama. Misalnya antara Kerajaan Amerika Syarikat dengan New Zealand, dengan Australia dan negara-negara sekutunya. Keseluruhan negara yang dirasakan perlu mereka mendapat maklumat tambahan itu adalah merupakan suatu perkara yang dibuat daripada dahulu lagi.

Cumanya isu yang timbul baru-baru ini ialah mereka mengintip sampai ke peringkat dikatakan perbualan telefon termasuk rakan-rakan mereka. Yang terakhir dikatakan apabila canselor Jerman, perbualan telefonnya diintip. Itu mengejutkan kerana sepatutnya tidaklah sampai ke peringkat begitu tetapi sudah sampai begitu. Jadi, kalau negara seperti Jerman, perbualan pemimpin negaranya diintip, saya tidak ada satu jaminan yang mereka tidak berbuat negara-negara lain termasuk negara kita. Mungkin termasuk perbualan Yang Berhormat Kinabatangan sendiri yang saya tidak tahu kemungkinan ada orang yang mengintipnya.

Jadi, ini adalah satu perkara yang pendirian telah dibuat oleh kerajaan kita. Kita kesal, kita tentang, kita bantah tentang perkara ini. Akan tetapi kita kena tahu juga bahawa dalam dunia sekarang ini pengintipan boleh dibuat dengan pelbagai cara. Misalnya kalau kita menggunakan telefon bimbit kita, telefon bimbit kita itu mahu tidak mahu akan melalui rangkaian-rangkaian yang ada. Sama ada satelit, sama ada *base station* yang ada sekarang, setiap telefon kita itu ada nombornya. Kalau nombor itu sebagai *address* atau pun alamat seseorang itu diketahui, misalnya kalau ada orang, pihak tertentu yang menganggap Yang Berhormat Pokok Sena misalnya, menjadi ancaman kepada kawan dia. Mungkin dalam parti yang sama, dia tahu nombor telefon atau pun dia boleh pakai nombor telefon orang lain. Akan tetapi setiap telefon itu ada nombor IMEI dan dia tahu Yang Berhormat Pokok Sena petang ini duduk di mana, semalam duduk di mana, dengan siapa dia bercakap, dia bincang hendak lawatan apa dan sebagainya dalam parti dia, itu boleh dibuat.

Ini setiap pada kita mestilah tahu bagaimana untuk mengatakan, mengelakkan daripada kita mudah untuk diintip dan sebagainya kerana dunia sekarang ini ianya menjadi semakin terbuka. Sebab itulah kadang kalanya orang menasihatkan kita. Misalnya, apakah pilihan kita dalam menggunakan alamat *email* kita. Misalnya, menggunakan alamat e-mel *Gmail* yang didaftarkan melalui *Google* yang servernya berada di Amerika Syarikat. Kalau kita menghantar segala dokumen kita, dokumen kerajaan yang kita anggap rahsia atau pun dokumen peribadi mengenai parti, mengenai apa dan sebagainya, ianya boleh dibuka di sana, boleh diproses di sana. Tidak

ada siapa yang mengatakan sesuatu itu 100% selamat. Apatah lagi di Amerika itu sendiri ada undang-undang mereka yang mengatakan pengintipan terhadap orang di luar daripada negara itu adalah sesuatu yang dibolehkan. Ini undang-undang di dalam negara mereka.

Jadi, sebab itu kita selalu menggalakkan sekiranya kalau hendak menggunakan penghantaran maklumat antara kerajaan-kerajaan, kita gunakan *domain* kerajaan, *gov.my*. Akan tetapi itu pun tidak ada jaminan. Kalau dia berhubung dengan *Gmail* atau pun *yahoo.com* dan sebagainya, ianya membolehkan hubungan dapat disambung dengan peringkat yang demikian. Jadi, ini kita katakan tidak ada satu jaminan tetapi mestilah usaha dibuat bagi membuatkan pelbagai cara dalam melindungi keselamatan-keselamatan maklumat yang kita ada itu terdapat pelbagai cara yang lain. Akan tetapi saya katakan bahawa tidak ada satu cara yang boleh dikatakan tidak boleh dilanggar langsung.

Sebab itu pada sekarang ini kalau dikatakan dunia sekarang, satu isu yang besar dalam dunia sekarang ini ialah kalau dikatakan isu keselamatan yang besar ialah *cyber security* atau pun keselamatan siber. Di mana ini pernah berlaku di negara seperti Lithuania satu ketika dahulu. Lithuania or Estonia? Lithuania satu ketika dahulu apabila sistem komunikasi diserang. Hanya diserang bank sahaja. Bank tidak boleh beroperasi, orang tidak boleh mengeluarkan wang mereka daripada bank selama dua minggu. Ia telah menimbulkan satu keadaan yang begitu kucir kacir sekali. Ini adalah perkara-perkara yang kita rasakan bahawa di Amerika sendiri mereka diserang setiap hari, tidak ada jaminan Pentagon itu selamat dan sebagainya. Ini kerana kerja untuk menembusi sistem pertahanan sekuriti dan sebagainya itu berlaku setiap masa dan ketika.

Saya teruskan dalam jawapan saya. Ya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri. Memang isu pengintipan dan penggunaan alat-alat komunikasi ini, saya sendiri mengalami baru-baru ini dalam Pilihan raya Kecil di Sungai Limau, bila *number* saya itu dihack. Tiba-tiba tersebar mesej atas nombor saya. Kemudian orang bertanya kepada saya, '*Betulkah kamu hantar mesej ini?*'. Eh, saya katakan, '*Tak kan lah saya hendak buat kerja gila ini!*'.

#### ■1840

Oleh sebab mesejnya antaranya ialah di hujung mesej itu mengatakan bahawa calon Barisan Nasional ini pernah mendapat rawatan pesakit mental. Saya kata, saya pun tidak kenal calon ini dan hanya bermula pada hari penamaan calon. Saya tidak tahu latar belakang dia. Saya memang mempunyai kenalan yang ramai, kawan-kawan UMNO di Kedah tetapi saya kata saya tidak kenal calon. Macam mana saya hendak tahu dia itu pernah mendapat rawatan sakit mental ataupun tidak.

Akan tetapi saya hendak sebut bahawa, ini saya tidak tahulah, saya tidak tuduh sesiapa. Mungkin Amerika Syarikat yang buat untuk melagakan saya dengan kawan-kawan daripada Barisan Nasional dan mungkin juga Barisan Nasional menggunakan perkara yang sama untuk

*hack* nombor kita untuk melakukan perkara yang sedemikian. Ini kerana saya katakan bahawa apa yang dilakukan oleh CIA dan sebagainya macam yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi juga menjadi amalan pihak polis di negara kita untuk membuat pengintipan-pengintipan dan sebagainya.

Jadi, saya fikir bahawa suatu yang amat membimbangkan kita kalau pihak kerajaan sendiri mengatakan bahawa tidak ada satu jaminan Yang Berhormat katakan tadi. Jadi, kita kena fikir sesuatulah. Maknanya macam mana? Sebab saya takut nanti keadaan negara kita ini sudah tidak terkawal dari segi keselamatan dan orang boleh menceroboh dan boleh menggugat keselamatan negara kita. Jadi, saya fikir bahawa boleh tidak boleh Menteri hanya sekadar menjawab bahawa tidak ada jaminan, tidak ada jaminan tetapi perlu ada satu tindakan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya, lebih baik saya katakan tidak ada jaminan daripada saya mengatakan 100% kita ada jaminan. Ini macam kita guna jalan raya, tidak ada jaminan tidak ada kemalangan tetapi kita mesti tahu bagaimana untuk menjaga keselamatan kita kalau kita memandu. Tentang soal di Sungai Limau tadi, saya jangkakan ini sama-sama PAS itu dan sebab itu merosot banyak undi PAS baru-baru ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya rasalah, saya rasa ya? Mungkin betul sebab ini musim ada pertandingan dan sebagainya.

Akan tetapi ini saya ingatkan bahawa semua pihak mesti tahu bagaimana menjaga keselamatan dari segi kita berada dalam penggunaan alam siber kita. SMS kita, *WhatsApp* kita, kita menggunakan e-mel kita dan sebagainya. Ianya adalah sebahagian besar menggunakan *open source* seperti *Facebook*. *Facebook* servemnya bukan di Malaysia. Servemnya berada di sana. Ianya disambungkan melalui kabel bawah laut dan hendak sampai ke sana bukan kita pakai satelit. Kalau kita pakai satelit itu, siapa yang miliki satelit? Kita tidak tahu. Mungkin kita guna satelit milik kita tetapi yang mencipta satelit itu bukan kita. Mereka mempunyai kepakaran dan sebagainya.

Kita mempunyai - bagaimana maklumat dan data kita sampai ke Amerika Syarikat misalnya ialah melalui sistem kabel bawah laut. Ia daripada Cherating pergi ke Jepun, Jepun terus sampai ke California. Sekali Yang Berhormat *Google*, maknanya *Google* sudah tahu. Kita tidak boleh kata bahawa potong kabel tersebut kerana hari-hari kita gunakan *Google*, hari-hari gunakan *Facebook*, hari-hari kita gunakan *Gmail*, hari-hari kita cari *wikipedia* dan sebagainya yang berada di sana.

Kalau saya kata bahawa tidak ada jaminan Kerajaan Amerika Syarikat yang membolehkan mereka untuk membuat pengintipan, mereka tidak mencari jalan bagaimana untuk mendapat akses kepada sistem talian ataupun *highway* yang kita bina bersama, kita gunakan itu, saya katakan tidak ada jaminan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat boleh tambah sedikit?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini saya melihat bahawa dunia tanpa sempadan pada hari ini tidak ada kebebasan lagi iaitu di mana Amerika Syarikat menggunakan

sekutunya termasuk agensi-agensi yang berkuasa tinggi seperti NATO, CIA dan sebagainya untuk mengintip mana-mana negara dan saya melihat bahawa negara kita memang sudah terdedah sebab apa juga kita guna pakai sama ada *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Google*, *YouTube*, semuanya bukan kita punya.

Jadi apakah mungkin kerajaan atau pun ada badan-badan swasta di negara kita ini mewujudkan satu siber kita yang tidak boleh diceroboh? Mungkin ini boleh mengelak daripada mana-mana negara yang cuba menceroboh sesuka hati sebab hari ini saya lihat sudah tidak ada - dunia sudah *borderless* dan sudah tidak ada lagi penjagaan hak mutlak itu sendiri dan kita diceroboh apa juga hak peribadi kita boleh diketahui oleh umum lebih-lebih lagi keselamatan negara kita. Saya ada kebimbangan di sini sebab ini pun boleh mereka ceroboh sebab mereka menggunakan pengaruh-pengaruh agensi yang lebih baik dan lebih tinggi daripada kita untuk menceroboh mana-mana hak individu dan hak peribadi kerajaan itu sendiri.

Jadi apakah kementerian ini mempunyai langkah walaupun tidak ada jaminan? Ini kerana tidak juga kita boleh beri jaminan sebab ini perkara yang sukar seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Pokok Sena tetapi mungkin ada langkah-langkah yang tertentu yang boleh kita ambil untuk membuat pencegahan seumpama ini untuk memintas mungkin penceroboh-penceroboh tersebut. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih. Sebenarnya kalau saya beritahu, kita ada dalam menjaga kesihatan dunia siber kita ini ada badan kita. Kita ada SKMM, kita ada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan kita ada juga agensi *Cyber Security* kita yang melihat perkara ini. Kalau saya beritahu, kalau saya berada di papan besar di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk melihat berapa banyak pencerobohan yang berlaku kita seperti berada dalam suasana bilik operasi *Star Wars* di mana saya rasa setiap saat datangnya virus, datangnya *Mallware*, datangnya *Trojan* untuk menyerang kita.

Kita tahu ia datang daripada seluruh dunia. Ia mungkin datang daripada Orlando, Amerika Syarikat, ia datang daripada tempat lain dan sebagainya. Ia sentiasa datang ke tempat kita. Akan tetapi sudah tentu kita ada pakar-pakar kita yang sentiasa bekerja siang dan malam untuk menangkis semua perkara ini. Oleh sebab itu, kita katakan sehingga sekarang ini *alhamdulillah* kita bersyukur kita tidak berhadapan dengan suatu isu masalah yang besar tiba-tiba sistem perbankan kita *jammed*, sistem keselamatan kita *jammed* dan sebagainya kerana serangan tersebut kerana kita juga membina sistem pertahanan kita.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat *Google* tentang *Cyber Army*, kita akan melihat bagaimana *Cyber Army* yang terbesar dikatakan Iran membina *Cyber Army*, China membina *Cyber Army* sama ada dibuat oleh kerajaan ataupun secara individu di sana dia berpaktat menujuhan rangkaian *Cyber Army* mereka. Ini kerana suatu ketika dahulu, apabila berlaku serangan Amerika Syarikat ke Yugoslavia pada waktu perang Balkan dahulu, Amerika Syarikat serang kedutaan dan hancurkan itu terdapat kemarahan orang-orang yang bukan 'Kedutaan Iran' maaf, Kedutaan China pada waktu itu, kemarahan orang yang menyokong Kerajaan China sekarang ini kita serang balik. *Cyber Army* dibuat dan Amerika Syarikat diserang. Hari-hari dia kata diserang. Cumanya tidak

semestinya serang Pentagon, serang kelab golf. Kelab golf habis semua dokumen, maklumat dan sebagainya. Ianya berlaku setiap hari.

Ertinya, kalau kita katakan bahawa dalam dunia siber ini perang siber berlaku setiap masa dan ketika. *Alhamdulillah* di bawah kepimpinan agensi kita yang ada, kita dapat memelihara dari segi keselamatan dan kesihatan, *the health of our* dengan izin *cyber environment* yang kita ada sekarang setakat ini tetapi kita akan sentiasa mempertingkatkan, kita ada kerjasama. Baru-baru ini saya pergi ke Jepun mengadakan kerjasama dengan Jepun, kita pergi ke Korea mengadakan kerjasama dengan Korea. Minggu ini kita adakan berapa banyak perjanjian kerjasama dengan negara-negara Asian dan kawan-kawan kita untuk memelihara perkara ini.

Ertinya dalam dunia sekarang, kalau kita ada perjanjian keselamatan hanya bukan sekadar untuk menjaga fizikal *border* kita, berapa banyak kapal terbang kita, berapa banyak kelengkapan ketenteraan kita tetapi pada hari ini kita sedar bahawa untuk menjatuhkan sesebuah negara itu bukan lagi bagaimana tentera lawan tentera tetapi bagaimana menjaga alam sekitar siber kita, ia boleh begitu mudah untuk meruntuhkan sesebuah negara.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Jadi ini adalah merupakan perkara yang kita buat sehingga sekarang, ya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Boleh? Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Langkawi bangun. Mana satu?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, yang mana satu? Yang Berhormat Gerikkah Yang Berhormat Langkawi?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya nampak Yang Berhormat Langkawi dahulu.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Bercakap tentang serangan siber sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri melihat bahawa serangan dari luar negara tetapi apabila kita melihat baru-baru ini, ada serangan di dalam negara yang menggunakan akaun *Facebook* palsu dan akaun-akaun media sosial yang palsu.

■1850

Ini sudah tentunya memberikan satu gambaran yang tidak baik kepada keadaan pengawalan internet dan juga media sosial dalam negara kita. Oleh itu apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan sama ada boleh atau tidak saya cadangkan supaya akaun-akaun *FB* palsu ini tidak wujud seperti mana yang kita buat kepada nombor telefon yang dahulu.

Dahulu kita boleh beli nombor telefon tanpa ada catatan kad pengenalan dan sebagainya. Banyak berlaku ketidakbaikan di dalam perhubungan telefon. Akan tetapi apabila kita adakan undang-undang untuk mewajibkan mereka menulis nombor akaun dan sebagainya, keadaan itu menjadi reda. Dalam keadaan *Facebook* contohnya apakah kerajaan bercadang untuk menghilangkan *fake account* FB ini atau pun akaun palsu ini dengan mewajibkan ID mereka yang sebenar diadakan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** *FB* juga?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, *FB*. Yang Berhormat, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Langkawi sebab sudah menjadi trend hari ini menggunakan akaun palsu. Tidak berani menampilkan identiti sebenar. Ini yang akan menyebabkan berlaku unsur-unsur yang bersifat fitnah. Kadang-kadang kita hendak mengambil tindakan pun tidak boleh. Akan tetapi saya kagum dengan langkah Yang Berhormat Langkawi. Dia berani guna akaun dia yang betul. Dia kata gula murah di Sungai Limau jual... sebab hendak beri orang PAS jalan dahulu. Bagus! Dia beritahu dia yang buat. *[Ketawa]* Walaupun...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang itu melawak sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi itu *gentleman*. Maknanya berani bertanggungjawab tetapi saya katakan ini satu fenomena yang tidak sihat apabila orang tidak berani untuk berdepan secara yang lebih *gentleman*. Umpamanya macam *Cyber Trooper* UMNO. Dia menggunakan akaun-akaun yang tidak *detail* diri dia. Jadi dia serang kita dan sebagainya. Saya fikir bahawa ini..

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Hak macam itu juga dengan yang sebelah sana. Sama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi suatu yang tidak sihat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri panjang lagi?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat Yang Berhormat Menteri belum mula lagi untuk menjawab.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Mungkin kepentingan bersama yang disebutkan tadi. Saya perlu jelaskan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada 13 lagi kementerian Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** *FB* ini ramai orang tidak faham. Dia ingat *FB* ini didaftar di negara kita. Tidak. *FB* didaftar di Amerika. *Server* di sana. Kita tidak ada kawalan di sana. Sebaik-baiknya kalau rasa hendak selamat jangan ada akaun *FB*. Orang tidak boleh hendak *hack* tetapi negara kita sekarang ini ada 14 juta lebih orang yang mempunyai akaun. Kalau dikatakan hendak ambil tindakan ada orang cadangkan hendak ada akaun kena daftar negara kita.

Kalau kita daftar kita kena ada Jabatan Pendaftaran Facebook Negara. Berapa banyak kita hendak buka sebab budak umur lapan tahun pun sudah ada akaunnya.

Oleh sebab itu kempen kita ialah Kempen ‘Klik Dengan Bijak’. Sekarang ini *FB* ini macam di kedai kopi, orang bercakap apa semua orang lain boleh dengar. Kita kena tapis, kita kena tahu bahawa ini benar atau salah. Kalau dahulu orang percaya bahawa melalui *FB*, melalui internet kata ada *blackout* waktu pilihan raya. Dia kata ada 40,000 orang Bangladesh. Ada orang percaya betul sehingga Bangladesh betul-betul marah. Dia pun ada *cyber army* mereka serang *down* kita banyak server. Satu ketika dahulu dia rasa terguris. Sampai buat *black* – saya sudah lupa. Black 505. Sampai orang betul-betul percaya bahawa dalam pilihan raya baru ini ada penipuan. Siapa yang buat? Yang Berhormat Pokok Sena, siapa yang buat? Yang Berhormat Pokok Sena pun percaya. Pakai sama saya tengok. Sekarang Yang Berhormat Pokok Sena sudah tidak percaya Black 505. Terima kasih banyak. [Ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pasal isu di Sungai Limau itu saya percayalah. Memang Barisan Nasional buat hendak *hack* saya sebab saya pengarah pilihan raya tetapi akhirnya saya syukurlah saya boleh mengalahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tiga Menteri saya kalahkan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Kalau Yang Berhormat percaya bahawa ada orang banyak bohong menggunakan dunia siber ini, sekarang ini Yang Berhormat mengakui pembohongan yang besar sekali dibuat oleh rakan-rakan Yang Berhormat semasa pilihan raya baru-baru ini. [Tepuk]

Jadi semua saya hendak sebutkan. Kalau saya boleh sebutkan di sini ada beberapa perkara iaitu pihak kita akan memastikan bahawa peningkatan dari segi perkhidmatan adalah merupakan suatu agenda yang besar. Kita tahu bahawa kita hendak di kalangan pembekal khidmat dan sebagainya bukan sahaja membekalkan khidmat di seluruh negara tetapi kita juga sedar bahawa ada dua, tiga isu seperti *drop call* di mana panggilan terputus, tempat yang tidak sampai dari segi khidmat dan sebagainya. Pihak kami akan membuat beberapa kaedah misalnya kita hendak pastikan dengan 1,000 *tower* ataupun menara yang akan dipasang bahawa setiap pembekal-pembekal khidmat *telco* dan sebagainya untuk mengambil bahagian supaya di sepenjuru mana pun pelosok dalam negara kita dapat dihubungi melalui perkhidmatan mereka.

Kita memikirkan kemungkinan-kemungkinan akan membuat *score card* untuk rakyat membuat perbandingan siapakah di kalangan pembekal khidmat ini memberikan *coverage* atau pun liputan yang banyak. Kalau dia berjanji dia kata ini 3G, betul-betul 3G. Kadang-kadang 3G kita tengok lambatnya lagi teruk dari 2G. Siapa yang paling banyak sekali berlaku *drop call* ataupun panggilan terputus disebabkan infrastruktur yang lemah.

Apakah *rate* ataupun caj bayaran mereka itu? Kita tidak tertakluk di bawah Akta Timbang dan Sukat tetapi kami mendapat pelbagai rungutan daripada orang ramai perkara-perkara yang tidak sepatutnya di caj, dia caj. Apakah perkara ini benar atau tidak, kita akan periksa perkara ini dan kita akan maklumkan dari segi kepuasan pengguna dan sebagainya.

Ini antara perkara-perkara yang saya rasakan saya bersama dengan Yang Berhormat yang menimbulkan perkara ini dan kita akan memastikan ianya tidak berlaku. Beberapa perkara lain yang turut ditimbulkan di sini ialah tentang stesen televisyen kita di mana Yang Berhormat Putatan meminta supaya RTM meningkatkan lagi perkhidmatan RTM dan sebagainya. Ini saya maklumkan yang perkara ini telah dibuat. Stesen baru telah pun siap di Kota Kinabalu dan beberapa kemudahan lain juga telah pun disiapkan di Sabah dan Sarawak.

Tentang isu Astro, Yang Berhormat Johor Bahru ada menimbulkan tentang perkara yang dikaitkan dengan soal monopoli Astro kepada siaran sukan. Saya maklumkan iaitu bahawa ini adalah hubungan antara FAM untuk siapakah menjadi penyiar kepada liga-liga yang dikendalikan oleh FAM. FAM memerlukan dari segi kekuatan kewangan untuk mengendalikan liga. Mereka sudah mengadakan kontrak dengan Astro. Astro pula mengadakan sub kontraknya dengan RTM tetapi ada cadangan supaya di kalangan stesen-stesen dipanggil stesen FTA atau stesen yang tidak berbayar ini – *free to air station* seperti RTM, TV3 dan sebagainya sepatutnya mempunyai sistem pembidaan yang berbeza dengan Astro.

Ini adalah satu idea yang baik tetapi banyak perkara yang mesti kita fahami bahawa yang mempunyai hak sepenuhnya ialah FAM. Sama ada FAM sedia kemungkinan kalau kekurangan daripada pendapatan mereka disebabkan cara begini apakah dapat membantu masa depan bola sepak itu sendiri? Ini kerana kita tahu bahawa di United Kingdom itu sendiri, negara di mana ada EPL ataupun *English Premier League* saya difahamkan bahawa stesen-stesen yang tidak berbayar, stesen percuma ini sendiri pun tidak dapat menyiaran perlawanan bola sepak di sana kerana mereka mahu supaya orang di sana pergi ke stadium. Kalau semua dapat *free duduk* di rumah mereka tidak pergi ke stadium. Kalau tidak pergi ke stadium bagaimana mereka hendak bayar bayaran kepada pemain-pemain yang dikatakan sudah jauh meningkat tinggi sekarang ini.

#### ■1900

Oleh sebab itu jugalah apabila rungutan yang ditimbulkan tentang soal caj Astro, kita sedar bahawa Astro sepatutnya tidak menaikkan caj dengan begitu cepat, begitu tinggi dan sesuka hati. Akan tetapi ada beberapa perkara dan isu yang ditimbulkan oleh orang ramai, terpaksa kita jelaskan apabila kita berbincang dengan pihak Astro yang perlu difahami misalnya kos kandungan dalam dunia kreatif sekarang ini semakin lama semakin meningkat. Astro juga untuk meningkatkan perkhidmatan mereka daripada tidak ada HD kepada ada HD. Akan tetapi Astro sudah mempunyai beberapa pakej misalnya, pakej Njoi yang mana rakyat ataupun sesiapa sahaja boleh hanya membeli, membayar RM199 untuk mendapatkan *set-up box* tetapi mendapat kira-kira 32 saluran sama ada audio dan juga saluran video yang percuma dan tidak perlu berbayar kecuali mereka yang ingin mendapat pakej keluarga iaitu ada 42 saluran. Ia bertambah banyak dengan 10 saluran HD dengan dinaikkan RM2 dan ramai yang merasakan ini adalah suatu yang berpatutan.

Kita perlu faham bahawa kenaikan RM6 bagi saluran sukan yang mana kos *content* sukan sekarang ini adalah merupakan kos yang paling tinggi sekali. Orang tahu kalau hendak tengok BPL, hendak tengok Rooney bermain, kita tahu Rooney dibayar 200,000 *pounds* seminggu, siapakah yang membayar mereka? Kalau tidak dikatakan bahawa akhirnya selain daripada

penonton di sana tetapi 70% daripada segi *revenue*, pendapatan mereka itu datangnya daripada hak televisyen untuk penyiaran dan sebagainya. Jadi, ini juga perlu difahami bahawa kalau kita ingin mendapat negara kita mendahului negara lain daripada segi siaran-siaran yang melibatkan *content* sukan, maka kita tahu bahawa kita perlu sedia membayar sedikit dalam soal ini.

Lain-lain daripada itu saya rasakan bahawa isu yang berkaitan dengan penggunaan ICT dalam konteks ekonomi kita, kerajaan sekarang mempunyai statistik bahawa dalam tahun 2012, daripada segi peratusan komponen ICT dalam GDP kita ialah 10.5% tetapi kita mempunyai cadangan bahawa ia akan ditingkatkan lagi sehingga 17% dalam tahun 2020. Oleh sebab itu program penggalakan untuk peniaga-peniaga untuk menggunakan ICT, *Facebook* dan sebagainya adalah merupakan program yang berterusan misalnya program GMBO berterusan dan kita akan mencari jalan supaya lebih ramai orang terlibat sesiapa sahaja yang *register* di bawah GMBO akan mendapat 1,000 mungkin kita akan fikir, kita akan tingkatkan lagi daripada segi sumbangan kerajaan ataupun melalui SKMM dalam program ini.

Saya rasa lain-lain perkara saya nampak Yang Berhormat berkenaan tidak hadir pada hari ini. Kalau masih terus berminat, kita akan hantar melalui jawapan bertulis. Untuk menjimatkan, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada semua yang mengambil bahagian dan saya akhiri dengan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Kesihatan.

### 7.03 mlm.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian yang telah pun menyentuh tentang isu-isu yang berkenaan Kementerian Kesihatan. Saya lihat di sini, kebanyakan isu adalah berkenaan dengan pembangunan dan sedikit-sedikit berkenaan tentang pentadbiran.

Jadi, Yang Berhormat Merbok telah membangkitkan isu tempat letak kereta, tentang Hospital Pediatrik di Wilayah Utara dan juga tentang Pusat Kanser di Wilayah Utara. Tuan Yang di-Pertua, tempat letak kereta memang menjadi amat bermasalah di semua hospital besar di seluruh Malaysia. Memang ada masalah dan memang sudah ada pun persetujuan, keputusan untuk menswastakan tempat letak kereta sama ada pengurusannya ataupun membina tempat letak kereta bertingkat ataupun yang menggunakan *mechanical parking*. Ini akan dilaksanakan melalui kaedah *build-operate-transfer* atau BOT.

Berkenaan dengan hospital kanak-kanak Tuan Yang di-Pertua, di seluruh Malaysia memang *pediatric ward* ini memang ada di setiap wad dan hospital. Ia diintegrasikan kepada keseluruhan perkhidmatan hospital tetapi kerajaan juga prihatin tentang masalah wanita dan kanak-kanak. Maka kerajaan telah membina secara berperingkat-peringkat hospital untuk wanita dan kanak-kanak. Ia sekali gus. Ia tidak boleh asing-asing, ia buat sekali gus untuk wanita dan kanak-kanak. Yang telah siap adalah di Hospital Likas, Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, di

GH Kuala Lumpur sedang dibina, di Pulau Pinang, hospital *maternity* akan diroboh dan akan dibina pusat hospital kanak-kanak dan wanita, di Seremban sudah siap, di Kuantan proses mengambil tanah dan di Terengganu, telah siap.

Berkenaan dengan pusat radioterapi Tuan Yang di-Pertua, untuk kanser, di seluruh Malaysia memang sudah pun – beberapa hospital sudah ada pusat kanser. Di Hospital Kuala Lumpur sudah ada, di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru sudah ada, di Hospital Umum Sarawak pun sudah ada, di Likas pun ada, di Hospital Kementerian Pendidikan iaitu di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga di HUSM, Kubang Kerian. Selain daripada itu, di kawasan yang belum ada lagi, contohnya di Pulau Pinang, kerajaan membeli perkhidmatan daripada pihak swasta. Di Pulau Pinang, kerajaan telah pun membeli perkhidmatan daripada Bound Marion dan juga di Pantai Medical, di Pantai Mutiara di Bayan Baru, di Nilai pun dibeli juga, di Melaka pun dibeli juga. Jadi, memang kerajaan merancang untuk membina satu lagi Pusat Kanser di Subang Jaya, dijangka dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Yang Berhormat Limbang, berkenaan dengan Hospital Limbang. Hospital ini adalah hospital yang ada pakar, ia ada 100 katil dan *bed occupancy rate* (BOR) adalah 39% sahaja. Walau bagaimanapun, sekarang ini sudah ada perkhidmatan pakar obstetrik dan ginekologi tetapi kerajaan merancang untuk menambah lagi kepakaran kepada sepuluh jenis kepakaran. Ini akan dilaksanakan peringkat demi peringkat. Setakat ini, Hospital Limbang memang ada perancangan untuk meningkatkan Hospital Limbang ini, menaik taraf supaya ia dapat menampung pakar-pakar yang kita akan hantar. Ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang Klinik Desa Nanga ‘Medabit’, ‘Mendabit’, ‘Nabit’...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Medamit. Sini.

**Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Medamit, ya. Ia di situ ada dua. Satu, klinik kesihatan dan satu lagi klinik desa. Jadi, klinik desa ini tidak perlu di naik taraf cuma kita mempertingkatkan perkhidmatan di klinik kesihatan yang ada sebab penduduknya tidak begitu ramai. Cuma 4,622 penduduk...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: [Bangun]**

**Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dan jumlah kedatangan pesakit cuma 34 orang pesakit sehari. Jadi, tidak ramai, tidak perlu ditingkatkan klinik...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: [Bangun]**

**Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ibu dan kanak-kanak kepada klinik kesihatan, tidak perlulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang bangun Yang Berhormat.

**Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Belum sampai masa lagi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Minta laluan sedikit.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cerita Medamit itu *just to* pencerahan sedikit. Yang sebenarnya klinik desa itu ada tetapi ianya *it is very old* dan ia terletak di seberang sungai. Jadi, masalahnya di seberang sungai itu ialah disebabkan *accessibility* untuk ke situ. Sebab itulah ia telah pun dalam seawal tahun 2009 dahulu, telah diluluskan untuk dipindah lebih kepada yang pihak di pekan Medamit itu yang mana tapak sudah disediakan, semuanya *everything is ready*, tinggal hendak tunggu hendak pindah sahaja. *Actually, that is what we are requesting.* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya ingat Yang Berhormat, saya ingat saya pergi melawat sekalilah tengok keadaan sebenarnya. Mungkin itu lebih baiklah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Cantik itu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat Batu Sapi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Bukit Gantang.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat Batu Sapi. Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu negara kita sekarang ini masalah kanser merupakan masalah yang dianggap sebagai pembunuhan senyap. Soalan saya...

#### ■1910

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, kanser tidak masuk lagi Yang Berhormat?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tidak, radioterapi tadi masuk kes. Pasal radioterapi tadi. Jadi soalan saya ialah berapakah kos radioterapi yang menyebabkan banyak hospital yang tidak ada termasuklah hospital-hospital daerah di Taiping sendiri pun terpaksa pergi merawat di Pulau Pinang, kalau tidak silap saya.

Keduanya ialah bilakah perancangan kerajaan untuk memastikan supaya setiap sekurang-kurangnya hospital daerah ada radioterapi sebagai satu langkah kerajaan untuk mencegah, *prevention* dengan izin supaya masalah kanser ini tidak berlarutan di dalam negara kita.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini terkeluar sedikit. Tidak apalah saya jawab.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sebenarnya kementerian merancang pusat-pusat kanser ini mengikut zon Tuan Yang di-Pertua. Di utara, di tengah, di selatan, di timur dan di Sabah dan Sarawak. Jadi kita tidak mampu hendak buat keseluruhannya. Satu, kos tinggi. Nilai mesin sekurang-kurangnya RM16 juta, satu. Dia bukan satu, sekurang-kurangnya dua, tiga dan sebagainya satu pusat. Kemudian kepakaran perlu ada. Kepakaran dari segi radioterapi sendiri dan juga onkologi. Jadi kalau sudah sampai peringkat sudah ada kepakaran mungkin kita boleh pertimbangkan semua hospital tapi setakat ini didatangkan untuk zon sahaja. Zon Kuala Lumpur, zon utara, zon selatan, zon timur dan juga Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu bangun Yang Berhormat. Belakang.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, ya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tentang radioterapi. Di Sarawak hanya Kuching sahaja ada. Jadi saya berharap kementerian boleh mempertimbangkan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa Sarawak ialah kawasan yang luas. Jadi kalau hanya Kuching sahaja ada, perjalannya sangat jauh untuk pesakit-pesakit dari daerah-daerah lain untuk pergi ke Kuching untuk mendapatkan rawatan. Jadi saya berharap kementerian boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan satu unit lagi di Sibu, untuk *cater central region of Sarawak* dan Miri untuk *cater, the northern region of Sarawak* kerana Sarawak sangat besar.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun sudah pergi melawat Hospital Kuching. Memanglah perlu tambahan kepada mesin. Ini saya ambil perhatian. Cadangan itu memang baik tapi ia memakan masa sedikit untuk dilaksanakan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak minta penjelasan daripada kementerian. Hospital Daerah Bandar Baharu ini. Jadi bukan setakat kita ini tidak ada radioterapi, hospital pun tidak ada lagi. Sultan Kedah juga bertitah dalam...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dialisis sudah ada?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** ...Bukan dialisis, hospital ini. Jadi Sultan Kedah juga telah bertitah untuk meminta hospital di Daerah Bandar Baharu. Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apabila kita tidak ada hospital anak-anak Bandar Baharu ini, dia terpaksa bila hendak bersalin ini, dia kena bersalin antara di Parit Buntar ataupun di Selama. Apabila dia sudah dapat anak itu, anak itu bukan menjadi anak Kedah. Dia

menjadi anak Perak. Apabila dia menjadi anak Perak, dia akan hilang banyak kemudahan yang ditawarkan kepada anak-anak Kedah ini. Jadi saya juga hendak minta kerajaan yang telah pun berkali-kali berjanji ini untuk *insya-Allah* hendak mendirikan Hospital Daerah Bandar Baharu ini *insya-Allah* dapat kita laksanakan.

Kita tidak perlu hendak kita rasa bersalah kerana apa pun Kerajaan Barisan Nasional sudah buat cukup banyak.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sudah cukup, sudahlah itu!

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Kalau kita bandingkan dengan Kerajaan PAS lima tahun tidak buat apa, cuma tebang balak sahaja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cukuplah itu!

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** So, kita tidak rasa bersalah untuk kita minta kerana kita tahu bahawa ini janji Kerajaan Barisan Nasional. Saya cuma hendak mengingatkan janji ini. *Insya-Allah* saya yakin penuh ia akan dapat ditepati. Terima kasih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya hendak tambah sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]* Hantar pergi bidan kampung itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu hantar pergi bidan kampung dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya tidak ada? Petaling Jaya Selatan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tunjuk Yang Berhormat Bintulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya hendak jawab Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak jawab Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, yang ini memang saya pun dapat permohonan daripada wakil rakyat dan Exco di sana tentang Exco kesihatan. Memanglah ia masalah sentimen Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Kulim-Bandar Baharu, dia cross sungai sudah dapat Hospital Parit Buntar. Dia seperti Besut dengan Besutlah.

Ramai orang Besut pergi bersalin di sebelah-sebelah Kota Bharu, Kelantan. Jadi dia dapat IC itu lain. Itu saya faham. Oleh itu dia tidak dapat faedah yang orang Terengganu dapat. Dia dapat di Kelantan lain. Jadi ini pun berlaku juga di Kedah. Jadi saya faham. Bolehlah kita dengan desakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat boleh kita pertimbangkan untuk dipercepatkan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Orang Indonesia boleh dapat IC di sini.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi mana Yang Berhormat? Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya tertarik mengenai mesin hemodialisis. Tadi saya nampak jabatan ataupun kementerian mahu membuat perubahan. Seperti contoh di Bintulu, kita memang sudah siap hemodialisis *centre* tapi mesin hemodialisis tidak ada. Kita sebagai wakil rakyat, kita pergi cari NGO dan daripada agensi kerajaan bantu memberi derma mesin hemodialisis. Ikut *spec* Kementerian Kesihatan bagi. Kita ikut.

*Supplier* semua kita ikut. Kita sudah beri, sudah bagi kepada hospital tetapi hospital kata dia tidak boleh pasang. Mahu tunggu kelulusan terima daripada kerajaan, baru dia boleh pasang. Okey, kita tidak marah. Kita minta terus tulis surat minta kelulusan tetapi tempoh dapat kelulusan lapan bulan baru boleh dapat. Apa sudah jadi? Begitu susah kah kementerian atau jabatan mengeluarkan surat terima mesin hemodialisis itu? Sudah berapa ramai orang menunggu hendak buat hemodialisis tidak dapat.

So, saya hendak minta penjelasan ataupun jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini mula daripada sekarang bolehkah kementerian membuat kelulusan ini serta-merta atau tidak? Kalau tidak boleh, berapa masa mahu? Sampai ada mesin sampai sana sudah lapan bulan tidak ada orang jaga. Mesin itu pun sudah mahu kongkalikung sudah. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini kes spesifik. Saya perlu mendapat maklumat lebih tepat lagi. Walau bagaimanapun untuk tahun depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji akan berikan 1,000 mesin hemodialisis dan kita boleh tempatkan di Bintulu. Untuk pengetahuan semua hospital kerajaan sudah ada kecuali empat sahaja yang belum ada pusat dialisis ini. Kita akan tambah lagi mesin dan mana yang belum dapat kita akan bekalkan. Dalam kes ini..

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Hemodialisis.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** ...Saya tidak boleh hendak beri jawapan sekarang kenapa lambat sangat beri kelulusan. Jadi saya tidak boleh bagi sekarang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan lupa tahu jawapan bertulis. Jangan lupa. Itu hari masih hutang satu jawapan bertulis belum lagi sampai.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Baik, baik. Pegawai ramai di belakang itu. saya ingat mereka akan ambil perhatian.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat, saya hemodialisis. Gopeng, Gopeng.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Berkенаan dengan hemodialisis, kita tahu memang ada peruntukan untuk membantu mereka yang menjalani hemodialisis di NGO-NGO dan sebagainya. Akan tetapi saya diberitahu bahawa ada sesetengah tempat di mana peruntukan tersebut telah ditarik balik ataupun sangkut dalam proses permohonan dan ramai di antara pesakit-pesakit yang tidak dapat menikmati bantuan daripada kementerian dari segi apabila buat dialisis di NGO-NGO khususnya di Pulau Pinang dan sebagainya. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tidak sebut pun tentang hemodialisis ini tapi tidak apa. Dia tanya lagi, tidak apa saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah berlarutan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** ...Untuk makluman Ahli...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ...Balik kepada isu yang telah dibahas oleh Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** ...Lain sedikit, lain isu tapi tidak apa saya jawab. Sudah Yang Berhormat bertanya saya jawab.

#### ■1920

Isu dialisis itu memang dia kena menepati kriteria sebelum mendapat bantuan daripada tabung hemodialisis itu. Ia ada kriterianya. Antaranya ialah dia kena ada seorang doktor yang sekurang-kurangnya ada 200 jam latihan dalam bidang nefrologi, yang itu kena ada ataupun pakar. Di bawah pakar pun boleh juga. Pakar paling maksimum di bawah naungannya kena ada 300 pesakit sahaja dan ada lain-lain lagi kriteria dari segi fizikal dan sebagainya. Kalau dia menepati, baru dia dapatlah. Jadi, kalau ada kes-kes yang spesifik boleh rujuk kepada saya sendiri pun boleh. Kita boleh siasat dan buat pembetulan.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kos hemodialisis memang tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Memang tinggi. Kalau di pusat swasta sampai lebih RM200 sekali dialisis. Kalau tiga kali seminggu, memang penatlah. Oleh sebab itu kita amat bersimpati dalam hal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, Sibu. Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang minggu lepas di muka hadapan *newspaper Star* menyatakan subsidi untuk pesakit dialisis daripada Kementerian Kesihatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang itu belum boleh sentuh dalam jawapan, Yang Berhormat ya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, RM50 itu, tahun ini tidak pernah diluluskan. Saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya tentang status terkini Hospital Daerah Kerian yang telah diluluskan dibina di Parlimen Bagan Serai. Saya difahamkan diluluskan pada tahun 2008 lagi dan saya nampak macam tidak ada apa-apa yang berlaku. Ini menjadi jeritan dan igauan rakyat di Parlimen Bagan Serai yang selalu bertanya. Saya juga ingin bertanya, adakah hospital baru yang akan dibina ini akan ditempatkan pakar-pakar? Terima kasih.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya jawab Yang Berhormat Bagan Serai dulu, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah perkara baru yang tidak dibangkitkan dalam perbahasan. Tidak apalah, saya akan dapatkan maklumat dan bagi kepada Yang Berhormat. Tentang subsidi, ini laporan surat khabar. Jadi, yang saya tahu ia berjalan terus. Tidak ada ditarik balik dan sebagainya. Ia jalan terus, jadi yang tidak lulus mungkin yang ada masalah dari segi pentadbiran, dari segi peraturan dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sandakan bangun pula Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri masih ingat lagi bila saya bahas dulu. Saya ada minta mesin terapi untuk KK Likas dan juga Menteri pun sudah setuju untuk beli satu mesin yang baru untuk Kota Kinabalu. Saya mahu tanya, Menteri juga janji akan hantar dalam jangka masa pendek. Jadi, saya mahu tanya Menteri sudahkah mesin terapi ini dihantar di Likas, Kota Kinabalu? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, hendak beli mesin, ia bukan boleh beli *off the shelf*, ia kena *order*. Jadi makan masa sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya sudah melawat Hospital Likas ini. Memang ada bilik kosong cuma hendak beli mesin dan pasangkannya. Peruntukan sudah ada. Ada sedikit *saving* daripada pentadbiran hospital itu, kita tambah sedikit daripada kementerian dan sudah boleh beli. RM16 juta satu mesin. Kita akan beli segera, dan disegerakan. Segera bukan bermakna hari ini janji, esok boleh dapat, tidaklah. Memakan masa berbulan juga untuk *order*, pasang dan sebagainya.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi, Yang Berhormat? Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari Pulau Pinang juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Saya cuma ingin memaklumkan ramai yang baru di sini. Pada peringkat Menteri menjawab ini, cuma perkara-perkara dibahas yang akan disentuh. Mungkin ada perkara yang berkaitan tetapi perkara baru seharusnya tidak dibawa di peringkat ini, Yang Berhormat. Jadi kalau ada perkara baru, boleh dibahas nanti mulai daripada hari Khamis ini di peringkat Jawatankuasa di bawah kementerian-kementerian yang tertentu. Jadi, itu kehendak peraturan mesyuarat. Terima kasih. Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Menteri, dia betul-betul senang hati dan mahu jawab soalan kita. Jadi, itulah saya tanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kita ada had Yang Berhormat kerana kita ada masalah masa. Kita ada diberi masa-masa yang tertentu pada peringkat Menteri menjawab ini. Cuma diberi tiga hari. Oleh sebab itu kita lanjutkan perbahasan sehingga jam 10.30 malam, esok ada lagi sepuluh kementerian agaknya yang perlu kita selesaikan. Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Dari Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin membawa satu – *I mean to bring attention*, dengan izin, kepada isu kekurangan hospital di Pulau Pinang dan secara spesifik sama ada kalau kementerian ada rancangan untuk membina Hospital Besar Batu Kawan. Saya pernah bertanya soalan ini memandangkan selepas pembukaan jambatan kedua Pulau Pinang, kami akan melihat satu peningkatan dalam bilangan penduduk, pembangunan di kawasan Batu Kawan. Pada masa yang sama Hospital Sungai Bakap yang tidak mempunyai pakar buat masa ini saya rasa dengan izin, *overloaded* dengan pelbagai kes dan ia – *itself* dengan izin, penduduk-penduduk dari kawasan Nibong Tebal, Jawi, Batu Kawan, Simpang Empat dan *areanya* sangat besar.

Jadi, mungkin kalau Menteri tidak keberatan, mungkin satu hari saya boleh membawa Menteri menziarahi tempat-tempat ini untuk melihat skalanya berapa besar dan keperluan satu hospital besar di Batu Kawan selepas pembukaan jambatan kedua. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Hospital Sungai Bakap ini, saya bekerja di sana dahulu selama empat tahun. Jadi, saya tahu sangatlah. Umurnya sama dengan Hospital Balik Pulau iaitu 130 tahun. Paling tua saya ingat di seluruh Malaysia ialah di Balik Pulau dan Sungai Bakap. Masih lagi bangunan kayu. Akan tetapi *bed occupancy* tidak begitu banyak. Mungkin kerana Hospital Bukit Mertajam dekat, Hospital Seberang Jaya juga tidak jauh sangat. Jadi, ramai mungkin yang pergi ke sana. Oleh sebab itu *bed occupancy* untuk Hospital Sungai Bakap tidak begitu tinggi sangat. Macam Balik Pulau, tidak begitu tinggi sangat. Walau bagaimanapun, *the expectation* ialah penduduk akan bertambah bila jambatan itu siap dan mungkin kita akan melihat semula keperluan mengadakan satu lagi hospital di sana.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh saya bertanya. Bila pemantauan ini akan dijalankan selepas jambatan kedua ini dilancarkan? Maksud saya, andai kata ia dilancarkan tahun ini, jadi pemantauan dan *study* dari pihak kementerian, bila ia akan *kick-off*. Selepas satu tahun, selepas enam bulan *and also* bergantung kepada projek dan pelan pembangunan PDC di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat, di kementerian kita ada satu bahagian perancangan. Mereka memang cukup pasti dan cukup *alert* tentang pembangunan di mana-mana kawasan. Memang mereka merancang *ahead*, ke depan. Jadi, saya sebagai Timbalan Menteri dari Pulau Pinang, saya ingat biarlah kita beri perhatian lebih sedikit ya.

Yang Berhormat Batu Sapi tentang wad *tuberculosis*. Beliau mahu supaya dibina wad *tuberculosis* baru di Sandakan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, penyakit *tuberculosis* memang satu penyakit yang berjangkit dan di Klinik Kesihatan Sandakan memang diasangkan pesakit *tuberculosis*, tibi ini daripada pesakit-pesakit yang lain. Diasangkan dan dirawat di wad yang lain. Sebenarnya penyakit tibi ini, kalau ia perlu rawatan dalam wad, maka ia akan dihantar ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Jadi, setakat ini tidak perlu satu wad khas di Klinik Kesihatan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sipitang. Berkenaan dengan Hospital Nukleus di Sipitang. Hospital ini memang ada kepakaran. Memang ada disediakan doktor pakar yang pergi membuat lawatan daripada hospital terdekat iaitu Queen Elizabeth Hospital, Hospital Likas, Hospital Keningau dan juga daripada Hospital Bukit Padang.

#### ■1930

Dalam banyak bidang-bidang, banyak bidanglah. Bidang numerologi, metrologi, perubatan am, kecemasan dan traumatologi, pediatrik, obstetrik, ginekologi dan juga psikiatri. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, *occupancy* hospital ini cuma ada 24% sahaja dan klinik pakar pun hanya ada 134 orang yang menggunakan klinik pakar sebulan, 134 orang, jadi tak begitu ramai. Jadi berkenaan dengan kes-kes rujukan yang terlibat dengan industri kimia dan minyak ini, kalau ada kes yang berat ia boleh dirujuk kepada Hospital Queen Elizabeth, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang perkhidmatan doktor udara, ini pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang. Memanglah di kawasan-kawasan pedalaman memang kita sediakan perkhidmatan doktor udara. Jadi masalahnya ataupun pertanyaannya ialah kenapa tak bina klinik-klinik *permanent* atau yang tetap. Ini kalau kita ada kemudahan jalan dan sebagainya memang boleh dibina klinik-klinik kesihatan dan sebagainya. Akan tetapi buat sementara waktu bila infrastruktur sudah meningkat, maka kita boleh bina, tetapi sekarang ini kita masih perlukan perkhidmatan doktor udara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan. Yang ini pun masalah doktor pakar juga, dia mahu satu *burn unit* di Labuan. Ini sebenarnya *burn unit* ini kita rancang di Bintulu dan akan di tender tidak lama lagi. Jadi mereka yang memerlukan rawatan rapi oleh kerana terbakar boleh dihantar kepada hospital yang dekatlah. Dihantar ke Hospital Queen Elizabeth ataupun yang dekat iaitu Queen Elizabeth II. Pihak-pihak syarikat minyak ini sebenarnya mereka setakat ini

menghantar pesakit mereka ke Singapura atau ke Brunei. Mereka yang terlibat dengan kes-kes industri minyak ini yang terbakar dihantar ke Singapura ataupun ke Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Rajang membangkitkan mengenai Hospital Kapit. Masalah penghantaran balik jenazah kalau dari Kapit hantar ke hospital dan dia mati *then* hendak hantar balik mayat itu. Kalau *transfer* balik mayat dari hospital yang dirujukkan kepada hospital asal memang tidak kena bayaran apa-apa. Cuma kalau dia pergi sendiri dan meninggal, yang itu ada sikit masalah. Bermakna daripada segi peraturan memang hospital tidak hantar secara percuma, dia kena bayar dan banyak juga NGO yang Islam dan bukan Islam menganjurkan van jenazah ini.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit. Yang Berhormat Menteri, Hulu Rajang.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Perkara ini telah menjadi amat sukar. Saya sebagai wakil rakyat yang baru di kawasan Hulu Rajang, jadi perkara ini telah daripada dulu sehingga sekarang. Kerana atas kebaikan Kementerian Kesihatan untuk menghantar pesakit itu pergi ke Sibu dan ke Kuching kerana Hospital Kapit tidak ada doktor pakar. Dalam ucapan saya semasa saya bahas, saya minta doktor pakar, itu yang pertama. Yang kedua, Hospital Kapit ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tak ada jalan lain melainkan menggunakan pengangkutan air.

Jadi kalau tidak ada doktor pakar diberi kepada Hospital Kapit, maka perkara-perkara tersebut berkenaan pesakit-pesakit ini akan berulang lagi dihantar ke Sibu atau Kuching. Apa salahnya jika mereka ini meninggal dunia. Jadi terpaksalah, kalau tidak hospital dan wakil rakyat kena juga bayar untuk membawa balik mayat tersebut. Jadi saya minta Kementerian Kesihatan supaya dapatlah mengambil kira perkara-perkara ini kerana ia sangat berat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sebenarnya memang pihak hospital pun minta van jenazah yang baru. Van jenazah yang lama memang keadaannya memang teruklah, jadi memang dipohon. Sebenarnya permohonan van jenazah ini bukan di hospital ini sahaja tetapi seluruh Sabah atau Sarawak memang ada permohonan untuk van jenazah, yang ada memang keadaannya daif. Jadi ini kita akan beri, kita akan *supply* pada peringkat demi peringkatlah, ikut kemampuan kewangan yang kita ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kota Tinggi ini pembangunannya begitu pesat, jadi saya nak minta sebagai wakil orang Kota Tinggi, hospital itu dah penuh. Saya tahu adakekangan bajet tetapi *we need an OPD atau Out Patience Department immediately*. Jadi minta Menteri beri pertimbangan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Soalan tak berapa jelas tadi, tolong ulang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sekali lagi? Kota Tinggi minta OPD *Department, Out Patience Department*. Kalau tidak boleh hospital pun kami minta OPD di Kota Tinggi sebab pembangunan yang begitu pesat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Di Kota Tinggi?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Oh tidak, ini belum sampai.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ha, ini mencelah sikit, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, ya. Yang itu di Kota Tinggi jadi tak termasuk dalam perbahasan sekaranglah. Tidak apa, Kota Tinggi perlu OPD baru, yang itu kita boleh pertimbangkanlah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat tentang Hospital Kapit ini, Hospital Kapit memang dah ada pakar pediatrik dan juga pakar perubatan di sana. Mungkin boleh tambah lagi lah kemudian ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai tentang hospital baru Parit Buntar. Ini sebenarnya sudah ada tapak dan sedang dilaksanakan kerja-kerja tanah dan *design* pun dah selesai. Akan dipanggil tender tidak lama lagi lah dan hospital ini baru dan dia ada 76 katil. Setakat ini, pegawai perubatan pun ramai dan pakar pelawat pun yang datang dari Taiping dan juga Seberang Jaya pun ada yang pergi ke Hospital Parit Buntar. Jadi setakat ini dalam keadaan yang baiklah dan hospital baru akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, Hospital Banting. Hospital Banting ini kerja-kerja menaik taraf dibuat dan kos yang telah pun dibelanjakan RM6.7 juta untuk hendak bina Unit Rawatan Rapi dan juga naikkan taraf dewan bedah. Pakar pun ada, tujuh orang pakar ditugaskan di sana dan pelbagai disiplinlah. Pegawai perubatan am, pakar bius, pakar kanak-kanak, pakar ortopedik dan sebagainyalah. Kalau perlu lagi kepakaran yang lain, hospital yang terdekat ada dan kita boleh rujuk kepada hospital yang dekat iaitu di Hospital Tengku Ampuan Rahimah.

Yang Berhormat Putatan membangkitkan mengenai Klinik Kesihatan Kampung Dubason, Putatan. Ini dalam peringkat pengambilan tanah Tuan Yang di-Pertua, akan dibina baru dan dalam peringkat pengambilan tanah. Tentang Hospital Besar Sri Aman, Sarawak. Ini hospital baru, fasa satu sudah siap. Kerja-kerja tanah sudah selesai dan fasa kedua iaitu mereka bentuk dah selesai dan akan dipanggil tender tak lama lagi. Hospital ini mempunyai 108 katil. Pasir Gudang, di Pasir Gudang ini memang ada keperluan hospital baru.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Aman bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya menyoal soalan ini sebab Yang Berhormat Jelutong tempoh hari dia kata Kerajaan Barisan Nasional tidak menunaikan janji tentang apa yang telah dibuat pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari semasa kempen pilihan raya negeri di Sarawak.

Jadi saya harap dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Jelutong tidak lagi keliru dengan pembinaan hospital di Sri Aman. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Yang Berhormat kerana menyokong usaha Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, Pasir Gudang. Pasir Gudang memang kawasan yang sedang pesat membangun dan memang keperluan hospital baru adalah mendesak. Setakat ini tanah pun sudah sedia yang luasnya 25 ekar dan kita telah masukkan peruntukan ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Penampang tentang Queen Elizabeth Hospital di Kota Kinabalu.

#### ■1940

Beliau minta supaya ditambahkan satu blok lagi. Sekarang sudah ada - di Queen Elizabeth 1 sudah ada dua blok yang baru dibina, hampir siap, mungkin dalam hujung tahun ini siap dan boleh digunakan. Ada 661 katil semuanya. Queen Elizabeth 2 pun sudah dalam operasi. Jadi Yang Berhormat Likas, saya ingat sudah mencukupilah. Kalau hendak bina satu lagi, kita akan lihat semula keperluan bina satu lagi blok yang mempunyai 300 katil. Baru-baru ini pun saya ada melawat dan memang pihak hospital minta supaya diadakan satu lagi blok. Akan tetapi apabila kita melihat keseluruhannya, keperluan tidak begitu mendesak.

Yang Berhormat Sibuti, tentang naik taraf Klinik Batu Niah di Bekenu. Memang klinik di situ agak terlalu uzur sangat. Sekarang ini kita sudah pun – Klinik Kesihatan Batu Niah di peringkat perolehan tapak tanah. Manakala Klinik Kesihatan Bekenu juga perlu diganti dan kita dalam proses untuk hendak melihat tapak yang baru Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Kapar, ini berkenaan dengan gula. Beliau bertanya, apa kaitan naik harga gula dengan hendak kurangkan diabetes ini. Sebenarnya, gula memang ada kaitan rapat dengan kencing manis. Jadi, kalau kita kurangkan gula, tidak makan gula, kita dapat mengurangkan peluang risiko untuk hendak kena kencing manis ini. Memang kalau kita pergi ke mana-mana pakar pun, kalau kencing manis, memang dinasihatkan kurangkan gula atau tidak makan gula langsung.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Gopeng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Gopeng dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, beri Yang Berhormat Gopeng dahulu Yang Berhormat. Selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kebetulan berkenaan dengan gula dan kencing manis. Setahu saya, tidak ada sebarang kajian saintifik yang mengatakan bahawa makan gula yang lebih boleh menyebabkan diabetes. Tidak ada kajian saintifik yang...

*[Dewan riuh]*

Saya cabar Menteri buktikan, berikan fakta berkenaan dengan kajian saintifik yang membuktikan bahawa gula ini menyebabkan diabetes. Itu sahaja yang saya minta. Itu sahaja.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah. Saya masa belajar perubatan di Universiti Malaya dahulu, dalam badan kita, kita makan gula, ya gula. Kita makan karbohidrat, zat kanji dalam badan ia jadi gula juga. Lemak, bila badan kita perlukan gula, badan kita *convert* lemak jadi gula. Bila banyak gula dalam badan, kita perlukan insulin banyak. Insulin dikeluarkan oleh pankreas. Kalau terlalu banyak sangat keperluan insulin, pankreas *will fail*, dengan izin.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak perlu jawab panjang lebar... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi, ada berkait rapat gula dengan diabetes.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak berpuas hati dengan jawapan tersebut sebab itu jawapan orang kampung. Kalau hendak jawapan profesional, biar pakar yang tulis bahawa tunjukkan *scientific proof*. Mana ada *study* yang menunjukkan bahawa gula ini menyebabkan diabetes. Itu sahaja. Berikan daripada Mayor Clinic, New England Journal, apa-apa jurnal yang membuktikan bahawa gula ini menyebabkan diabetes. Setahu saya, tidak ada. Kalau ada, Menteri boleh buktikan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** *It is against the norm* Tuan Yang di-Pertua. Semua pakar mengatakan kalau makan gula, akan meningkatkan risiko kencing manis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini pandangan Yang Berhormat Gopeng, kata kajian saintifik. Jadi, bila Yang Berhormat tidak dapat berikan, maknanya menunjukkan bahawa tidak ada kajian saintifik. Akan tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pandangan tradisionalnya mengatakan bahawa kalau makan gula dapat kencing manis. Macamlah pandangan tradisional dahulu orang kata makan daging kambing, darah tinggi. Akan tetapi tidak ada satu kajian pun. Tidak ada satu kajian mengatakan bahawa makan daging kambing banyak, dapat penyakit darah tinggi, ya tidak. Jadi, itu pandangan. Saya tidak mahu hendak berbalah. Itu dari segi kajian saintifik dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya rasa kita tidak perlu berbalah fasal perkara itu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat, esok pagi saya belanja *you* makan gula 2 kilogram, selepas itu kita buat kajian lihat tidak naik...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *You* duduklah. Haiya! Tauke apa macam. Yang Berhormat, saya hendak tanya, sebab Yang Berhormat katakan bahawa masalah kenaikan harga gula untuk mengurangkan penyakit kencing manis. Harga gula ini sudah naik lama sudah, banyak kali sudah saya ingat. Saya asyik ingat beli sekati 20 sen, lebih kurang sekilogram 40 sen. Waktu itu kat, letak dalam kelonsong, kertas tiga segi itu. Jadi, sampai sekarang RM2.80...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya rasa harga gula tidak berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Tadi dia sebut kenaikan harga gula itu, disebut. Masalah kencing manis ini, saya hendak tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nanti Kementerian Kewangan nanti, bolehlah bawa isu ini Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan isu harga tetapi dia sebut tadi, dia menjawab soalan yang berkaitan dengan kenaikan harga gula dengan penyakit kencing manis. Jadi, daripada 20 sen, 40 sen sekilogram dahulu ini, sekarang ini RM2.80, berapa kali naik itu. Daripada tahun 1999, kalau tidak silap saya lebih kurang enam ke tujuh kali naik ini. Berapa banyak penyakit kencing manis ini berjaya dikurangkan? Wad-wad kencing manis ini? Berapa banyak dapat dikurangkan? Maknanya, kita hendak tahu lah. Kalau dahulu berapa? Sebelum naik itu berapa? Tahun 1999, berapa penghidap kencing manis dalam negara Malaysia? Selepas naik harga gula ini, berapa berjaya dikurangkan? Jadi, kalau boleh beri fakta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sudah bahas pun ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mikrofon hidup Yang Berhormat? Tidak kan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, yang kita sekarang ini di Kementerian Kesihatan, kita kempen tentang *non-communicable disease* (NCD) termasuklah kencing manis, darah tinggi, kolesterol tinggi dan sebagainya, serta berkaitan cara hidup. Cara hidup, cara makan, cara *style* kita hari ini, kita kurang *exercise*.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya setuju. Cara makan, saya setuju Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nanti Yang Berhormat. Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi untuk menggunakan alasan untuk menaikkan harga untuk mengurangkan orang makan, itu tidak betul! Bila harga gula naik, harga barang naik, orang naik darah. Selepas itu kita naik pula harga garam! Bila orang sudah marah naik harga barang, naik harga, selepas itu kita naikkan pula harga garam untuk hendak mengurangkan penyakit darah tinggi. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa punya *cartoon* penyelesaian masalah kencing manis ini, tidak selesai masalah. Penyelesaian darah tinggi pun tidak selesai masalah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Itulah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau begitu, setujulah. Selepas ini naik harga garam pula.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitan dengan cara hidup kita sekarang. Kita sudah jadi hampir maju, kita mampu semuanya. Makan benda yang manis, makan satu hari sampai enam kali, tujuh kali. Ahli politik makan lagi banyak kali. Ini semua risiko kepada badan kita. Dapat kencing manis, dapat darah tinggi, dapat *cholesterol* dan sebagainya, dapat strok dan sebagainya. Jadi, ini satu cara. Kerajaan mengurangkan subsidi gula, harga gula naik kerana satu cara yang kecil untuk kita mengurangkan penggunaan gula.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Garam bagaimana? Garam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Menteri berbalik-balik dengan isu yang sama mengatakan bahawa kenaikan harga gula ini akan menyebabkan penurunan dalam kadar diabetes. *Mood* saya tidak berminat dari sudut pandangan perubatan sama ada gula itu akan membawa diabetes dan sebagainya. Saya lebih berminat dari sudut pandangan ekonomi. Ada tidak sebenarnya kenaikan harga gula ini betul-betul akan menyebabkan penurunan dalam permintaan gula.

Dari sudut pandangan ekonomi, gula ini adalah satu barang yang dianggap sebagai barang tidak anjal, permintaannya tidak anjal. Jadi, sudah pasti dengan adanya kenaikan harga, tidak akan menurunkan permintaan untuk gula. Untuk barang mesti, ia tidak akan berlaku. Itu adalah dari sudut pandangan ekonomi. Saya tidak tahu kenapa kerajaan tidak ada pakar-pakar ekonomi yang memberi tunjuk ajar kepada kementerian atau pun kepada kementerian atau pun kepada Menteri Kewangan dan juga Menteri Kesihatan bahawa perkara ini tidak mungkin akan berlaku. Walaupun kenaikan harga dibuat untuk gula, penurunan dari segi kuantiti permintaan gula tetap tidak akan berlaku. Kalau tidak percaya, turun padang, pergi rumah ke rumah tanya. Dengan kenaikan 34 sen itu, ada tidak kuantiti permintaan untuk gula itu akan diturunkan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya pun hendak mencelah jugalah hal gula ini. Saya hendak mencelah hal gula.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya rasa tidak ada satu isi rumah pun yang akan mengatakan bahawa dengan adanya 34 sen kenaikan, dia akan terus menurunkan permintaan untuk gula. Tidak mungkin. Terima kasih. Minta penjelasan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya pun – Boleh mencelah?

■1950

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Itu pandangan yang negatif Yang Berhormat. Akan tetapi bagi pihak kementerian, kita tetap akan berkempen supaya penggunaan gula itu dikurangkan. Kalau kita hendak *argue*, sampai esok pagi pun tidak selesai.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Itu pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai kesihatan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, mohon sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tanah Merah. Pendek boleh?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sila.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya orang Kelantan. Orang Kelantan ini diketahui suka makan manis. Dalam kuah roti canai pun kita letak gula. Saya makan piza pun, letak gula atas piza. Begitu tahapnya. Jadi, kita sebut kata tidak ada *scientific study*lah tetapi saya tahu di Kelantan ini paling banyak orang kencing manis. Jadi, sudah tentulah dalam kepala saya, saya bukan doktorlah tetapi setahu saya, gula ini macam Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, antara punca hendak dapat diabetes ini disebabkan pengambilan gula yang berlebihan. Jadi, bagi saya apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu, saya setujulah gula ini antara punca yang boleh menyebabkan risiko dapat kencing manis. Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya ada bangkitkan tentang Hospital Tanah Merah yang mana Tanah Merah ini jajahan kedua atau ketiga pekan terbesar di Kelantan tetapi malangnya hospital di Parlimen saya ini, CT Scan tidak ada. Hari-hari kena pergi rujuk Hospital Kuala Krai atau Hospital Kota Bharu. Jadi saya mohon sangatlah CT Scan ini tolong diadakan dan juga dewan bedah kami ini selalu *air conditioner* rosak. Bila *air conditioner* rosak, tidak boleh buat pembedahan kerana – macam saya bukan doktor. Saya difahamkan apabila saya tanya, “Kenapa tidak boleh bedah? Kalau tidak ada *air conditioner* pun, pakai kipas, bedahlah”. Dia kata tidak boleh sebab dia kata kena ada suhu. Saya tidak faham betulkah kena ada suhu 16 degree. Oleh sebab itu ia perlukan sejuk. Jadi kalau suhu itu 16 degree, baru boleh bedah. Itu saya tidak tahu sebab saya bukan doktor. Jadi tolonglah, dewan bedah kami selalu *air conditioner* rosak. Apa yang sangat kritikal ialah CT Scan. Saya mohon merayu tolonglah adakan CT Scan di Hospital Tanah Merah, pekan yang kedua terbesar di Kelantan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri, gula sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Panjang lagikah?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tentang gula tadi, memanglah kalau kita hendak kesan kencing manis pun, kita test gula dia. *Random Blood Sugar, fasting blood sugar*. Baru kita tahu dia ada kencing manis atau tidak. Jadi memang kita galakkkan rakyat kita pergi buat saringan, pergi check sama ada di klinik kerajaan atau di hospital kerajaan, di klinik swasta dan sebagainya. Check kita punya *Random Blood Sugar (RBS)*. Kalau dapat tinggi sedikit, kita check *fasting blood sugar* pula. Makna apa pun kencing manis ada kaitan dengan gula.

Tentang Hospital Tanah Merah ini, memang ia di atas bukit, sempit kawasan itu. Memang kalau hendak diperbesarkan kena cari tempat yang – kena hospital barulah yang dibuat lebih selesa. Tentang CT Scan, setakat ini kita belum ada perancangan lagi. Esok kalau kita ada duit lebih sedikit, bolehlah. Sekarang ini – sebenarnya bergantung kepada peruntukkanlah. Kosnya bukan murah, mahal. Jadi kita kena tengok peruntukan dahulu Tuan Yang di-Pertua. Jadi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Tidak, Yang Berhormat kena tolong berubat Yang Berhormat Bintulu dahulu. Pergi *check* sekejap tengok darah naik ke apa Yang Berhormat Bintulu itu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dia punya *random...* [Ketawa]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau panjang lagi Yang Berhormat boleh jawab secara bertulis.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Boleh pendekkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Hendak gulungkah? Ini banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Jawapan bertulis?

**Seorang Ahli:** Jawapan bertulislah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, jawapan bertulislah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi kalau dengar arahan Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua yang terlibat. Ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak dapat jawab, saya jawab dengan bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

#### **7.54 mln.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan perhatian khususnya terhadap perkembangan sektor pertanian negara dalam perbahasan Bajet 2014 pada kali ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 30 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan pelbagai isu yang menyentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan saya mengucapkan terima kasih sekali lagi. Sesungguhnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lenggong mencadangkan supaya bantuan diberikan kepada golongan peringkat bawahan bagi program untuk menambahkan pendapatan seperti bercucuk tanam. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, beberapa program kita rancang dan telah laksanakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk menambahkan pendapatan melalui program bercucuk tanam. Antaranya adalah program amalan teknologi buah-buahan, program amalan teknologi sayur-sayuran, program amalan teknologi bunga-bungaan yang mana kita pihak

kementerian memberikan input pertanian seperti benih, racun, baja dan sebagainya dan kita juga menyediakan pengairan.

Yang Berhormat Lenggong juga membangkitkan isu berkenaan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Bukit Sapi. Untuk makluman Yang Berhormat, penilaian kesan alam sekitar awalan bagi projek TKPM Bukit Sapi telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar dan kini Jabatan Pertanian sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja pelan pengurusan alam sekitar dan pelan kawasan hakisan dan keladak dan kerja-kerja kebenaran merancang. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga sedang melaksanakan kerja-kerja pengeluaran balak secara berfasa di samping kerja-kerja ukur sempadan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak dan kerja-kerja permohonan fizikal akan mula dijalankan setelah sijil bebas hutan dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia apabila kerja-kerja pembalakan selesai.

Yang Berhormat Lenggong juga telah membangkitkan isu berkaitan dengan Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Chendering dan Temenggor. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak telah pun meluluskan ZIA di Chendering dan Temenggor melibatkan masing-masing kawasan perairan tasik seluas 50 hektar dan 100 hektar. Buat masa ini hanya ZIA Tasik Temenggor telah dimajukan oleh syarikat swasta dengan projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar secara bersepada dengan menggunakan teknologi sangkar daripada negara Norway. Sehingga kini, sejumlah RM85 juta telah dilaburkan oleh syarikat swasta dan menghasilkan sebanyak 10,500 metrik tan ikan tilapia bernilai RM51 juta yang diproses menjadi filet untuk pasaran domestik dan dieksport. ZIA Tasik Temenggor juga telah berjaya membangunkan 16 orang usahawan akuakultur melalui Projek Ladang Sinergi.

Yang Berhormat Lenggong juga mencadangkan supaya pusat pemprosesan ikan tersebut dijadikan sebagai RTC (*Rural Transformation Centre*). Untuk makluman, RTC ini adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi kita akan bincang dan bawa perkara ini kepada KKLW dan bincang mengenainya.

Yang Berhormat Labis...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tentang apa itu?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ikan tilapia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Ikan tilapia ini satu ikan yang senang dibela dan diusahakan secara nelayan ataupun rakyat biasa pun tahu bagaimana untuk membela ikan ini. Saya hendak tanya kenapa kerajaan melayan syarikat luar negara lebih daripada orang tempatan yang sudah ramai pun membela ikan tilapia? Saya tidak nampak kerajaan menawarkan kerjasama kepada petani-petani tempatan yang membela ikan ini tetapi minta syarikat jauh-jauh dari luar negara datang untuk membela ikan ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, banyak projek ikan tilapia ini diusahakan oleh orang tempatan. Saya sebutkan itu bukan bermakna kita tidak ada orang tempatan yang mengusahakan. Saya pun sebut tadi bahawa di ZIA Tasik Temenggor itu kita membangunkan 16 orang usahawan akuakultur tempatan yang merupakan usahawan tempatan juga. Itu di Tasik Temenggor. Di tempat-tempat lain di seluruh negara banyak – sebenarnya lebih ramai orang-orang tempatan yang terlibat dengan usahawan tilapia ini. Bukan kita mengetepikan orang tempatan dan melebihkan kepada orang-orang luar dan sebagainya. Daripada Norway itu sebenarnya ia mengeluarkan filet untuk dipasarkan ke luar negara, bukan fokus ke dalam negara kita.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini kerana saya difahamkan banyak kemudahan dan juga kawasan air yang baik diperuntukkan untuk syarikat Norway ini. Maksud saya ini, bukan perkara kepakaran tidak ada di negara kita. Kenapa kita tidak, kerajaan negeri dan juga agensi kerajaan kita kata mengajak petani-petani tempatan ini untuk mengusahakan dan kemudian jual kepada luar negara? Kenapa? Saya tidak faham kerana difahamkan *terms and conditions very attractive to this Norway company.*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sebenarnya syarikat ini membawa, memperkenalkan satu teknologi baru dari segi pemeliharaan ikan ini dan ianya membawa usahawan tempatan di Perak itu untuk terlibat sama di dalam projek ini. Dia menyalurkan teknologi baru itu *transfer of technology* itu kepada usahawan tempatan kita yang mana kita boleh menimba ilmu daripada mereka.

Walau bagaimanapun, saya setuju, saya faham pandangan Yang Berhormat tadi bahawa keutamaan perlu diberi kepada masyarakat tempatan. Seperti saya sebut tadi, kita tidak pernah meminggirkan rakyat tempatan untuk terlibat di dalam perusahaan ikan di dalam sangkar dan sebagainya. Di tempat saya misalnya, semuanya orang tempatan cuma kita bawa satu program baru yang melibatkan teknologi baru dan kita bawa masyarakat tempatan untuk terlibat supaya *new technology* itu dengan izin, boleh dipindahkan kepada orang kita untuk belajar. *I think this is technology transfer...*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tanya apa teknologi baru itu? Bagi saya membiak dan membela tilapia ini satu perkara yang sangat mudah. Saya hendak tanya apakah teknologi baru hinggakan syarikat luar negara diutamakan, sehingga orang tempatan yang sudah biasa dalam bidang ini tidak diberi keutamaan? Kalau kerajaan pun berikan semua kemudahan yang diberikan kepada syarikat luar negara, tentu petani-petani tempatan akan lebih maju. So, saya hendak tanya apakah teknologi baru kerana ini bukan satu perkara yang memerlukan teknologi canggih untuk membela tilapia ini? Saya tidak tahu apakah teknologi itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya akan dapatkan secara *detail* lah apa jenis teknologi baru tersebut. Akan tetapi, seperti yang saya dijanjikan oleh pihak pemaju ini iaitu dia akan membawa lebih ramai. Misalnya, peringkat awal ini ada 16 yang saya sebutkan tadi dan mereka akan tambah lagi 30 lagi usahawan-usahawan tempatan daripada Perak untuk terlibat lagi di dalam sangkar ataupun penternakan ikan dalam sangkar tilapia yang dibawa itu.

Okey. Saya dapat jawapannya. Sangkar bulat, sangkar biasa hanya mengeluarkan 500kg per cage. Sangkar biasa. Yang orang kampung buat. Akan tetapi, sangkar bulat yang diusahakan oleh pihak usahawan luar ini, yang membawa teknologi moden ini boleh mengeluarkan 50 metrik tan per cage. Jadi, dari segi keluarannya adalah begitu besar. Ini yang kita belajar dari segi teknologinya. Saya percaya kalau perpindahan teknologi ini berlaku, tentu sahajalah boleh menguntungkan usahawan-usahawan ikan tilapia kita.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun]

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Lebih banyak lagi usahawan di Perak. Kalau sudah ada 30, campur 16 makna 46 lagi nelayan akuakultur di Perak ini akan menghasilkan ikan. Satu lagi, dia mendapatkan pasaran daripada luar – filet ikan tilapia ini dieksport keluar dan pasaran ini juga dibuka kepada usahawan-usahawan tempatan. Boleh tidak saya pergi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tidak tanya satu perkara lagi?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** You tanya saya tidak jawab pun tidak apa ya?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini kerana dikatakan usahawan petani yang membela ikan ini juga diutamakan di negeri Perak. Akan tetapi, di Peraklah kita nampak setiap kali petani tidak dapat tanah ataupun mereka pun suruh usahakan pembelaan ikan ini, setiap kali kerajaan negeri mengugut untuk robohkan, langsung tidak ada satu program pun yang di negeri Perak di mana kerajaan menerajui projek, mendapatkan semua petani-petani yang membela ikan ini bersama memajukan ikan di negeri Perak. Beritahu saya mana satu projek? Langsung tidak ada. Setiap kali hendak roboh sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Oleh sebab itu saya mahu tanya manakah keutamaan yang diberikan kepada rakyat tempatan?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya kira tuduhan kepada negeri Perak ini berat kerana saya percaya negeri Perak juga mempunyai pelbagai program untuk membantu rakyat Perak ini dalam semua projek termasuk akuakultur dan sebagainya. *Insya-Allah*, saya akan dapatkan detail.

Yang Berhormat Labis memohon caj-caj penghantaran udara produk petani diberikan subsidi oleh syarikat-syarikat penerbangan. Setakat ini kita belum mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat penerbangan. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah pun mengumumkan penubuhan Majlis Eksport yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian sendiri dan antara ahli-ahli yang akan dilibatkan di dalam Majlis Eksport tersebut adalah wakil-wakil syarikat penerbangan. Kita percaya selepas ini cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Labis itu boleh kita bawa ke dalam mesyuarat Majlis Eksport supaya tambang ataupun caj untuk penghantaran udara dapat dikurangkan kepada produk-produk pertanian daripada petani-petani kita.

Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Silam dan Yang Berhormat Bakri telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan industri sarang burung walet. Kementerian Pertanian telah mengemukakan 15 permohonan bagi tujuan pendaftaran loji-loji pemprosesan sarang burung walet mentah, siap, bersih untuk pertimbangan pihak *Certification and Accreditation Administration of the People's Republic of China* (CNCA). Daripada jumlah tersebut, sembilan loji dilulus dengan syarat dibuat penambahbaikan, dua loji hanya akan dilulus setelah dibuat pembetulan dan disahkan semula oleh pihak CNCA dan empat loji gagal mendapat kelulusan.

Setelah verifikasi, dokumentasi dibuat ke atas sembilan loji yang diluluskan dengan syarat hanya lapan loji telah diluluskan untuk didaftarkan yang membolehkan lapan loji ini melaksanakan aktiviti pengeksportan burung-burung walet mentah, siap bersih. Susulan itu, pihak *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine* (AQSIQ) yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan permit import kepada pengimport sarang burung walet di Republik Rakyat China telah melakukan pemeriksaan ke atas sistem kawalan dan pemantauan eksport serta pendaftaran premis burung walet pada 16 sehingga 19 Oktober 2013.

Sehingga kini, kerajaan masih menunggu keputusan hasil lawatan pemeriksaan pihak AQSIQ sebelum pengeksportan sarang burung walet mentah, siap bersih dapat dijalankan.

#### ■2010

Yang Berhormat Labis pula bertanya tentang status pesaing kita Thailand, Indonesia dan sebagainya. Berdasarkan maklumat yang telah disampaikan oleh pihak berkuasa RRC melalui Pejabat Kedutaan Besar ke RRC di Beijing. Kerajaan Republik Rakyat China tidak memberarkan pengeksportan sarang burung walet dari kedua-dua negara Indonesia dan Thailand ke negara tersebut. Yang Berhormat Silam bertanya kenapa kementerian mensyaratkan sarang burung walet mesti menjalani ujian makmal dan ini membebankan pengusaha.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri burung walet Malaysia telah mengalami sedikit kegawatan bermula Julai 2011 kesan dari pengimportan sarang burung walet Malaysia ke Republik Rakyat China ini kerana didakwa mengandungi kandungan nitrat yang tinggi dan boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Ini telah menyebabkan kejatuhan harga sarang burung walet di negara ini kerana Republik Rakyat China (RRC) merupakan pasaran utama bagi sarang burung walet mentah belum bersih.

Susulan itu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengadakan rundingan dengan pihak berkuasa RRC untuk memulihkan semula pengeksportan sarang burung walet Malaysia ke Republik Rakyat China. Di mana kedua-dua pihak telah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses kelulusan dan pengeksportan ini dilaksanakan. Pihak berkuasa Republik Rakyat China (RRC) telah mensyaratkan bukan kita yang syaratkan. Saya hendak maklumkan bukan syarat dikeluarkan oleh Jabatan Veterinar tetapi pihak berkuasa Republik Rakyat China telah mensyaratkan sebelum sarang burung walet dari negara ini boleh dieksport ke Republik Rakyat China ianya perlulah disahkan bebas penyakit *Newcastle Disease (ND)*, *Salmonella* dan *Highly Photogenic Avian Flue, Avian Influenza* dan mengandungi kandungan nitrat kurang daripada 34 per million.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Kesihatan bertanggungjawab memastikan sarang burung walet ini mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum sarang burung walet mentah boleh dieksport ke Republik Rakyat China.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Adakah pihak kerajaan sendiri yang buat siasatan dan mengesahkan itu kandungan nitrat dengan sarang kita lebih kepada yang dihadkan oleh pihak Beijing? Adakah kita ada siasatan sendiri? Pertama. Kedua adakah pihak kementerian sudah membuat kajian sama ada industri ini mungkin akan menghadapi kesusahan, mungkin burung ini akan ada epidemik dan sebagainya dan bilangan akan kurang. Kalau itulah yang akan berlaku apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan tambahan. Tahukah Yang Berhormat Menteri bahawa kerana kementerian telah mengambil lebih daripada dua tahun untuk menyelesaikan masalah ini. Industri sarang burung walet ini sudah hampir-hampir hancur di Malaysia. Setahu saya harga pasaran sarang burung walet ini di negara China masih tinggi. Akan tetapi hingga Sekarang di pasaran hendak jual sarang burung di Malaysia ini tidak cukup kos untuk membersihkan ataupun dengan izin *to maintain the premises*. Ini telah menjelaskan ekonomi Malaysia berbilion-bilion ringgit. Kenapa?

Bagi saya ada banyak ura-ura ataupun sebab-sebab yang dilontarkan tetapi saya hendak dapat dari Menteri. Dikatakan ada orang yang cuba *control the market*, macam-macam. Mesti melalui *centre-centre* yang ditetapkan untuk dengan *short try to monopoly the industry* hingga masalah ini berlarutan dan ramai orang yang terjejas. Jadi saya hendak tahu kenapa kalau setiap kali mesti ambil dua, tiga tahun untuk menyelesaikan satu perkara yang begitu kecil sahaja hancurlah ekonomi Malaysia. Saya hendak tahu kenapa mengambil masa begitu lama.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Seperti yang saya sebutkan syarat kemasukan sarang burung walet ke China bukan di bawah kuasa kita, bukan kita yang menentukan. Kerajaan China dia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kepentingan rakyat dia. Pertamanya misalnya daripada Indonesia dia menahan sarang burung walet daripada Indonesia misalnya kerana sakit penyakit selesema burung daripada Indonesia yang menyebabkan sarang burung walet tidak selamat datang daripada Indonesia. Jadi sebab itulah dia juga menjaga kepentingan daripada negara-negara lain sebelum masuk ke negara dia, dia mesti *make sure* bahawa sarang burung yang masuk ke dalam negara dia adalah selamat. Dia juga bimbang dan dia juga menetapkan syarat bahawa dia perlu tahu daripada sarang mana, daripada sarang mana burung walet tersebut datang, sarang burung tersebut.

Ini sebab dia tahu kalau tidak dicheck daripada sarang mana, sarang burung walet tersebut datang kemungkinan besar sarang burung walet daripada Indonesia transit daripada Indonesia dipacking daripada Malaysia dan dihantar ke China. Ini membahayakan masyarakat China, rakyat negara China. Jadi sebab itulah mereka mensyaratkan bahawa mereka mesti *check* dahulu di mana sarang burung itu datang. Mereka mesti *make sure* bahawa sarang burung itu

memang datang daripada Malaysia kerana Malaysia sahaja dianggap selamat daripada sakit *influenza* ataupun selesema burung yang saya maksudkan tadi.

Jadi semuanya datang daripada negara China *of course* Perdana Menteri kita, saya sendiri mahu supaya kalau boleh kita percepatkan dan kita sendiri bawa wakil daripada negara China untuk datang *check* satu persatu tempat pemprosesan sarang burung tersebut. Kita minta supaya disegerakan kerana sekarang ini kita masih lagi terdapat walaupun kita sudah lulus 9, masih lagi kita ada menunggu kelulusan lagi berbelas-belas lagi yang kita tunggu. Sebanyak 17 kalau tidak silap saya masih lagi menunggu 17 lagi yang sedang menunggu wakil daripada negara China untuk datang *check* dan sebagainya. Jadi kita sekarang dia sudah *check* dia sudah luluskan, cuma kita sedang menunggu import permit daripada negara China untuk membawa sarang burung ini.

Dari segi soalan Yang Berhormat Kepong, Kementerian Kesihatan yang *check* dari segi kandungan nitrat dan sebagainya. Jadi Kementerian Kesihatan yang membuat pemeriksaan nitrat berapa jumlah nitrat dan sebagainya. Sekarang ini mereka bersetuju kita telah mencapai had yang dibenarkan iaitu kurang daripada 30 *part per million* tadi telah dipersetujui. Oleh sebab itu kita sudah boleh tetapi *dealing* dengan negara besar seperti China bukan senang.

Saya deal dengan negara China untuk menghantar buah nanas, menghantar buah durian, menghantar buah nangka, mereka hendak tengok sendiri pokok, mereka datang sendiri baru dia hendak lulus. Itu pun masih lagi menunggu kelulusan jadi *is not easy*. Kita sahaja yang mudah *mandarin orange* datang dengan mudah kita tidak *check* pun. Mungkin lepas ini kita akan *check* sebelum *mandarin orange* datang kita minta syarat kita hendak pergi *check* pokok di negara China dahulu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang negara China hanya tahu dari mana asasnya sarang burung walet itu. Itu bukan satu perkara yang susah. Kalau kita memastikan setiap pengusaha yang mengeluarkan sarang burung walet ini bungkusannya mesti ada dinyatakan dari mana tempat ia dikeluarkan. Akan tetapi kenapa pihak kerajaan pula yang tambahkan syarat-syarat macam keperluan radio frekuensi ada *identification system*.

#### ■2020

Kenapa kita yang hendak menyusahkan pengusaha-pengusaha kita. Kenapa mesti RFID? Dari manakah keperluan ini dan itu telah menyebabkan banyak masalah dan perlu mengambil masa yang lama sebelum kerajaan memutuskan tidak menggunakan RFID ini. Jadi saya mahu tahu penjelasan kenapa di tambahkan syarat sementara Kerajaan Negara China hanya mahu tahu dari mana bekalan itu datang dan saya sudah katakan bungkus itu pun sudah mencukupi dari mana sarang burung walet ini dikeluarkan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita tidak lagi mensyaratkan RFID. Hanya kod pun sudah mencukupi. Hanya kod untuk mengesan daripada mana sarang burung itu datang, cukup.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi kenapa daripada mulanya dikenakan syarat ini oleh kerajaan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Saya mahu tahu, belum dapat jawapan lagi. Kenapa? Saya hendak tahu kenapa kerajaan pada mulanya mengenakan syarat tambahan ini? Belum jawab lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Ketawa]* Saya jawab apa yang saya buat sekarang lah. Seperti yang saya kata kita sudah syorkan bahawa selagi kita boleh kesan dengan apa cara pun, mungkin RFID lebih *exact*, mungkin lebih baik daripada kod. Akan tetapi saya kata perlu RFID pun, kod pun sudah cukup. Sekarang kita gunakan kod. Jadi saya rasa tidak perlu kita hendak lihat ke belakang dan sebagainya. Apa yang penting kita sudah *ready* dan sekarang hanya menunggu daripada negara China. Kalau Yang Berhormat ada ramai kenalan daripada negara China tolong kita dan kita akan segerakan menghantar burung walet ini ke negara China.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Memang. *That's why* saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Bintulu boleh bantu mencepatkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Janganlah macam itu. Terima kasih

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini semua untuk kroni sebab itu kegagalan kita.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih. *[Dewan riuh]* Terima kasih Yang Berhormat Menteri saya memang tertarik dengan semua ini burung walet, '*prongpang-prongpang*' tidak pernah habis. Ini memang, saya mahu tanya sama ada Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya atau tidak? Sekarang ini masalahnya bukan masalah negara kita. Negara China hendak minta ditetapkan atas kesihatan. Macam mana ditentukan? Macam tadi Yang Berhormat Menteri kata burung walet ini ditentukan betul-betul atau tidak daripada Malaysia atau pun daripada negara jiran.

Memang dulu Malaysia ini adalah segelintir penjagaan atau pun *businessman* hendak lebih sedikit keuntungan. Ambil banyak daripada negara jiran. Akan tetapi akhir sekali bila negara China sudah buat siasatan atau semak *testing* dia, tidak mengikut syarat mereka. Itulah sebabnya mereka memberhentikan import burung walet ini.

Tadi saya baru berbincang dengan Yang Berhormat Menteri, perkara ini kita cari cara macam mana tetapi cara kita kemungkinan boleh selamat dan boleh selesai. Kemungkinan ada pening juga termasuklah saya punya Yang Berhormat Beruas. Kalau berminat, marilah kita bersama-sama '*long ding*' sama negara China macam mana kita boleh selesai. Kalau kita di sini '*prongpang-prongpang*' balik sampai esok pagi pun tidak selesai. Mengenai burung walet itu pun tidak selesai dengan negara China.

Sekarang masalah bukannya negara kita. Saya sudah pun ada berbincang dengan beberapa pegawai mengenai isu-isu mereka hendak meminta kita bantu. Nanti kalau berminat saya berbincang bersama. Kita selesai ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baguslah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, hujahan saya ini boleh diterima atau tidak? Setuju atau tidak setuju. Kalau setuju...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya setuju.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Yang Berhormat Menteri kalau setuju terus jalankan jangan bahas lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Sudah lambat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Setuju, saya setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh alih tajuk yang lain sudah itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya setuju...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Satu perkara hendak tahu, setuju Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Setuju. Kalau Yang Berhormat setuju untuk bersama-sama ke negara China untuk membantu, bolehlah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Memang kita hendak bantu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Tetapi Tuan Yang di-Pertua kawasan saya lah antara tempat yang terbanyak...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Mengeluarkan sarang burung walet ini. Apa yang pentingnya sudah berbulan-bulan masalah ini timbul kerana RFID ini. Saya hendak tahu, saya hendak Yang Berhormat Menteri beritahu siapakah yang mengeluarkan syarat ini dan *culprit* orang yang menghancurkan industri ini mesti kita kata *must be punished*. Kalau tidak ekonomi negara hancur kerana segelintir orang yang hendak menguasai pasaran sarang burung walet ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Jadi saya hendak tahu siapakah mereka dan kerajaan mesti ambil tindakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya boleh bantu kalau boleh untuk memasarkan supaya industri ini boleh semua kerana sudah ramai robohkan rumah-rumah sarang burung walet ini kerana sudah dua tahun tidak mampu lagi untuk meneruskan industri ini. Jadi saya mahu *culprit*...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *Thank you.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...*Culprit must be punished*, RFID ini. Mesti kalau tidak, tidak boleh.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya mahu tahu jawapan ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sebenarnya tidak ada.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh bagi sikit lagi kah Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak, hari itu tentukan RFID memang negara China, RFIDkah? Pasal tidak cukup *charge* jadi macam ini. Syarat negara China pada hari itu hendak minta syarat yang betul-betul boleh menentukan burung walet itu daripada mana? Siapa *supplier*? Inilah kemungkinan masa itu bekas Yang Berhormat Menterikah atau kementerian dia fikir ini lah satu cara. Saya rasa ini jangan buat *politicize*. So, we must find solution how to resolve this to move forward untuk menyelesaikan isu ini. Isu ini kalau selesai, Yang Berhormat Beruas pun banyak rumah burung walet juga. Dia ada untung juga. '*Prongpang-prongpang*' sini sampai esok pagi tidak ada siapa untung sebab saya mahu cepat, saya mahu tunggu Kementerian Dalam Negeri hendak selesai isu ini. Hah cepatlah jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Industri sarang burung di Sabah sebenarnya bermula di Pantai Timur Sabah iaitu industri tradisional. Mereka mengambil sarang burung daripada gua-gua, daripada *cave*, daripada gua batu. Industrinya telah berjalan sekian lama malahan turun temurun. Masalah yang dihadapi ialah apabila peraturan untuk menguji sarang burung ini, ia perlu dihantar ke makmal dan makmal di Sabah hanya di Kota Kinabalu sedangkan perusahaan sarang burung asli ini datangnya daripada Pantai Timur Sabah.

Jadi peraturan ini telah membebankan pengusaha-pengusaha industri sarang burung di Pantai Timur Sabah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pihak berkuasa manakah yang bertanggungjawab untuk menyediakan makmal-makmal untuk menguji nilai-nilai sarang burung ini. Kalau boleh saya memohon pada pihak berkuasa ini untuk mengadakan satu makmal di Pantai Timur Sabah, sama ada di Sandakan atau di Lahad Datu supaya menyenangkan sedikit kepada pengusaha sarang burung di Pantai Timur Sabah. Sekian terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Beruas. Saya jawab, kemudian saya hendak pindah ke tajuk lain. Sebenarnya tidak ada *culprit* di dalam isu RFID. RFID ini adalah syor daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMK) kerana ia didapati sebagai alat pengesan yang tercanggih waktu itu. Timbul isu di kalangan pengusaha kerana pengusaha bimbang waktu itu, bimbang yang RFID ini dapat mengesan jejak asal sarang burung tersebut. Jadi itu yang jadi '*dingdong-dingdong*' dan sebagainya. Akhirnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu kata '*pongpong-pongpong*'.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Oh '*dingdong-dingdong*' tidak? Okey. Akhirnya penggunaan RFID ini langsung tidak *take-off*, maknanya tidak langsung diguna pakai. Jadi tidak perlu kita timbulkan isu tentang RFID lagi.

**■2030**

Tentang Yang Berhormat Silam, untuk permohonan supaya adakan makmal ujian di Lahad Datu, saya hendak maklumkan buat masa ini untuk Pantai Timur Sabah, kita sudah ada makmal di Tawau. Jadi, untuk sementara waktu kita harap dapat digunakan makmal di Tawau.

Yang Berhormat Sekijang, mencadangkan supaya kementerian mewujudkan Program 1Daerah, 1Produk. Kita percaya cadangan ini cadangan yang baik dan kita akan mengkajinya.

Yang Berhormat Merbok bertanya status tentang jeti Kampung Dawai. Oleh kerana ini merupakan perkara spesifik, saya akan menjawab secara bertulis.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Yang Berhormat Tasek Gelugor ingin tahu konsep dan juga peranan motosikal tiga roda di bawah FAMA. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, tujuan diwujudkan motosikal tiga roda adalah untuk mengumpul dan memasarkan hasil pertanian kecil-kecilan orang kampung dan di bawa ke *outlet* untuk dipasarkan atau dijual sendiri. Setakat ini ada 419 buah usahawan motosikal tiga roda dan nilai jualan sehingga September 2013 adalah 12 juta. Sasaran sehingga tahun 2020 adalah 1,000 motosikal tiga roda dan kos motosikal tiga roda tersebut adalah sebanyak RM8,000 dan pengusaha cuma perlu bayar sebanyak RM4,000. Jelas motosikal tiga roda ini dapat membantu usahawan kecil dan petani kecil.

Begitu juga dengan karavan tani, ianya merupakan program pemodenan pasar tani yang bertujuan untuk mewujudkan satu sistem perniagaan yang bersih, moden, tidak berselerak dan sebagainya dan harganya RM100,000 dan sasaran pada 2020 adalah 1,000 pasar tani karavan.

Yang Berhormat Tuaran mencadangkan supaya subsidi dapat dirasionalisasikan dengan lebih terperinci lagi. Untuk pengetahuan, memang tindakan telah pun mula dijalankan. Misalnya kita telah pun membuat rasionalisasi tentang minyak diesel kepada bot-bot nelayan apabila kita menaikkan diesel kepada nelayan C2. Pihak *lab*, pada waktunya sedang dalam proses mengkaji secara keseluruhan subsidi di bawah semua kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat Pokok Sena dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain ada membangkitkan tentang subsidi harga padi. Itu pun dimasukkan ke dalam *lab* untuk dilihat secara keseluruhan. Sedang dikaji secara keseluruhan. Jadi, saya tidak boleh memberi jawapan naik atau turun dan sebagainya, nanti dilihat secara keseluruhan dan akan diumumkan. Ini bukan harga. Ini subsidi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Subsidi harga.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Subsidi harga dari 25 sen kepada 37 sen.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan? Termasuk tadi?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya, kita masuk dalam rasionalisasilah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak tanya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tidak apa, saya sudah bagi tahu. Sudah masuk dalam makmal itu, kita tunggulah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cuma Yang Berhormat, saya hendak tanya subsidi harga ini 23 tahun tidak naik, jadi sekarang ini baru masuk makmal. Bila hendak keluar dari makmal itu *wallahualam*. Jadi, saya hendak minta sebab kenaikan harga gula mengurangkan subsidi itu sekejap sahaja masuk makmal. Boleh kurang subsidi. Yang petani minta ini, hendak naik. Jadi berapa lama duduk dalam makmal itu? Tidakkan sampai benih padi pun tumbuh dalam makmal, tidak naik-naik lagi. *[Ketawa]* Jadi, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri fahamlah itu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Rakyat tunggu 23 tahun.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *Insyah-Allah* Yang Berhormat. Sebenarnya... Eh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sudah tukar.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sudah tukar. Bila bertukar ini? *[Ketawa]* Sebenarnya Yang Berhormat, banyak subsidi telah diberikan kepada petani misalnya untuk mengurangkan kos pengeluaran, subsidi baja, subsidi dan sebagainya. Jadi, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat tadi. Kita akan lihat perkara ini. Kita akan bincang, cuma saya akan jawab balik dari segi subsidi harga padi nanti ada lagi.

Yang Berhormat Hulu Rajang telah membangkitkan isu pemberian baja kepada padi bukit di Sarawak. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan sebanyak RM688,000 bagi tahun 2013 untuk pemberian baja *Diammonium Phosphate* kepada petani padi bukit di negeri Sarawak. Sekarang kerajaan negeri sedang dalam proses memanggil tender untuk membekalkan baja kepada penanam padi bukit tersebut. Jadi adalah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Sibuti mencadangkan pusat perniagaan bumiputera di setiap kawasan. Suka saya maklumkan di bawah FAMA kita memang menyediakan pusat perniagaan bumiputera seperti pasar tani. Pada waktu ini kita telah mempunyai 512 pasar tani dengan 23,222 usahawan yang mana 19,739 adalah daripada kaum bumiputera. Agro bazar adalah sebanyak 200 buah yang semuanya bumiputera, gerai buah-buahan segar sebanyak 413 yang 90% adalah kaum bumiputera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagikah Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya sudah hendak habis.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Penjelasan sedikit. Merujuk kepada FAMA...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya belum jemput lagi.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Minta maaf, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri setuju kah beri celahan?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kalau celahan kena-mengena saya jawab. Kalau tidak saya tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Dengan FAMA. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, tidakkah ada usaha untuk FAMA ini mengumpul produk daripada ladang ataupun dari pengeluar kecil ini untuk diproses? Umpamanya, apabila musim buah rambutan cukup banyak. Tidakkah ada rancangan untuk proses mengetin atau membuat jem dan sebagainya? Begitu juga dengan durian yang saya memang gembira mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan kita akan eksport durian ke China. Akan tetapi lain-lain produk boleh dibuat daripada durian itu supaya apabila musim sahaja, orang kampung boleh jual produk itu kepada FAMA, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sebenarnya Yang Berhormat memang kita mempunyai program itu. Iaitu kita kumpulkan produk-produk petani yang kurang bermutu itu. Misalnya durian 'singlet' yang tidak bermutu untuk kita proses jadi lempuk dan sebagainya. Memang ada.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Kangsar mencadangkan supaya dimajukan tanah-tanah terbiar. Untuk makluman semua Ahli Dewan, kita memang sedang mengenal pasti pemilik dan juga potensi kegunaan tanah terbiar di seluruh negara seluas 110,170 hektar tanah terbiar. Kita menjangkakan sehingga akhir bulan Disember ini kita akan mendapat maklumat lengkap tentang tanah-tanah terbiar dan kegunaan-kegunaan tanah tersebut. Kita akan membuat tindakan seterusnya iaitu untuk memadankan tanah tersebut dengan pihak-pihak yang berkepentingan, yang berminat untuk memajukan tanah tersebut. Antaranya, misalnya kita akan memadankan tanah tersebut dengan *agroprenuer* muda iaitu usahawan tani muda yang sedang kita wujudkan pada hari ini ataupun kalau tanah itu luas *acreagenya*. Kita akan padankan dengan pihak-pihak swasta dan sebagainya ataupun kita padankan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan sebagainya untuk kita majukan tanah-tanah terbiar kerana ada 110,000 hektar yang tidak diusahakan oleh sesiapapun. Jadi, *by end of Disember* kita akan dapat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pendang bangun.

■2040

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya rasa terperanjat sikitlah sekarang kalau kita hendak daftar atau mencari tanah-tanah terbiar sedangkan dasar tanah terbiar ini saya sudah sebut 15 tahun dulu. Telah pun disebutkan oleh kerajaan dengan berbagai program in-situ, program tetapi apakah yang menyebabkan kementerian ataupun kerajaan begitu lambat untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini.

Oleh kerana memang terlalu banyak tanah terbiar ini yang antaranya kerana ketidakmampuan tuan punya, tidak ada modal yang cukup untuk tuan tanah itu memajukan. Saya hendak tahu sebab apa terlalu lama? Sebab saya ingat 10 tahun dulu kita bercakap mengenai tanah terbiar, hendak dimajukan oleh kerajaan tetapi sampai malam ini baru kita tahu kata baru dapat jumlahnya, baru ada perancangan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sebenarnya di pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang ada dan telah pun memajukan tanah-tanah terbiar selama ini. Cuma di dalam keadaan yang tidak besar, dalam skala yang kecil. Ini kerana memerlukan modal yang besar untuk memajukan tanah terbiar ini. Jadi sekarang ini kita cuba dapatkan tanah ini, tetapi tidak dimajukan oleh kementerian. Dulu kita dapatkan tanah ini tetapi dimajukan oleh jabatan. Kalau kita dimajukan oleh jabatan bermakna untuk 1,000 ekar, saya boleh ambil contoh kita memerlukan sebanyak RM22 juta kalau tidak silap saya.

Jadi kalau 10,000 ekar, 100,000 ekar, tentu belanjanya besar. Jadi tidak ada kemampuan yang pertamanya. Kemampuan dari segi kewangan dan kemampuan dari kapasiti kementerian itu sendiri, jabatan itu sendiri untuk majukan. Sekarang ini kita tidak mahu majukan, kita cuma mungkin akan menjadi penyelaras. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hanya hendak jadi penyelaras. Kita cuma akan buat penyelaras dan juga akan *check* dari segi kesesuaian tanah.

Kita akan buat dari segi *soil investigation* dan sebagainya dengan izin dan selepas itu kita akan panggil sesiapa yang berminat. *Soil investigation* sudah pun dilakukan, tanah ini kita kata sesuai untuk nanas, kita akan buka kepada sesiapa yang berminat. Jadi mungkin pihak swasta, mungkin pihak PPK dan sebagainya. Jadi dulu kita lihat, kita sendiri akan majukan, tapi sekarang ini kita lihat bahawa kita tidak boleh majukan tapi kita buka kepada orang ramai. Sebab itu ada pertukaran dari segi polisi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang dari segi bilangan tanahnya memang banyak di negara kita. Galakan untuk rakyat kita tanam pun memang baik. Masalahnya hari ini ialah pasaran daripada barang yang kita keluar. Contohnya kita tengok seperti mana dulu satu ketika, tempat saya kadang-kadang apabila berjumpa dengan Lembaga Pertubuhan Peladang, dia kata boleh tanam serai banyak-banyak. Bila tanam serai banyak-banyak, selepas serai banyak-banyak hendak dapat, pergi jumpa kepada Pertubuhan Peladang dan sebagainya, dia boleh ambil sikit saja sedangkan yang dia tanam itu banyak.

Sebab itu kita harapkan supaya selain daripada kita hendak menggalakkan soal orang tanam, rakyat ini tanam, kita juga perlu memikirkan bagaimana bentuk pasaran ini sampai, dapat dipasarkan barang-barang keluaran petani-petani kita di Malaysia. Oleh sebab itu kita tengok juga seperti mana petani-petani siswazah muda dulu yang pernah kita buat tahun 80-an ketika ekonomi, graduan tidak ada kerja dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang, habiskan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** ...Banyak mereka buat tapi bila masalahnya apabila dari segi pasaran itu tidak ada, menyebabkan mereka menjadi tidak ada motivasi untuk melaksanakan program ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat sambung fasal pembangunan tanah terbiar tadi disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, serai. Serai, limau nipis. Sebab saya dok tengok sepatutnya memang ada pasaran. Kedai tomyam ini rata ceruk, kedai tomyam tetapi persoalannya sekarang ini ialah barang itu masuk daripada Siam. Jadi saya tidak tahu macam mana. Tidak ada satu sekatan kah? Sepatutnya kena ada sekatan untuk memastikan supaya produk dalam negara kita akan mendapat tempat di kedai-kedai tomyam ini tetapi hari ini saya tengok kalau macam di sebut tadi tanam serai tidak ada, sebab tidak ada tempat pasaran. Sebab kedai tomyam sendiri pun dia tidak ambil kerana barang keluar masuk daripada Siam.

Padahal kalau bagi saya bahawa, kalau tanam serai, limau purut, limau nipis dan sebagainya pasti ada pasaran. Tanam lengkuas dan sebagainya mesti ada pasaran. Pasaran dia kedai tomyam sahaja. Jadi saya minta supaya mesti ada sekatan supaya jangan benda-benda sayur-sayur luar ini masuk ke dalam negara kita untuk memastikan produk negara kita itu diutamakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akui dulu dari segi pemasaran ini agak - walaupun ada, tapi agak kurang kerana dari segi tumpuan, fokus pemasaran itu agak kurang kerana waktu itu FAMA dari segi bajet dan sebagainya agak kurang sangat, terlalu kurang. FAMA satu agensi yang ditugaskan untuk membuat pemasaran produk pertanian, tetapi bajet untuk promosi terlalu kecil. Jadi akhirnyakekangan ini yang menyebabkan FAMA tidak membuat promosi dan sebagainya. Akan tetapi kali ini fokus utama kementerian selain daripada meningkatkan hasil pengeluaran, fokus utama kita adalah dari segi pemasaran.

Kita sudah buat fokus kita iaitu kalau ada peningkatan hasil, mesti disambut oleh pemasaran. Tidak boleh ada peningkatan hasil tetapi tidak ada disambut oleh pemasaran. Pada hari ini kalau kita lihat dari segi bajet *speech* ataupun ucapan bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ditegaskan bahawa pada kali ini FAMA akan diperkasakan. Bermakna, saya percaya dari segi bajet, promosi dan sebagainya, FAMA akan diberikan kewangan yang lebih untuk membuat promosi dan sebagainya.

Pasar tani yang merupakan salah satu daripada ruang untuk petani memasarkan produk seperti limau nipis kah, serai dan sebagainya, kita akan perbanyak. Pada tahun ini kita dapat 50. Kita menyasarkan sehingga tahun 2020, kita ada 1,000 pasar tani seluruh negara. Ini untuk memperluaskan pasaran produk petani. Kita telah pun mengarahkan supaya FAMA berserta dengan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menjadi dan untuk mewujudkan pusat pengumpulan (*distribution center*) untuk mengumpulkan produk-produk petani supaya mereka boleh *distribute* ataupun menagihkan produk-produk petani. Jadi petani tidak perlu risau lagi.

Baru-baru ini juga di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri yang mengatakan akan diwujudkan Majlis Eksport iaitu untuk mengeksport produk-produk petani ke luar negara.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pendang bangun lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dan saya percaya selepas ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belakang, belakang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** ...Produk-produk petani bukan saja akan berada di pasar tani, bukan akan berada di dalam negara tetapi akan dibawa ke luar negara. Jadi peluang untuk pasaran produk-produk petani dan sebagainya akan tersebar luas bukan saja dalam negara tetapi ke luar negara.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sikit saja. Bolehkah saya mencadangkan bahawa FAMA ini kita jadikan sebagai satu agensi kementerian yang terpenting bagi meningkatkan pendapatan para petani. FAMA jangan mementingkan keuntungan. FAMA mesti membeli barang-barang keluaran para petani kampung untuk dipasarkan. Kalau sekiranya FAMA memikirkan soal kepentingan untung, maka saya yakin FAMA tidak akan dapat menyelamatkan para petani kampung.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya setuju, setuju sangat. FAMA, LKIM. Apabila saya mengisyiharkan jihad memerangi orang tengah pada tahun 2014. FAMA dan LKIM ini mesti menggantikan orang tengah ini menjadi perantara di antara petani dan pasaran dan FAMA, LKIM tidak boleh mengambil keuntungan daripada petani tetapi hanya menjadi perantara. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Saya hendak berpindah ke...

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** ...Isu lain.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri, boleh? Ini tentang isu tanah terbiar tadi.

■2050

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya banyak lagi...

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya dengar tadi lepas itu saya tidak sempat hendak celah tadi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dalam Jawatankuasa.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dalam Jawatankuasa boleh tidak?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tidak, tidak. Satu sahaja sebab saya pohonlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian banyak lagi Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Singkat, singkat, cepat sahaja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kalau Yang Berhormat soal, kalau saya tidak jawab pun, saya jawab bertulis ya.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya cuma minta keutamaan diberikan pada pekebun-pekebun sayur-sayuran sebab ini memang merupakan satu masalah yang paling besar yang dihadapi oleh mereka sekian lama. Jadi, saya daripada petani padi, penanam padi, berikanlah keutamaan kepada pekebun sayur-sayuran. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya sepatutnya jawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jadi, saya terus jawab sekarang. Memang salah satu program kita adalah untuk program sayur-sayuran, okey.

Yang Berhormat Nibong Tebal membangkitkan *defaulter rate* TEKUN sebanyak 45%. Saya ingin menafikan kenyataan tersebut kerana wang TEKUN yang dikeluarkan pinjaman adalah sebanyak RM2.9 bilion. Yang sudah dibayar balik, *already paid for* adalah RM1.7 bilion. Lihat daripada situ memang NPLnya besar. Akan tetapi saya hendak maklumkan, yang tidak bayar balik itu bukan NPL. Baki itu adalah peminjam yang sedang membayar, masih lagi membayar. Bukannya NPL, masih lagi membayar. Yang bayar tiap-tiap minggu, yang bayar tiap-tiap hari, ini masih lagi dalam kita masih mengutip. Untuk pengetahuan Dewan, NPL bagi TEKUN adalah 18% sahaja.

Saya pergi kepada Yang Berhormat Kuala Kedah, Pokok Sena dan Jerlun. Ini Yang Berhormat Pokok Sena, membangkitkan isu mengenai harga padi. Harga lantai, harga padi di Kelantan lain, di Kedah lain, di Perak lain, di Selangor lain. Di Kelantan paling rendah RM980, di Kedah RM1,050, di Selangor RM1,300. Kita faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan perkara ini sudah lama tidak dikaji. Saya telah pun memanggil kesatuan pengilang bumiputera, saya telah pun memanggil BERNAS, Pertubuhan Peladang, pesawah dan sebagainya. Kita telah pun berbincang dan sedang merangka untuk mewujudkan satu harga yang selaras di seluruh negara supaya tidak ada lagi perbezaan antara Kedah, Kelantan, Perak dan sebagainya, biar sama.

Jadi, Yang Berhormat percaya kepada saya, kita akan umumkan harga itu. Tentu sahaja harga yang sangat baik. Bukan sahaja kita akan melakukan transformasi padi ini dari segi harga tetapi banyak lagi yang akan kita umumkan dari segi transformasi. Saya akan umumkan tahun depan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lagi?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri okey?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri duduk, dia bagilah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri yang sangat baik hati dan pemurah. Yang Berhormat Timbalan Menteri gelak ya? [/Ketawa] Jadi, saya ucapan terima kasihlah atas komitmen itu. Cuma, memang harga lantai sudah ada, sudah selaras. Harga lantai itu RM750 tetapi perlumbaan kilang untuk menarik petani jual padi di kilang dia, maka dia bagilah insentif. Ada naik sampai RM950, RM1,150, RM1,300. Jadi, yang kita minta, saya hendak harap sungguh-sungguhlah apa yang diminta oleh petani itu ialah jangan kurang. Nanti harga yang akan diumumkan jangan kurang, harga lantai ini tidak boleh kurang daripada RM1,150. Maknanya, kalau kilang tidak berlumba, tidak bagi insentif pun okey dah RM1,150 itu. Maknanya, munasabah. Maknanya, memang petani ini pun ada hati perut. Bukan kata tidak ada hati perut sampai hendak bebankan kerajaan.

Saya harap sungguh subsidi harga padi itu minta tambah lagi 12 duit ini. Bukan banyak, bukan minta sampai tiga kupang punya duit macam harga gula. Mint 12 duit sahaja daripada dua kupang lima duit satu kilogram kepada 37 duit lebih kurang begitu. Maknanya, dalam lingkungan kenaikan dia, penambahan sebanyak 12 duit. Jadi, saya minta sungguh-sungguhlah, biar maknanya masuk makmal itu keluar cepat-cepat sedikit. Kalau masuk makmal itu tidak keluar-keluar, saya ingat dengan Menteri dan Timbalan Menteri kena bagi masuk dalam makmal itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi puji baik hati.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tentang penyelarasan harga pagi tadi, itu tidak payah bawa masuk makmal. Itu keputusan menteri dan saya sudah kata tadi Januari. Jadi, kalau saya umum di sini tidak ada *excitemental* Januari nanti. Kita tunggu Januari.

Yang Berhormat Kubang Pasu kerana ada di sini, mencadangkan supaya syarat-syarat lesen kepada setiap jenis pukat mengikut spesifikasi dikenakan. Setakat ini kita ada dua jenis pukat, dua jenis sahaja yang kita ada dalam akta iaitu yang diharamkan dan yang dibenarkan. Misalnya, yang diharamkan sebagai contoh, pukat tunda bermata keroncong 38 mm ke bawah, itu diharamkan di bawah Akta Perikanan 1985.

Pukat rawa sorong diharamkan, pukat pari diharamkan. Jadi, kita sekarang ini ada dua sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat sebut tadi supaya mengikut spesifikasi. Kalau kita hendak buat macam itu, kita akan pinda Akta Perikanan 1985, ya?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Yang Berhormat Pokok Sena hendak berbual-bualkah? Dengan Yang Berhormat Kubang Pasu, minum tehlah dulu. Sila Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Saya tidak berbual, dia hendak berbual dengan saya. Keluar, keluar, keluar.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya minta, mohon dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk satu jalan keluar menyelesaikan masalah, mengharamkan jaring pukat tunda yang dikatakan kurang daripada 38 mm ini tidak dibenarkan untuk digunakan. Masalah memang sudah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa ramai yang di tempat saya, 90% daripada bot jenis kelas 'B', 90% daripada mereka sebenarnya menangkap udang dan bukan ikan. Oleh yang demikian, mereka tidak akan dapat mencari nafkah hidup dan sudah 11 hari mereka tidak keluar untuk menangkap ikan kerana akan ditangkap kalau mereka keluar menangkap ikan.

Memang Yang Berhormat Menteri pun sudah umumkan akan laksanakan ketetapan itu, tidak akan membenarkan pukat yang di bawah 38 mm ini. Saya hendak cadangkan satu cara penyelesaian, kalau Yang Berhormat Menteri dengan pegawai boleh fikirkan. Memang dikatakan untuk melindungi kepentingan nelayan-nelayan tersebut juga, dikatakan supaya udang dan juga ikan yang kecil ini akan membesar dan nelayan akan mendapat tangkapan yang lebih lumayan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya cadangkan, bahawa mungkin di seluruh negara ini kita boleh bergilir-gilir membenarkan sesuatu tempat untuk ditangkap ikan dan lain-lain tempat nelayan di minta berhenti katakan sebulan atau dua bulan tidak menangkap ikan.

Akan tetapi soalan akan timbul, dari manakah nelayan-nelayan yang tidak keluar itu akan mendapat pendapatan untuk menyara hidup keluarga dan juga pekerja-pekerja mereka. Dari pengetahuan saya, saya difahamkan kerajaan memberikan 12,000 liter diesel kepada nelayan-nelayan bot jenis 'B' ini. Dari pengiraan saya, sekarang nelayan dibenarkan membeli diesel dengan harga RM1.45. Kalau 12,000 liter, ini bermaksud setiap bulan kerajaan menanggung subsidi, katakan pasaran diesel ini lebih kurang RM2.60 atau pun RM2.70. Ini bermaksud kalau RM2.70, ini bermaksud setiap liter diesel kerajaan memberi subsidi RM1.35. Kalau 12,000 liter ini, ini bermaksud setiap bulan kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM16,200.

#### ■2100

Kalau nelayan tidak keluar, ini bermaksud sebulan setiap bot 'B' ini, kerajaan boleh jimat RM16,200. Bolehkah wang ini dijimatkan dan satu sistem di mana bot ini dan juga pekerja-pekerja atau mereka yang ada sangkut-paut dengan industri perikanan ini diberi wang daripada jumlah ini? Ini memang wang besar untuk menyara hidup dan minta mereka tidak keluar untuk menangkap ikan untuk sebulan atau dua bulan. Saya rasa kalau sesuatu kawasan itu tidak ditangkap ikan untuk dua bulan, memang ikan akan membiak dan membesar dengan cepat. Bolehkah satu cara di mana sistem memang menambah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas, panjangkah lagi?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Jumlah ikan dan stok ini di laut boleh dijalankan? Memang sekarang ini pun kalau lima kilometer memang mereka tidak boleh menangkap ikan. Bagi

saya lima kilometer ini sudah mencukupi untuk pembiakan udang dan ikan ini tetapi Menteri kata tidak cukup.

Jadi bolehkah beri satu cara keluar supaya nelayan ini memang boleh terus menjadi nelayan? Kalau tidak pada hemat saya, satu hari ini nanti kalau semua nelayan ini berhenti keluar ke laut, anak-anak muda tidak akan hendak jadi nelayan kerana susah hendak nelayan. Negara kita akan mengalami krisis masa depan di mana nelayan tidak mencukupi di Malaysia. Kita perlu bergantung kepada ikan dari luar negara. Ini kita akan dengan izin, *will be in crisis situation*. Kalau orang hendak jual ikan dan udang kepada kita dengan harga yang tinggi di masa hadapan kelak.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, kita melaksanakan Akta Perikanan 1985 ini iaitu mengharamkan penggunaan jaring, kerongcong, pukat tunda, kerongcong bermata kecil ini adalah untuk menjaga kepentingan alam sekitar, menjaga kepentingan khazanah laut dan kita juga untuk menjaga kepentingan majoriti nelayan pantai yang terjejas pendapatannya akibat daripada kerakusan nelayan pukat tunda ini yang menangkap ikan termasuk anak-anak ikan.

Apabila tangkapan mereka buat, 50% daripada tangkapan mereka ikan besar dan ikan kecil sebanyak 50% yang hanya digunakan untuk baja dan bukan untuk dimakan. Jadi kita kata ini tidak adil kepada nelayan-nelayan lain yang mengharapkan ikan itu membesar untuk mereka tangkap. Di kawasan pantai terdapat 63,000 orang nelayan Melayu miskin, 10,000 orang nelayan Cina miskin. Jadi saya hendak perjelaskan sebab di dalam surat khabar Cina, seolah-olah menggambarkan ini sebagai satu tekanan kepada nelayan-nelayan Cina, *nothing to do with kaum*. Ini adalah menjaga kepentingan nelayan. Seramai 10,000 orang nelayan Cina juga mengharapkan supaya kita mengambil tindakan keras untuk kita menjaga kepentingan mereka.

Jadi tentang udang tadi, Yang Berhormat sebut tadi. Semalam sudah diadakan satu rundingan di antara Nelayan Selangor dengan Jabatan Perikanan Malaysia. Kita faham ada sejenis udang yang memerlukan jaring kecil iaitu udang baring untuk dijadikan belacan dan sebagainya. Itu merupakan pendapatan mereka. Jadi kita telah pun bersetuju untuk memberikan kebenaran khas kepada nelayan menangkap udang dengan syarat mereka mesti mempunyai jaring yang mempunyai satu alat yang akan memisahkan ikan kecil untuk datang ke jaring mereka. Bermakna apabila dijaring itu ikan kecil akan berselerak lari dan sebagainya. Jadi, nelayan di Selangor telah pun bersetuju dan jumlah mereka pun tidak ramai. Jadi, kita terpaksa dan kita akan teruskan perkara ini...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis kita ada nelayan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Satu lagi Yang Berhormat, yang saya tidak sebut lagi tetapi saya hendak rekodkan di dalam Parlimen. Salah satu sebab kenapa kita mesti melaksanakan tanpa *delay*, *without any further delay*. Salah satu teguran Ketua Audit Negara di dalam Laporan Auditnya, salah satu kelemahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ialah kerana kegagalan melaksanakan peraturan jaring mata kerongcong 38mm. Jadi sebagai

Menteri yang bertanggungjawab, saya tidak mahu perkara yang ditegur oleh Jabatan Audit Negara dibiarkan berterusan dan saya percaya di pihak pembangkang misalnya, apabila timbul satu-satu teguran di dalam Jabatan Audit Negara, tentu sahaja pembangkang akan mengatakan pihak kerajaan mesti melaksanakan dengan segera.

Jadi tidak mungkin di dalam kes-kes lain minta kerajaan melaksanakan tetapi dalam kes ini minta jangan dilaksanakan. Saya harap jangan ada *double standard* di dalam isu yang melibatkan ini. Jadi, kita akan tetap melaksanakan. Walau bagaimanapun, jika ada cadangan-cadangan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, Jabatan Perikanan sentiasa terbuka untuk mengadakan perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri memberi laluan untuk mohon penjelasan. Kita dapat iktu akan laksanakan Program Pukat Tunda yang hanya melibatkan 38mm sahaja ke bawah. Saya hendak bertanya kepada Menteri, terdapat beberapa negara yang langsung mengharamkan pukat tunda seperti negara Korea, Jepun termasuk Indonesia mengharamkan langsung pukat tunda. Saya kira pihak Menteri baik hati sebenarnya membenarkan sehingga 38mm.

Pada pandangan saya, adakah pihak Menteri perlu menaikkan lagi saiz yang lebih besar sebanyak - contoh 60mm ataupun negara kita terus mengharamkan pukat tunda memandangkan kita hendak juga kepentingan nelayan-nelayan kecil seperti Yang Berhormat Menteri nyatakan sebentar tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh saya hendak dapat penjelasan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya kira saya hendak tutup kes ini sebab saya...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, Menteri tidak benarkan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tidak mengalah, kita...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak bangkitkan sama ada lima kilometer *nautical miles* itu sudah mencukupi untuk pembiakan udang dan juga ikan? Memang saya setuju kita mesti lindungi semua nelayan tetapi isunya pada masa sekarang pun mana-mana pukat tunda tidak dibenarkan untuk menangkap ikan dalam lima kilometer *nautical miles* daripada pantai. Jadi adakah lima kilometer *nautical miles* ini sudah mencukupi atau pun kita boleh, mungkin lambakan tempat itu tujuh kilometer *nautical miles* kah tetapi yang penting kita hendak tempat pembiakan ikan dan udang. Soalan saya, adakah lima kilometer *nautical miles* ini sudah mencukupi untuk pembiakan ikan dan juga udang sekarang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Saya ingat Yang Berhormat Menteri selepas ini boleh gulung ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jawapannya tidak cukup dan suka juga saya maklumkan, pukat tunda ini banyak dikesan menceroboh sehingga ke kawasan zon 'A'. Okey, jadi saya hendak menutupnya pada malam ini. Untuk menutupnya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk menutupnya saya hendak respons kepada Yang Berhormat Lipis atas cadangannya tadi, *insya-Allah* kita akan buat kajian. Kalau dari segi kajian itu impaknya besar kepada masa depan industri perikanan, tidak mustahil kalau kita menaikkan atau pun mengharamkan terus penggunaan pukat tunda...

**Beberapa Ahli:** [Tepuk]

**Seorang Ahli:** Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** ...Walau bagaimanapun, tetapi kita akan membuat kajian.

Jadi saya sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua, kepada Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Beruas dan semua yang mengambil bahagian saya ucapan terima kasih. Mana-mana yang saya tidak sempat menjawab atau tertinggal saya akan jawab secaa bertulis. Terima kasih. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Pengangkutan. Kalau setengah jam lagi bagus.

■2110

#### 9.10 mlm.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengangkutan di Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya menjawab pertanyaan secara spesifik izinkan saya memanjatkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau yang telah menyediakan peruntukan khusus untuk melicinkan operasi dan pengurusan trafik udara, menaikkan taraf beberapa lapangan terbang, mengukuhkan jaringan pengangkutan awam dan membangunkan ekonomi maritim. Kementerian Pengangkutan akan manfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum dalam usaha memastikan sistem pengangkutan awam di negara ini sentiasa ditambah baik dan menjadi lebih efisien serta selamat untuk keselesaan rakyat.

Melalui indeks Petunjuk Prestasi Utama di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, Kementerian Pengangkutan giat menjalankan program dan projek bagi menyediakan sistem pengangkutan awam yang bersepadu dan efisien dengan meningkatkan kapasiti perkhidmatan serta meluas dan mengembangkan jaringan serta sambungan perkhidmatan awam di Greater Kuala Lumpur, Lembah Klang. Inisiatif inisiatif di bawah NKRA *Urban Public Transport* yang merangkumi empat inisiatif utama iaitu bas, rel, integrasi dan rangkaian perkhidmatan yang mana telah dilaksanakan bermula pada tahun 2010 sehingga 2012 melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan melanjutkan sehingga tahun 2015 untuk fasa kedua (GTP 2). Bermula di bawah GTP 2 juga inisiatif NKRA juga melibatkan perkhidmatan teksi.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 2010 sehingga tahun lepas 2012, pihak kementerian melalui inisiatif di bawah NKRA *Urban Public Transport* telah berjaya mencapai beberapa kejayaan seperti penyediaan projek panel *info* di hentian bas. Ia merupakan sebahagian program hentian dalam GTP 2 dan merupakan satu usaha baru dan holistik terhadap konsep maklumat kepada penumpang serta memaparkan jadual ketibaan bas dan juga nombor laluan bas, peta laluan bas mengikut koridor, peta laluan bas di koridor berkenaan, *coding* dan *inventory* hentian bas, integrasi dengan sistem rel dan sistem lain. Jumlah keseluruhan hentian bas yang terlibat dalam Program Info Panel ini adalah sebanyak 4,500 di seluruh Lembah Klang melibatkan PBT di Selangor dan DBKL. Pemasangan info panel di hentian bas ini akan bermula dilaksanakan pada tahun 2014 bagi kesemua hentian bas secara berperingkat dengan reka bentuk yang standard.

Bagi rel, antara pencapaian yang dicapai ialah penyediaan 35 dengan izin, *four-car sets* bagi laluan LRT Kelana Jaya yang mana kekerapan ketibaan LRT tidak kurang daripada tiga minit. Penyediaan 38 dengan izin, *six-car sets* bagi KTM Komuter yang mana kekerapan ketibaan terutama pada waktu pagi telah dikurangkan daripada 30 minit kepada 15 minit. Sementara itu dua Terminal Integrasi Pengangkutan telah memulakan operasi iaitu Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan dan Terminal Pengangkutan Antara Bandar Pudu Sentral yang mana merangkumi tambahan peruntukan sebanyak 5,000 lot parkir kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menjawab isu-isu dan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyentuh berkennaan isu sektor maritim. Menjawab mengenai isu Dasar Kabotaj yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Hulu Rajang. Kementerian ingin menjelaskan bahawa harga barang di Sabah dan Sarawak ditentukan oleh pelbagai faktor termasuklah kos pengangkutan kapal, kos logistik daratan dan kos pelabuhan. Semua kos yang terlibat ini menyumbang kepada penentuan harga sesuatu barang yang dijual di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah pun menuahkan Jawatankuasa Kabinet mengenai logistik dan kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih lanjut isu-isu termasuk Dasar Kabotaj yang didakwa menyumbang kepada kos harga barang yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam pada itu penemuan awal makmal kos sara hidup yang dijalankan oleh PEMANDU pada bulan Oktober 2012, di Sabah dan di Sarawak masing-masing mendapati bahawa Dasar Kaboutaj bukan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kos harga barang yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Justeru sebarang keputusan berhubung Dasar Kaboutaj akan dibuat setelah penelitian rapi dibuat mengenainya.

Mengenai sektor darat Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai isu lori hantu. Untuk makluman, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa memantau dan melakukan penguatkuasaan ke atas lori-lori yang membawa lebihan muatan selain memastikan kenderaan yang digunakan di jalan raya mempunyai lesen dan permit yang sah. Penguatkuasaan lebihan muatan dijalankan di bawah seksyen 19(3) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Rajang bangun.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya telah mengatakan lori hantu atau pun lori balak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lori-lori balak yang menggunakan jalan yang telah dinaik taraf Bintulu ke Sungai Asap, Bakun ke Sungai Asap. Kalau kita tidak akan mencegah lori-lori hantu yang tidak menggunakan permit seperti mana yang kita jalankan oleh Kementerian Pengangkutan, maka jalan raya yang telah dinaikkan taraf itu diguna pakai oleh lori atau kereta yang mempunyai permit maka tidak gunalah, rugilah duit kerajaan untuk membaiki jalan raya yang telah baik dibaiki oleh kerajaan.

Jadi saya minta kementerian berkenaan supaya menahan atau membuat sekatan kepada lori-lori balak yang tidak mempunyai permit. Minta Yang Berhormat jelaskan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya telah menasihatkan pihak JPJ untuk mengambil tindakan secara dristik dan untuk menjalankan operasi bersepadu bagi membanteras kegiatan lori hantu ini dalam waktu yang terdekat. Saya yakin dalam operasi yang akan dilaksanakan dalam waktu yang terdekat ini *insya-Allah* perkara ini akan dapat diselesaikan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Limbang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang bangun.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pasal lori hantu ini satu hal. Dahulu kita pernah minta kepada kementerian dan juga JPJ iaitu tentang masalah lori-lori lebih muatan iaitu tentang *portable weighbridge*. Dahulu *portable weighbridge* ini diluluskan. Banyak bahagian di Sarawak dapat termasuk Limbang *portable weighbridge*. Akan tetapi masalahnya *portable weighbridge* ini *every* enam bulan dia kena *calibrated*.

Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila *calibration*, kena hantar balik Semenanjung. *You just imagine*. Jadi, *calibration* hendak hantar balik, daripada enam bulan, tiga bulan sahaja yang boleh digunakan. Tiga bulan perjalanan hantar ke Semenanjung, hantar balik. Jadi macam mana hendak beroperasi? Dahulu saya pernah suarakan, kalau boleh untuk *calibrating* punya stesen ini atau *whatever*, mungkin satu di Sabah, mungkin di Kota Kinabalu, satu di Bintulu. Jadi, senang *all these things*. Tidak patutlah *this weighbridge* tidak boleh pakai. Separuh daripada hayatnya adalah untuk *calibration*, hantar Semenanjung, hantar balik Sarawak, berapa bulan sahaja boleh pakai. Jadi kadang-kadang macam mana hendak berkesan untuk *especially* tentang *all these lori-lori* lebih muatan itu. Bukan apalah, kalau boleh kena lihatlah perkara ini. Dahulu kita pernah minta. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekali, ya? Berkaitan, ya?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di Parlimen Bagan Serai, kawasan ini kawasan padi dan pada waktu musim padi, padi perlu dikeluarkan dengan cepat ke kilang. Biasanya memang tidak cukuplah lori yang ada lesen dan wujudlah lori-lori yang tidak ada lesen. Saya fikir adakah boleh kementerian beri contohnya pas sementara kepada lori-lori yang sebegini sebab JPJ akan datang dan banyak tangkapan dibuat yang tentunya menyusahkan petani-petani sini. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua versi. Ya, Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mohon penjelasan, kebanyakan jalan-jalan di Pahang ini, kalau *highway* mungkin boleh membawa muatan yang agak tinggi tetapi kalau jalan dari Jerantut ke Lipis umpamanya, jalan tersebut adalah jalan yang hanya boleh memuatkan 30 tan ke 40 tan sahaja. Akan tetapi lori-lori besar seperti lori mengangkut bijih besi dan sebagainya, saya yakin, ia membawa sehingga 120 tan muatan yang mana menyebabkan jalan-jalan di Parlimen Lipis dan Jerantut ini, hancur-lebur. Hancur lebur sehingga ada sesetengah jalan yang tidak boleh digunakan langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, termasuk Parlimen Kuala Krau.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Termasuk Parlimen Kuala Krau [Ketawa]. Jadi persoalannya, apakah pendekatan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Parlimen Maran termasuk juga.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Termasuk juga sehingga ke *highway* Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Selepas *highway*, *highway* pun sudah nampak senget, *highway* LPT pun nampak senget yang melibatkan 120 tan. Ini saya bertanya dengan pemandu lori tersebut. Jadi sekarang ini, persoalannya, saya hendak tanya, di manakah pendekatan agensi-agensi kerajaan seperti JPJ, SPAD, polis trafik memainkan peranan untuk tidak membenarkan lori-lori ini untuk membawa sehingga 120 tan? Kalau hendak bawa keluar juga hasil tersebut, gunalah lori yang tidak mencecah sehingga sedemikian rupa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Dahsyat lori tersebut bawa terlalu berat, menyebabkan jalan yang satu ketika nanti, kami tidak boleh hendak ke Jerantut, tidak boleh ke Kuala Krau, tidak boleh ke Temerloh. Tidak tahu jalan mana hendak ikut *[Disampuk]*. Jadi ini seharusnya - yang saya hendak mohon penjelasan tadi, di manakah cara penguatkuasaan tersebut dilakukan oleh pihak kementerian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Perjalanan pukul 12 malam hingga 6 pagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya. Kalau tidak boleh, kita guna undang-undang rimba, lastik sahaja lori tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Boleh sambung sedikit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Untuk bahagian penguatkuasaan timbalan, saya cuma ingin pengesahan, adakah betul pihak polis dan JPJ telah ditarik balik kuasa untuk menjalankan perkara tersebut? Adakah betul di Kelantan hanya empat orang pegawai SPAD sahaja yang dilantik? Terima kasih. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh ingat Timbalan Menteri?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai soalan daripada Yang Berhormat Limbang, masalah *portable weighbridge* yang perlu *dcalibrate* di Sabah dan Sarawak. Saya akan mendapatkan maklumat daripada pihak JPJ berkenaan masalah ini dan saya akan cuba menyelesaikan permasalahan ini dengan mewujudkan *calibration* ini diwujudkan di Sabah dan Sarawak seperti permintaan. Saya akan memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Limbang.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai mengenai permit. Pengeluaran permit ini adalah dalam bidang kuasa SPAD.

Soalan daripada Yang Berhormat Lipis mengenai lebihan muatan yang tidak diambil tindakan melalui penguatkuasaan. Saya akan mendarahkan pihak JPJ membuat operasi di jalan-jalan Jerantut, Lipis dan Kuala Krau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, termasuk Yang Berhormat Maran.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Maran. Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai SPAD, bukan di bawah kawalan saya. Jadi, saya tidak dapat menjawab perkara itu [*Disampuk*].

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat boleh memilih budi bicara wakil rakyat yang bertanya yang tiada dalam Dewan, boleh menjawab secara bertulis.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** [*Disampuk*] Okey, saya laju sahajalah. Soalan daripada Yang Berhormat Kubang Pasu yang memohon kementerian mengkaji semula pemberian [*Disampuk*] *International Circulation Permit (ICP)*. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian melalui JPJ sedang menyediakan *standard operating procedure* yang lebih terperinci bagi pengeluaran ICP terhadap kenderaan asing khususnya kenderaan dari Thailand untuk menambah baik SOP tersebut.

Jadi, pihak JPJ akan membuat penambahaikan SOP dalam permohonan ICP tersebut iaitu dengan pihak pemohon perlu untuk menyediakan senarai nama penumpang dan bilangannya sebelum ICP dikeluarkan. Seterusnya memastikan ICP diserah kembali kepada Pejabat JPJ yang mengeluarkan sebelum mereka kembali ke negara asal dan mengehadkan tempoh sah laku ICP selaras dengan keperluan keberadaannya di Malaysia. Penambahbaikan SOP ini adalah sebagai langkah untuk memastikan kenderaan-kenderaan asing tersebut tidak menyalahgunakan ICP bagi tujuan komersial yang mana menjaskan pemandu teksi tempatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, ICP hanya dikeluarkan kepada kenderaan persendirian negeri asing sahaja. Kebenaran masuk bagi kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang adalah tertakluk di bawah kelulusan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Mengenai sektor udara, cadangan daripada Yang Berhormat...

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kubang Pasu bangun.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Tadi pasal berhubung dengan ICP itu, saya dapat bahawa kebanyakan daripada van-van pelancong ini, mereka menggunakan

ICP ini. Kebanyakan mereka menggunakan untuk membawa penumpang-penumpang, kadangkala dari Thailand tetapi kebanyakannya juga dari Malaysia.

Jadi, inilah yang menimbulkan masalah kepada pengusaha-pengusaha teksi di sempadan-sempadan kerana ia menjelaskan pendapatan mereka. Jadi saya menghadapi banyak masalah terutama sekali di kawasan saya apabila van-van ini masuk ke Malaysia tanpa kawalan walaupun yang pemantauan yang rapi oleh JPJ dan SPAD. Ini menimbulkan banyak masalah.

Saya harap pertama sekali, penambahbaikan itu mestilah dipantau. Maknanya pihak-pihak penguatkuasaan mestilah – saya tengok sekarang ini mereka bebas ke mana sahaja mereka pergi. Kadang-kadang satu ketika dahulu sampai mereka boleh ambil *passenger* dari *airport* Kepala Batas sendiri dan mereka bawa *passengers* atau pelancong-pelancong dari Malaysia sepatutnya mereka tidak boleh buat sebegitu. Jadi, kebanyakan kalau Yang Berhormat tengok di sepanjang *highway* dari sempadan ke Kuala Lumpur, van-van ini bermaharajalela.

Selain daripada itu juga, kita harap kepada JPJ untuk mengenakan syarat seperti mana kepada semua kenderaan dari Thailand yang masuk ke Malaysia mestilah memenuhi syarat-syarat di Malaysia umpamanya cermin hitam. Kadang-kadang mereka memakai cermin sampai kita tengok sampai gelap sampai lebih daripada kereta polis, sampai tidak nampak orang.

■2130

Kedua, muatan mereka. Kadang-kadang tengok *pick-up* yang masuk ke Malaysia terutama sekali mereka ini membawa barang untuk dipasarkan atau mungkin *supply* kepada restoran-restoran tomyam. Mereka membawa muatan yang begitu berat dan kadang-kadang saya tengok lalu tidak ada tindakan kepada mereka ini sebab itu mereka sewenang-wenangnya masuk menggunakan kesempatan ini untuk membawa barang-barang ini. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Mengenai apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, pihak JPJ akan berusaha membuat satu tindakan operasi bagi membanteras penyalahgunaan ICP ataupun permit sedangkan ICP ini hanyalah untuk kenderaan persendirian dan tidak untuk kenderaan komersial. Jadi kalau dia buat secara komersial ia menyalahgunakan permit tersebut. Maka pihak JPJ akan membuat operasi dalam waktu yang terdekat bagi memastikan penyalahgunaan ICP ini tidak berleluasa.

Seterusnya mengenai cadangan Yang Berhormat Sekijang untuk mengadakan penerbangan terus ke China daripada Lapangan Terbang Miri. Berdasarkan aturan hak trafik sedia ada di Malaysia dan China syarikat penerbangan negara dan China dibenarkan untuk mengadakan penerbangan terus dari Negara China ke mana-mana destinasi di Malaysia termasuk Kota Kinabalu ataupun Miri. Pada masa ini MAS menyediakan penerbangan daripada Kota Kinabalu ke Shanghai sebanyak dua kali seminggu. Manakala AirAsia menyediakan laluan penerbangan daripada Kota Kinabalu ke destinasi-destinasi di China iaitu Shenzhen, Guangzhou, Hangzhou sebanyak tujuh kali seminggu masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mengadakan penerbangan terus kesemua lapangan terbang negara termasuk Lapangan Terbang Miri. Walau bagaimanapun keputusan untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan terus kesemua lapangan terbang negara termasuk Lapangan terbang Miri adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan yang akan ditentukan berdasarkan kepada komersial *viability* laluan seperti keuntungan operasi laluan tersebut, permintaan penumpang dan sebagainya. Sebagai contoh AirAsia Zest akan memulakan penerbangan empat kali seminggu ke Miri dari

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Dari Manila mulai 7 Disember ini. Walau bagaimanapun, tiada perancangan untuk mengadakan penerbangan ke China.

Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan penerbangan oleh syarikat penerbangan China melalui Kota Kinabalu ke Miri, laluan penerbangan ini adalah tidak dibenarkan kerana laluan Kota Kinabalu – Miri adalah laluan domestik yang hanya boleh dioperasi oleh mana-mana syarikat penerbangan negara seperti MAS, MASwings, FireFly, AirAsia dan Malindo. Penumpang-penumpang dari Miri boleh pergi ke destinasi-destinasi di China melalui Lapangan terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang dihubungkan dengan penerbangan Miri – Kota Kinabalu yang disediakan oleh MASwings dan AirAsia.

Ahli Yang Berhormat Sekijang juga telah memohon kerajaan supaya memandang serius terhadap rungutan orang ramai berhubung perkhidmatan syarikat penerbangan tambah murah AirAsia. Ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan sentiasa memandang serius dan memantau terhadap rungutan orang ramai berhubung perkhidmatan syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Biro Pengaduan Awam telah menyediakan pelbagai saluran termasuk laman web bagi membolehkan para pengguna menyalurkan sebarang isu dan ketidakpuasan hati penumpang terhadap mana-mana syarikat penerbangan termasuk syarikat AirAsia.

Tambahan kepada itu, pengguna juga boleh terus mengemukakan aduan kepada syarikat penerbangan AirAsia. Buat masa sekarang perbincangan terus sering diadakan oleh Kementerian Pengangkutan bersama dengan semua syarikat penerbangan negara untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Ahli Parlimen....

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan. Mencelah, mencelah. Cuma tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut kalau ada aduan ataupun ketidakpuasan hati pengguna-pengguna ini dia boleh terus berhubung dengan pihak AirAsia ataupun syarikat penerbangan yang terbabit. Tetapi sejaух manakah keberkesanan aduan-aduan ini diterima pakai oleh syarikat-syarikat penerbangan. Ini kerana kadang-kadang apabila pengguna mengadu tetapi aduan itu hanya terhenti setakat itu sahaja. Contohnya kalau penerbangan lewat, terkandas dan sebagainya kita minta *claim* kerana kelewatan tersebut tetapi pihak AirAsia tidak memberikan sebarang makluman dan hanya mengatakan kelewatan sahaja.

Jadi bagaimana kerajaan melihat cara terbaik untuk mengatasi supaya pengguna pun berada dalam keadaan menang-menang dalam situasi sebegini. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan seperti yang saya sebutkan tadi memang ada disediakan saluran-saluran. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat Sekijang ada masalah boleh terus kepada Kementerian Pengangkutan untuk saya membantu aduan-aduan tersebut.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada sedikit tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan apalah tentang tadi laluan-laluan penerbangan inilah. *Actually* kita pernah juga dahulu saya mohon MASwings ini iaitu tentang pada masa ini laluan hendak keluar daripada Limbang ialah Miri tetapi kalau dari Miri hendak ke Kuching kita sekurang-kurangnya tiga ataupun empat jam *waiting time* untuk ke Kuching. Jadi dahulu kita pernah pada masa itu dijawab jumlah ATR kapal terbang MASwings belum mencukupi. Kita pernah minta sekiranya ataupun dikaji kalau boleh buat pertimbangan Limbang – Kuching *direct*. Tidak semestinya hari-hari. Mungkin dua kali dalam seminggu. Awal minggu ataupun hujung minggu. Ini kalau boleh dipertimbangkan perkara ini dan juga melihat tambah MASwings. Limbang – Miri adalah antara tambang yang paling mahal. Lebih mahal daripada Miri ke Kuching. Itu untuk dilihatlah perkara ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi. Boleh celah sedikit tidak Kota Tinggi.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit. AirAsia tadi. Mengenai rungutan AirAsia. Ini pengalaman saya. AirAsia ini suka buat peraturan ikut suka hati dia. Satu hari saya hendak ke Banda Aceh. Saya pergi ke kios dia di LCCT dapat *boarding pass*. Bila hendak dapat *boarding pass*, saya hendak masuk ke dalam *lounge* berlepas. Di situ dia ada dua sekatan. Sekatan oleh AirAsia kemudian *security airport*. Itu betul. Apabila saya lalu yang pertama itu dia kata encik pergi sahkan dahulu *boarding pass*. Saya kata sah buat apa lagi? Ini keluar daripada kios awak. Padahal kalau kapal terbang penerbangan lain, kita buat *web check in*kah, apakah kita boleh terus masuk ke *boarding lounge* boleh naik kapal terbang tapi AirAsia ini tidak boleh. Hendak ke Aceh. Saya tidak tahu tempat lain tetapi ini pengalaman saya yang terpaksa balik semula tapi saya tidak baliklah. Saya kata saya hendak masuk juga. Kalau awak berani tahan saya.

Jadi ini saya kata kena betulkan soal ini kerana dia tidak boleh buat peraturan dia sendiri kerana lapangan terbang kita banyak tetapi AirAsia ini selalunya begitu menyusahkan penumpang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak sambung sedikit perkara sama boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ini pasal AirAsia juga. Saya pergi ke AirAsia, kita sudah *book online* bila hendak *print* mesin depan semua tidak boleh pakai. Lepas itu bila pergi kaunter dia caj RM10. Saya kata kenapa *you caj* saya RM10? Dia kata *you belum check in*. Saya kata sudah. Saya sudah bayar. Hendak pergi *print* kena pergi di luar. Saya pergi di luar semua mesin tidak boleh pakai.

Soalan saya, saya hari itu saya tunggu dan ini bukan kali pertama. Kalau satu hari saya – hari itu tiga orang kita bayar RM30, berapa ramai pelanggan yang kena bayar RM10 *just* untuk dapat *boarding pass*.

■2140

Jadi, saya rasa ada perkara yang tidak kena di sini. Saya ingat kalau satu hari berapa ribu lalu itu, saya peliklah. Akan tetapi *I think, we have to look* dan saya ada bukti di sini. [Menunjukkan resit] Saya bawa resit yang saya kena bayar *just* untuk dapatkan *printing boarding pass*. Please take note.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada kes lagi ini.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Boleh saya sambung sedikit? Saya juga ada pengalaman yang sama. Satu ketika dulu, kita boleh gunakan *handphone* atau *smartphone* untuk buat *check-in*. Selepas itu kita gunakan mesin yang ada di kaunter terus kita dapat *print boarding pass* kita. Akan tetapi tiba-tiba sistem itu dimansuhkan. Kita pergi ke kaunter hendak *print boarding pass*, di *charge* pula RM10. Jadi, saya pohon kementerian ini dapat selesaikan dan janganlah banyak menyusahkan penumpang-penumpang. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya pun hendak mencelah juga pasal AirAsia ini. AirAsia ini, memang saya nampak *service* nya – satu isu yang kita baca dalam *paper*, yang mana dia daripada luar negara dan ada sakit. Dia tidak dibenarkan naik, yang berlaku. Saya nampak keprihatinan, dia lebih kepada komersial. Tidak ada sifat kemanusiaan. Ada satu kes di mana mungkin betullah, dia maklum kata peraturan dia kena *check*, kalau orang itu mempunyai masalah kesihatan kena *proper check*. Akan tetapi masalahnya dia tidak *provide service*, yang daripada luar. Kita baca banyak isu AirAsia. Cuma saya ternampak kementerian seolah-olah macam tidak takut. [Disampuk] Macam Yang Berhormat Pendang kata buat 'dekk'. Saya tidak tahu apakah maksud buat 'dekk' itu. Jadi, minta ambil perhatian. AirAsia ini memang, bagi saya terus terang saya kata *my last result* saya naik. Kalau tidak ada lain, tidak ada pilihan, tidak naik. Jadi, harap ambil perhatianlah tentang *service* AirAsia yang jelas memang kiranya tidak seperti yang dilaung-laungkan.

Saya ada tegur tentang pakaian. Sebelum ini pun saya tegur pakaianya agak tidak mencerminkan budaya Malaysia. Kalau kita tengok Malindo Air itu pun pakaian bertutup cantik. Pakaian kebanyaknya. Dengan Malaysia Airlines nya. Akan tetapi AirAsia tidak ada. Kalau tengok AirAsia, bolehkah orang kata itu daripada Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama Yang Berhormat Limbang mengenai penerbangan terus Limbang ke Kuching. Perkara ini akan saya panjangkan kepada pihak MASwings untuk dikaji bagi permohonan tersebut dan diharap mudah-mudahan ada penerbangan terus Limbang ke Kuching. Saya akan bawa dan panjangkan kepada MAS. Seterusnya, nampak gaya Ahli Yang Berhormat Pendang, Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi, Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam dan Ahli Yang Berhormat Tanah Merah. Ketiga-tiga semuanya masalah dengan AirAsia. Untuk makluman, perkara ini akan saya bincangkan di

kementerian dan akan panjangkan juga untuk AirAsia beri penjelasan dan saya akan memberi penjelasan secara bertulis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta Pengurus AirAsia. Bekas Ketua Wanita UMNO untuk beri jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai dalam hubungan MAS. Yang Berhormat Tasek Gelugor yang membangkitkan kelewatan penerbangan MAS.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jawab bertulislah. Mana ada.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tidak ada ya?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak ada. Jawab bertulis sudah.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, yang ini saya jawab bertulis. Seterusnya mengenai...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jangan buang masa, orang tiada di sini.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai isu Lapangan Terbang Kota Kinabalu daripada Ahli Yang Berhormat Penampang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Penampang tiada. Cuti juga. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Kementerian Pengangkutan bersama dengan agensi sentiasa terlibat menitikberatkan aspek keselamatan Lapangan Terbang Kota Kinabalu, aspek kecantikan juga tidak diabaikan bagi memberi keselesaan kepada penumpang serta imej dan status lapangan terbang antarabangsa tersebut. Aspek keselamatan di KKIA ini sentiasa dipantau dari semasa ke semasa. Pihak DCA selaku *regulator* tidak akan sesekali membenarkan KKIA dibuka kepada operasi penerbangan sekiranya...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Orang jawab Penampang, dia mahu bangun. 'Aiya'! *[Ketawa]*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh? Boleh ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya difahamkan dekat LCCT daripada pemandu teksi. Saya hairan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya hairan bila... Yang Berhormat Bintulu, dengar dulu, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya mendapat aduan daripada teksi *premier*, apabila saya keluar daripada LCCT itu, saya hairan dan saya tidak nampak *booth* menjual teksi *premier*. Selepas itu, apabila saya keluar daripada LCCT, saya nampak ratusan penumpang termasuk *tourist* dengan izin, beratur untuk teksi bajet.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Selepas itu saya minta beli tiket *premier*, baru mereka bagi tiket *premier* itu. Bila saya naik teksi *premier* itu, saya dapat bahawa terdapat banyak lagi teksi *premier* di LCCT tetapi hairannya tidak ada *booth* untuk tiket.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat Bintulu bising-bising tetapi perkara begini tidak boleh dibangkit pada peringkat ini, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak boleh. Dia tidak faham ini. Biasa memang tidak faham kah?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya minta Yang Berhormat kalau dapat tengok isu ini kerana ini aduan daripada *driver taxi premier*. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Bintulu, sabar sedikit, Yang Berhormat Bintulu.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat, soalan daripada Yang Berhormat Stampin, ia dalam bidang kuasa SPAD. Jadi, saya tidak dapat jawab teksi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak faham itu. Dia tidak faham.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Penampang juga, pada masa kini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Penampang tidak ada. Tidak payah jawab. Cuti itu, cuti.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat Penampang ini, saya akan bagi bertulislah. Jawab bertulis.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jawab bertulis. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat jadi Speaker lah!

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan laporan yang diutarakan daripada Ahli Yang Berhormat Tuaran. Isu laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) di Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Saya ingin maklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan sentiasa memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar yang berkuat kuasa. Bagi projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Laporan EIA sebagaimana yang dikehendaki oleh Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 telah diluluskan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah pada 13 Februari 2007.

Isu timbul apabila Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah meminta kontraktor untuk menyediakan kajian EIA tambahan dan kajian *hydraulic*. Laporan EIA tambahan ini diperlukan kerana kaedah pembinaan *precession approach light* yang digunakan oleh kontraktor tidak mesra alam dan melibatkan pengorekan pasir di kawasan muara Sungai Petagas. Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun diselesaikan. Kelulusan telah diberikan oleh JPS untuk kontraktor melaksanakan kerja pembinaan *precession approach light* menggunakan kaedah *temporary still*

*staging as working platform* dengan izin, yang mesra alam sekitar. Kementerian akan memastikan kontraktor baru yang telah dilantik mematuhi peraturan alam sekitar yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Kota Melaka mengenai usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan penerbangan penumpang dan kargo domestik serta antarabangsa di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh dan Lapangan Terbang Melaka. Untuk makluman, pembinaan dan menaiktarafkan sebuah lapangan negara seperti Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh dan Lapangan Terbang Melaka adalah bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan mengadakan penerbangan ke lapangan terbang tersebut selain memberi keselesaan kepada penumpang serta meningkatkan aspek-aspek keselamatan lapangan terbang tersebut.

**■2150**

Bagi menggalakkan penerbangan penumpang dan kargo domestik serta antarabangsa, kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Antaranya mengenakan *passenger service charge* yang lebih rendah kepada penumpang-penumpang antarabangsa di semua lapangan terbang *secondary* termasuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh dan Lapangan Terbang Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kadar PSC ataupun *passenger service charge* antarabangsa yang telah dikenakan di kedua-dua lapangan terbang tersebut adalah RM26 berbanding kadar biasa iaitu RM65.

Seterusnya pengecualian caj pendaratan selama tiga tahun kepada syarikat-syarikat penerbangan yang baru, yang ingin beroperasi ke semua lapangan terbang yang dikendalikan. Seterusnya insentif penyewaan ruang pejabat secara percuma untuk enam bulan pertama di semua lapangan terbang dan pemberian ganjaran bagi setiap penumpang yang dibawa masuk oleh syarikat penerbangan baru dalam jangka masa 12 bulan pertama operasi.

Syarikat penerbangan baru diberi insentif sebanyak RM10 untuk setiap penumpang yang dibawa masuk ke Lapangan Terbang KLIA, LCCT, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan lapangan terbang domestik yang lain termasuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh dan Lapangan Terbang Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sekejap. Panjang lagi Yang Berhormat? Masih panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Lagi tiga muka sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat ya.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Di samping itu kerajaan juga melalui *open sky policy* memberi had trafik yang liberal untuk mana-mana syarikat mengadakan penerbangan ke mana-mana lapangan terbang termasuk di Malaysia. Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan ke mana-mana laluan adalah merupakan keputusan komersial sesebuah syarikat penerbangan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam supaya *air navigation facilities charge* dengan izin, dikaji semula. Perkara ini masih dalam kajian oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan masih belum dimuktamadkan. Seterusnya menjawab soalan mengenai isu Lapangan Terbang Sultan Ismail

Petra yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pangkalan Chepa, Pasir Mas dan Rantau Panjang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sedang mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di mana ianya masih di peringkat perancangan dan belum dimuktamadkan. Berhubung cadangan agar diadakan penerbangan ke Indochina atau sektor antarabangsa, ia juga adalah merupakan keputusan komersial. Mengenai cadangan agar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu dijadikan hab haji, kementerian memaklumkan bahawa penetapan hab haji ini di mana-mana lapangan terbang negara adalah di luar bidang kuasa kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan Ahli Yang Berhormat Kota Melaka mengenai kajian yang menyeluruh terhadap setiap lapangan terbang di seluruh negara, saya ingin maklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan melalui MAHB telah menjalankan kajian menyeluruh pada tahun 2007 untuk menaik taraf lapangan terbang di seluruh negara secara berperingkat bergantung kepada unjuran pertumbuhan trafik penumpang dan kargo.

Hasil kajian itu, pelan induk lapangan terbang negara yang telah disediakan pada 2008 dan kini digunakan sebagai rujukan bagi pembangunan lapangan terbang di seluruh Malaysia. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kota Melaka mengenai MoU ataupun janji syarikat penerbangan untuk beroperasi di Lapangan Terbang Melaka. Saya ingin maklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan tidak pernah menandatangani sebarang MoU dengan mana-mana syarikat penerbangan untuk beroperasi di lapangan terbang tersebut. *[Disampuk]*

Untuk menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat Lawas mengenai penggantian pesawat Twin Otter MASWings. Adalah dimaklumkan bahawa MASWings akan menggantikan pesawat Twin Otter sedia ada dengan pesawat Twin Otter yang baru secara berperingkat. Sebuah pesawat yang baru telah diterima pada awal Ogos 2013 dan telah mula beroperasi dan sebanyak lima buah lagi akan diterima sehingga tahun 2014.

Selain itu, cadangan Yang Berhormat Lawas untuk menaik taraf Padang Terbang Lawas supaya ianya dapat mengendalikan operasi pesawat ATR 72. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk melaksanakan kajian kemungkinan naik taraf Padang Terbang Lawas dan telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna di negara ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

#### 9.56 mlm.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian saya. Mereka adalah Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Labis dan Yang Berhormat Gopeng. Memandangkan kira semua mereka tidak ada, hanya Yang Berhormat daripada Hulu Rajang, jadi saya akan respons kepada Yang Berhormat Hulu Rajang dan yang lainnya saya akan memberi jawapan secara bertulis. *[Disampuk]*

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Menteri.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jadi kepada Yang Berhormat Hulu Rajang, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu mengenai pembayaran wang jadual yang tidak teratur. Di dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membuat penetapan supaya semua urusan bayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan adalah dibuat pada satu hari bulan setiap bulan sejak Januari 2010 di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, jajahan dan juga bahagian. Manakala kaedah bayaran bantuan pula dibuat melalui bank dan secara terus kepada penerima bantuan di pusat bayaran yang ditetapkan atau di rumah penerima bantuan.

Memandangkan Yang Berhormat Hulu Rajang hanya menyentuh perkara tersebut, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan *insya-Allah* kita sama-sama akan memastikan bahawa rakyat kita sentiasa sejahtera, sentiasa kita membantu dan silalah memberi sokongan kepada Bajet 2014. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya jemput Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

#### 9.58 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawab bertuliskah apa ini?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana-mana wakil rakyat yang tiada.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang pertamanya, saya macam Menteri Pengangkutan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi sumber kewangan yang besar sedikit kepada kita pada kali ini. *Insya-Allah* kita akan gunakan

sumber kewangan ini sebaik mungkin untuk menaikkan tahap prestasi KDN dan agensi-agensi di bawah KDN. Sebanyak 21 orang yang membahaskan dalam hal ehwal dasar dalam KDN ini. Jadi saya juga melihat tak banyak yang ada dalam Dewan. Jadi saya akan sebutlah satu-satu, siapa yang tidak ada dalam Dewan itu tidak payah jawablah. Yang Berhormat Pasir Gudang tidak ada sinikan? Tak ada, Yang Berhormat Kluang tidak ada, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pun tidak ada, sudah balik semua.

Jawapan ada di sini, lengkap penuh sekali, berhubung dengan syarikat keselamatan sebanyak 721 syarikat dan kawalan keselamatan dan 138 yang diberi lesen senjata. Jadi oleh kerana mereka ini tidak ada di sini, biarlah jawapan bertulis diberi dengan lengkap. Yang Berhormat dari Marang, jawab soalan dia ini pasal penapisan filem. Ini juga tidak ada, jawapan saya lengkap, banyak ini, panjang lebar tetapi tidak apalah Yang Berhormat tidak ada, jadi saya pun bagi juga jawapan bertulis.

#### ■2200

Yang Berhormat Permatang Pauh yang bertanya tentang Beechcraft King Air 350 yang dikatakan tidak beroperasi. Sebenarnya beroperasi Yang Berhormat. Ini saya jawab sedikitlah sebab ia ada tuduhan sedikit. Sebenarnya beroperasi dan banyak penerbangan. Kita ada semua cukup lengkap ia punya penerbangan di sini, bahkan setiap *aircraft* itu, ada 6 buah *aircraft* yang semuanya sudah berjalan sebanyak 1,091 jam perjalanan di antara yang *total* jumlah yang 4 *aircraft* itu dibuat. Jadi maknanya, tuduhan mengatakan tidak beroperasi itu adalah tidak tepat dan tidak betul.

Sebenarnya *pilot* ini diberi latihan oleh pihak pembekal kapal terbang ini tetapi tidak mencukupi oleh kerana kita tidak *take into account* soalan *co-pilot* itu. Akan tetapi pada masa sekarang, *pilot-pilot* ini belum lagi boleh menjadi pelatih, belum mendapat sijil daripada pihak DCA untuk melatih orang lain. Jadi, itulah kita menunggu sijil daripada DCA untuk membolehkan *pilot* yang telah dilatih oleh pembekal kapal terbang ini nanti untuk melatih yang lain untuk menjadi *co-pilot*. Jadi dalam keadaan sedemikian, itu secara ringkas jawapan yang saya beri. Jawapan yang panjang itu akan boleh diberi secara bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini Yang Berhormat Permatang Pauh Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tidak. Saya hendak ulas sedikit tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksud Menteri, pembekal cuma melatih *pilot*, tidak *co-pilot*. Adakah itu maksudnya atau pun selalunya pembekal akan melatih sekumpulan *pilot* untuk kendalikan pesawat ini? Jadi, adakah maksud Menteri tadi mereka cuma latih *pilot* sahaja, *co-pilot* perlu tunggu *turn* lain. *[Disampuk]* Menterilah jawab, Yang Berhormat Bintulu tidak perlu jawab. Saya tanya Menteri. *[Disampuk]* Mana boleh, Menterilah jawab. Dia suka menyampuk.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya Yang Berhormat, diberi peluang latihan hanya kepada 6... [Bercakap tanpa menggunakan pemberesar suara]

**Beberapa Ahli:** *Mike.*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Suara saya tidak perlu *mic* pun dengar Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Macam suara Yang Berhormat Bintulu.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya bekas pelatih *drill instructor* Yang Berhormat, boleh nyaring suara. Jadi, sebenarnya apabila pembekal membekalkan *aircraft* ini, dia memberi latihan kepada 6 orang. Sama ada menjadi *pilot* atau pun *co-pilot* itu atas budi bicara kita. Ini kerana pembekalan kapal ini datang dengan secara *staggered*. Dengan harapan, *pilot* yang 6 orang ini bila balik, dia melatihkan *co-pilot*. Akan tetapi malang sekali, kita terlambat sedikit mendapat sijil daripada DCA untuk *pilot-pilot* ini. Ini kerana mereka dilatih di Amerika, bukan dilatih di sini. Jadi, DCA sebelum memberi sijil, dia juga perlu memastikan yang *pilot* ini telah sampai ke satu tahap boleh menjadi pelatih mengikut *international standard* Yang Berhormat. Jadi, itulah sedikit...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Bukan salah siapa, bukan salah kita, bukan juga salah pembekal-pembekal ini. Jadi, itu sahaja yang boleh saya jawab Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Stampin bangun.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, sekejap sahaja 1 minit. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jangan 1 minit, 30 second Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta pengesahan daripada Menteri. Kalau tidak salah saya, kalau *pilot* itu dia mendapat CPL atau *commercial pilot license*, dengan adanya *pilot* yang kita sudah ada yang boleh pandu kapal terbang King itu, mereka boleh membuat *type rating* bagi *pilot* yang mempunyai CPL, boleh buat *transition*. Selepas itu dia boleh pandu King Air. Jadi, dia tidak perlu lesen melatih. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu Yang Berhormat kata, DCA kata lain. Saya juga pernah pandu kapal terbang Yang Berhormat. *My son-in-law is a pilot.*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Type rating.*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, saya ini pandai semualah. Yang Berhormat dari Taiping ada bertanya soalan pengagihan peruntukan. Ini juga akan saya jawab secara bertulis kerana jawapannya semua ada di sini. Kita hendak cepat habis, sampai 10.30 malam Yang Berhormat, *insya-Allah* saya akan habiskan.

Ini yang Sibu ini tidak boleh kerana Yang Berhormat itu menunggu hendak bertanya ini. Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Sibu memohon penjelasan berkenaan pendirian pihak KDN terhadap kenyataan OCPD di Sibu mengenai tidak wujud kumpulan kongsi gelap di Sibu. Yang Berhormat Sibu ada? Ada di sana. Yang Berhormat, sebenarnya apa yang berlaku ialah Yang Berhormat mengetahui sebelum pengisytiharan dibuat oleh pihak KDN berhubung dengan kumpulan 49 kongsi gelap seluruh negara yang menentukan ada 5 kongsi gelap di Sibu.

Akan tetapi selepas pengisytiharan itu, kongsi gelap di Sibu itu berpecah-belah. Akhirnya, menjadi *splinter group*. Jadi, OCPD itu bercakap semasa selepas pengisytiharan itu. Itulah OCPD berkata bahawa kumpulan ini sudah berpecah-belah dan tidak ada lagi. Ini penjelasan yang diberi kita berhubung dengan apa yang disebut oleh OCPD itu. Pengisytiharan dibuat adalah pada 29 hari bulan dan selepas itu OCPD sebut tidak sampai 2 minggu selepas itu, pada 12 hari bulan. Jadi, itulah sebabnya ada perbezaan daripada pendapat Yang Berhormat dan maklumat Yang Berhormat ada, dengan apa yang OCPD itu sebut. Sebenarnya mereka itu masih membuat aktiviti-aktiviti sebagaimana yang mereka buat dahulu tetapi tidak sebagai satu *grouping* lagi. Jadi, itu sahaja penjelasan saya berhubung dengan OCPD Sibu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu dan Yang Berhormat Bintulu bangun.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh tambah sedikitkah?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Boleh Yang Berhormat. Jangan panjang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu. Sibu sini.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat. Yang Berhormat Sibu dahulu. Saya beri peluang dengan Yang Berhormat Bintulu ini. Jangan berucap Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya. Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan cakap 'kamu' Yang Berhormat ya?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Ketawa]* Menteri, saya rasa jawapan ini amat tidak boleh diterima. Bagaimana polis tahu kongsi gelap itu sudah pecah? Saya nampak kegiatan mereka masih dijalankan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini kerana perbahasan dalam Parlimen Yang Berhormat, saya memberi penjelasan bagi pihak kementerian. Jika Yang Berhormat tidak setuju apa jawapan saya, itu fasal Yang Berhormat. Ini dalam Dewan, *with ... model of Parliamentary debate* Yang Berhormat, saya pakar. Sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bersetujukah atau tidak, saya rasa rakyat di Sibu, mereka tidak berpuas hati mengenai OCPD di Sibu soal ada atau tidak ada kongsi gelap. Walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada jelaskan, bila operasi sudah pecah belah. Akan tetapi untuk pandangan daripada rakyat kata ini kongsi gelapkah atau

*hooligan*, ini jadi huru-hara di masyarakat kita. Mereka pergi aninya orang, buat susah orang. Kalau orang usik sedikit, malam dia kasi *gasoline bomb*. Ada berlaku. Baru-baru ini saya rasa lebih kurang ada orang terbakar rumah, lagi sedikit sekeluarga semua hangus.

Nasib masa sempat, kalau tidak sudah jalan satu keluarga. Inilah maksudnya rakyat tempatan itu tidak berpuas hari. Dia kata mengapa kenapa OCPD selalu hendak celas sini. Hendak celas bagaimana hendak dihapuskan *hooligan* atau kongsi gelap ini, diselesaikan. Bagaimana cara? Rakyat di Sibu mahu dengar ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta tolong bantu terutama sekali rakyat hendak buat rayuan, minta Menteri di Kementerian Dalam Negeri termasuklah Timbalan Menteri Dalam Negeri bantu *transfer* atau *cold storage*kan OCPD ini. Carilah satu sesiapa yang layak duduk di Sibu, jaga keselamatan untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Duduk Yang Berhormat. Saya jawab Yang Berhormat Bintulu dahulu. Pertama Yang Berhormat, kita melihat masalah yang kita hadapi berhubung dengan kuasa polis dahulu. Jadi akhirnya, kita bawa undang-undang ke Dewan ini.

#### ■2210

Terima kasih kepada semua Ahli Parlimen di Dewan yang setuju, tidak setuju pun tidak apa, undang-undang itu diluluskan juga. *Insya-Allah* undang-undang itu akan kita laksanakan. Selepas undang-undang ini dilaksanakan Yang Berhormat, kita janji, tindakan akan diambil dengan tegas Yang Berhormat. Tidak kisah yang di Sibu, di mana-mana pun kita akan ambil tindakan yang tegas. Itu pertama.

Kedua Yang Berhormat, sebenarnya semasa Yang Berhormat berbincang pada saya pada sesi yang lepas, saya telah berbincang dengan kepimpinan pihak polis untuk membuat percaturan semula, penukaran semula pegawai-pegawai di seluruh negeri Sarawak Yang Berhormat dan termasuk di Sibu. Jadi, ini dalam tindakan saya dan saya meminta pegawai pihak pengurusan memberi saya senarai pegawai yang patut dipindah ke satu-satu tempat di seluruh negeri Sarawak...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat, di bawah perlombongan bahawa kuasa untuk memindah pegawai-pegawai polis ini letaknya di tangan pihak Suruhanjaya Polis. Suruhanjaya Polis ini telah memberi delegasi kepada IGP. *Insya-Allah*, kita akan laksanakan Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya haraplah Yang Berhormat dapat membantu rakyat di Sarawak terutamanya di Kuching.

Saya daripada Kuching. Saya percaya bahawa golongan samseng-samseng ini masih berleluasa di Kuching terutamanya bila kita boleh nampak terdapat banyak *reflexology centre* di

Kuching sehingga mereka terlampau berani. Saya dapat rayuan daripada rakyat minta wakil rakyat seperti kita untuk merayu kepada Yang Berhormat meminta supaya tindakan yang secepat mungkin boleh dibuat. Sehingga *reflexology centre* ini, mereka berani keluarkan iklan-iklan hendak minta lebih kurang RM200 hingga RM600 pekerja daripada China. Sehingga saya pun dapat *WeChat*, mereka berniaga di *WeChat* satu kali RM200. Bukan sahaja di Kuching, di Bintulu juga saya difahamkan. Di Bintulu ada *reflexology centre* yang besar-besar. Saya telah dapat banyak aduan daripada rakyat. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh mengambil berat isu ini. Kalau tidak saya takutlah Bandar Kuching akan menjadi satu *sex city*. Kalau Yang Berhormat boleh nampak bila pergi ke Kuching, banyak sangat *reflexology centre* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kita ambil perhatian Yang Berhormat kerana tidak ada dalam perbahasan awal. Mengikut peraturan Dewan, benda yang tidak dibangkit, jangan dibangkit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu bekas Timbalan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Bukan sahaja itu Yang Berhormat, saya baca *Hansard* daripada tahun 1959. Saya baca *Erskine May 23, 24* siri Yang Berhormat sampai habis. Menulis buku peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibuti bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sibuti.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat daripada Limbang.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sibuti dahulu, Sibuti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibuti. Ya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan dan jawapan Menteri, ada dikatakan bahawa satu kumpulan kongsi gelap itu dinamakan Sibuti. Jadi saya pun takut mendengar perkataan Sibuti ini adalah kongsi gelap. Jadi saya hendak pastikan adakah ejaan dia sama Sibuti ini ataupun Sibuti itu lain ejaan dia.

Saya minta juga kongsi gelap ini Yang Berhormat Menteri, kita dengar banyak yang kena tangkap. Dia punya samurai, parang panjang, kapak dan senjata ini banyak ditangkap dan ditahan oleh pihak berkuasa polis. Bagaimanakah kita hendak tahu bahawa senjata-senjata ini ada dilupuskan ataupun di manakah senjata ini dibuang atau disimpan senjata-senjata seperti ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Soalan yang pertama Yang Berhormat ya. Soalan yang pertama bukan Sibuti tetapi '*Sibu Ti*' Yang Berhormat. Bukan Sibuti macam kawasan Yang Berhormat itu. Nama kongsi gelap ini ialah '*Sibu Ti*'. Kalau orang tahu cakap Cina, fahamlah itu. Apa makna itu Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** '*Sibu Ti*'- cakap dia mestilah ada berhenti sekejap, '*Sibu Ti*'- bukan Sibuti. Jadi yang kedua Yang Berhormat, sebenarnya kita telah membuat

banyak serbuan dan banyak tangkapan dan penyitaan dan pengambilan senjata-senjata seperti pedang dan parang Yang Berhormat sebut itu termasuklah samurai dan sebagainya. Akan tetapi operasi ini akan berterusan sebagaimana kita jalankan Operasi Cantas juga akan diteruskan hingga kita boleh- kalau tidak hapus pun Yang Berhormat, kita akan cuba melenyapkan aktiviti-aktiviti yang kurang menyenangkan ini. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya tidak tahu jawapan saya bahas hari itu ada termasuk isu Sibu mengenai mesin kuda. Saya tidak tahu sudah habis jawab kah atau belum? Akan tetapi tidak apa, saya kalau boleh beri peluang saya tanya terus mengenai mesin kuda ini. Saya boleh meminta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mesin kuda ini cukup sensitif dan rakyat marah. Aktiviti-aktiviti haram ini tidak boleh diselesaikan.

Tadi saya ada menerima lima atau enam SMS daripada rakyat Sibu termasuk satu atau dua daripada kawasan lain. Dia kata, "*Ada nampak hari ini terutama sekali mesin kuda di Sibu mula tutup semua termasuklah di Bintulu pun ada*". Termasuk, tutup juga tetapi bila kita bahas, esok lusa dia buka lagi. Rakyat tanya, macam mana Kementerian Dalam Negeri sama ada Menteri atau Timbalan Menteri boleh bagi jaminan, boleh ada satu rancangan khas atau pun operasi khas menghapuskan mesin kuda ini di seluruh kawasan Sarawak? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Secara...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu di sini Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin juga.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini kuda jugakah?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, kuda juga.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Kuda.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Mesin kuda. Biarkan saya cakap sedikit. Yang Berhormat Menteri, nampaknya Menteri begitu berkeyakinan. Jadi saya haraplah mesin kuda ini boleh diselesaikan dengan secepat mungkin dan selama-lamanya kali ini. Jangan tutup hari ini, buka lagi esok. Macam kongsi gelap, Yang Berhormat Menteri cakap sudah pecah, nanti habiskan persidangan Parlimen ini dia buka lagi kongsi gelap. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Menteri cubalah sedaya upaya menghapuskan mesin kuda ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Dari Kuching boleh Tuan Yang di-Pertua? Kuda juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sama juga seperti Yang Berhormat dari Sibu dan Bintulu. Di Kuching juga kita dapat mesin kuda. Bukan sahaja mesin juga tetapi *illegal gambling* yang begitu berleluasa sehingga kita takut ia akan mempengaruhi pelajar-pelajar kita. Sudah banyak kali saya dapat rayuan daripada rakyat dari Kuching. Mereka telah pun membuat laporan polis tetapi mereka hairan kenapa tidak ada tindakan dibuat? Begitu juga ia ada *linkage* dengan pelacuran-pelacuran. Ini rayuan daripada rakyat. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membuat sesuatu dengan cepat dan berkesan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya banyak berbincang dengan pihak polis berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat. Mesin kuda, *illegal gambling* dan juga rumah-rumah urut ini Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang berlaku, tiap-tiap kali polis membuat serbuan, membuat tangkapan, mengambil segala komputer, mesin, apa sahaja benda di dalam rumah-rumah itu diambil dan disita, dijual dan dilelong.

■2220

Akan tetapi, malangnya yang kita tangkap ialah operator, pekerja-pekerja macam orang suruhan sahaja, tetapi bos dekat belakang itu yang ini tidak hendak bagi langsung. Tidak hendak bekerjasama dengan pihak polis. Polis tahu tetapi bukti yang nyata tidak ada. Inilah kenapa undang-undang yang kita lulus di Dewan ini menjadi amat penting kepada polis Yang Berhormat.

Secara seriusnya, *insya-Allah* kalau undang-undang ini sudah diluluskan oleh dua Dewan dan ditandatangi oleh Yang di-Pertuan Agong dan digazetkan Yang Berhormat, kita akan laksanakan ini untuk menangkap pihak-pihak *bosses* yang di atas itu supaya kita tidak hari ini kita serbu, hari ini kita tutup, dua, tiga minggu dia buka tempat lain sedikit. Ubah tempat lain. Dia buka sentiasa. Jadi, tidak ada halangan-halangan langsung yang kita boleh buat. Dia tidak kisah sebab ada lagi orang yang mahu bekerja dengan mereka, dengan gaji yang cukup lumayan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, ini tidak ada dibangkit dalam ini cerita ini Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Bagi cadangan boleh tidak? Cadangan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebut cadangan itu lain cerita Yang Berhormat. Sini penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, pada peringkat ini penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Bukit Mertajam tidak ada sini. Yang Berhormat Bukit Mertajam bertanya soalan jumlah anggota cawangan khas PDRM. Ini juga tidak perlu dijawab. Jawab bertulis. Yang Berhormat daripada Lawas, Yang Berhormat Lawas juga tidak sampai. Tewas Yang Berhormat Lawas. Yang Berhormat Batu Kawan pun tidak ada. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Oleh sebab sudah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua tadi, 10.30 mesti habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua hal ehwal imigresen – Yang Berhormat Pasir Gudang pun tidak ada. Saya buat *homework* besar panjang, Yang Berhormat Pasir Gudang tidak datang. Malang sekali kena jawab bertulis juga.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri, tadi ada sebut Limbang. Limbang ada sini.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Limbang ada. Yang Berhormat Limbang tunggu, saya suruh dia tunggu. Yang Berhormat Limbang pula meminta

kerajaan mengkaji mengenai kemudahan pasport yang diberi dalam memudahkan cara pergerakan rakyat Malaysia antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Suka saya memaklumkan di sini bahawa kemudahan pasport dan aktiviti keluar masuk antara Sabah dan Sarawak, Semenanjung Malaysia adalah termaktub di bawah Perkara 161(E) Perlembagaan Persekutuan dan Peruntukan-Peruntukan Khas Bagi Malaysia Timur Bahagian VII Akta Imigresen 1959/63. Bahagian ini memperuntukkan kuasa-kuasa khas kepada pihak berkuasa negeri dan dalam erti lain Ketua Menteri bagi negeri dimaksudkan dalam apa tujuan berkaitan dengan negeri Malaysia Timur.

Di antara kemudahan imigresen yang diberi kepada warganegara Malaysia untuk memasuki Sarawak semasa ketibaan di pintu-pintu masuk adalah pengeluaran kad 1MM114 selain daripada penggunaan pasport. Sebelum ini, kad 1MM114 perlu diisi secara manual oleh pelawat tetapi kini ianya boleh dicetak komputer dengan hanya mengemukakan MyKad atau surat beranak, MyKid bagi pelawat yang berusia di bawah 12 tahun. Manakala bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di Sarawak contohnya seperti guru dan polis, mereka akan keluar dengan satu *endorsement* di bawah seksyen 66(1)(d) dan 66(2) Akta Imigresen 1959/63.

Ini membolehkan berserta ahli-ahli keluarga berada di Sarawak tanpa satu permit ataupun pas selama mereka berkhidmat di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat yang menanyakan soalan pintu-pintu masuk utama utara Sarawak seperti Sungai Tujuh di Miri, Tudungan dan Pandaruan di Limbang serta Mengkalap dan Merapok di Lawas yang bersempadan Sindumin di Sabah setelah dibangunkan dengan kemudahan prasarana sistem komputer yang lebih baik bagi memberi kemudahan-kemudahan imigresen yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Simpang Renggam, tiada? Ada Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Simpang Renggam mencadangkan agar kerajaan memudahkan proses pengambilan pekerja asing di sektor pertanian dan kuasa untuk mempertimbangkan kelulusan pekerja asing diberi kepada KDN sahaja berdasarkan pemantauan bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Sumber Manusia. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Pusat Kelulusan Setempat, *One Stop Centre* (OAC) telah wujud pada 1 Ogos 2005 untuk menguruskan permohonan pengambilan pekerja asing. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing ke-33, Bilangan 2, 2005 pada 5 Julai 2005 supaya diwujudkan OAC di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang kini dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri.

KDN telah dilantik sebagai urus setia untuk memproses permohonan majikan yang lengkap dan layak mengambil pekerja asing dan meluluskan permohonan pada hari yang sama. Selari dengan penubuhan OAC ini juga, agensi kawal selia bagi semua sektor yang berkenaan telah mendapat secara sepenuhnya masa di OAC sebagai ahli panel Jawatankuasa OAC. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPAPATI) kali ke-10, Bilangan 1, 2013 pada 1 Julai 2013 pula telah bersetuju supaya semua kelulusan pekerja asing hanya dibuat di OAC KDN sahaja dan semua agensi kawal selia juga akan

mendapatkan pegawai masing-masing sepenuh masa di OAC. Jadi, Yang Berhormat apa Yang Berhormat kata itu adalah sedikit bertentangan dengan keputusan Kabinet.

Akan tetapi, walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya meminta Yang Berhormat mencadangkanlah kepada semua agensi supaya tiap-tiap hari mesti datang ke OAC ini. Jangan ada hari tidak datang, ada hari datang Yang Berhormat. Oleh sebab kalau hari tidak datang itu, ada lima enam permohonan tidak dibuat, esok hari jadi tertunggak. Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan ini timbul ekoran daripada dialog yang saya ada bersama dengan Persatuan Pekebun Sayur-Sayuran. Ini kerana mereka mengadukan bahawa masa yang diambil oleh OAC ini terlalu panjang sehingga sampai kadang sehingga lapan ke sembilan bulan. Jadi, saya pohon dan juga saya hendak bertanya adakah satu KPI yang ada dalam OAC ini dalam tempoh berapa lama harus kelulusan diberikan kepada pemohon? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya telah melawat pusat OAC ini. Saya secara peribadi berbincang soalan ini. Oleh kerana saya juga mengetahui bahawa masa *harvesting period* tiap-tiap barang *perishable, vegetable* buahkah pada satu-satu ketika yang tertentu, kita akan berkehendakkan pekerja pada ketika itu juga dan pada masa itu juga supaya buah ini tidak terlalu masak, rosak dan sebagainya. Jadi, ia mesti di *harvest* pada ketika-ketika yang tertentu. Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya setelah berbincang dengan pegawai saya dan juga pegawai wakil daripada pertanian supaya pada ketika itu mereka mesti membuatkan satu persediaan yang khusus dan kelulusan boleh dipercepatkan untuk dikeluarkan. Jadi, Yang Berhormat kita sudah ambil tindakan Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Yang Berhormat Kulai ada tidak? Yang Berhormat Kulai tidak ada, jawab bertulis. Yang Berhormat Kubang Pasu? Tidak ada jawab bertulis juga terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Yang Berhormat Kubang Pasu ada ini.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Mana Yang Berhormat Kubang Pasu?

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Hai...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Minta maaf, Yang Berhormat Kubang Pasu tidak nampak. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Nanti saya, panjang Yang Berhormat. Yang Berhormat ada satu minit Yang Berhormat. Ada 15 minit boleh bagi? Ha, boleh. Terima kasih.

Yang Berhormat Kubang Pasu mencadangkan supaya kerajaan mengekalkan geran Yang Berhormat ya, geran RM10 juta setiap tahun yang diperuntukkan kepada PEMADAM untuk menyelaras 162 Pusat Pemulihan Dadah di seluruh Malaysia dan permohonan supaya KDN menyegerakan penggubalan akta bagi mencegah penagih daun ketum dan hidu gam.

■2230

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, NGO merupakan rakan pintar dalam membantu pihak kerajaan menangani permasalahan dadah. Bagi menggerakkan peranan mereka pihak kerajaan telah menyalurkan bantuan geran mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan

negara. Sebagai contoh pada tahun 2011 kerajaan telah menyalurkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Bantuan geran berjumlah RM5 juta untuk diagih kepada semua Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) berdaftar dengan AADK dan badan bukan kerajaan (NGO) yang bergerak aktif menjalankan program pencegahan rawatan dan pemulihian seperti PEMADAM, PENGASIH, Pendamai, DIC Pahang, Yayasan Salam, Persatuan Payung dan sebagainya.

Melalui peruntukan geran sebanyak RM5 juta yang diberikan pada tahun 2011 yang lalu sebanyak 45 buah PPDP dan lima buah NGO telah diberi sumbangan untuk memulihkan PPDP dan NGO berkenaan memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihian kepada penagih dadah. Berkaitan dengan penggubalan akta bagi mencegah...

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri saya pun hairanlah Yang Berhormat kata RM5 juta diluluskan itu tetapi kepada PEMADAM satu sen pun tidak bagi tahun 2011, tahun 2012. Saya dapat peruntukan khas. Saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja. Jadi saya nampak macam PEMADAM ini dianak tiri oleh AADK. Jadi saya rasa baru-baru ini pun masa Perhimpunan Agung PEMADAM pun banyak keluhan daripada perwakilan yang datang daripada seluruh Malaysia. Jadi kita nampak ini adalah benda yang tidak betullah, so kita harap ambil tindakanlah fasal itu.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Baik Yang Berhormat. Ini tahun 2013 Yang Berhormat jadi *insya-Allah*.

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Daripada tahun 2011, tahun 2012 tidak ada.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini yang tahun 2013.

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Tahun 2011, tahun 2012 tidak ada.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pada tahun ini saya dimaklumkan tidak ada dalam peruntukan Dewan. Jadi...

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Tidak ada juga? Jadi dadah ini penting.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat walau bagaimanapun Menteri masih berbincang dan saya juga dimaklumkan bahawa ada pihak individu di luar sana. Saya ingat Yayasan Bukhari kalau tidak salah saya telah menyalurkan sebanyak RM5 juta walaupun sumbangan ini belum lagi disalur keluar kerana proses pengeluaran itu. Siapa hendak pegang, siapa yang buat kuasa dan siapa yang memegang jadi badan amanah kepada sumber kewangan yang di salur oleh pihak ini sebelum dia di salur kepada badan PEMADAM dan sebagainya. Akan tetapi kita tunggulah sekejap Yang Berhormat kerana tidak ada sumbangan daripada kerajaan pada tahun ini nampaknya.

Jadi saya berharap Yang Berhormat gunakan sedikit inisiatif kalau boleh minta bantu pihak-pihak dekat luar sana. Mungkin ada yang baik hati minta bantulah Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat ini banyak *contact* ini boleh membantu.

Jadi fasal perhubungan dengan perkara ketum ini Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri juga mengetahui bahawa dia di bawah perundangan farmasi dan di bawah Kementerian Kesihatan. Saya secara rambang sudah berbincang sedikit dengan Menteri Kesihatan tetapi proses untuk meminda undang-undang Yang Berhormat masih kita fikirkan. Bahkan saya sudah berbincang dengan Penasihat Undang-undang Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan pindaan pada undang-undang berhubung dengan hidu gam.

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Yang Berhormat saya hendak mcelah sedikit sahaja. Berkennaan dengan daun ketum. Saya ingat Yang Berhormat boleh buat lawatan ke Kedah tengok kesan dia. Fasal apa dia dijual di merata-rata tempat, di kedai-kedai, di warung-warung. Ketagihan ini kepada anak-anak sekolah. Budak sekolah kalau tidak kena air ketum dia tidak boleh pergi ke sekolah. Ada sekolah-sekolah menghadapi masalah apabila tandas sumbat kerana, bukan tandas wanita tetapi tandas lelaki. Oleh sebab tandas tersumbat kerana ada hasil daripada pelajar-pelajar buang plastik ketum dalam tandas.

Jadi banyak masalah soal air ketum ini amat serius sekali. Saya harap Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan buat satu tinjauan yang betul-betul. Setakat ini saya tunggu tiap-tiap minggu boleh katakan saya balik ke kawasan saya di Kubang Pasu belum ada tindakan oleh mana-mana agensi walaupun benda ini amat serius. Saya nampak macam tidak ambil beratlah. Saya harap Yang Berhormat buatlah sesuatu.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebenarnya baru balik dari Singapura Yang Berhormat hari Sabtu, Ahad dan Isnin saya di Singapura. Saya berbincang dengan pihak agensi Singapura berhubung dengan hidu gam ini. Di Singapura mereka mempunyai satu undang-undang jadi saya telah meminta undang-undang daripada Singapura itu mungkin kita akan lihat bagaimana untuk mengubah suai undang-undang itu untuk kegunaan kita di sini. Ini sebab dia bukan bercorak punitif tetapi bercorak kawalan. Jadi mungkin boleh diguna pakai. Berhubung dengan daun ketum *insya-Allah* Yang Berhormat. Tunggu Parlimen habis bersidang saya akan pergi tempat Yang Berhormat. Kita pergi sama tengok Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya berpindah kepada kerana masa Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang tidak ada. Yang Berhormat Jelebu tidak ada jawab bertulis. Jadi Tuan Yang di-Pertua setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan. Mengenai isu-isu yang telah dibangkit sepanjang tempoh panjang juga pembacaan ini perbahasan saya berharap daripada penjelasan tersebut ia telah dapat menjawab sedikit sebanyak soalan kepada Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan ini. Kepada yang tidak hadir dalam Dewan ini kita akan jawab secara bertulis kerana semua jawapan yang ada pada tangan pada malam ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan, bangkitkan cadangan kepada Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh saya, saya akan beri jawab secara bertulis.

Bersyukurlah kita semua kerana negara ini bebas dari kekacauan dan terus dilimpahi dengan keamanan. Sesungguhnya terdapat sejumlah negara yang mereka lebih awal daripada kita tetapi terjerumus dalam kancang perperangan, kekacauan, kemusnahan hingga ke hari ini. Marilah kita bersama-sama memastikan keadaan ini kekal atau menjadi lebih baik lagi di masa hadapan. Hanya dengan keamanan dalam negara, keselamatan dalam negara yang terjamin sahaja rakyat dapat hidup dan bekerja dengan tenang serta ekonomi dapat berkembang dengan pesat. [Tepuk]

Hanya dalam keadaan aman, selamat dan stabil serta dengan semangat 1Malaysia sahajalah kita semua rakyat Malaysia dapat memastikan negara ini menjadi sebuah negara maju, pendapatan tinggi menjelang 2020. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua terima kasih, Yang Berhormat sekalian, terima kasih. Selamat malam. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi hari Rabu, 13 November 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.37 malam]*